PERKEMBANGAN DAN PERANAN PERSATUAN AGAMA BUDDHA AMITABHA MALAYSIA, 1993 - 2014

POEY TIANG PEOW

TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI

KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

2017

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: **POEY TIANG PEOW** (No. K.P/Pasport: [redacted]

Matrik: **AHA100003**

Nama Ijazah: **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

PERKEMBANGAN DAN PERANAN PERSATUAN PENGANUT AGAMA BUDDHA AMITABHA MALAYSIA, 1993-2014

Bidang Penyelidikan: **AGAMA CINA**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

(1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;

(2) Hasil Kerja ini adalah asli;

(3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;

(4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;

(5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM.

(6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi Tarikh:

Nama:

ABSTRAK

Tesis ini mengkaji tentang perkembangan dan peranan Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia (PABAM) yang terletak di Malaysia. Tinjauan ke atas peranan pentadbiran dan pengurusan yang dijalankan oleh PABAM merangkumi empat aspek utama iaitu pendidikan, kebudayaan, kebajikan dan kultivasi yang dijadikan fokus dalam kajian ini. Analisis ini bertujuan melihat trend perkembangan dan peranan PABAM dalam menyebarluas pendidikan agama Buddha di Malaysia. Tesis ini juga meliputi perbincangan tentang matlamat persatuan PABAM ke arah mencapai model Chin Kung berdasarkan Empat Misi Sucinya yang meliputi (1) memulihkan agama Buddha sebagai pendidikan Buddha tradisi, (2) mendorong dan mengembangkan penggunaan Bahasa Cina Klasik, (3) meluaskan konsep dan semangat kekeluargaan yang terkandung dalam tradisi kebudayaan orang Cina, dan (4) mempromosikan pendidikan multi agama dan budaya. Ia dikatakan dapat menyelesaikan konflik dunia dan mengekalkan keamanan sedunia. Objektif tesis adalah bertujuan meninjau sejauh manakah perkembangan dan peranan PABAM di Malaysia dan sebab-sebab utama PABAM mengaplikasikan model Chin Kung kepada para penganut dan masyarakat tempatan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif merangkumi kaedah perpustakaan, pemerhatian dan temu bual. Manakala, kaedah kuantitatif pula dijalankan melalui kajian soal selidik dalam kalangan penganut-penganut PABAM. Tesis ini menggunakan Teori Fungsionalisme Struktural baru, iaitu model AGIL yang mempunyai empat faktor utama, terdiri daripada A: *Adaptation*, G: *Goal Attainment*, I: *Integration,* dan L: *Latency.* Hasil kajian dapat menggambarkan maklumat bagaimana dan mengapa PABAM melaksanakan dan mengaplikasikan model Chin Kung dalam proses perkembangan dan peranan agama Buddha di Malaysia. Salah satu aktiviti utama yang menandakan fokus PABAM dalam menangani isu kemanusiaan melalui keagamaan adalah penubuhan sekolah Dizigui di Filipina kepada kanak-kanak yang kurang bernasib baik dan usaha PABAM ke arah dasar pendidikan percuma dalam institusi berkenaan. Penubuhan institusi ini menunjukkan fokus yang diberikan oleh PABAM ke arah kebaikan melalui keagamaan dapat melangkaui sempadan geografi. Pengkaji mendapati bahawa melalui hubungan lanjutan PABAM dengan masyarakat antarabangsa, ianya dapat menyumbang dalam usaha menghadapi krisis kemanusiaan dan isu-isu global bersama-sama dengan kuasa-kuasa pertubuhan antarabangsa seperti Majlis Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu Hak Asasi Manusia. Melalui pendedahan antarabangsa, ianya turut menyumbang kepada identiti PABAM sebagai pertubuhan agama yang lebih diiktiraf di kalangan masyarakat Cina di Malaysia.

ABSTRACT

This thesis is a study on the development and role of the Amitabha Buddhist Society Malaysia (PABAM) which is located in Malaysia. The survey on the influence of the administration and management of various activities carried out by PABAM which are comprised of education, culture, welfare, and cultivation serves as the focus of this study. This analysis aims to look at the developmental trends and role of PABAM in promoting Buddhist education in Malaysia. This thesis also discusses the society's goal towards achieving the Model of Chin Kung's Four Holy Aims which comprise of (1) to restore Buddhism through traditional Buddhism education, (2) to encourage and develop the use of Classical Chinese language widely, (3) to expand the concept and the spirit of family tiesset out in the cultural tradition of the Chinese, and (4) to promote multi-religious and cultural education. This could transform and resolve global conflicts and maintain global security. The objective of this thesis is aimed at reviewing the extent of the development and role of PABAM in Malaysia and the main reasons of PABAM's application of the model of Chin Kung's Four Holy Aims to particularly benefit the believers and the local community. The research method of this thesis used both qualitative and quantitative methods. Qualitative methods include library research methods, observation and interview sessions; whilst quantitative methods were carried out through questionnaire surveys among the devotees of PABAM. This thesis uses the new Structural Functionalism Theory, the AGIL model which consists of four main factors, namely A: *Adaptation*, G: *Goal Attainment*, I: *Integration*, and L: *Latency*. The results of this study reflected PABAM's information on how to implement and apply the Chin Kung model in the process of development and role of Buddhism in Malaysia and the main reasons of PABAM in applying the model. One of the major activities that marked the focus of PABAM in serving humanity through religion is its establishment of Dizigui School in the Philippines for the less fortunate and striving towards a policy of free education in the institution. The establishment of the institution shows the concern of PABAM that has transcended geographical boundaries. The researcher is of the view that with PABAM's extended relations with the international community, it may be able to contribute in efforts of facing human crisis and global issues along with forces of international organizations such as the United Nations Human Rights Council. Through the international exposure, it is believed that it can further contributed to PABAM's identity as a much more recognized religious organization among the Chinese community in Malaysia.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan kesyukuran kepada Tuhan Yang Maha Esa atas limpah kurnia dan keyakinan daripadanya kerana telah membolehkan saya menyempurnakan tesis penyelidikan ini dengan penuh kesungguhan. Segala pencapaian yang baik adalah datang daripadanya. Seterusnya restu daripada Buddha Shakyamuni dan Buddha Amitabha adalah amat dihargai dan dihormati dalam sanubari saya.

Pertamanya, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya, Y.Bhg Pensyarah Kanan Dr. Ching Thing Ho, Jabatan Pengajian Tionghua, Universiti Malaya kerana tanpa panduan, bimbingan dan tunjuk ajar daripada beliau, sudah pasti tesis penyelidikan ini tidak dapat dijayakan.

Seterusnya, saya hendak merakamkan terima kasih kepada semua pensyarah Jabatan Pengajian Tionghua, Universiti Malaya yang membimbing saya sejak Ijazah Sarjana Muda sehingga kini. Tidak terlupa dengan Dr. Mohd Ikbal Bin Mohd Huda yang turut memberi nasihat dan pandangan serta Cik Iffa, Cik Lina di samping para pustakawan daripada Perpustakaan Universiti Malaya yang telah menyediakan pelbagai kemudahan dalam menjayakan tesis penyelidikan ini.

Selain itu, saya dengan hati yang ikhlas mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa saya iaitu Encik Poey Ah Soon @Poey Ah Bah dan Puan Teoh Poh Gaik yang sentiasa memberi restu dan kasih sayang yang menjadi asas kepada segala pencapaian dan kejayaan saya dalam hayat hidup saya. Di sini, saya dengan hati yang terharu ingin menghargai sumbangan isteri saya Puan Chan Poh Yee kerana dia telah memberi kasih sayang, galakkan dan perangsang di samping sokongan moral yang sepenuhnya kepada saya dalam menyiapkan tesis penyelidikan ini.

Akhirnya, saya juga menyampaikan penghargaan saya kepada adik beradik saya iaitu Puan Poey Tiang Huang, Encik Poey Tiang Chye, Encik Poey Tiang Huat, Puan Poey Tiang Heok, dan rakan-rakan saya atas sokongan moral mereka. Saya juga merakamkan penghargaan kepada Y. Bhg. Prof. Madya Datin Dr. Engku Haliza Binti Engku Ibrahim, selaku Dean kepada Pusat Bahasa dan Pembangunan Akademik Pra-Universiti, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang telah memberi sokongan moral, momentum dan galakkan kepada saya dalam menjalankan dan menyempurnakan tesis penyelidikan ini.

KANDUNGAN Halaman

Perakuan Keaslian Penulisan ii
Abstrak iii
Abstract iv
Penghargaan v
Kandungan vi
Senarai Rajah ix
Senarai Jadual x
Senarai Lampiran xiii

BAB 1
Pengenalan……..... 1
1.1: Pendahuluan 1
1.2: Objektif Kajian 30
1.3: Skop Kajian 31
1.4: Kepentingan Kajian 34
1.5: Permasalahan Kajian 35
1.6: Ulasan Karya 36
1.7: Kerangka Teori 52
1.8: Kaedah Penyelidikan 62
1.9:Pembahagian Bab Penulisan 65

BAB 2
Penyebaran Dan Perkembangan Agama Buddha Amitabha Di Malaysia …… 69
2.1:Pendahuluan…….…… 69

2.2: Sejarah Penyebaran Awal Dan Empat Peringkat Perkembangan
Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia 73
2.2.1: PeringkatPersediaanDalamPenubuhan (1993-1995) 73
2.2.2: PeringkatPermulaanOperasiSelepasPenubuhan (1996-1999) ……... 75
2.2.3: PeringkatPerkembangan (2000-2009) ……...……. ..76
2.2.4:PeringkatPengukuhan(2010-2014)…… 83
2.3: MatlamatPenubuhan PABAM ……..….. 85
2.4: PerayaanUtama Buddha …….……... 86
2.4.1: PerayaanWesak ……... 86
2.4.2: Perayaan Buddha Amitabha ……..... 86
2.4.3: Perayaan Bodhisattva Avalokitesvara atau Guanyin ……..…… 87

2.4.4: Perayaan Bodhisattva Ksitigarbha atau Ti Tsang ……... 87
2.4.5: Perayaan Bodhisattva Ta Shih Chi
atau Bodhisattva Mahasthamaprapta ……...……... 88
2.4.6: Perayaan Bodhisattva Manjusriatau Wen Shu Shi Li ……. 88
2.4.7: Perayaan Bodhisattva Samantabhadra atau Puxian ……...…. 88
2.4.8: Perayaan Bodhisattva Maitreya atauMi Lo Fwo …….…..…. 88
2.4.9: Perayaan Ullambana …….…..… 89
2.4.10: Lain-lain Perayaan Agama Buddha ……..… 89
.
2.5: Taburan Persatuan-Persatuan Agama Buddha
Amitabha di Malaysia ……91

2.6: Mekanisme Garis PanduanOpearsi Persatuan-Persatuan
Agama Buddha Amitabha di Malaysia …….……..…….95

2.7:Kesimpulan ……..... 96

BAB 3
Peranan PABAM DalamPendidikanKitab-Kitab Dan Pendidikan
Agama Buddha ……..98

3.1: Pendahuluan ……... 98

3.2: Asal-Usul Penyebaran Dan Perkembangan Kelas Pembacaan
Kitab Pendidikan Agama Buddha Kanak-Kanak PABAM …… 98

3.3: Asal-Usul Penyebaran Dan Perkembangan Kelas Pendidikan
Agama Buddha Remaja PABAM …….. 109

3.4: Keputusan Peperiksaan Tahunan Integrasi Tahun 2008-2014
Bagi Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja PABAM …….112

3.5: Asal-Usul Penyebaran Dan Perkembangan Kelas Pendidikan
Agama Buddha Remaja Lanjutan PABAM ……119

3.6: Asal-Usul Penyebaran Dan Perkembangan Kelas Pendidikan
Agama Buddha Remaja Pengkhususan PABAM ……120

3.7: Asal-Usul Penyebaran Dan Perkembangan Kelas Pendidikan
Agama Buddha Dewasa PABAM …….. 122

3.8: Keputusan Peperiksaan Para Guru 2014 Secara Keseluruhan
Untuk Kelas Pendidikan Agama Buddha PABAM …….124

3.9: Medium Pendidikan Dharma Buddha ……..… 127

3.10: Kesimpulan ……..... 129

BAB 4
Sumbangan Dan Peranan PABAM Dalam Penyelarasan Keagamaan
Mazhab Tanah Suci Amitabha Di Malaysia ……137

4.1: Pengenalan ……..... 137

4.2: Asal Usul Penyebaran Dan Perkembangan Upacara Doa
Mahaguru Zhong Feng Tiga Tempoh ……. 138

4.3: Asal Usul Penyebaran Dan Perkembangan Pendidikan
Multi Agama Dan Budaya Di Peringkat Negeri,
Kebangsaan Dan Antarabangsa Oleh PABAM …….. 146

4.4: Rombongan LawatanSambil Belajar Ke Pusat Pendidikan
Dan Kebudayaan Lujiang di China …… 164

4.5: Penasihat Dan Perancang Kepada Pusat Lotus Multi Budaya
Dan Pendidikan Filipina …… 166

4.6: Majlis Pembelajaran Dan Penyelarasan Ritual Peralatan
Muzik Agama Buddha Untuk Mazhab Tanah Suci Amitabha…. 172

4.7: Penyebaran Dan Perkembangan Ritual Mazhab Tanah
Suci Amitabha Menyebut Nama Buddha Amitabha Dan
Berzikir Kepada Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan
Di Malaysia……. 173

4.8: Kesimpulan …… 175

BAB 5
Sumbangan Dan Peranan PABAM Dalam Pentadbiran Mazhab
Tanah Suci Amitabha Di Malaysia …… 182

5.1: Pendahuluan …… 182

5.2: Menganjur Dan MemantauAktivitiMajlisPersahabatan
Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha
Peringkat Kebangsaan …… 182

5.3: Perkembangan Program PendidikanPengenalan Agama Buddha
Peringkat Kebangsaan Melalui Program Latihan Khidmat Negara
Di BawahKementerianPertahanan
Negara Malaysia ……..……. 189

5.4: Menguruskan Dan MentadbirKampung Amitabha Seremban
Di Negeri Sembilan, Malaysia …… 197

5.5: StrukturOrganisasi Dan MekanismePengoperasian PABAM ……199

5.6: Anggota-Anggota Majlis Ahli-Ahli Exco Dan Konstitusi PABAM…… 212

5.7: Kesimpulan ……..…….. 217

BAB 6
Penyebaran Dan Perkembangan PABAM Dalam Empat Aspek Iaitu
Pendidikan, Kebudayaan, Kebajikan Dan Kultivasi Dalam Mempraktikkan
Ajaran Dharma Buddha Secara Lebih Terperinci
Di Malaysia ……..…….. 224

6.1: Pengenalan ……... 224

6.2: Persepsi Para Penganut PABAM TerhadapPeranan, Aktiviti
Dan Sumbangan PABAM Di Malaysia ……..226

6.3: Peranan PABAM Terhadap PABA Utama Yang Didaftarkan
Secara Rasmi Di Seluruh Malaysia……..…. 248

6.4: Peranan PABAM Di Malaysia Masyarakat Buddhisme
Tempatan Dan Sosial Masyarakat Malaysia……..... 249

6.5: Tinjauan Masa Depan Terhadap Mazhab Tanah SuciAmitabha
Dan PABAM …….. 258

6.6: Kesimpulan …….. 259

BAB 7
Kesimpulan …….... 263

Halaman
Bibliografi ……..……. 302 – 320

Senarai Rajah Halaman

Rajah 1.1: KerangkaTeori AGIL …… 58

Rajah 2.1: Majlis perasmian bangunan baru PABAM
Sempena dengan Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-Sepuluh ……... 80

Rajah 6.1-6.5: Butir-ButirAnalisis Para Penganut PABAM ……..... 226 – 256

Senarai Jadual Halaman

Jadual 3.1: Kursus-kursus yang diajar dalam Kelas Pembacaan
Kitab Kanak-Kanak PABAM 101

Jadual 3.2: Kursus-kursus yang diajar dalam Kelas Pendidikan
Agama Buddha Remaja PABAM 110

Jadual 3.3: Keputusan Peperiksaan Untuk Lapan Orang Pelajar
Dalam Kelas C29 112

Jadual 3.4: Keputusan Peperiksaan Untuk Lapan Orang Pelajar
Dalam Kelas C32 114

Jadual 3.5: Keputusan Laporan Tahunan Keputusan Peperiksaan
Integrasi 2014 Kelas Pendidikan Agama Buddha
Remaja PABAM Kelas G3 115

Jadual 3.6: Keputusan Laporan Tahunan Keputusan Peperiksaan
Integrasi 2014 Kelas Pendidikan Agama Buddha
Remaja PABAM Kelas C3 117

Jadual 3.7: Keputusan Laporan Tahunan Keputusan Peperiksaan
Integrasi 2014 Kelas Pendidikan Agama Buddha
Remaja PABAM Kelas G6 118

Jadual 3.8: Laporan Tahunan Keputusan Peperiksaan Para Guru 2014 125

Jadual 4.1: Strategi Pelaksanaan Rancangan Lima Tahun (2010-2015) Dan Sepuluh Tahun (2016-2025) Bagi Meningkatkan Jumlah Pelajar Di Pusat Lotus Multi Budaya Dan Pendidikan Filipina 170

Jadual 5.1: Aktiviti Sepanjang Tahun Dari Januari Sehingga Jun 2014 202-211

Jadual 5.2: Pendapatan dan Perbelanjaan Tahunan PABAM 213

Senarai Lampiran Halaman

Lampiran 1.1: Antara Gambar Aktiviti-Aktiviti PABAM di Malaysia dan di Peringkat Antarabangsa ……. 321-335

BAB 1

Pengenalan

1.1: Pendahuluan

Agama Buddha diasaskan oleh Buddha Sakyamuni pada abad ke-6 SM. Agama Buddha mula disebarkan dari abad ke-6 SM sehingga 1203 di India yang kemudiannya telah pupus dan telah berada di India selama lebih kurang enam ratus tahun tanpa sebarang penyebaran. Agama Buddha di India kemudiannya dibangunkan semula pada akhir abad ke-19 dan berkembang sehingga sekarang. (Yin Shun, 1987: 339). Penyebaran agama buddha di India adalah berdasarkan lapan tempoh waktu iaitu pertama, agama buddha zaman kehidupan Buddha Sakyamuni dari 530 SM hingga 486 SM. Kedua, agama buddha primitif dari 486 SM hingga 370 SM. Ketiga, agama buddha berpuak dari 370 SM hingga 150. Keempat, agama buddha Mahayana tempoh permulaan dari 150 hingga 400. Kelima, agama buddha Mahayana tempoh pertengahan dari 400 M hingga 600 M. Keenam, agama buddha Mahayana tempoh akhir dari 600 M hingga 1000 M. Ketujuh, kepupusan agama buddha di india atas serangan dan pencerobohan tentera muslim dari abad ke-9 hingga 1203 M. Kelapan, agama buddha tempoh pemulihan di India dari abad ke-19 dan berkembang sehingga kini.

Agama Buddha bermula dari zaman kehidupan Buddha Sakyamuni dan berkembang sehingga kini. Mengikut catatan Ji Meng (1994: 94), Buddha Sakyamuni berumur 80 tahun dilahirkan pada tahun 565 SM, dan memasuki Nirwana atau Alam

Buddha pada tahun 486 SM. Oleh kerana Buddha Sakyamuni mencapai "Pencerahan Sempurna"[1] sebagai Buddha pada umurnya 35 (tahun 530 SM), maka Agama Buddha Zaman Kehidupan Buddha Sakyamuni adalah di antara 530 SM hingga 486 SM, selama 45 tahun. Dalam tempoh ini, agama Buddha menjadi pemikiran falsafah dan pendidikan yang baru kepada masyarakat India yang pada masa tersebut mengutamakan pemikiran falsafah Brahmana dan Enam Guru iaitu Ajita Kesakambalin, Pakudha Kaccayana, Purana Kassapa, Makkhali Gosāla, Sanjaya Belatthiputta dan Nigantha Nataputta. (Ding Fu Bao, 1956: 649). Di India pemikiran falsafah adalah berpandukan dua kriteria iaitu bukan Sifat Jati Diri[2]. Setiap Guru dari Enam Guru mempunyai enam belas orang pewaris yang membentuk Sembilan Puluh Enam Jenis Aliran Pemikiran yang kultivasi[3]nya berlandaskan bukan Sifat Jati Diri atau Sifat Kebuddhaan. (Ding Fu Bao, 1956: 935). Ini adalah sangat berbeza dengan pemikiran falsafah dan pendidikan agama Buddha yang kultivasinya berasaskan Sifat Jati Diri. (Ji Meng, 1994: 96). Kandungan pendidikan agama Buddha pada zaman kehidupan Buddha Sakyamuni adalah menonjolkan ajaran Theravada atau dikenali sebagai ajaran asas agama Buddha. Manakala ianya tidak

[1] Pencerahan Sempurna bermaksud putera Gautama telah menjadi Buddha iaitu "Orang yang mencapai keintelektualan dan penerangan yang sempurna". Buddha Sakyamuni mengetahui sepenuhnya proses yang terus menerus dari kelahiran dan kematian sendiri dan makhluk lain dan menjadi Buddha yang Maha Tahu Benar, Maha Suci dan Maha Belas Kasihan.

[2] bukan Sifat Jati Diri adalah merujuk kepada cara kultivasi yang tidak berlandaskan kepada daya dalaman Sifat Kebuddhaan tetapi berlandaskan kepada daya luaran Sifat Kebuddhaan.

[3] kultivasi adalah merujuk kepada cara pembelajaran dan praktik dalam membetulkan kesalahan diri agar dapat memulihkan Sifat Kebuddhaan , ia menerusi empat peringkat iaitu mempercayai, memahami, mempraktik dan mencapai Pencerahan Sempurna.

menonjolkan ajaran Mahayana atau dikenali sebagai ajaran Penggunaan Agama Buddha yang membimbing umat Sangha dan Penganut mencapai tahap Satu Jati Dharma Alam yang dikenali sebagai Nirvana atau Alam Buddha. (Mary Pat Fisher, 1999: 71). Hubungan kaitan di antara ajaran Thevarada dan Mahayana adalah bersifat menonjol dan tidak menonjol. Ini adalah disebabkan pada zaman kehidupan Buddha Sakyamuni, ajaran Thevarada sebagai pendidikan asas agama Buddha yang ditonjolkan dan pada ketika itu adalah bersesuaian dengan tahap penerimaan penganut Sangha. Manakala ajaran Mahayana pada ketika itu tidak ditonjolkan adalah disebabkan penganut Sangha tidak dapat memahami tahap Nirvana atau Alam Buddha yang serba sempurna. Dengan erti kata lain, ajaran Mahayana ialah pendidikan Buddha Sakyamuni yang membimbing penganut Sangha dan Penganut yang berjenis dan berhati Maha-Bodhisattava agar mencapai tahap Satu Jati Dharma Alam. (Ji Meng, 1994: 102-103)

Agama Buddha Primitif adalah di antara 486 SM hingga 370 SM, iaitu kira-kira 120 tahun selepas Buddha Sakyamuni memasuki Nirwana. Dalam tempoh ini, Thevarada masih mewarisi ajaran sebagai pendidikan asas agama Buddha. (Ji Meng 1994: 116). Agama Buddha Berpuak adalah di antara 370 SM hingga 150 M, iaitu kira-kira 500 tahun. Dalam tempoh ini, susunan kitab agama Buddha Kumpulan Mahakassapa yang mengutamakan agama Buddha primitif adalah berbeza dengan susunan kitab agama Buddha Kumpulan Purna yang mengutamakan ajaran agama Buddha Mahayana. Di

samping itu, ārya[4] Mahakassapa pula tidak dapat menerima pandangan ārya Ananda yang menyusun kitab agama Buddha kerana pada masa itu, ārya Ananda dalam kultivasinya belum mencapai pencerahan status Arhat. Situasi ini telah menyebabkan perpecahan berlaku dalam agama Buddha khususnya dari aspek ideologi. (Ji Meng 1994: 116).

Tempoh Permulaan agama Buddha Mahayana adalah di antara tahun 150 hingga 400 M. Dalam tempoh ini, perkembangan susunan kitab agama Buddha Purna yang mengutamakan ajaran agama Buddha Mahayana di kalangan rakyat jelata telah berkembang dan menggantikan susunan kitab agama Buddha Mahakassapa yang mengutamakan agama Buddha primitif. Dalam Agama Buddha Mahayana Tempoh Permulaan, Bodhisattva Nāgārjuna telah menyatukan pemikiran ajaran agama Buddha Mahayana. (Ji Meng 1994: 144).

Bodhisattva Nāgārjuna telah mengasaskan ajaran mazhab *Mādhyamika* pada tahun 150 hingga 250 M. Karyanya yang utama adalah termasuk *Madhyamakakārikā*; *Dvadasa-dvara* dan *Prajnaparamita Sastra* yang mengutamakan ajaran Tanah Suci Amitabha. Agama Buddha Mahayana Tempoh Pertengahan adalah di antara tahun 400 hingga 600 M yang mengambil masa selama 200 tahun. Tempoh ini merupakan zaman kegemilangan bagi agama Buddha Mahayana. (Ji Meng 1994: 148).

[4] ārya ialah bahasa Sanskrit yang bermakna orang yang berbudi mulia dan mencapai taraf kultivasi yang tinggi. ārya dalam Bahasa Cina ialah 尊者.

Agama Buddha Mahayana Tempoh Akhir adalah di antara tahun 600 hingga 1000 M, iaitu kira-kira 400 ratus tahun. Dalam tempoh ini, punca kemerosotan ajaran agama Buddha Mahayana adalah disebabkan ajaran agama Buddha Mahayana hanya terhad dalam "ajaran tokong" sahaja, terlalu mengutamakan ajaran akademik dan mengabaikan sebaran ajaran agama Buddha Mahayana yang mengandungi unsur-unsur murni ajaran agama Buddha kepada penganut. Demi meneruskan penyebaran, ajaran agama Buddha menjadi agama esoterik iaitu agama yang lebih dominan dalam mengutamakan pencapaian spiritual tahap kebuddhaan melalui proses berusaha secara berterusan. (Li Shang Quan, 2008: 18). Walau bagaimanapun, agama Buddha pada ketika itu bukanlah agama esoterik yang tulen kerana lebih cenderung bergabung dengan spiritual agama Hindu.

Agama Buddha pupus di India oleh faktor serangan dan pencerobohan tentera Muslim yang berlaku sejak bermula pada abad ke-9 sehingga tahun 1203 M. Di samping pencerobohan tentera Muslim, kepupusan agama Buddha di India juga disebabkan beberapa faktor lain antaranya kesukaran dalam pemahaman ajaran agama Buddha, para Sangha cuma bertapa bersendirian dan tidak mendekati para penganut, ajaran agama Buddha yang berbeza dengan ajaran Hindu di India tidak begitu diterima oleh masyarakat, kegagalan ajaran agama Buddha yang cuba mendekati ajaran Hindu dan lama kelamaan telah kehilangan identitinya. (Ji Meng, 1994: 160)

Senario tersebut menjelaskan agama Buddha pupus di India selama lebih kurang 600 tahun. Manakala Agama Buddha Tempoh Pemulihan di India adalah pada akhir abad ke-19 dan berkembang sehingga kini. Pada tahun 1891 M, seorang bangsawan iaitu Kulapati Anagarika Dhammapala dari Sri Lanka telah mengasaskan Maha Bodhi Society yang berpusat di Colombo. Walau bagaimanapun, pada tahun 1892 M, pusatnya dipindahkan ke Calcutta di India dan menjadikan ajaran Theravada agama Buddha dari utara Sri Lanka telah berkembang dan masuk semula ke India dan diterima sehingga kini. (Wang Xiao Zhao & Li Lei, 2006: 78)

Penyebaran Agama Buddha di China adalah berdasarkan tujuh tempoh waktu iaitu Peringkat Lagenda: (Tempoh Sembunyi) dari 200 SM hingga 200 M**,** Peringkat Sejarah Bertulis[5]: (Tempoh Pembangunan) dari 201 hingga 400 M**,** Peringkat Kitab: (Tempoh Pertumbuhan) dari 401 hingga 600 M**,** Peringkat Mazhab: (Tempoh Mantap) dari 601 hingga 800 M**,** Peringkat Pembentukan Sempurna: **(**Tempoh Kelengkapan) dari 801 hingga 1910 M**,** Peringkat Perkembangan Agama Buddha Merosot dari 1911- 1949 M serta Peringkat Agama Buddha Pemulihan dan Perkembangan Pesat dari 1950- 2014 M. Agama Buddha di China Peringkat Lagenda: (Tempoh Sembunyi) adalah pada 200 SM hingga 200 M. Sewaktu melalui 400 tahun tempoh sembunyi, budaya India beransur-ansur diserap ke dalam budaya China sedia ada. Mengikut catatan sejarah, pada

[5] Sejarah Bertulis 信史 adalah merujuk kepada penyebaran Agama Buddha di China adalah berdasarkan catatan dan kronologi sejarah yang terbukti.

abad pertama Masihi, agama Buddha telah tersebar secara rasmi ke China.[6]

Selepas 100 tahun penyerapan dan penerimaan, ajaran agama Buddha akhirnya berakar umbi di China. Agama Buddha bersama-sama Konfusianisme dan Taoisme digelar sebagai "Sanjiao" （三教）iaitu tiga pengajaran utama atau falsafah asas yang disanjung tinggi di China. Manakala penterjemahan kitab agama Buddha bermula dari akhir Dinasti Han (146-167 M). Pada masa ini, Lokaksema ialah sami yang memainkan peranan penting dalam menterjemah kitab Agama Buddha Mahayana Tempoh Permulaan khasnya dalam bidang teori Prajna atau Panna pada tahun 150 hingga 400 M India. (Xiao Zhen, 2014: 74)

Agama Buddha di China pada Peringkat Kepercayaan Sejarah: (Tempoh Pembangunan) adalah pada tahun 200 hingga 400 M. Manakala Agama Buddha di China pada Peringkat Kitab: (Tempoh Pertumbuhan) adalah pada tahun 400 hingga 600 M. Dalam tempoh ini, budaya China telah menerap unsur-unsur budaya India.

Agama Buddha di China pada Peringkat Mazhab: (Tempoh Mantap) adalah pada tahun 600 hingga 800 M. Dalam tempoh ini, budaya China telah menghadam unsur-unsur budaya India dan mempunyai budaya identiti baru tersendiri yang berevolusi sebagai Agama Buddha China yang rasmi. Tempoh ini juga merupakan era kemuncak agama

[6] http://www.buddhanet.net/e-learning/history/chin_timeline.htm. Ia menggambarkan urutan jangka masa dan peristiwa penting mengikut perkembangan agama Buddha di China dengan jelasnya.

Buddha China di dinasti Sui Tang yang berlaku pada abad ke-6 hingga ke-9. Pada abad ke-7, Xuan Zhuang 玄奘 kembali ke China selepas menghabiskan pembelajaran dan pengajian kitab-kitab di India. Sejak itu, agama Buddha Mahayana telah menjadi tunjang di China dan terus berkembang pesat. Agama Buddha di China pada Peringkat Pembentukan Sempurna: (Tempoh Kelengkapan) adalah pada tahun 800 hingga 1910 M. Dalam tempoh ini, agama Buddha China memainkan peranan penting dalam budaya China.

Manakala kemerosotan Agama Buddha di China pada Peringkat Perkembangan Agama Buddha adalah pada tahun 1911 hingga 1949 M. Pada peringkat awal Republik China ditubuhkan, perkembangan agama Buddha mengalami kemerosotan yang tidak dapat dielakkan. Faktor utama adalah disebabkan ajaran Buddha terlalu mementingkan ritual dan tidak meningkatkan pengajaran dan pembelajaran pendidikan dan falsafah. Fenomena ini semakin jelas kelihatan semasa dekad akhir Dinasti Qing dan peringkat awal Republik China. Bagi menangani permasalahan kemerosotan agama Buddha, Tai Xu 太虚 (1889-1947) menerajui era kebangkitan ajaran Buddha. Beliau mengendalikan program melatih sami-sami Buddha dan memperkenalkan Agama Buddha berasaskan pemikiran dan falsafah kemanusiaan. Walau bagaimanapun, impian Tai Xu tidak tercapai disebabkan meletusnya Perang China-Jepun. Di samping itu, keadaan politik Republik China yang tidak stabil pada masa itu juga menjadi halangan yang besar untuk beliau

merealisasikan impian Agama Buddha. Revolusi agama Buddha yang digerakkan beliau terkandas. Keadaan menjadi semakin buruk apabila perang saudara berlaku melibatkan Parti Komunis dan Parti Kuomingtang pada tahun 1949. Kejadian ini menyebabkan pemerintahan rejim Parti Komunis mula berkuasa di China dan penyebaran segala agama termasuk agama Buddha pada ketika waktu tersebut dilarang.

Agama Buddha di China pada Peringkat Agama Buddha Pemulihan dan Perkembangan Pesat adalah berlaku pada tahun 1950 hingga 2014. Pada 3hb Jun 1953, The Buddhist Association of China (BAC) 中国佛教协会 telah ditubuhkan di Beijing, China. Di bawah pimpinan Zhao Puchu 赵朴初 (1907-2000) yang mengamalkan polisi bekerjasama dan membantu kerajaan China mendorong polisi penganutan agama bebas di China, perkembangan agama Buddha di China adalah semakin berkembang. Zhao Puchu adalah seorang Gaha-Pati, dalam bahasa Sanskrit, Gaha-Pati yang merujuk kepada 居士 iaitu bermaksud penganut agama Buddha yang bukan golongan Sangha tetapi pada asasnya mempunyai keintelektualan dan kemakmuran kehidupan yang baik dalam kultivasinya. The Buddhist Association of China telah menjalankan aktiviti dan program agama Buddha pada peringkat antarabangsa dengan negara-negara antaranya Jepun, Burma, Sri Lanka, India, Nepal, Cambodia, Vietnam, Laos, Indonesia dan Malaysia. Sebagai contoh, pada tahun 1963, The Buddhist Association of China telah bekerjasama dengan organisasi agama Buddha Jepun melalui penganjuran program peringatan Jian

Zhen 鉴真 yang memasuki nirvana selama 1,200 tahun bertujuan mengembangkan agama Buddha dan mengeratkan hubungan di antara China dan Jepun. The Buddhist Association of China turut mengadakan pelbagai aktiviti serta program pendidikan agama Buddha secara meluas di China untuk menyatupadukan para penganut agama Buddha. (Ta Kung Pao, 2013, kolum A31)

Pada 13hb April 2006, The Buddhist Association of China telah menganjurkan Forum Agama Buddha Sedunua Pertama atau The First World Buddhist Forum di Hangzhou, China. Golongan Sangha, sarjana serta pakar telah menghadiri forum tersebut bertajuk "Keamanan Dunia, Bermula Dari Hati". Forum ini dilihat telah memulihkan dan memesatkan perkembangan agama Buddha di China. Mengikut Presiden Yi Cheng 一诚, sumbangan utama forum ini adalah dari segi memberi bimbingan serta pemikiran yang tepat kepada orang ramai, memberi cadangan yang positif dan konkrit untuk mentransformasikan dan menyelesaikan konflik yang kini sedang berlaku di masyarakat, membekalkan satu platform dunia untuk tujuan dialog serta pertukaran fikiran di antara para peserta agama Buddha yang berasal daripada negara-negara yang berlainan. Yi Cheng adalah seorang Sthavira, dalam bahasa Sanskrit, Sthavira merujuk kepada 长老.

Mengikut Xue Cheng 学诚 selaku naib presiden kepada The Buddhist Association of China, perkembangan agama Buddha di China semakin cerah sekiranya ajaran agama Buddha dapat sebati dengan kehidupan segenap lapisan masyarakat. Sebagai contoh

adalah mempelajari Pañcavidyā (Sanskrit) 五明学 seperti yang dipraktikkan oleh Biara Nalanda 那烂陀寺 yang berada di India. Pañcavidyā adalah penguasaan pelbagai bidang pengetahuan dan kemahiran yang terbaru dalam masyarakat yang sebati dengan ajaran agama Buddha. Ianya penting bagi mempraktikikaan semangat Bodhisattva untuk mempengaruhi masyarakat dan dunia ke arah keamanan dan kemakmuran.[7]

Penyebaran Agama Buddha di Taiwan pula adalah berdasarkan dua tempoh waktu iaitu Agama Buddha disebarkan ke Taiwan pada tahun 1949 dan Peringkat Agama Buddha Perkembangan Pesat pada tahun 1949 hingga 2014. Agama Buddha disebarkan ke Taiwan pada tahun 1949. Pada tahun tersebut, rejim Kuomingtang di bawah pimpinan Chiang Kai Sek 蒋介石 yang mengalami kekalahan telah berundur ke Taiwan. Terdapat dua golongan utama yang berundur ke Taiwan iaitu ahli parti Kuomingtang serta ahli-ahli keluarga mereka dan kumpulan tentera. Sami-sami Buddha yang berundur ketika itu menggunakan identiti tentera atas nama Pasukan Sami Penyelamat. Manakala pengasas Persatuan Agama Buddha Amitabha, Chin Kung yang masih seorang anak muda turut berhijrah ke Taiwan.

Peringkat Agama Buddha Perkembangan Pesat di Taiwan adalah di antara tahun 1949 hingga 2014 yang disebabkan adanya tokoh-tokoh agama Budddha yang berkaliber dan organisasi-organisasi agama Buddha yang bersistematik dalam mempertingkatkan

[7] Pengakaji telah menemubual Xue Cheng di Incheon, Korea pada tarikh 28hb Ogos 2014.

tahap kemajuan dan kemakmuran ajaran agama Buddha. Tokoh-tokoh agama Budddha di Taiwan adalah seperti Hsing Yun 星云 mengasaskan Foguang Shan 佛光山; Cheng Yen 证严 sebagai anak murid kepada Yin Shun 印顺 mengasaskan the Buddhist Compassion Relief Organization of Tzu Chi Foundation 慈济功德会; Sheng Yen 圣严 mengasaskan Dharma Drum Mountain 法鼓山; Li Bingnan 李炳南 mengasaskan Lotus Society yang pertama di Taiwan Tengah 台中莲社; Chin Kung 净空 sebagai anak murid kepada Li Bingnan mengasaskan Persatuan Amitabha 净宗学会 di Taiwan; dan seumpamanya.

Penyebaran Agama Buddha di Malaysia pula adalah berdasarkan 10 tempoh waktu iaitu Agama Buddha disebarkan oleh Raja Asoka pada abad ke-3 SM, Agama Buddha Thevarada pada abad ke-1 hingga ke-7, Agama Buddha Mahayana pada abad ke-8, Agama Buddha Esoterik pada abad ke-10 hingga 15, Agama Buddha Berkembang Secara Beransur-ansur dan Hampir Merosot pada abad ke-15 hingga16, Agama Buddha Thevarada dan Mahayana pada abad ke-17 hingga akhir abad ke-19, Agama Buddha Mahayana pada akhir abad ke-19 hingga 1945, Agama Buddha Berkembang Secara Statik pada Zaman Pemerintahan Jepun 1942-1945, Agama Buddha Berkembang Sebelum Merdeka Malaysia tahun 1946-1956, Agama Buddha Berkembang Selepas Merdeka Malaysia hingga kini.

Agama Buddha yang disebarkan oleh Raja Asoka 阿育王 di Semanjung Malaysia adalah kira-kira pada abad ke-3 SM. Mengikut catatan sejarah. Raja Asoka telah

menghantar Sona Thera dan Uttara Thera bagi menyebar ajaran agama Buddha di Semanjung Malaysia. (Tang Chew Peng, 2004: 49) Agama Buddha Thevarada berkembang di Semenanjung Malaysia adalah pada abad ke-1 hingga ke-7. Mengikut catatan sejarah, Langkasuka merupakan sebuah negara yang beragama Buddha yang terletak di Semanjung Malaysia pada abad ke-2. Langkasuka dipengaruhi oleh budaya India dan mengalami kemerosotan pada abad ke-13. (Tang Chew Peng 2004: 50-51). Manakala agama Buddha Mahayana berkembang di Semanjung Malaysia pada abad ke-8. Pada masa ini, agama Buddha Mahayana dianuti dan diperkembangan oleh Empayar Srivijaya. (Bai Yuguo, 2008, 82) Agama Buddha Esoterik pula berkembang pada abad ke-10 hingga ke-15. Agama Buddha Esoterik menunjukkan agama Buddha pada ketika itu adalah lebih cenderung dan bergabung dengan spiritual agama Hindu. (Bai Yuguo 2008: 82). Tempoh Agama Buddha Berkembang Secara Beransur-ansur adalah pada abad ke-15 hingga ke-16. Pada masa ini, perkembangan agama Buddha adalah secara beransur-ansur dan hampir merosot disebabkan faktor agama Islam telah disebar secara meluas oleh Empayar Melaka. Walau bagaimanapun, di daerah Kedah, Perlis, Perak Utara dan Kelantan, agama Buddha Thevarada terus berkembang disebabkan kawasan geografinya yang berdekatan dengan Thailand yang dipengaruhi oleh agama Buddha Thevarada dari Thailand. (Tang Chew Peng 2004: 115). Dapat dilihat agama Buddha Thevarada dan Mahayana berkembang pada abad ke-17 hingga akhir abad ke-19. Pada

ketika ini, agama Buddha Thevarada yang berasal dari Burma, Thailand dan Sri Lanka berkembang secara pesat, contohnya pada tahun 1803, apabila sebuah Biara Burma yang bersejarah lama di Semanjung Malaysia iaitu Biara Dhammikarama telah siap dibina di Pulau Pinang manakala pada tahun 1845, sebuah Biara Thailand iaitu Biara Wat Chaiyamangalaram telah siap dibina di Pulau Pinang. Pada tahun 1894 pula, sebuah Biara Sri Lanka iaitu Wisma Dharma Cakra telah siap dibina di Brickfield, Kuala Lumpur. Agama Buddha Mahayana turut berkembang pesat pada masa itu, contohnya pada tahun 1673, apabila sebuah Tokong Cina iaitu Tokong Cheng Hoon Teng 青云亭 telah siap dibina di Melaka manakala pada tahun 1800, sebuah Tokong Cina iaitu Tokong Guang Fu Gong 广福宫 telah siap dibina di Pulau Pinang. (Bai Yuguo 2008: 83-90).

Agama Buddha Mahayana berkembang pada akhir abad ke-19 hingga 1945. Pada akhir abad ke-19, ramai masyarakat Cina dari China Selatan berimigrasi ke Semenanjung Malaysia. Bagi menyebarkan ajaran agama Buddha Mahayana, pada tahun 1904, sebuah Biara Agama Buddha iaitu Biara Kek Lok Si 极乐寺 telah siap dibina di Pulau Pinang. (Zhou Weimin & Tang Lingling, 2002: 504) Pengasasnya ialah Miao Lian 妙莲 (1845-1907). (Bai Yuguo 2008: 93-94). Pada awal abad ke-20, ramai wanita berimigrasi dari China ke Semenanjung Malaysia dan ini telah mendorong dan mempercepatkan perkembangan agama Buddha Mahayana terutamanya dari segi pembinaan biara. Mengikut catatan sejarah, sehingga tahun 1947, wanita berimigrasi dari China ke

Semenanjung Malaysia adalah sejumlah 342, 250 orang. (Bai Yuguo 2008: 98-99).

Agama Buddha Berkembang secara statik pada zaman pemerintahan Jepun pada tahun 1942-1945. Segala aktiviti agama Buddha di Biara pada ketika itu terpaksa diberhentikan. Manakala di Malaysia, agama Buddha berkembang sebelum merdeka pada tahun 1946-1956. Pada tempoh ini, kerjasama pucuk pimpinan agama Buddha Thevarada dan Mahayana di Semenanjung Malaysia sangat aktif. Contohnya, pada tahun 1946 hingga 1949, di bawah usaha dan kerjasama pucuk pimpinan agama Buddha Thevarada dan Mahayana dalam menjadikan Hari Wesak sebagai cuti am, pihak penjajahan British telah bersetuju menjadikan Hari Wesak sebagai cuti am di negeri Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Kedah pada tahun 1949.

Agama Buddha Berkembang Selepas Merdeka Malaysia pula adalah pada tahun 1957 hingga kini. Pada tahun 1959, pendaftaran Pertubuhan Agama Buddha diluluskan oleh kerajaan Malaysia dan ia ditukar nama kepada Persatuan Buddhis Malaysia atau Malaysian Buddhist Association (MBA) 马来西亚佛教总会 pada tahun 1976. Kemudian pada tahun 1970, Persatuan Buddhis Muda Malaysia atau Youth Buddhist Association Malaysia (YBAM) telah ditubuhkan.

Era kemuncak perkembangan organisasi-organisasi Agama Buddha di Malaysia adalah pada tahun 1980an. Dalam tempoh ini, terdapat 257 buah pertubuhan agama Buddha ditubuhkan di Malaysia. Ini disebabkan pada tempoh ini, perkembangan ekonomi

di Malaysia sangat pesat, dan masyarakat secara amnya hidup dalam keadaan yang harmoni dan stabil. Pada masa ini juga dapat dilihat para graduan daripada Persatuan Agama Buddha universiti tempatan turut aktif menyebarkan ajaran ini. Selain daripada menceburi dalam arena pekerjaan, mereka juga aktif melibatkan diri dalam pertubuhan agama Buddha agar menyebarluaskan ajaran Buddha.

Era kemasukan organisasi-organisasi agama Buddha dari luar negara pada tahun 1990an pula memperlihatkan Buddhisme telah disebar secara meluas melalui internet. Dalam tempoh ini, organisasi-organisasi Agama Buddha dari luar negara terutamanya dari Taiwan, contohnya Fo Guang Shan 佛光山, Tzu Chi Foundation 慈济基金会, Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia (PABAM) 马来西亚净宗学会; dari Jepun, Soka Gakkai Malaysia 马来西亚创价学会 telah memasuki ke Malaysia untuk menyebarkan agama Buddha. Dengan menggunakan medium internet, organisasi-organisasi agama Buddha tersebut menyebarkan ajaran Dharma Buddha kepada para penganut agama Buddha di seluruh Malaysia.

Pengkaji mendapati bahawa trend era dialog antara multi-agama dan kempen keamanan dunia melalui kerjasama antara multi-agama berlaku di awal abad ke-21 tempoh 2010an menerusi arus trend perkembangan multi-agama terkini di Malaysia. Contohnya pada 23hb-25hb Mei 2011, PABAM bersama dengan Dana Multi Kebudayaan dan Pendidikan Cheng Ho atau Cheng Ho Multi Culture Education Trust; Majlis

Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao atau Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism, and Taoism (MCCBCHST) dan Pusat Kebudayaan dan Pendidikan Tionghua atau Malaysian Chinese Cultural Education Center telah berjaya menganjurkan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ACRP atau The Executive Committee meeting of the Asian Conference of Religions for Peace (ACRP) di Hotel Golden Horses, Selangor. Matlamat utama Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif tersebut untuk merancang dan menetapkan polisi dan rancangan ACRP agar mempergiatkan dan memantapkan pelbagai aktivitinya di Asia. Organisasi-organisai Bukan Kerajaan tadi telah bekerjasama erat dalam mempromosikan mesej keamanan yang positif di Asia menerusi dialog antara multi-agama dan kempen kemanan dunia melalui multi-agama di Asia di samping berjaya dalam menganjurkan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ACRP di Malaysia. (Chin Kung, 2011)

Agama Buddha mazhab Tanah Suci Amitabha juga dikenali sebagai Jingtu Zong (净土宗). Ia merupakan salah satu cabang Buddhisme Tradisi Mahayana atau “Great Vehicle” (大乘) yang berasaskan ajaran Tanah Suci Buddha Amitabha. Mazhab Tanah Suci Amitabha berasal daripada Buddhisme tempatan India yang berkembang di China dan Taiwan turut disebar ke Asia Tenggara termasuk Malaysia. (Chen Shu-chen, 2007)

Mazhab Tanah Suci Amitabha diasaskan di China pada Dinasti Dong Jin 东晋 oleh Hui Yuan (334-416) 慧远 dan diwarisi serta diperkembangkan melalui tiga belas orang

patriak mazhab Tanah Suci Amitabha. Ia kemudian disebarkan ke Taiwan, oleh Li Bingnan (1889-1986) 李炳南 dan Chin Kung (1927-) 净空. Li Bingnan adalah seorang Gaha-Pati. Dalam bahasa Sanskrit, Gaha-Pati merujuk kepada 居士. Mazhab Tanah Suci Amitabha dijadikan sebagai pertubuhan agama berjenis bentuk Persatuan Agama Buddha Amitabha (PABA) 净宗学会 di China adalah diasaskan oleh Xia Lian Ju (1884-1965) 夏莲居. Chin Kung yang belajar Mahayana Buddhisme di Taiwan dengan Li Bingnan telah mengembangkan konsep Persatuan Agama Buddha Amitabha di luar China bermula di Canada sehingga ke seluruh dunia. Persatuan Agama Buddha Amitabha Canada yang bertempat di Vancouver ialah PABA yang pertama ditubuhkan secara rasmi oleh Chin Kung di luar China selepas Chin Kung berhijrah dan menetap di sana pada tahun 1980. Persatuan Agama Buddha Amitabha Amerika Syarikat yang bertempat di San Francisco ialah kedua yang ditubuhkan dan diikuti oleh Persatuan Agama Buddha Amitabha Los Angeles. Kini, PABA telah disebar luas di seluruh dunia dengan pesat. Walau bagaimanapun, Taiwan kekal sebagai pusat penyebaran mazhab Tanah Suci Amitabha yang sangat penting. Di Malaysia, mengikut rekod buku catatan PABAM pada tahun 2009, PABA yang ditubuhkan secara rasmi ialah sebanyak 42 buah. (Directory of Amitabha Buddhist Societies in Malaysia, 2009) Mengikut catatan sejarah PABAM, pada tarikh 24 April 1993, pengikut-pengikut Tanah Suci Amitabha mengadakan satu forum di wisma Persatuan Buddhis Malaysia yang berada di Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur

untuk berbincang tentang penubuhan persatuan yang memfokuskan dalam mempelajari ajaran Tanah Suci Amitabha. Forum ini dengan sebulat suaranya memutuskan bahawa Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia (PABAM) 马来西亚净宗学会 perlu ditubuhkan. Pada tarikh 14 Februari 1995, PABAM telah didaftarkan secara rasmi dan ditubuhkan di Malaysia di bawah Seksyen 14 (1) Akta Pertubuhan 1966 yang bertaraf peringkat kebangsaan. (Directory of Amitabha Buddhist Societies in Malaysia, 2009)

Pangasas PABA di luar China termasuk Hong Kong dan Taiwan ialah Chin Kung 净空. Beliau dilahirkan di daerah Lujiang, Province Anhui, China pada tahun 1927. Ketika beusia 26, Chin Kung mula mempelajari falsafah, pengajian Tionghua tradisi dan Dharma Buddha di Taiwan di bawah bimbingan Fang Dongmei 方东美, Zhang Jia 章嘉, dan Li Bingnan 李炳南. Selepas menjadi bhiksu pada tahun 1959 di Taipei dan menjadi Master Dharma Buddha, beliau telah menyebarluaskan mazhab Tanah Suci Amitabha ke seluruh dunia termasuk Malaysia. Sehingga kini, Chin Kung telah mengajar Buddhisme selama 56 tahun.[8]

Sejak tahun 1977, Chin Kung mula mengajar Dharma Buddha di luar negara seperti Hong Kong, Jepun, Korea, Amerika Syarikat dan Kanada. Pada tahun 1999 sehingga 2001, beliau menetap dan menyebar ajaran Buddhisme di Singapura selama tiga tahun.

[8] Chin Kung. (2014). Multicultural harmony: Gateway to Peace. Speech in Jakarta, Indonesia May 13-15 2014. Hong Kong: Hong Kong Buddhist Education Foundation Ltd, hlm. 22. Chin Kung menghuraikan multi-budaya ialah batu asas dan jalan pintu besar kepada keamanan dunia.

Dalam tempoh tersebut, Chin Kung telah berjaya membawa bersama sembilan agama di Singapura menerusi pelbagai aktiviti agama, contohnya Majlis Perbincangan dan Perjumpaan Bulanan, Majlis Jamuan Harmoni Mingguan, Program Seminar Mingguan dan sebagainya. (Chin Kung, 2014: 52) Sembilan agama tersebut ialah agama Kristian, Islam, Sikh, Baha'i, Hindu, Yahudi, Zoroastrian, Buddha dan Tao yang telah bekerjasama secara erat dalam membina satu contoh teladan yang baik dari segi kesejahteraan dan keharmonian hidup yang berasaskan ajaran agama di masyarakat Singapura. Antara faktor Chin Kung berhijrah dari Taiwan ke Singapura pada tahun 1997 adalah selepas kematian pelindung Dharma Buddhanya Han Ying 韩瑛, Han Ying yang telah memberi penjagaan dan perlindungan kepada Chin Kung selama 30 tahun di Taiwan. Selepas kematian Han Ying, segala peninggalan harta pusaka Han Ying telah diberikan kepada anaknya. Prinsip hidup Chin Kung adalah tidak memiliki harta, tidak bertanding dengan orang lain, mempercayai hukum karma iaitu hukum punca dan akibat. Beliau telah membuat keputusan agar memberi segala harta yang diperolehi daripada hasil ajaran Buddhisma kepada Han Ying, dan meninggalkan Taiwan agar memulakan kehidupan baru iaitu mengajar Buddhisme di Singapura.

Pada tahun 1993, Chin Kung telah datang ke Malaysia pada pertama kali untuk menyebarluaskan ajaran pendidikan Buddha Amitabha yang bertempat di Pertubuhan Pusat Agama Buddha Malaysia, Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur. Kandungan ajaran

pendidikan Buddha yang disampaikan oleh beliau ialah Kitab Buddha Shakyamuni berkhutbah Amitabha Sutra ulasan utama daripada Ouyi mazhab Tanah Suci Amitabha (佛說阿彌陀經濡益要解). Kehadiran Chin Kung pada ketika itu dikatakan antara pengerak dalam penubuhan PABAM secara rasmi pada tahun 1995.

Pada tahun 2001, Chin Kung berimigrasi ke Australia yang kemudiannya pada tahun 2002 telah menubuhkan Kolej Pembelajaran Tanah Suci Australia atau Australia Pure Land Learning College (APLLC) 澳洲净宗学院 di Toowoomba, Queensland, bagi melatih guru-guru mazhab Tanah Suci Amitabha. Chin Kung dianugerahkan ijazah kedoktoran kehormat oleh Griffith University, Australia pada tahun 2002 dan sekali lagi dianugerahkan ijazah kedoktoran kehormat oleh University of Southern Queesland, Australia pada tahun 2003. Ijazah kedoktoran kehormat yang diberikan kepada Chin Kung tadi membolehkannya mewakili kerajaan Australia sebagai sarjana menghadiri Kongres dan Forum Pelbagai Agama yang dianjurkan oleh UNESCO, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Manakala pada tahun 2004, Chin Kung dianugerahkan ijazah kedoktoran kehormat oleh University of Syariff Hidayatullah State Islamic University, Indonesia. (Chin Kung, 2014: 42)

Chin Kung mula menggunakan Televisyen Hwazan Satelit untuk menyampaikan ajaran Dharma Buddha 24 jam setiap hari ke seluruh dunia bermula pada tahun 2003. (Chin Kung, 2012: 140) Beliau percaya bahawa televisen ialah medium yang paling

efektif untuk menyampaikan ajaran pendidikan Buddha pada zaman yang serba moden. Televisyen Hwazan Satelit diasaskan oleh pelindung Dharma Buddha Chin Kung iaitu Chen Caiqiong 陈彩琼 yang berasal dari Taiwan. (Chin Kung, 2012: 144) Sehingga kini, Chin Kung menyampaikan ajaran Dharma Buddha melalui Televisyen Hwazan Satellite lebih daripada sepuluh tahun serta melalui medium internet lebih dari dua puluh tahun.

Mengikut catatan, Chin Kung telah dianugerahkan "the Order of Australia" (AM) oleh Ratu Elizabeth, permaisuri Britain atas sumbangannya dalam arena pendidikan agama Buddha, multi-agama dan budaya pada tahun 2005. Chin Kung telah berjaya menubuhkan Pusat Pendidikan dan Kebudayaan Lujiang, China atau China Lujiang Cultural Education Center (CLCEC) 中国卢江文化教育中心 untuk melatih guru-guru dalam bidang pendidikan tradisi dan keagamaan di kampung kelahiran asalnya iaitu daerah Lujiang 庐江, Anhui 安徽 di China. Manakala pada October 2006, kesan pengajaran dan pembelajaran yang dicapai oleh CLCEC telah dipamerkan di Pusat Pentadbiran UNESCO yang bertempat di Paris, Perancis selama tiga hari sempena dengan Perayaan Hari Vesak yang bertajuk Perayaaan 2550 tahun Hari Vesak yang bermatlamat untuk meninjau sumbangan para penganut agama Buddha terhadap manusia. (Chin Kung, 2014: 52)

Berdasarkan fakta-fakta di atas, pengkaji mendapati bahawa, Chin Kung mempunyai Empat Misi Suci iaitu pertama, memulihkan agama Buddha sebagai

pendidikan Buddha tradisi. Pengasas agama Buddha ialah Buddha Shakyamuni. Agama Buddha bermula di India dan pada awalnya disebarluas di Asia Selatan, kemudian disebarkan ke Asia Timur dan Asia Tenggara. Agama Buddha memperkenalkan konsep pencapaian tahap Pencerahan Sempurna atau Sifat Kebuddhaan, sifat sebenarnya dalam kehidupan duniawi, perkembangan spiritual, latihan pemikiran mental, fenomena alam dan kosmik, disiplin, kaitan juzuk dan tenaga, ciri sebenar minda dan jasad, moral, pengetahuan dan lain-lain. Pada zaman sekarang, terdapat enam bentuk agama Buddha yang wujud di dunia ini iaitu: i) Ajaran Buddha tradisi yang berpusatkan pendidikan duniawi, alam semesta dan akhirat yang disampaikan melalui ajaran Dharma Buddha. Dharma membawa dua makna iaitu sekiranya ditulis dalam huruf besar Dharma membawa maksud ajaran-ajaran Buddha yang patut diamalkan. Sekiranya ditulis dalam huruf kecil, dharma membawa maksud benda atau cara untuk semua entiti fizikal dan mental. Ajaran Dharma dapat membantu semua makhluk dari segi penghapusan penderitaan agar mencapai tahap Pencerahan Sempurna; ii) Agama yang memfokuskan kepada upacara adat-istiadat, kepercayaan setempat dan kebiasaan tempatan; iii) Akademik atau falsafah yang berpusat kepada penyelidikan dan pengajian terhadap kitab-kitab dan ajaran Dharma Buddha; iv) Agama yang menonjolkan ciri-ciri pelancongan, contohnya menggunakan biara atau rumah berhala untuk menarik lawatan para pelancong dan mempromosikan ajaran asas serta seni agama Buddha; v) Agama

yang ditubuhkan dalam bentuk syarikat, diberikan saham-saham, mementingkan urusan perniagaan untuk tujuan keuntungan dan pengumpulan modal serta harta. Mengikut pemerhatian pengkaji tesis ini, bentuk ini merupakan bentuk baru yang popular dalam era kapitalism ini; vi) Ajaran ekstrem yang menyimpang daripada ajaran Buddha tradisi yang merupakan ajaran sesat yang membawa kesan negatif kepada para penganutnya khasnya dan masyarakat secara umumnya. (Chin Kung, 2006: 11-13).

Tidak dinafikan menjadi lumrah jika bentuk pendidikan agama Buddha tradisi iaitu yang asal mengalami perubahan dalam proses pemindahan dari zaman dahulu sehingga sekarang. Walau bagaimanapun, bentuk pendidikan agama Buddha tradisi iaitu Dharma Buddha yang tidak ternilai ini adalah paling asas dan perlu dititikberatkan dalam usaha penyebarluasan dan memancarkan sinaran Dharma Buddha ke seluruh alam semesta.

Misi suci kedua adalah memperkembangkan penggunaan Bahasa Cina Klasik secara meluas. Penguasaan Bahasa Cina Klasik dapat membolehkan seseorang menimba ilmu yang mendalam dalam *Si Ku Quan Shu* (四库全书) dan *Qianlong Dazangjing* (乾隆大藏经). *Si Ku Quan Shu* merupakan khazanah ilmu pengetahuan Tionghua yang serba lengkap dan tidak ternilai. *Qianlong Dazangjing* pula meupakan khazanah kitab suci ajaran Buddha Sakyamuni yang serba sempurna dan digelar sebagai Tiga Bakul 三藏. Ini disebabkan ajaran Buddha dikategorikan kepada tiga bahagian yang utama iaitu Sutra iaitu ajaran Dharma Buddha yang disampaikan oleh Buddha Shakyamuni, Vinaya iaitu

tatatertib disiplin yang diajar oleh Buddha Shakyamuni dan Abhidharma iaitu penulisan atau komentari yang berhubungkait dengan ajaran Dharma Buddha Shakyamuni.

Chin Kung mempunyai misi suci dalam memperkembangkan penggunaan Bahasa Klasik Cina secara meluas supaya pengikut dapat menimba dan mewarisi inti ilmu pengetahuan, pengalaman dan keintelektualan daripada nenek moyang Tionghua di China yang telah melebihi lima ribu tahun.

Misi suci ketiga adalah mendorong dan menyebarluaskan konsep kekeluargaan yang terkandung dalam tradisi orang Cina terutamanya kitab *Dizigui*.[9] *Dizigui* bermaksud pedoman untuk menjadi seorang pelajar yang baik. Pelajar merujuk kepada murid-murid dan golongan segenap lapisan masyarakat yang berkeinginan untuk mempelajari pedoman agar menjadi orang berakhlak dan berjaya dalam kehidupan masing-masing. *Dizigui* merupakan asas pendidikan keluarga tradisi Cina dan teras kepada tamadun China atau Tionghua yang berasaskan pendidikan tradisi orang suci dan bijaksana yang serba lengkap dan praktikal yang telah diwarisi turun temurun hingga ke hari ini. Nilai-nilai murni yang terkandung dalam *Dizigui* adalah berasal daripada ajaran tokoh pemikir Cina agung iaitu Konfusius atau Kongzi.

Konfusius (551SM-479SM) merupakan seorang pemikir agung, pakar dalam

[9] Ucapan Daripada Ng Weng Seng, Presiden PABAM dalam *Record Minutes* of *General Assembly* on 12th May 2013 of Amitabha Buddhist Society Malaysia.

kependidikan dan ajarannya yang berlandaskan nilai-nilai kemanusiaan sejagat dan menitikberatkan kesaksamaan telah mempengaruhi pembangunan dan perkembangan di negara China terutamanya dari sektor pendidikan, kebudayaan, politik, ekonomi dan sebagainya. (Poey Tiang Peow, 2009: xi) Beliau digelar sebagai Mahaguru Sepanjang Zaman dan sehingga ke hari ini ajarannya masih tersebar luas dan dihayati olehmasyarakat.

Chin Kung telah mendirikan contoh Kota Harmoni di pekan Tangchi, Daerah Lujiang, yang terletak di negara China dengan menggunakan pendekatan mempelajari dan mempraktikkan Dizigui untuk memperkembangkan dan menyebarluaskan konsep kekeluargaan. (Chin Kung, 2014: 22) Pekan Tangchi dikelilingi oleh dua belas kampung dan mempunyai penduduk tempatan seramai 48,000 orang. Selepas mempelajari dan mempraktikkan Dizigui, para penduduk tempatan di pekan Tangchi dalam tempoh tiga tahun telah ditransformasikan menjadi warga yang beriman dan berbudi tinggi.

Misi suci keempat adalah mempromosikan dan memperkembangkan pendidikan multi agama dan budaya. Chin Kung telah mengasaskan pusat pendidikan multi agama dan budaya di Yogyakarta, Indonesia dan kemudiannya mempromosi dan memperkembangkan pendidikan multi agama dan budaya ke seluruh dunia melalui dialog antara agama, majlis perjumpaan dengan para pemimpin pelbagai agama, ajaran pendidikan agama, buku teks pelbagai agama dan sebagainya. Dalam usaha dorongan

ajaran pendidikan agama, Chin Kung mendefinisikan ajaran pendidikan agama seperti berikut. Pertama, pendidikan agama dapat membawa kemuncak kegembiraan dalam kehidupan kita pada hayat ini dan ianya merangkumi tiga pendidikan yang lain iaitu pendidikan etnik, pendidikan moral, dan pendidikan hukum punca dan akibat. Keberkesanan pendidikan agama yang efektif adalah bertujuan mententeramkam minda seseorang; menyelesaikan pelbagai masalah dunia dan mendorong kemajuan tamadun manusia. Kedua, pendidikan agama semestinya mempunyai unsur lama dan moden agar memenuhi keperluan hidup serta membantu masyarakat mencapai tahap Pencerahan Sempurna. Ketiga, pendidikan agama membantu kita memahami hubungan dengan masyarakat yang hidup dalam ruang alam yang berbeza dengan kita, contohnya masyarakat yang berada di syurga, hantu lapar, neraka dan sebagainya. Keempat, pendidikan agama membantu kita memahami hubungan kita dengan syurga, langit bumi dan sebagainya.

Secara tuntasnya, analisis ke atas Empat Misi Suci Chin Kung dapat membantu kita memahami perkembangan PABAM di Malaysia secara berperingkat. Chin Kung merupakan seorang pendidik sosial yang mengajar ajaran pendidikan Dharma Buddha dan telah menghasilkan karya-karya beliau sama ada dalam bentuk prosa, artikel ulasan, buku-buku atau pun melalui Televisyen Hwazan Satelit, internet dan sebagainya untuk manfaat para penganut. Sehingga tahun 2014, Chin Kung telah mengajar ajaran Dharma

Buddha melebihi 56 tahun. Atas undangan PABA, Chin Kung buat pertama kalinya datang ke Malaysia pada tahun 1993 untuk memberi ceramah serta beliau datang ke Malaysia atas tujuan menyampaikan ajaran Dharma Buddha dan perjumpaan dengan para pemimpin kerajaan umpamanya Perdana Menteri Dato Seri Najib Abdul Razak, bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir pada 16 December 2005[10] untuk berkongsi pendapat dan memberi syor-syor serta cara-cara menyebarluaskan pendidikan multi agama. (Chin Kung, 2014: 62)

Seperti hasil analisis di atas, agama Buddha berasal dari India dan ianya pupus di sana. Ia kemudiannya tersebar ke China sejak abad pertama Masihi dan mengalami proses kebangkitan, kemerosotan dan pembangunan semula di negara China. Kemudiannya, agama Buddha diperkembangkan oleh sekumpulan Pasukan Sami Penyelamat yang berundur bersama tentera Kuomintang ke Taiwan. Chin Kung pada tahun 1949 turut berhijrah ke Taiwan yang kemudiannya menyumbang dalam usaha memperkembangkan agama Buddha dengan menubuhkan Persatuan Agama Buddha Amitabha (PABA) 净宗学会 yang pertama di luar China yang bertempat di Vancouver pada tahun 1980an. Usaha beliau selama kira-kira 60 tahun telah mengukuhkan PABA

[10] Pada tarikh 16 December 2005, Chin Kung telah berjumpa dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Dato' Sri Najib Abdul Razak di Forum Keamanan Perdana yang diadakan di Pusat Perdagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. Chin Kung adalah dijemput sebagai penceramah utama dalam forum tersebut. Rujukan: Chin Kung. (2007). Self-cultivation is the foundation education. Education is our priority. Dlm. Celebration of the 2550th Anniversary of the Buddha : Buddhist Contribution to Humality and Sustainable Development of World Peace. Australia: Pureland Learning College.

secara berperingkat di seluruh dunia sebagai persatuan agama Buddha di peringkat antarabangsa. Lanjutan dari itu, PABAM kini berkembang pesat di Malaysia yang menjadi salah satu cabang pusat PABA untuk menyebarkan konsep dan merealisasikan misi PABA di luar Taiwan. Oleh yang demikian, tesis ini akan mengkaji terhadap perkembangan PABAM di Malaysia dalam tempoh dua dekad (1993-2014). Berdasarkan konsep dan misi PABA, sejauh manakah PABAM mampu disesuaikan di Malaysia? Bagaimanakah bentuk penyebaran awal dan perkembangan PABAM dan proses penempatan PABA di Malaysia? Apakah peranan PABAM dalam empat aspek iaitu pendidikan, kebudayaan, kebajikan dan kultivasi dalam mempraktikkan ajaran Dharma Buddha untuk masyarakat di Malaysia? Apakah persepsi para penganut PABAM terhadap peranan, aktiviti dan sumbangan PABAM di Malaysia? Apakah peranan PABAM terhadap 42 buah PABA yang didaftarkan secara rasmi di Malaysia? Apakah peranan PABAM di Malaysia terhadap masyarakat Buddhisme tempatan? Persoalan-persoalan tersebut telah mendorong pengkaji memilih topik kajian ini untuk dianalisis. Kajian ke atas PABAM secara langsung atau tidak langsung, berupaya memperoleh jawapan kepada persoalan-persoalan yang dikemukakan di atas.

1.2: Objektif Kajian

Kajian ini adalah bertujuan meninjau perkembangan dan peranan Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia (PABAM) 马来西亚净宗学会 dalam melaksanakan ajaran Tanah Suci Amitabha dan Dharma Buddha di samping peranannya terhadap Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha (PABA) 净宗学会 yang turut berperanan di Malaysia. Hakikat bahawa PABAM selaku tunjang yang memantau penyelarasan urusan kedua-dua aspek iaitu "keagamaan" dan "pentadbiran" ajaran Tanah Suci Amitabha dan Dharma Buddha di Malaysia secara keseluruhannya adalah penting dan nyata. Dengan matlamat ini sebanyak empat objektif kajian telah ditetapkan iaitu;

1. Mengkaji perkembangan dan peranan PABAM secara berperingkat dan proses penempatannya di Malaysia.
2. Meninjau peranan PABAM dalam empat aspek iaitu pendidikan, kebudayaan, kebajikan dan kultivasi dalam melaksanakan pelbagai aktiviti ke atas para penganutnya di Malaysia.
3. Mengkaji peranan utama PABAM terhadap Persatuan-PersatuanAgama Buddha Amitabha di seluruh Malaysia.
4. Mengkaji persepsi dan penilaian para ahli PABAM terhadap peranan, aktiviti dan sumbangan yang dimainkan oleh PABAM di Malaysia.

1.3: Skop Kajian

Tinjauan ke atas PABAM sebagai tumpuan kajian ini, akan memberi pemahaman berhubung dengan trend perkembangan dan peranan ajaran Tanah Suci Amitabha di Malaysia antara tahun 1993 hingga 2014. Skop kajian penyelidikan ini meliputi masa sebelum dan selepas penubuhan PABAM yang dilihat melalui perkembangan mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia. Skop kajian terhadap ajaran Tanah Suci Amitabha di Malaysia juga berdasarkan hasil penyelidikan ke atas hal-hal perancangan, pelaksanaan dan kepimpinan PABAM yang bergiat aktif sejak penubuhannya.

PABAM dilihat sebagai asas yang mampu mencerminkan perkembangan dan peranan terhadap ajaran Tanah Suci Amitabha di Malaysia. Ini kerana PABAM memainkan berperanan dalam memantau aspek "keagamaan" dan "pentadbiran" ajaran Tanah Suci Amitabha di Malaysia pada peringkat kebangsaan secara menyeluruh. Pada mulanya, PABAM telah menjadikan markas lamanya yang terletak di Jalan Pahang, Kuala Lumpur sebagai tapak Pusat Pentadbiran Permulaan. Selepas perkembangan, PABAM menjadikan markas barunya yang dibina siap pada tahun 2005 yang terletak di Jalan Pahang, Kuala Lumpur sebagai tapak penganjuran ritus amal Tanah Suci Amitabha dan pengendalian aktiviti pembelajaran Ajaran dan Tatacara Bersadhana Tanah Suci Amitabha. Pada tahun 2013, pusat markas baru PABAM yang terletak di Jalan Pahang, Kuala Lumpur telah dijadikan sebagai pusat keagamaan dan pentadbiran yang bertaraf kebangsaan. Kampung Amitabha yang berada di Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Malaysia

yang seluas 11 ekar yang terletak di Lot No. 2236, 8.5 km, Jalan Kuala Pilah, Ampangan, Seremban, Negeri Sembilan telah dijadikan sebagai pusat pendidikan yang menganjurkan pelbagai aktiviti keagamaan seperti kursus latihan ajaran Buddha, ritus agama, aktiviti kultivasi mengingati dan berzikir kepada Buddha Amitabha, menyebut nama Buddha Amitabha Selama Tujuh Hari sebagainya. Semasa PABAM ditubuhkan dan didaftarkan secara rasmi pada tahun 1995, alamat Kampung Amitabha didaftarkan sebagai pusat pentadbiran PABAM.

Disebabkan arus perkembangan yang pesat di Kuala Lumpur, pusat bangunan baru PABAM yang terletak di Jalan Pahang, Kuala Lumpur yang selama ini didaftarkan sebagai cawangan persatuan telah dijadikan sebagai pusat keagamaan dan pentadbiran yang bertaraf kebangsaan untuk menggantikan alamat yang terletak di Kampung Amitabha, Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada tahun 2013. Pada 31 Julai 2013, Kampung Amitabha, Kuala Pilah tadi yang sebagai cawangan PABAM telah dibubarkan dan harta serta urusan kewangannya telah dialihkan dan diserahkan sepenuhnya kepada PABAM.[11]

Perkembangan PABAM dari peringkat kebangsaan ke antarabangsa dapat dilihat dari tahun 2008 di mana PABAM mula mengambil langkah untuk meninjau pelbagai

[11] *Catatan minit mesyuarat PABAM untuk 2013 Mesyuarat Agung Khas* pada tarikh 12hb Oktober 2013. Pengkaji telah meneliti dan mengkaji catatan minit mesyuarat tadi.

budaya dan agama di Beijing dan Xinjiang di China. Rombongan ini memberi peluang pendedahan kepada PABAM dalam mengkaji lebih mendalam tentang agama Buddha dan membawa PABAM ke arus perbincangan bertemakan multi budaya dan agama. Selanjutnya, PABAM meneruskan peninjauan ini dengan menghadiri forum-forum bertemakan perbincangan antara agama di negara-negara ASEAN dan juga di luar lingkungan ASEAN seperti Indonesia, Filipina, India, Bangladesh, Korea Selatan, dan juga Seminar Antarabangsa Agama dan Process Pembinaan Keamanan di ASEAN yang diadakan di Bangkok, Thailand. Pengkaji akan mengkaji perkembangan PABAM dari sudut domestik sehinggalah ke peringkat antarabangsa dan meninjau implikasi dari langkah PABAM dalam mencapai matlamatnya sebagai sebuah organisasi keagamaan.

Dengan matlamat untuk memahami perkembangan dan peranan PABAM secara berperingkat dan proses penempatannya di Malaysia dan peranan PABAM terhadap masyarakat Cina dan masyarakat umum di Malaysia, tinjauan skop kajian ke atas PABAM dari segi keagamaan dan pentadbiran adalah amat penting. Ini adalah kerana, PABAM terlibat dalam kedua-dua arena keagamaan dan pentadbiran di Malaysia pada peringkat pusat dan kebangsaan.

1.4: Kepentingan Kajian

Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha telah menyebarkan ajaran Tanah Suci Amitabha dengan pesat ke seluruh dunia, termasuk Malaysia dalam tempoh 2 dekad dari tahun 1990. Seperti yang telah dinyatakan, sebanyak 42 buah Persatuan Amitabha telah ditubuhkan dan didaftarkan secara rasmi di seluruh Malaysia sehingga tahun 2009. Kadar perkembangan dan peranan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha dalam menyebar ajaran Tanah Suci Amitabha di Malaysia yang agak pesat dan menakjubkan ini seharusnya diberi perhatian yang sewajarnya oleh para sarjana dan ahli-ahli akademik yang berminat dalam bidang Agama Cina.

Usaha-usaha PABAM sebagai pusat Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha tempatan dengan memainkan peranan selaku tunjang yang memantau penyelaran urusan kedua-dua aspek "keagamaan" dan "pentadbiran" di Malaysia telah banyak menyumbang kepada perkembangan pesat ajaran Tanah Suci Amitabha di Malaysia. Justeru itu, penelitian dan peninjauan terhadap usaha PABAM dalam konteks memartabatkan ajaran Tanah Suci Amitabha di Malaysia dapat mengisi kekosongan dalam penyebaran dan perkembangan ajaran Tanah Suci Amitabha di Malaysia.

Hasil kajian ini antara yang dapat mengisikan kekosongan penyelidikan terhadap penyebaran dan perkembangan ajaran Tanah Suci Amitabha di Malaysia yang masih agak kekurangan. Menjadi sasaran bahawa kajian ini dapat menyumbang kepada kefahaman

tentang PABAM dalam perkembangan dan peranannya terhadap ajaran Tanah Suci Amitabha di Malaysia.

1.5: Permasalahan Kajian

Seperti yang telah dinyatakan, peranan PABAM dalam memajukan mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia memang tidak dapat dinafikan. Namun, ia hanya dijalankan oleh Jawatankuasa Persediaan untuk penubuhan sebagai persatuan bermula pada tahun 1993. Sebelum penubuhannya sebagai persatuan secara rasmi pada tahun 1995, pihak manakah yang menyumbang terhadap penyebaran dan perkembangan mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia? Tinjauan ke atas sejarah awal penubuhan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha, pihak-pihak yang terlibat serta pakatan-pakatan kepercayaan Tanah Suci Amitabha tak formal tertentu yang diwujudkan pada peringkat awal perkembangan mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia, adalah antara perkara-perkara yang penting untuk dianalisis.

PABAM telah menjadi simbol perpaduan bagi Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha dan para penganut kepercayaan Amitabha yang tersebar luas di seluruh Malaysia, di samping memainkan peranan selaku badan "perantaraan" yang menjalin hubungan erat antara mazhab-mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia, serta dengan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha di peringkat antarabangsa. PABAM juga

bergiat dalam usaha penyelarasan ajaran pendidikan Buddha Amitabha dan tatacara kultivasi Buddha Amitabha. Justeru itu, tinjauan terhadap semua aspek PABAM termasuk sejarah penubuhan, struktur organisasi dan mekanisme operasinya, dapat mengenalpasti asal-usul penyebaran dan perkembangan mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia secara lebih jelas dan menyeluruh.

1.6: Ulasan Karya

Sehingga ini, sejumlah kajian berhubung sejarah masyarakat Cina dan bidang kepercayaan orang Cina di Malaysia telah dijalankan oleh para sarjana, termasuk Tan Chee Beng (1983，1990, 1991), Loh Cheng Sun (1984), Yao Yu-shuang (1996), Ching Thing Ho (2003), Tang Chew Peng (2004), Acarya Lian Zai (2005), Bai Yuguo (2008), Leong Chew Moi (2010), dan Soo Khin Wah (1997, 1998, 2002, 2004, 2007, 2009, 2010). Kajian-kajian akademik berkenaan masing-masing menawarkan gambaran menyeluruh mengenai asal-usul dan perkembangan kepercayaan orang Cina di Malaysia. Antaranya, termasuk Folk Religion (民俗宗教) yang termasuk dewi Mazu (妈祖); Moral Uplifting Society (德教会); True Buddha School (真佛宗); Agama Buddha, Agama Hindu, Agama Kristian, Agama Islam; Soka Gakkai Malaysia (马来西亚创价学会) dan Unity Sect (一贯道), Foguangshan (佛光山).

Kajian Ackerman dan Lee (1988) menganalisis tiga buah pertubuhan bukan Islam

yang muncul dalam negara Malaysia yang majmuk dan didominasi oleh Melayu-Islam, iaitu agama Kristian, Satya Sai Baba, dan Baitiangong di kalangan masyarakat Cina tempatan. Kajian ini menunjukkan bagaimana pertubuhan-pertubuhan agama baru tersebut bersaing dengan pertubuhan agama sedia ada yang lebih mantap seperti agama Hindu dan agama Buddha. Kajian Lee dan Ackerman (1997) pula mengkaji rehabilitasi agama di Malaysia berdasarkan kerja-kerja lapangan yang dijalankan di Lembah Klang selama sepuluh tahun. Kajian ini mempersoalkan definisi kemodenan budaya yang semata-mata berdasarkan pengalaman Barat. Asal-usul penyebaran dan perkembangan agama Islam, agama Buddha, agama Hindu, dan agama Kristian di Malaysia diteliti secara berasingan dalam bab yang berlainan.

Hasil kajian Yao Yu-shuang (1996) tertumpu kepada perbandingan asal-usul dua buah pertubuhan Buddhis di London yang berasal dari Taiwan, iaitu pertubuhan *Fo Guang Shan* (佛光山) dan mazhab True Buddha School (TBS), yang masing-masing dikenali sebagai Fo Guang Si (佛光寺 *The Buddha's Light Temple*) dan Zhenwei Tang (真伟堂 *The Real Greatest Chapel*). Antaranya aspek yang dibandingkan termasuk mekanisme organisasi, doktrin pengajaran, daya tarikan penganut, dan juga tindak balas para penganut terhadap kepercayaan masing-masing. Bagi Yao, mazhab TBS adalah cabang baru Buddhisme yang berusur "sinkritik". Pemerhatian ini juga ditegaskan oleh kajian Ding Ren-jie (2004). Ding berpendapat bahawa unsur "sinkritik" yang nyata

kelihatan dalam mazhab TBS, mampu menyatukan atau mengintegrasikan pengajarannya dengan kepercayaan Folk Religion.

Zheng Zhi-ming (2000) dalam artikel beliau yang bertajuk "*Lu Sheng-yen yu lingxian zhen fo zong*"（卢胜彦与灵仙真佛宗）telah mengkaji tentang latar belakang Lu Sheng-yen dan juga sejarah penubuhan serta perkembangan mazhab TBS di Taiwan pada peringkat awal dari perspektif "*New Religion*". Artikel Zheng ini memberi tumpuan khas kepada penubuhan mazhab TBS oleh Lu Sheng-yen menerusi proses penerbitan siri "buku-buku *spiritual*" Lu Sheng-yen serta menganalisis Mitos *Pure Land* TBS dan Tatacara Bersadhana TBS yang unik. Kajian Zheng ini tertumpu kepada penganalisaan isi kandungan siri "buku-buku *spiritual*" karya Lu Sheng-yen, latar belakang dan pengalaman peribadi Lu Sheng-yen yang secara kasar meliputi perubahan 4 peringkat hidup yang dialami beliau.

Menurut Zheng, Lu Sheng-yen merupakan seorang penulis prolifik yang berkhidmat sebagai anggota tentera di Taiwan pada peringkat awal tahun 1945-1969. Namun, Lu Sheng-yen mula mengalami perubahan peranan yang besar pada peringkat kedua antara tahun 1969 hingga 1982, di mana beliau memperoleh kuasa ghaib dan memperlihatkan kemahiran dalam ilmu tilikan. Selepas berhijrah ke Seattle, bersama ahli keluarganya pada tahun 1982, Lu Sheng-yen tertumpu kepada penyebaran Ajaran dan Tatacara Bersadhana TBS yang diasaskan beliau. Seterusnya, beliau mengumumkan

status diri sebagai seorang sami Buddha pada tempoh perkembangan peringkat ketiga (tahun 1982-1986). Bermula peringkat perkembangan yang keempat (tahun 1986 hingga kini), Lu Sheng-yen bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti memimpin perlangsungan ritus amal TBS, dan penyebaran Ajaran dan Tatacara Bersadhana TBS sambil membuat lawatan rasmi ke seluruh dunia. Tindakan proaktif beliau sekaligus membawa kemajuan pesat dalam penyebaran ajaran mazhab TBS. Artikel Zheng tersebut merupakan hasil kajian akademik berhubung mazhab TBS yang terawal diterbitkan. Ia merupakan bahan rujukan yang amat berguna kepada para pengkaji dalam meninjau asal-usul penyebaran dan perkembangan mazhab TBS ke Malaysia.

Kajian Soo Khin Wah & Pu Wen Qi (2002) membincangkan pelaksanaan nilai universal Soka Gakkai Malaysia (SGM) dalam aspek keamanan, kebudayaan dan pendidikan. Soo dan Pu telah memperkenalkan ideologi SGM dengan teliti di samping menghuraikan aktiviti-aktiviti utama SGM secara terperinci melalui kaedah kajian kes. Kejayaan utama SGM adalah disebabkan terdapat pemimpin yang berpandangan jauh seperti Ke Yan Long 柯延龙 dan Ke Teng Fang 柯腾芳.

Kajian Zhou Weimin & Tang Lingling (2002) membincangkan penyebaran agama China terutamanya kepercayaan rakyat di China Selatan menerusi imigrasi orang Cina dari Selatan China telah membawa masuk ke Malaysia. Zhou Weimin & Tang Lingling telah menyatakan sehingga tahun 1989, terdapat sebanyak tiga puluh buah Biara Thean

Hou telah dibina di Malaysia. Kajian mereka juga menyentuh seni pembinaan dan sejarah perkembangan Biara Kek Lok Si 极乐寺 di Pulau Pinang di samping perkembangan Tokong Qing Yun Tin 青云亭 di Melaka. Zhou Weimin & Tang Lingling menggunakan kaedah sejarah dalam meninaju penyebaran agama China ke Malaysia. (Zhou Weimin & Tang Lingling, 2002: 498-509)

Kajian mereka juga menyatakankan seni pembinaan biara-biara agama Cina di Malaysia adalah dipengaruhi oleh seni pembinaan biara-biara di China Selatan dan merupakan khazanah yang berharga untuk para pengkaji yang melibatkan diri dalam seni pembinaan biara-biara kuno China dan Malaysia.

Kajian Ching Thing Ho (2003) telah menghuraikan impak faktor-faktor agama Buddha terhadap kepercayaan di kalangan rakyat jelata khususnya orang Cina dalam arus peralihan dan perkembangan yang berlaku di biara. Ching telah mengkaji kes kajian Biara Thean Hou yang terletak di Kuala Lumpur secara mendalam. Hasil kajian Ching mendapati bahawa peranan dan pengaruh faktor-faktor agama Buddha terhadap kepercayaan di kalangan rakyat jelata adalah nyata dan konkrit.

Kajian Soo Khin Wah (2004) membincangkan skop dari pujaan terhadap dewi mazu sehingga kajian budaya terhadap dewi mazu. Soo telah membuat kajian dari segi faktor-faktor perkembangan sejarah terhadap dewi mazu dengan menggunakan contoh-contoh di Malaysia dan Singapore. Hasil kajian Soo yang utama ialah tahap

perkembangan budaya dan agama mazu yang tinggi dan makmur akan mempertingkatkan pulangan yang baik sama ada dari segi perlancongan, kebudayaan, perdagangan, mahupun ilmiah pengajian.

Kajian Tang Chew Peng (2004) membincangkan sejarah perkembangan agama Buddha ke Malaysia melalui imigrasi orang Cina pada zaman penjajahan British di Pulau Pinang. Tang membahagikan sejarah perkembangan agama Buddha dalam kajiannya kepada tiga peringkat iaitu Perkembangan Agama Buddha Orang Imigrasi 移民佛教的发展 pada tahun 1786-1920; 1920-1940 dan 1940-1960. (Tang Chew Peng, 2004: 115-117) Kajiannya menyimpulkan bahawa Agama Buddha Orang Imigrasi merupakan asas kukuh perkembangan Agama Buddha di Malaysia. Tang telah menggunakan kaedah sejarah dan kaedah temu bual dalam pengkajiannya.

Ding Ren-jie (2004) pula meninjau unsur-unsur "*New Religion*" yang terkandung dalam mazhab TBS. Artikel beliau lebih menekankan corak perkembangan mazhab TBS, struktur organisasi mazhab TBS, serta latar belakang lokalisasi perkembangan Agama Buddha Tradisi Esoterik di Taiwan. Beliau menggabungkan latar belakang peribadi Master Lu dengan asal-usul penubuhan dan perkembangan mazhab TBS, dan seterusnya membincang trend perkembangan mazhab TBS yang terbahagi kepada tiga peringkat utama, iaitu : (i) peringkat pertama antara tahun 1975 hingga 1982, di mana Lu Sheng-yen melabelkan diri beliau sebagai seorang intelek yang mempromosikan

kepercayaan *Folk Religion* pada peringkat awal, dan seterusnya berikhtiar untuk menaiktarafkan inti pati ajaran kepercayaan *Folk Religion* antara tahun 1975 hingga 1982; (ii) peringkat ke-2 dalam tempoh 1982 hingga 1989, Lu Sheng-yen menganggap diri beliau sebagai seorang Master atau pemimpin agama; (iii) peringkat ke-3 antara tahun 1989 hingga kini pula melihat usaha Lu Sheng-yen untuk menginstitusikan pertubuhan Pusat-pusat Meditasi TBS yang tersebar luas di seluruh dunia.

Hasil kajian Yao Yu-shuang (2004) pula tertumpu kepada perbandingan asal-usul dua buah pertubuhan Buddhis di London yang berasal dari Taiwan, iaitu pertubuhan *Fo Guang Shan*（佛光山）dan mazhab TBS, yang masing-masing dikenali sebagai *Fo Guang Si*（佛光寺 *The Buddha's Light Temple*）, dan *Zhenwei Tang*（真伟堂 *The Real Greatest Chapel*）. Antaranya, aspek yang dibandingkan termasuk mekanisme organisasi, doktrin pengajaran, daya tarikan penganut, dan juga tindak balas para penganut terhadap kepercayaan masing-masing. Bagi Yao, mazhab TBS adalah cabang baru Buddhisme yang berunsur "sinkritik". Pemerhatian ini juga ditegaskan oleh kajian Ding Ren-jie (2004). Ding berpendapat bahawa unsur "sinkritik" yang nyata kelihatan dalam mazhab TBS, mampu menyatukan atau mengintegrasikan pengajarannya dengan kepercayaan *Folk Religion.* Tambahan pula, garis salasilah mazhab TBS tidak serupa dengan pertubuhan-pertubuhan Buddhis yang sedia ada. Pada hakikatnya, unsur "sinkritik" mazhab TBS seumpama ini memperlihatkan "corak pemikiran"（意识形态）peringkat

permulaan penubuhan mazhab TBS di Taiwan. Unsur "sinkritik" ini tetap berkekalan dalam mazhab TBS sehingga hari ini.

HAsil kajian Tam Wai Lun (2005) yang bertajuk "*Re-examining the True Buddha School: A 'New Religion' or a New 'Buddhist Movement'?*", meninjau semula pendapat para sarjana yang menganggap mazhab TBS sebagai "*New Religion*". Beliau berpendapat pengklasifikasian mazhab TBS ke dalam Kumpulan Agama Baru（新宗教群体）sebagai "*New Religion*" oleh sarjana-sarjana berkenaan tanpa kesedaran diri mereka telahpun membabitkan "penilaian" (*judgment of Buddhism*) yang dilakukan ke atas Kumpulan Agama Baru yang berkenaan dan seterusnya meminggirkannya. Beliau berpendapat bahawa demi mengelakkan risiko penetapan penilaian tersebut, para sarjana seharusnya memahami "*identity* diri"（自我定位）serta penglabelan diri oleh Kumpulan Agama Baru sendiri, seterusnya perhubungan Kumpulan Agama Baru dengan Kumpulan Agama Asal（母体）yang diwarisi kumpulan berkenaan.

Kajian Acarya Lian Zai (2005) pula menyentuh sejarah perkembangan agama Buddha Tradisi Esoterik dan ajarannya, di samping membincangkan keunikan ajaran dan tatacara bersadhana True Buddha School.

Setakat ini, kajian berhubung asal-usul penyebaran dan perkembangan mazhab TBS di Malaysia oleh Soo Khin Wah (2007) hanya satu-satunya hasil penyelidikan yang boleh didapati. Kajian beliau bertajuk "*True Buddha School in Malaysia: Its Spread and*

Present Development", telah dibentangkan dalam satu persidangan antarabangsa di Kanada pada tahun 2007. Berdasarkan data-data yang terkumpul, kajian ini menganalisis perkara seperti saluran penganut mengenali Ajaran dan Tatacara Bersadhana TBS, masa yang diperuntukkan penganut TBS untuk bersadhana dalam setiap minggu (jam), kekerapan penganut TBS menyertai akvititi bersadhana bersama setiap bulan, dan sebagainya. Data-data tersebut diperoleh melalui borang-borang soal-selidik yang diedarkan. Selain itu, soalan-soalan berkaitan latar belakang penganut-penganut TBS tempatan juga dikumpul secara kuantitatif.

Menerusi analisis data-data yang diperoleh, Soo menyimpulkan bahawa sebilangan besar panganut TBS (peringkat awal perkembangan mazhab TBS di Malaysia) mengenali Lu Sheng-yen, dan Ajaran dan Tatacara Bersadhana TBS melalui saluran-saluran seperti pembacaan siri "buku-buku *spiritual*" yang dikaryakan Lu Sheng-yen, dan seterusnya menganuti TBS dengan kaedah "penghantaran surat kepada Lu Sheng-yen, dan menerima saranan Lu Sheng-yen secara jarak jauh". Sebilangan kecil bakal penganut yang beriman dan berkeupayaan ekonomi pula memilih untuk pergi ke Seattle, Amerika Syarikat dengan sendiri demi menerima abhiseka sarana secara langsung oleh Lu Sheng-yen.

Data-data yang dikemukakan oleh Soo juga memaparkan peningkatan kualiti penganut TBS tempatan dari segi "taraf pendidikan" dan "jenis kerjaya" amat ketara

berbanding dengan keadaan sebelumnya. Maka, tanggapan pihak pengkritik bahawa penganut-penganut TBS hanya terdiri daripada golongan berpendidikan rendah adalah sama sekali tidak benar. Beliau juga menegaskan bahawa dalam pasaran agama hari ini yang sengit persaingannya, kebangkitan mazhab TBS di Malaysia dengan kadar yang pesat dalam tempoh dua dekad kebelakangan ini, mengakibatkan mazhab TBS hangat dicela dan dikritik oleh Pertubuhan-pertubuhan Buddhis tempatan, yang melabelkan diri mereka sendiri sebagai "pertubuhan Buddhis yang ortodoks pengajarannya".

Antara faktor utama yang mencetuskan pencelaan tersebut ialah penglibatan penerimaan penganut TBS baru yang sebelum ini menganuti "Agama Buddha ortodoks" tersebut. Hasil kajian beliau mampu menghapuskan pandangan *stereotype* negatif orang ramai terhadap mazhab TBS. Bagaimanapun, kajian ini hanya tumpukan kepada perbincangan asal-usul penyebaran dan perkembangan mazhab TBS di Malaysia secara umum, soal penubuhan MMZ dan peranan yang dimainkannya tidak dijadikan fokus kajian.

Kajian Bai Yuguo (2008) adalah meninjau asal-usul penyebaran Agama Buddha di Malaysia dan hubung kait antara agama Buddha dengan perkembangan sosial, ekonomi, dan politik masyarakat Cina tempatan. Bai juga menyentuh secara kasar tentang perkembangan Persatuan Agama Buddha Amitabha (PABA) di Malaysia. Beliau menyatakan terdapat sebanyak tiga puluh buah PABA di Malaysia yang memainkan

peranan penting dalam menyebarluaskan ajaran dan pelbagai maklumat agama Buddha dan sebagainya. (Bai Yuguo, 2008: 207-208) Kekurangan Bai adalah tidak meneliti perkembangan dan proses penyelesuaian PABA di Malaysia secara mendalam. Bai menggunakan kaedah pemerhatian secara integrasi dalam meninjau sejarah agama Buddha dalam masyarakat orang Cina di Malaysia; kaedah sejarah dan kaedah agama sosiologi dalam pengkajiannya.

Kajian Soo Khin Wah (2009) membincangkan sejarah dan perkembangan kini tentang pertubuhan Yiguan Dao (Unity Sect) di Malaysia. Soo membuat kajian secara mendalam tentang sejarah dan perkembangan dua kes kajian utama iaitu rumah berhala Fayi Chongde Daochang 发一崇德道场 dan Baoguang Jiande Daochang 宝光建德道场. Soo menggunakan metodologi kajian deskriptif mengkaji struktur organisasi dan akitiviti-aktiviti kedua-dua kes kajian tadi di samping membincangkan serta memberi cadangan tentang inspirasi dan harapan kelak Pusat Pertubuhan Yiguan Dao di Malaysia. Soo menyimpulkan bahawa mazhab-mazhab Yiguan Dao di Malaysia yang menjadi ahli kepada Pusat Pertubuhan Yiguan Dao di Malaysia seharusnya bekerjasama agar bersama-sama memberi perkhidmatan yang baik kepada masyarakat terutamanya dari segi pendidikan, kebudayaan dan kebajikan di samping bekerjasama erat dengan pertubuhan-pertubuhan agama lain demi kestabilan, keamanan dan kemakmuran negara. (Soo Khin Wah, 2009: 142-143)

Kajian Soo Khin Wah (2010) membincangkan penyebaran dan perkembangan pengajaran pertubuhan Yiguandao ke luar negera yang terutamanya di Singapore, Malaysia dan Thailand. Soo menggambarkan keadaan realiti perkembangan Yiguandao di Taiwan, seterusnya mengkaji dan memokus penyebaran dan perkembangan pengajaran mazhab Fayi Chongde 发一崇德 di Singapore, Malaysia dan Thailand. Soo menyatakan bahawa punca kejayaan utama pengajaran mazhab Fayi Chongde adalah disebabkan mazhab ini mengamalkan konsep kepimpinan yang mengutamakan etika kekeluargaan, sebulat hati dalam melaksanakan polisi organisasi yang ditetapkan dan seumpamanya. (Soo Khin Wah, 2010: 53)

Kajian Leong Chew Moi (2010) pula membincangkan tahap perkembangan pertubuhan agama Buddha Foguangshan di Malaysia, taburan Foguangshan di seluruh pelusuk Malaysia, struktur organisasi, aktiviti-aktiviti Foguangshan dan sebagainya. Leong menggunakan metodologi kajian deskriptif untuk menggambarkan peranan Foguangshan dalam kehidupan penganut-penganut Foguangshan di masyarakat Malaysia. Leong menyimpulkan bahawa perkembangan Foguangshan di Malaysia telah dua puluh tahun, Foguangshan Malaysia mempunyai biara yang paling banyak di antara biara Foguangshan di Asia. Kini Foguangshan Malaysia melalui Persatuan Agama Buddha Fo Guang Malaysia atau Buddha's Light International Association Malaysia Chapter 国际佛光会马来西亚协会 yang ditubukan pada tahun 11 April 1992 telah berjaya membantu

Foguangshan Malaysia menyebarluaskan Dharma Buddha ke dunia. (Leong Chew Moi, 2010:116)

Namun, kekurangan kajian Leong adalah tidak menyentuhi mazhab Tanah Suci Amitabha yang sebenarnya juga dipraktikkan oleh para penganut Foguangshan Malaysia pada kehidupan harian, contoh yang nyata ialah ucapan nama Amitabha atau Amituofo.

Kajian Tan Pin Wooi (2014) pula membincangkan dan meninjau trend penyebaran dan perkembangan mazhab Agama Buddha Tantrayana (TBS) di Malaysia antara tahun 1996 hingga 2009, khususnya menumpu kepada peranan penting yang dimainkan oleh Persekutuan Agama Buddha Tantrayana Chen Foh Chong Malaysia (MMZ) selaku tunjang yang memantau penyelarasan urusan kedua-dua segmen "keagamaan" dan "pentadbiran" mazhab TBS di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa MMZ ditubuhkan atas desakan untuk mempertahankan maruah dan membela kepentingan bersama penganut TBS di Malaysia, di samping menyahut saranan penginstitusian Pusat-pusat Meditasi TBS di dunia. Keupayaan MMZ melancarkan siri program-program pemilihan dan peningkatan mutu Dharmaduta, berjaya melahirkan anggota berkualiti untuk mengisi jawatan kepimpinan Pusat-pusat Meditasi TBS tempatan. Kejayaan MMZ menjalin hubungan erat sesama *True Buddha Foundation* (TBF) dengan Pusat Meditasi TBS tempatan, memainkan peranan selaku "jurucakap", serta menunaikan "Tiga Misi Suci" Lu Sheng-yen di tanah air kita, iaitu Malaysia, telah memartabatkan status dan imej

TBS sedunia, sejajar dengan perancangan penginstitusian antarabangsa mazhab TBS. Namun, kekurangan kajian Tan adalah tidak menghuraikan secara mendalamnya mengenai pendekatan-pendekatan yang lebih berkesan dalam memperbaiki penyebaran dan perkembangan Persekutuan Agama Buddha Tantrayana Chen Foh Chong Malaysia (MMZ) di Malaysia.

Akhir sekali, kajian yang telah dilakukan oleh Susan E. Ackerman dan Raymond L.M. Lee (1990) membincangkan tentang agama yang dianuti oleh masyarakat Cina di Malaysia. Dalam karya buku yang bertajuk Heaven in Transition, penulis telah menyatakan bahawa agama yang dianuti oleh masyarakat Cina iaitu Buddhisme merupakan sebuah agama yang terbuka dan mempunyai sebuah sistem yang fleksibel. Hal ini adalah kerana agama ini tidak mempunyai sebarang institusi yang dikawal ketat namun institusi tersebut masih seiring dengan budaya masyarakat Cina itu sendiri. Data yang diperoleh dalam kajian Ackerman dan Lee merupakan dari tahun 1977 sehingga 1984. Justeru, beberapa dapatan kajian yang mereka peroleh mungkin tidak sesuai untuk diguna pakai untuk menentukan arah tuju atau ideologi agama Cina yang ada di Malaysia pada hari ini. Dalam kajian mereka, pengkaji telah menekankan bahawa agama kepercayaan masyarakat Cina di Malaysia tidak mempunyai struktur organisasi yang kuat dan diiktiraf diseluruh negara. Walau bagaimanapun, ada pendapat yang menyatakan kewujudan Persatuan Cina Malaysia (MCA) merupakan sebuah organisasi kebangsaan

yang mewakili penduduk Cina di Malaysia. Akan tetapi, peranan organisasi MCA ini lebih tertumpu kepada urusan berkaitan politik berbanding dengan keagamaan. Kajian ini turut membincangkan tentang perkembangan agama Cina di Malaysia sejak kedatangan pendatang Cina ke Tanah Melayu sehingga kini. Agama Cina di Malaysia digambarkan sebagai bersifat sinkretik kerana ia merupakan sebuah kepercayaan yang telah berkembang dari banyak sumber; sama ada agama atau kepercayaan yang kemudian diinterpretasikan semula dalam budaya masyarakat Cina. Buku ini menggambarkan fenomena ini sebagai sebuah pergerakan dalam proses pembentukan kepercayaan agama yang mana akhirnya membawa kepada kepercayaan politeisme dikalangan penganutnya. Seterusnya, Ackerman dan Lee (1990) juga ada membincangkan tentang peranan ahli agama. Antaranya menerangkan tentang peranan psikik Cina yang dikenali dalam bahasa Hokkien 'dang ki' sebagai perantara antara manusia dan tuhan dalam agama yang dianuti oleh majoriti masyarakat Cina. Pada masa yang sama, mereka turut menyatakan bahawa ekonomi merupakan faktor utama yang mengembangkan bisnes psikik dikalangan masyarakat Cina ketika permulaan loteri dibenarkan di Malaysia pada masa itu. Perkembangan agama pada masa itu lebih tertumpu kepada urusan duniawi dengan bantuan semangat shen. Semangat shen juga digunakan untuk mengawal hubungan manusia dalam sesebuah institusi. Kebanyakan persatuan sukarela bukan agama mempunyai struktur organisasi yang jelas, namun begitu upacara keagamaan yang

dilakukan lebih tertumpu untuk mengukuhkan hubungan antara anggota iaitu berdasarkan persamaan asal usul, dialek, nama keluarga serta pekerjaan. Agama Cina yang dibincangkan dalam kajian ini berbeza antara satu organisasi dengan yang lain seperti Xian Tian Da Dao, gerakan Konfusianisme, Dejiao Hui, dan Baitiangong. Ideologi yang berbeza juga jelas digambarkan dalam *Heaven in Transition* iaitu dari pemikiran tradisional sehingga pemikiran yang sangat komplex. Perkara berkaitan moral sangat ditekankan pada semua organisasi. Contohnya, penekanan terhadap balasan di akhirat sama dengan konsep '*you reap what you sow*' atau konsep *karma* dalam agama Hindu. Ini adalah beberapa elemen penting yang ditonjolkan dalam karya ini. Kesimpulannya, kajian Ackerman dan Lee (1990) berpendapat bahawa kewujudan agama Cina adalah melalaui identiti etnik yang mampu menguatkan ajaran agama walaupun kekurangan organisasi keagamaan atau tokoh agama yang kuat. Hal ini turut menyebabkan orang awam mempunyai kuasa autonomi untuk membawa pembaharuan dalam agama, seterusnya menghasilkan kemajuan serta penambahbaikan terhadap agama itu sendiri.

Walau bagaimanapun, kajian-kajian akademik tersebut amat sedikit menyentuh tentang mazhab Tanah Suci Amitabha yang dianuti masyarakat Cina tempatan. Penting untuk diketahui bahawa seawal tahun 1990, Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha telahpun berkembang di hampir setiap negeri di Malaysia dalam tempoh masa 10 tahun yang agak singkat. Fenomena ini menunjukkan bahawa kewujudan dan

seterusnya penyebaran mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia masih belum menarik perhatian yang utama daripada para sarjana dalam bidang Agama Cina.

Analisis ke atas ulasan karya di atas mendapati bahawa penubuhan mazhab Tanah Suci Amitabha oleh Chin Kung, pengalaman bersadhana peribadi Chin Kung pada setiap peringkat perkembangan mazhab Tanah Suci Amitabha, struktur organisasi mazhab Tanah Suci Amitabha dan juga Ajaran dan Tatacara Bersadhana Tanah Suci Amitabha adalah kurang. Kajian yang tertumpu khas kepada PABAM adalah tidak didapati setakat ini. Oleh itu, kajian dan analisis terhadap asal-usul penubuhan dan perkembangan PABAM secara lebih mendalam dan menyeluruh dilakukan dalam kajian ini, terutamanya peranan yang dimainkan oleh PABAM selaku tunjang yang memantau penyelarasan urusan kedua-dua aspek "keagamaan" dan "pentadbiran" mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia. Adalah diharapkan kajian ini dapat mengisi kekurangan dalam bidang kajian mazhab Tanah Suci Amitabha tersebut.

1.7: Kerangka Teori

Antara tokoh-tokoh sosiologi agama pada masa lampau ialah ahli sosiologi Perancis Emile Durkheim (1858-1917) dan ahli sosiologi Jerman Marx Weber (1864-1920). Penyelidikan Durkheim mengutamakan fakta sosial yang konkrit, menganalisa *structural* syarat-syarat luaran, dan mementingkan moral kelompok masyarakat. Durkheim mengungkapkan bahawa masyarakat adalah sebuah kesatuan di mana di dalamnya

terdapat bahagian – bahagian yang berbeza. Bahagian-bahagian tadi mempunyai fungsi masing – masing yang membuatkan sistem masyarakat menjadi seimbang. Bahagian tersebut saling interdependensi di antara satu sama lain dan fungsional, sehingga jika ada yang tidak berfungsi maka akan merosakkan keseimbangan sistem masyarakat. Pemikiran inilah yang mempengaruhi Teori Fungsionalisme Struktural yang kemudiannya diasaskan oleh Talcott Parsons. Manakala penyelidikan Weber pula mengutamakan motif subjektif para penganut dan penggerak agama. (Bai Yuguo, 2008: 13) Pengkaji lebih cenderung dalam menggunakan pandangan Durkheim kerana dalam kajian sosiologi agama, gambaran secara objektif adalah lebih bernilai daripada komen subjektif. Justeru itu, tesis ini mendahulukan gambaran fenomena secara objektif, diikuti dengan gambaran subjektif yang diberikan ruang pemikiran kepada para pembaca.

Mazhab Teori Fungsionalisme Struktural ialah teori yang paling besar peranannya dalam ilmu sosiologi agama di abad sekarang. Tokoh yang pertama kali mencetuskan Teori Fungsionalisme Struktural ialah Talcott Parsons (1902-1979) yang terkenal dengan teori pergerakannya. (Talcott Parsons, 1937) Pada tahun 1956, Talcott Parsons membangun dan membaharui Teori Fungsionalisme Strukturalnya dan teori yang baru ini juga digelar sebagai Model Pertukaran atau Model AGIL. (Talcott Parsons & Neil J. Smelser, 1956) Model AGIL mempunyai empat faktor utama iaitu A: *Adaptation*, G: *Goal Attainment*, I: *Integration*, dan L: *Latency*. Pada asasnya, bidang faktor A merujuk

kepada sumber ekonomi; bidang G merujuk kepada politik dan kerajaan; bidang I merujuk kepada mengutamakan nilai sosial; dan bidang L merujuk kepada mengekalkan nilai sosial. (Jeffrey C. Alexander,1987: 67-68) Teori Fungsionalisme Struktural mengutamakan kajian terhadap hubungan akitiviti agama dalam organisasi agama dengan kehidupan masyarakat terutamanaya dari segi memuaskan keperluan asas manusia dalam masyarakat serta keharmonian dalam spiritual. Pengkaji memilih teori ini kerana signifikan dalam proses menganalisa perkembangan dan peranan PABAM sepanjang 20 tahun. Ini dapat mencerminkan bagaimana objektif atau matlamat utama sesebuah organisasi seperti organisasi Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia (PABAM) dapat memberi implikasi yang akan bergabung menjadi suatu fungsi untuk masyarakat yang lebih besar, seperti di Malaysia.

Goal Attainment (G) yang mengutamakan matlamat politik PABAM dalam kawalan sosial. Di sini, G melibatkan penetapan polisi, faedah pulangan dan sistem kawalan sosial yang dilaksanakan oleh PABAM secara stabil. G dalam PABAM adalah mengutamakan bidang pendidikan, pentadbiran dan keagamaan. Bidang pendidikan pula melibatkan penyebaran pendidikan agama Buddha terhadap individu, organisasi tempatan serta organisasi antarabangsa. Contohnya dalam penyebaran dan perkembangan Pendidikan Multi Agama dan Budaya di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa yang dimainkan oleh PABAM. Begitu juga dengan peranan PABAM dalam pendidikan

kitab-kitab dan pendidikan agama Buddha yang berkaitrapat dengan konsep struktur dan tingkah laku. Bidang pentadbiran ialah peranan PABAM dalam menguruskan kursus kerohanian agama Buddha dalam Program Latihan Khidmat Negara dan Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha di Malaysia dan sebagainya. Bidang keagamaan ialah peranan PABAM dalam menguruskan Upacara Berzikir terhadap Buddha Amitabha dan seumpamanya. Peranan PABAM dalam G ialah melibatkan penetapan polisi, faedah pulangan dan sistem kawalan sosial yang berdasarkan Model Chin Kung yang berasaskan Empat Misi Sucinya iaitu memulihkan agama Buddha sebagai pendidikan Buddha tradisi, mengembangkan penggunaan Bahasa Cina Klasik secara meluas, meluaskan konsep dan semangat kekeluargaan yang terkandung dalam tradisi kebudayaan orang Cina serta memperkembangkan pendidikan multi agama dan budaya. G dilihat telah merealisasikan Model Chin Kung melalui *Integration* (I) yang mengutamakan nilai sosial dalam menonjolkan ciri-ciri moral, nilai-nilai sosial dan tanggungjawab yang dimiliki oleh ahli dan penganut PABAM. Di sini, ciri-ciri moral, nilai-nilai sosial dan tanggungjawab adalah dipratikkan dalam empat bidang utama aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh PABAM iaitu kebudayaan, kebajikan, kultivasi berzikir dan pendidikan. *Latency* (L) adalah mengekalkan nilai sosial, terutamanya niali-nilai sosial yang terkandung dalam kebudayaan, kebajikan, kultivasi berzikir dan pendidikan menerusi mengikut kebetulan dan pentaksiran yang tepat yang

digarispandukan oleh kitab-kitab agama Buddha. Manakala *Adaptation* (A) yang melibatkan sumber ekonomi dalam menjalin hubungan dengan L adalah berlandaskan kekuatan iaitu kekuatan spiritual dalaman keimanan individu, para penganut agama dan pucuk pimpinan organisasi agama. Secara keseluruhannya, kekuatan spiritual dalaman kepimpinan daripada pucuk pimpinan PABAM adalah kuat. Ini bermaksud A dan L juga adalah signifikan dalam PABAM apabila A terlibat dalam peningkatan kadar kawalan perbelanjaan dan memperkukuhkan sumber kewangan antaranya dalam mencetak kitab agama Buddha.

Berdasarkabn analisa di atas, tesis ini menggunakan konsep-konsep utama yang terkandung dalam Teori Fungsionalisme Struktural dan menafsirkannya dengan ciri-ciri penerangan baru dalam mengkaji fungsi dan sistem organisasi Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia (PABAM) yang mempunyai sifat perubahan, pergerakan, penyesuaian dan perkembangan yang nyata dalam organisasinya dan ini diterangkan serta dibincangkan dalam Bab Ketiga, Keempat dan Kelima yang terkandung di dalam tesis ini. Sebagai contoh, pengkaji menggunakan konsep-konsep utama yang terkandung dalam Teori Fungsionalisme Struktural dan mentafsirkannya dengan ciri-ciri penerangan baru dalam aspek-aspek seperti pertama, asal usul, penyebaran dan perkembangan Pendidikan Multi Agama dan Budaya di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa yang dimainkan oleh PABAM dalam Bab Keempat. Kedua, peranan PABAM dalam

pendidikan kitab-kitab dan pendidikan agama Buddha yang berkaitrapat dengan konsep struktur dan tingkah laku yang terkandung dalam Bab Ketiga. Secara tuntasnya, pengkaji menggunakan kerangka teori sososiologi iaitu Teori Fungsionalisme Struktural untuk meninjau dan mengkaji topik tesis ini yang berkairapat dengan arena pendidikan, keagamaan dan pentadbiran PABAM. Secara keseluruhannya, kerangka teori AGIL adalah seperti Rajah 1.1 di bawah:



Kerangka Teori Talcott Parsons' AGIL Schema

Berdasarkan gambar rajah di atas, ia jelas menunjukkan bahawa empat faktor atau elemen dalam kerangka teori Talcot Parson iaitu *Adaptation, Goal, Integration* dan *Latence* adalah berkait rapat dengan model Master Chin Kung yang mementingkan nilai sosial, moral dan tanggungjawab.

Teori ini sedikit sebanyak dapat menerangkan dengan lebih jelas kepada umum tentang cara perkembangan dan peranan Persatuan Agama Buddha Amitabha di Malaysia. Sebagai contoh, elemen *Adaptation* (A) yang menekankan aspek ekonomi sangat penting dalam merealisasikan model Master Chin Kung yang diguna pakai dalam persatuan Amitabha kerana dengan adanya kestabilan kewanagna ataupun sistem kawalan ekonomi yang baik, maka pencetakan kitab-kitab bagi tujuan penyebaran agama Buddha terhadap pendidikan dapat dilakukan dengan lebih mudah seperti yang dapat dilihat pada hari ini.

Di samping itu, elemen kedua dalam teori Talcott Parson iaitu *Goal Attainment (G)* yang merujuk kepada matlamat politik PABAM iaitu merangkumi sistem, polisi, dan faedah dalam penyebaran agama Buddha boleh dilihat terutamanya dari segi pendidikan seperti mengembangkan penggunaan Bahasa Cina Klasik, pentadbiran dan keagamaan seperti memulihkan agama Buddha mengikut tradisi. Matlamat yang jelas serta pelaksanaan polisi PABAM yang betul adalah amat penting bagi melahirkan individu, organisasi dan masyarakat yang benar-benar memahami dan mengikuti ajaran agama dengan baik.

Seterusnya, elemen *Integration* (I) menurut Talcott Parson yang menekankan kepentingan nilai sosial dalam aktiviti kebudayaan, kebajikan, kultivasi berzikir dan pendidikan seperti yang dianjurkan oleh PABAM dilihat seiring dengan model Master Chin Kung. Dalam erti lainnya, nilai sosial atau moral yang baik seperti yang terkandung dalam teori Talcott Parson dan model Master Chin Kung amat digalakkan oleh PABAM terhadap kehidupan seharian kesemua ahli PABAM agar mendapat kesan yang positif yang jelas selepas menjadi ahli PABAM.

Elemen yang terakhir dalam teori Talcott Parson iaitu *Latency* (L) yang boleh diertikan sebagai mengekalkan nilai sosial seperti yang telah dianjurkan dalam model Master Chin Kung dan PABAM. Ini bermaksud ahli PABAM akan memiliki kepercayaan terhadap agama Buddha dengan lebih mendalam selepas mempraktikkan kesemua aktiviti anjuran PABAM yang mementingkan nilai sosial dan mereka akan menjadi seorang insan yang lebih baik dari masa ke semasa.

Kesimpulannya, teori Talcott Parson ini merupakan teori yang paling tepat untuk menjelaskan peranan dan kaedah perkembangan Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia dari tahun 1993 sehingga 2014.

Seterusnya, terdapat beberapa tokoh-tokoh moden yang mengkaji sesuatu yang berkaitan agama pada masa ini iaitu Susan E. Ackerman dan Raymond L.M. Lee. Menurut mereka, agama yang dianuti oleh masyarakat Cina iaitu Buddhisme ialah sebuah

agama yang terbuka dan terhasil daripada banyak sumber seperti agama atau kepercayaan yang kemudian nya diinterpretasikan semula dalam budaya dan kehidupan masyarakat Cina seperti melalui pendidikan dan kehidupan sosial. Ackerman dan Lee (1990) turut menyatakan bahawa agama masyarakat Cina iaitu Buddhisme kekurangan organisasi sukarelawan keagamaan dan tokoh agama yang kuat bagi membimbing penganutnya. Antara persatuan atau gerakan keagamaan yang ada ialah gerakan *Baitiangong* yang terletak di Kuala Lumpur. Ideologi *Baitiangong* yang menekankan moraliti dan budaya adalah sama seperti yang ditekankan oleh Master Chin Kung. Organisasi-organisasi Agama Buddha di Malaysia yang berkembang pesat semenjak tahun 1980an tidak mempunyai struktur organisasi yang kuat, namun begitu terdapat organisasi kebangsaan yang mewakili penduduk Cina di Malaysia iaitu Persatuan Cina Malaysia (MCA). Akhir sekali, menurut teori Ackerman dan Lee (1990), perkembangan agama Cina pada awal pengenalannya di Malaysia lebih tertumpu kepada urusan duniawi. Penekanan yang lebih menjurus kepada moraliti dan budaya itu masih lagi boleh dilihat melalui Persatuan Amitabaha yang ada pada hari ini.

1.8: Kaedah Penyelidikan

Tesis ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif termasuk kajian perpustakaan, pemerhatian, temu bual dan perbincangan fokus. Selain daripada itu, kaedah kuatitatif dilakukan dengan menjalankan soal selidik dalam kalangan penganut-penganut PABAM.

Penulisan kajian akademik ini adalah berlandaskan kepada kaedah penyelidikan perpustakaan, iaitu pengumpulan bahan-bahan monografi, kertas-kertas persidangan, dan keratan-keratan laporan berita akhbar atau terbitan- terbitan mazhab Tanah Suci Amitabha. Selain itu, kaedah penyelidikan secara pengedaran borang soal-selidik, temu bual dan juga kaedah pemerhatian serta pemerhatian turut serta digunakan dalam tesis ini.

Seperti yang pernah dinyatakan, kajian ini memilih kes kajian ke atas PABAM. Pengumpulan segala maklumat berkaitan PABAM dijalankan dengan lebih teliti. Oleh kerana kajian akademik lepas mengenai mazhab Tanah Suci Amitabha, terutamanya di Malaysia amat berkurangan, pengkaji telah memaksimumkan usaha dalam pengumpulan data-data yang berkaitan dengan subjek kajian termasuk rujukan “buku-buku spiritual” karya Chin Kung, kertas-kertas persidangan, bahan-bahan monograf dan bahan-bahan terbitan PABAM atau mazhab Tanah Suci Amitabha termasuk laman rasmi mazhab Tanah Suci Amitabha dan PABAM. Di samping itu, sejarah lisan atau *oral history* yang dikumpul hasil daripada temu bual dengan pemimpin-peminpin PABAM termasuk para

ahli jawatankuasa, staf dan penganut PABAM juga menyumbang kepada kefahaman pengkaji berhubung dengan asal-usul penubuhan, struktur organisasi dan mekanisme operasi PABAM.

Di samping itu, Minit Mesyuarat Agung PABAM dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa PABAM yang merupakan sumber sekunder yang berguna untuk meninjau operasi secara langsung PABAM juga dirujuk oleh pengkaji. Kerjasama serta kebenaran oleh pihak pemimpin PABAM untuk membaca minit-minit mesyuarat PABAM, antara peluang yang diberikan disamping menyertai program-program latihan keagamaan dan pendidikan yang dianjurkan oleh PABAM.

Kebenaran untuk mengedarkan borang soal-selidik di kalangan anggota Jawatankuasa PABAM Penggal Kelapan (2014-2016) juga memudahkan usaha pengumpulan data untuk analisis dan penulisan tesis ini. Demi memahami "kekuasaan dan kewibawaan PABAM" secara lebih menyeluruh, soalan-soalan berkaitan latar belakang pucuk kepimpinan PABAM seperti umur, taraf pendidikan, kemampuan dalam penguasaan bahasa serta keaktifan mereka dalam pertubuhan-pertubuhan lain telah dikumpul secara kuantitatif.

Selain itu, bahan-bahan rujukan dari sumber sekunder seperti siri "buku-buku spiritual" karya Chin Kung, keratan akhbar, Manual Kultivasi Para Penganut Tanah Suci Amitabha (净宗同学修行手册), Kod Amalan Konstitusi Tanah Suci Amitabha (净宗章

程守则), Asal usul Persatuan Tanah Suci Amitabha (净宗学会缘起) terbitan khas sempena ulang tahun penubuhan Persatuan dan sebagainya yang berkaitan dengan subjek kajian ini juga dijadikan bahan rujukan untuk melengkapi kajian berhubung penyebaran dan perkembangan mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia.

Kaedah temu-bual turut dilakukan dan antara tokoh yang ditemuramah ialah Song Chin Poh, Bekas Presiden PABAM, Ng Weng Seng, Presiden PABAM, Tan Yue Lian, Eksekutif Pentadbiran Bahagian Perhubungan Awam PABAM, Ang Choo Hong, Pengerusi Persatuan Penyelidikan Buddhisme Malaysia, Wu Xing, Naib Presiden Kolej Pembelajaran Tanah Suci Amitabha Australia, Ong Hong Yuen, Presiden Pusat Lotus Multi Budaya dan Pendidikan Filipina, Lim Sun Sun, Ketua Guru Pusat Lotus Multi Budaya dan Pendidikan Filipina, Chan Liang, Bekas Setiausaha Agung Pertubuhan Agama Buddha Malaysia, Ming Ji, Naib Presiden Pertubuhan Agama Buddha Malaysia, Xue Cheng dan Sunggon Kim, Presiden Kehormat ACRP.

1.9: Pembahagian Bab

Tesis ini memuatkan sebanyak tujuh Bab. Bab pertama ialah pendahuluan yang merangkumi latar belakang kajian tentang perkembangan agama buddha di India, China, Taiwan dan Malaysia; objektif kajian; skop kajian; kepentingan kajian; permasalahan kajian; ulasan karya; kerangka teori; kaedah penyelidikan dan pembahagian bab.

Bab kedua meninjau penyebaran dan perkembangan agama Buddha Amitabha di Malaysia dengan analisis ke atas Sejarah Penyebaran Awal Dan Perkembangan Mazhab Tanah Suci Amitabha Di Malaysia; Sejarah Penyebaran Awal Dan Empat Peringkat Perkembangan Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia (PABAM) Di Malaysia; Matlamat Penubuhan PABAM; Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha (PABA); Mekanisme Garis Panduan Opearsi Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha (PABA).

Bab ketiga meninjau peranan PABAM dalam pendidikan kitab-kitab dan pendidikan agama Buddha yang termasuk Fungsi PABAM dalam pendidikan kitab-kitab dan pendidikan agama Buddha; asal-usul penyebaran dan perkembangan Kelas Pembacaan Kitab Kanak-Kanak dan Kelas Pembacaan Pendidikan Agama Buddha Kanak-Kanak PABAM; penyebaran dan perkembangan Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja PABAM; Laporan Tahunan Keputusan Peperiksaan Integrasi 2013 Untuk Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja PABAM; penyebaran dan

perkembangan Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja Lanjutan PABAM; Meninjau asal-usul penyebaran dan perkembangan Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja Pengkhususan PABAM; Meninjau asal-usul penyebaran dan perkembangan Kelas Pendidikan Agama Buddha Dewasa PABAM; Laporan Tahunan Keputusan Peperiksaan Para Guru 2014 Secara Keseluruhan Untuk Kelas Pendidikan Agama Buddha PABAM; dan Pengedaran Pendidikan Dharma Buddha Dalam Bentuk Buku, Kaset, Video Kaset, VCD dan DVD.

Bab keempat tertumpu kepada sumbangan dan peranan penting yang dimainkan oleh PABAM dalam usaha memantau penyelarasan urusan "keagamaan" mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia. Ianya meliputi peranan yang dimainkan oleh PABAM dalam usaha menunjang dan memantau penyelarasan urusan "keagamaan" Tanah Suci Amitabha di Malaysia; penyebaran dan perkembangan aktiviti Upacara Doa Mahaguru Zhong Feng Tiga Tempoh sepanjang masa menyebut nama Buddha Amitabha dan berzikir kepada Buddha Amitabha; penyebaran dan perkembangan Program Pendidikan Pengenalan Agama Buddha Peringkat Kebangsaan untuk kursus kerohanian agama universal dalam Program Latihan Khidmat Negara di bawah Kementerian Pertahanan Negara Malaysia; penyebaran dan perkembangan Pendidikan Multi Agama dan Budaya di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa yang dimainkan oleh PABAM; Rombongan Lawatan Sambil Belajar ke Pusat Pendidikan dan Kebudayaan Lujiang di China; Penasihat dan

perancang kepada Pusat Lotus Multi Budaya dan Pendidikan Philippines; Majlis pembelajaran dan penyelarasan ritual peralatan muzik agama Buddha untuk mazhab Tanah Suci Amitabha serta penyebaran dan perkembangan ritual mazhab Tanah Suci Amitabha menyebut nama Buddha Amitabha dan berzikir kepada Buddha Amitabha peringkat kebangsaan di Malaysia.

Bab kelima menunjukkan sumbangan dan peranan penting yang dimainkan oleh PABAM dalam "pentadbiran" mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia. Ianya termasuk aktiviti-aktiviti penting yang dimainkan oleh PABAM dalam memantau aktiviti Majlis persahabatan persatuan-persatuan agama Buddha Amitabha peringkat kebangsaan di Malaysia; struktur organisasi dan mekanisme pengoperasian PABAM; Program aktiviti tahunan PABAM; latar belakang anggota-anggota Jawatankuasa PABAM serta konstitusi PABAM yang berkaitan dengan objektif, pendapatan dan perbelanjaan tahunan.

Bab keenam adalah analisis tentang penyebaran dan peranan oleh PABAM; peranan penting PABAM dalam empat aspek iaitu pendidikan, kebudayaan, kebajikan dan kultivasi iaitu mempraktikkan ajaran Dharma Buddha di dalam melaksanakan aktiviti untuk masyarakat secara lebih terperinci di Malaysia. Ianya termasuk kajian dari sudut pandangan penyebaran dan perkembangan yang telah dialami oleh PABAM, terutamanya mengkaji peranan penting PABAM dalam empat aspek iaitu pendidikan, kebudayaan, kebajikan dan kultivasi iaitu mempraktikkan ajaran Dharma Buddha di dalam

melaksanakan aktiviti untuk masyarakat secara lebih terperinci di Malaysia; persepsi dan penilaian para penganut PABAM terhadap peranan, aktiviti dan sumbangan PABAM di Malaysia; peranan-peranan PABAM terhadap PABA utama yang didaftarkan secara rasmi di seluruh pelusuk Malaysia; peranan-peranan PABAM di Malaysia terhadap masyarakat Buddhisme tempatan dan sosial masyarakat Malaysia; Melatih golongan yang berbakat untuk mengembangkan pendidikan Dharma Buddha dan mazhab Tanah Suci Amitabha; Peranan para penganut dan sukarelawan yang semakin penting di PABAM dalam melaksanakan pelbagai aktiviti untuk manfaat masyarakat di Malaysia serta tinjauan masa depan terhadap mazhab Tanah Suci Amitabha dan PABAM.

Bab ketujuh yang merupakan bahagian penutup yang akan menyimpulkan kajian yang telah dilakukan secara keseluruhan.

Bab 2

Penyebaran Dan Perkembangan Agama Buddha Amitabha Di Malaysia

2.1: Pendahuluan

Sejarah penyebaran awal dan perkembangan mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia boleh dilihat pada Catatan Pagoda atau Biara Buddha Bahagia Kemuncak atau Biara Kek Lok Si, volume satu (鹤山极乐寺志卷一), pada tahun 1915. Idea pembinaan pagoda atau biara Buddha di Pulau Pinang ialah Pagoda Buddha Amitabha, sebanyak tujuh tingkat. Walau bagaimanapun, disebabkan peperangan Eropah dan perubahan ekonomi sedunia yang tidak dapat dijangka pada masa tersebut, maka projek pembinaannya terpaksa diberhentikan. (Ong Seng Huat, 2014: 30) Kemudian, idea asal projek pembinaan Pagoda Buddha Amitabha ditukar menjadi pembinaan sebuah Pagoda Sepuluh Ribu Buddha 万佛塔 yang mempunyai tiga jenis bentuk pagoda Buddha. Sebanyak tiga tingkat iaitu tingkat bawah ialah bentuk tradisi China, tingkat kedua dan ketiga masing-masing ialah bentuk Thailand dan Burma. Rumah berhala Buddha ini dikenali sebagai Biara Kek Lok Si 极乐寺. Pengasas Biara Kek Lok Si ialah Miao Lian 妙莲 yang berasal daripada Biara Buddha Gu Shan Si 鼓山寺, daerah Hokkien, China. Biara tersebut siap dibina pada tahun 1920. Bentuk pembinaan Biara Kek Lok Si menggambarkan konsep “Satu Jenis Dharma Buddha, Mewarisi Pelbagai Tradisi Ajaran Buddha”. (Tang Chew Peng,

2004). Idea pembinaan Pagoda Buddha Amitabha memperlihatkan bahawa pada awal abad ke dua puluh, mazhab Tanah Suci Amitabha telah disebar masuk ke Semenanjung Malaysia oleh Bhiksu dari China dan bermulalah lembaran baru ajaran Agama Buddha China 汉传佛教 secara rasmi di Malaysia.

Ajaran Agama Buddha China secara tidak rasmi paling awal disebar ke Malaysia adalah pada tahun 1600 di mana pembinaan Biara Qing Yun Ting 青云亭 yang terletak di Temple Street, Melaka. Biara Qing Yun Ting dibina oleh Kapitan Cina Melaka pertama iaitu Zheng Fang Yang 郑芳扬. (Buddha Magazine, 2010: 12) Biara ini pada asasnya menyembah Bodhisattva Avalokitesvara atau juga digelar sebagai Bodhisattva Guanyin 观音菩萨 yang merupakan Bodhisattva Mahabelas Kasihan yang mempunyai dua belas ikrar besar. (Li Shang Quan, 2008). Ikrarnya adalah sentiasa bersiap sedia meneliti dan mendengar suara-suara makhluk di seluruh alam semesta atau dunia-dunia yang penuh dengan penderitaan. Ianya membantu dan menyelamatkan mereka yang mengalami kesusahan, malapetaka dan sebagainya semasa penganut menyebut namanya. Dalam ajaran Agama Buddha China, para penganut digalakkan menyebut nama Bodhisattva Guanyin terutamnya ketika menghadapi pelbagai rintangan atau kesusahan dalam kehidupan. Pada permulaan abad ke tujuh belas iaitu hujung dinasti Ming, awal dinasti Qing, pada masa itu, orang Cina dari wilayah Hokkien dan Guang Dong bermula berimigrasi ke Lautan Selatan 南洋 iaitu Asia Tenggara seperti Malaysia, Singapura dan

Thailand. Orang Cina berimigrasi ke Lautan Selatan adalah kerana pada masa tersebut, Dinasti Qing baru mengambil kuasa pemerintahan daripada Dinasti Ming, peperangan dalaman di China masih berterusan, rakyat hidup dalam keadaan yang kacau-bilau serta menghadapi pelabagai kesusahan hidup. Orang Cina dari China berimigrasi ke Lautan Selatan turut membawa agama dan kepercayaan mereka, contohnya menyembah Bodhisattva Guanyin kerana berharap Bodhisattva Guanyin dapat mententeramkan jiwa, menyenangkan dan menyelamatkan kehidupan mereka yang penuh dengan pelbagai rintangan serta liku-liku hidup. (Li Shang Qua, 2008).

Adalah tidak dinafikan Bodhisattva Guanyin berkaitrapat dengan mazhab Tanah Suci Amitabha kerana beliau ialah penolong kepada Buddha Amitabha yang digelar sebagai Xi Fang San Sheng 西方三圣 iaitu satu Buddha dan dua Bodhisattva. Ianya memberi pendidikan ajaran Buddha Amitabha untuk menjadi Buddha Kesedaran Sempurna 妙觉佛果位 di Tanah Suci Amitabha Barat atau Sukhavati. Satu Buddha ialah Buddha Amitabha dan dua Bodhisattva ialah Bodhisattva Guanyin sebagai penolong kiri kepada Buddha Amitabha dan penolong kanan kepada Buddha Amitabha ialah Bodhisattva Mahasthamaprapta atau Bodhisattva Ta Shi Zhi 大势至菩萨. Bodhisattva Ta Shi Zhi mengajar penganut menyebutkan nama Buddha Amitabha agar pada akhir hayat dapat dilahirkan ke Tanah Suci Amitabha yang penuh dengan kebahagiaan mutlak. Sejak tahun 1600, Biara Qing Yun Ting 青云亭 siap dibina di Melaka, kemudian pada

tahun 1800, Biara Guang Fu Gong广福宫 didirikan di daerah Georgetown, Pulau Pinang dan Biara Xiang Shan Si 香山寺 didirikan pada tahun 1950 di daerah Tanjung Tokong, Pulau Pinang. Pujaan utama dalam biara tersebut ialah Bodhisattva Guanyin yang menggambarkan bahawa kepentingan kepercayaan Bodhisattva Guanyin dalam kehidupan harian masyarakat Cina pada masa yang lalu dan berlangsung sehingga kini.

2.2: Sejarah Penyebaran Awal Dan Empat Peringkat Perkembangan Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia

Bagi menganalisis aspek tersebut, pengkaji menggunakan konsep-konsep utama yang terkandung dalam Teori Fungsionalisme Struktural dan menafsirkannya dengan ciri-ciri penerangan baru. Ianya dibahagikan kepada empat peringkat iaitu Peringkat Persediaan Dalam Penubuhan (1993-1995), Peringkat Permulaan Operasi Selepas Penubuhan (1996-1999), Peringkat Perkembangan (2000-2009) dan Peringkat Pengukuhan (2010-2014).

2.2.1: Peringkat Persediaan Dalam Penubuhan (1993-1995)

Asal usul persediaan dalam penubuhan Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia adalah pada 24 April 1993 apabila segolongan pengikut-pengikut mazhab Tanah Suci Amitabha mengadakan satu forum di wisma Malaysian Buddhist Association (MBA)

yang berada di Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur, Malaysia untuk berbincang tentang penubuhan satu persatuan yang fokus dalam mempelajari ajaran Tanah Suci Amitabha. Forum ini pada akhirnya dengan sebulat suara memutuskan bahawa Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia perlu ditubuhkan. Justeru itu, pada tarikh 14 Februari 1995, PABAM telah didaftarkan dan ditubuhkan secara rasmi di Malaysia di bawah Seksyen 14 (1) Akta Pertubuhan, 1966 yang berstatus taraf peringkat kebangsaan. (Directory of Amitabha Buddhist Societies in Malaysia, 2009: 42) Sebelum penubuhan PABAM secara rasmi pada tahun 1995, Chin Kung telah menyampaikan ajaran pendidikan Dharam Buddha di wisma Malaysian Buddhist Association (MBA) yang berada di Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur, sebanyak enam hari bermula pada 14 November 1993. Lebih daripada dua ribu orang telah hadir untuk mendengar ajaran pendidikan Dharma Buddha yang disampaikan oleh Chin Kung.

Kandungan ajaran pendidikan Dharma Buddha yang disampaikan oleh Chin Kung ialah Kitab Buddha Shakyamuni berkhutbah Amitabha Sutra ulasan utama daripada Ouyi mazhab Tanah Suci Amitabha (佛說阿彌陀經薄益要解). Ouyi ialah patriak mazhab Tanah Suci Amitabha yang kesembilan di China. Ajaran pendidikan Dharma Buddha ini merupakan daya dorongan dan motivasi yang asas dan utama untuk menyebarluaskan mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia.

Sebelum persediaan dalam penubuhan Persatuan Agama Buddha Amitabha

Malaysia pada tahun 1993, pendaftaran Persatuan Agama Buddha Amitabha Kuching Sarawak (PABAKS) 沙捞越净宗学会 peringkat negeri telah dilakukan pada tahun 1992. Tiga tahun selepas itu, PABAKS telah berpindah ke No. 1716, Lorong 7, Jalan Stakan, Kota Sentosa, 93250 Sarawak yang diketuai oleh Encik Yang De Qing selaku Presiden. (Directory of Amitabha Buddhist Societies in Malaysia, 2009: 98) Dengan kata lain, sebelum pertubuhan PABAM, PABAKS ialah Persatuan Agama Buddha Amitabha yang pertama di Malaysia.

Tan Hui Qing pada tahun 1994, menggunakan rumahnya di Setapak, Kuala Lumpur sebagai pusat rekod dan pengedaran Dharma 法宝录制和流通中心. Pusat ini mengedarkan kaset-kaset yang mengandungi ajaran Chin Kung yang mengutamakan pendidikan agama Buddha terutamanya ajaran mazhab Tanah Suci Amitabha ke segenap pelusuk Malaysia.[12]

Mesyuarat Agung Pertama PABAM diadakan pada tarikh 2 April 1995. Tan Hui Qing telah dilantik sebagai Presiden pertama dalam Lembaga Ahli-Ahli Jawatankuasa PABAM pada tahun 1995-1996. Pada tahun 1995, pejabat PABAM di Kuala Lumpur terletak di bangunan lama iaitu 16A, Jalan Pahang, 53000 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan yang memainkan peranan sebagai pusat pengedaran kaset-kaset ajaran Chin Kung.

[12] Pada tarikh 7 Disember 2014, pengkaji tesis ini telah bertemu bual dengan Ng Weng Seng selaku presiden Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia di Kampung Amitabha PABAM yang terletak di Seremban, Negeri Sembilan.

2.2.2: Peringkat Permulaan Operasi Selepas Penubuhan (1996-1999)

Bermula pada tahun 1996, PABAM telah beroperasi dan mempunyai dua puluh satu pusat pengedaran untuk Dharma Buddha yang berbentuk kaset-kaset dan VCD yang mengandungi ajaran Chin Kung di Malaysia. Jumlah bilangan barangan Dharma Buddha yang diedarkan oleh PABAM [13] ialah kaset-kaset sebanyak 305,110 unit, vcd sebanyak 40,500 unit dan buku sebanyak 115,000 unit.

Penderma utama PABAM ialah Yang Jeng 杨镇 telah mendermakan sebidang tanah sebesar sepuluh ekar yang terletak di Lot. 2236, Kebun Durian, Jalan Kuala Pilah, Bt, 6 1/2, Seremban, Negeri Sembilan kepada PABAM untuk membina Kampung Amitabha. Objektif utama Kampung Amitabha adalah berperanan sebagai tempat sembahyang utama mazhab Tanah Suci Amitabha dan pusat pendidikan utama yang menganjurkan pelbagai aktiviti untuk PABAM dan PABA.

Manakala pada tahun 1999, Chin Kung sekali lagi hadir dan menyampaikan ajaran Dharma Buddha di Dewan Pameran Country Heights, Seri Kembangan, Selangor. Seramai 10,000 orang telah berkumpul dalam dewan untuk mendengar ajaran Dharma Buddha. Chin Kung turut menyampaikan ajaran Dharma Buddha di tempat yang sama

[13] Pengkaji telah membaca, mengkaji dan merujuk kepada Minit Catatan Mesyuarat Agung Ketiga PABAM pada tahun 1997 dengan telitinya.

pada tahun 2005, 2007 dan 2011

2.2.3: Peringkat Perkembangan (2000-2009)

Pada 4hb November 2001, PABAM telah mengadakan Mesyuarat Agung Khas dan para ahlinya dengan sebulat suaranya telah memutuskan bahawa kes pembelian sebuah bangunan perniagaan yang bertingkat empat setengah sebagai bangunan baru PABAM yang terletak di sebelah bangunan lama PABAM telah dipersetujui sepenuhnya. Tujuan pembelian bangunan baru adalah untuk mempelbagaikan dan menambahkan aktiviti-aktiviti PABAM memandangkan bangunan lama mempunyai ruang kegunaan untuk pelbagai aktiviti yang terhad. PABAM telah menggunakan sejumlah RM 2.3 juta membeli bangunan baru tersebut pada 22hb November 2002.[14]

PABAM telah menganjurkan Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha 马来西亚全国净宗学会联谊会 kali pertama di Kampung Amitabha yang terletak di Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia 马来西亚森美兰州芙蓉弥陀村. Majlis Persahabatan kali pertama ini adalah untuk menjalinkan hubungan persahabatan di antara persatuan-persatuan Buddha Amitabha di Malaysia agar selangkah dan searah dalam menyebarluaskan pendidikan mazhab Tanah Suci Amitabha dan sebagainya.

PABAM telah memulakan kursus *Foxue Shisijiang* 佛学十四讲 yang ditulis oleh

[14] Pada tarikh 7 Disember 2014, pengkaji tesis ini telah bertemu bual dengan Ng Weng Seng selaku presiden Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia di Kampung Amitabha PABAM yang terletak di Seremban, Negeri Sembilan.

Li Bingnan 李炳南 untuk para penganut mazhab Tanah Suci Amitabha demi menyebarluaskan ajaran mazhab Tanah Suci Amitabha. Maka lahirlah para guru Dharma Buddha yang mahir yang kemudiannya mengajar di Kelas Remaja Belajar Buddha 青少年学佛班 yang dimulakan pada tahun 2005. Mengikut catatan PABAM, pada tahun 2014, para guru yang mahir dalam Dharma Buddha yang mengajar di PABAM telah melebihi empat puluh orang.[15]

PABAM turut menganjurkan Majlis pembelajaran dan penyelarasan ritual peralatan muzik agama Buddha untuk mazhab Tanah Suci Amitabha pada 1 Jun 2002. Sebanyak lapan belas Persatuan Agama Buddha Amitabha telah mengambil bahagian dalam Majlis pembelajaran dan penyelarasan ritual peralatan muzik agama Buddha ini yang diadakan di Kuala Pilah Kampung Amitabha di Negeri Sembilan, Malaysia. Tujuan majlis ini adalah untuk bertukar pendapat, menyelaraskan ritual peralatan muzik agama Buddha untuk mazhab Tanah Suci Amitabha agar lebih menyakinkan orang ramai dan mempertingkatkan tingkat penyucian diri melalui ritual peralatan muzik yang praktikal dan betul.

PABAM kemudiannya telah memulakan kelas pembacaan kitab kanak-kanak. Sejumlah lebih kurang dua ratus kanak-kanak telah mendaftar memasuki kelas

[15] Penkaji telah membaca dan mengkaji risalah kursus latihan untuk para guru Kelas Belajar Buddha yang diadakan pada tarikh 4-5hb Januari 2014 di Dewan Pengajaran Kitab, Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia dengan telitinya.

pembacaan kitab kanak-kanak. Buku-buku kitab yang digunakan pada tahun 2002 ialah Dizigui (弟子規); Universiti (大學); Kesederhanaan (中庸); Laozi (老子); Liaofan Empat Ajaran (了凡四訓) dan Taishang Ganyinbian (太上感應篇).

Manakala pada 19 Disemember 2004, PABAM menganjurkan Majlis Konvokesyen untuk kelas pembacaan kitab kanak-kanak di Wisma MCA yang terletak di Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Setahun kemudian PABAM mengadakan Majlis Peringatan Pertubuhan Ulang Tahun ke- sepuluh dan Permulaan Penggunaan bangunan baru PABAM sebagai tanda peringatan untuk kejayaan perkembangan dalam proses penyebarluasan agama Buddha mazhab Tanah Suci Amitabha. Pada 22 Oktober 2005, PABAM telah menjemput guru penasihatnya Chin Kung dan para pemimpin agama di Malaysia, contohnya Syed Ali Tawfik al-Attassyed selaku Ketua Pengarah Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM) bersama-sama merasmikan penggunaan bangunan baru PABAM. (Rajah 2.1) Sehingga ke peringkat perkembangan ini dapat dilihat bahawa, dari mengedarkan bahan buku-buku, kaset-kaset Dharma Buddha yang bermula daripada rumah penganut agama Buddha Amitabha serta para penganut bersama-sama berkultivasi di rumah berhala yang kecil, ianya secara beransur-ansur berkembang dan mendirikan sebuah rumah berhala besar baru dalam bentuk bangunan baru yang bertingkat empat yang serba lenkap. Ini adalah antara hasil daripada usaha para penganut agama Buddha Amitabha dan pengedaran Dharma Buddha yang disampaikan oleh Chin Kung.

Rajah 2.1: Majlis perasmian bangunan baru PABAM sempena dengan Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-Sepuluh

Sumber: Dibekalkan oleh bahagian gambar, PABAM

Pada hujung tahun 2005, PABAM mula mengajar kursus agama Buddha Amitabha di kelas kerohanian agama universal di 67 buah kem-kem di bawah Program Latihan Khidmat Negara, Kementerian Pertahanan Negara. (Buku Bengkel wakil negeri dan guru peringkat kebangsaan keempat untuk Program Latihan Khidmat Negara, 2011)

Kursus yang diajar oleh para penceramah agama Buddha Amitabha berdasarkan ialah Pengenalan Agama Buddha dan Dizigui. Pada peringkat ini dilihat PABAM telah bersiap sedia untuk mempertingkatkan perkembangannya dari segi menyebarluaskan agama Buddha terutamanya kepada golongan remaja, para pelatih dalam kategori golongan muda khususnya di bawah Program Latihan Khidmat Negara di seluruh pelusuk Malaysia.

Bagi mempertingkatkan lagi aktiviti ini, pada 16 Julai 2006, PABAM bersama dengan 10 Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha atau 淨宗學會 di sekitar Kuala

Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan menganjurkan Upacara Doa Mahaguru Zhong Feng. Ianya upacara berzikir kepada Buddha Amitabha (UDMZFTT) 中峰国师三时系念佛事 yang pertama di Malaysia yang dibawah pimpinan Master Wu Xing 悟行法师. Matlamat Upacara Doa ini adalah untuk meminta doa selamat kepada semua makhluk dan negara umumnya serta si mati dan nenek moyang para pengikut mazhab Tanah Suci Amitabha. Kutipan derma wang doa yang diterima melalui Upacara Doa ini ialah sebanyak RM278,887.15. Kesemuanya telah diderma kepada The United Chinese School Committees Association of Malaysia 马来西亚华校董事联合会总会 untuk tujuan tabung pinjaman kepada para pelajar yang miskin atas nama Tabung Pinjaman Persatuan Buddha Amitabha 淨宗學會貧寒學生貸學金.[16]

PABAM turut menganjurkan Kelas Latihan Kursus Pengenalan Agama Buddha untuk para guru. Pada 8hb-10hb Jun 2007, PABAM telah menganjurkan Kelas Latihan Kursus Pengenalan Agama Buddha untuk para guru di Persatuan Amitabha Perak yang terletak di Perak, pada 24-26 Ogos 2007, menganjurkan Kelas Latihan Kursus Pengenalan Agama Buddha untuk para guru di Persatuan Amitabha Johor yang terletak di Johor Baharu, pada 23-25 November 2007, menganjurkan Kelas Latihan Kursus Pengenalan Agama Buddha untuk para guru di Persatuan Amitabha Kuching yang

[16] Pada tarikh 7 November 2013, pengkaji tesis ini telah bertemu bual dengan Song Chin Poh selaku bekas presiden Persatuan Agama Buddha Amitabha Kepong yang terletak di Kepong, Kuala Lumpur. Tabung Pinjaman Persatuan Buddha Amitabha di atas ialah cadangan Encik Song dan ahli-ahli jawatankuasa UDMZFTT pada tahun 2006.

terletak di Sarawak. Matlamat utama PABAM menganjurkan Kelas Latihan Kursus Pengenalan Agama Buddha untuk para guru secara bersiri adalah untuk mencungkil bakat dan melantik bakal para guru yang berpotensi agar berkhidmat sebagai sukarelawan dalam menyampaikan pendidikan agama Buddha kepada orang ramai umumnya, para penganut mazhab Tanah Suci Amitabha khususnya.

Manakala pada 22-29 Mei 2008, PABAM dan Cheng Ho Foundation bersama-sama menganjurkan Rombongan Lawatan Sambil Belajar untuk para pemimpin agama Malaysia ke Beijing dan Sinjiang di China. Rombongan lawatan ini menandakan bahawa PABAM dengan secara rasminya melibatkan diri dalam memperkembangan pendidikan multi agama dan budaya yang selaras dengan misi dan visi spiritual penasihatnya iaitu Chin Kung.

Bilangan persatuan-persatuan Amitabha secara rasmi yang didaftarkan dan ditubuhkan di Malaysia ialah 42 buah iaitu 8 buah di Zon Utara Semenajung Malaysia; 15 buah di Zon Tengah Semenajung Malaysia; 10 buah di Zon Selatan Semenajung Malaysia; 5 buah di Zon Pantai Timur Semenajung Malaysia; dan 4 buah di Zon Malaysia Timur. (Directory of Amitabha Buddhist Societies in Malaysia, 2009: 1-3) Berdasarkan rekod sehingga tahun 2009, ini menggambarkan bahawa trend perkembangan mazhab Tanah Suci Amitabha semakin disambut oleh orang ramai umumnya dan para penganut mazhab Tanah Suci Amitabha khususnya.

2.2.4: Peringkat Pengukuhan (2010-2014)

Pada tempoh ini proses perkembangan mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia telah mencapai peringkat pengukuhan memandangkan pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh PABAM adalah semakin mantap dan mendapat sambutan yang meriah daripada para penganut. Sebagai contoh, PABAM telah memainkan peranan sebagai penasihat dan perancang kepada Pusat Lotus Multi Budaya dan Pendidikan Philippines atau Philippines Lotus Multicultural Education Center Inc. 菲律宾弟子规学会 pada tahun tersebut. Pihak Pusat Lotus Multi Budaya dan Pendidikan Philippines telah ditubuhkan pada tahun 2010 di bawah nasihat dan rancangan lima tahun yang diberikan oleh PABAM. Ini adalah disebabkan PABAM telah berjaya membina satu contoh model yang baik dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Di Zi Gui (弟子规).

Kemudiannya PABAM bersama dengan 15 buah Persatuan Amitabha menganjurkan Upacara Doa Mahaguru Zhong Feng Tiga Tempoh sepanjang masa menyebut nama Buddha Amitabha dan berzikir kepada Buddha Amitabha 中峰国师三时系念佛事 kali ketujuh di Pusat Pameran Country Heights, Selangor. Upacara Doa Mahaguru Zhong Feng yang dipimpin oleh Wu Xing 悟行 ini merupakan upacara doa tahunan yang disambut meriah oleh para penganut Amitabha sejak tahun 2006 memandangkan upacara ini dipercayai dapat menyucikan diri di samping menyelamatkan roh-roh nenek moyang

agar pada masa dan syarat yang mencukupi dapat dilahirkan di Tanah Suci Amitabha. Selepas upacara tersebut PABAM bersama dengan Petaling Jaya dan Shah Alam Persatuan Amitabha menganjurkan Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha 马来西亚全国净宗学会联谊会 kali ke-enam di Pusat Pendidikan dan Kebudayaan Tionghua Malaysia 馬來西亞中華文化教育中心 yang terletak di Seri Kembangan, Selangor. Majlis Persahabatan kali ke-enam ini telah berjaya mengukuhkan semangat persahabatan di antara persatuan-persatuan Amitabha di Malaysia.

Manakala pada 6-7 Disember 2014, PABAM telah menganjurkan Bengkel Wakil Negeri dan Guru Peringkat Kebangsaan Keempat untuk Program Latihan Khidmat Negara di Pusat Pendidikan Kampung Amitabha yang terletak di Seremban, Negeri Sembilan. Tema bengkel tersebut ialah "Khidmat Negara, Persefahaman Rakyat" dan matlamat utamanya adalah mempertingkatkan kekuatan dalaman dan spiritual dalam konteks khidmat negara agar mempertahankan kebahagiaan keluarga dan kemakmuran negara di samping memberi kebajikan kepada rakyat jelata, menyampaikan ideologi pengajaran dan pembelajaran agama Buddha secara tulin dan tepat, perkongsian pengalaman dalam konteks pengajaran dan pembelajaran agama Buddha, menentukan sasaran secara konkrit ke atas pengajaran dan pembelajaran agama Buddha, mendidik dan membentuk generasi muda yang berbudi dan berakhlak agar dapat memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara pada masa hadapan. (Buku Bengkel wakil negeri dan guru

peringkat kebangsaan keempat untuk Program Latihan Khidmat Negara,2014: 1)

2.3: Matlamat Penubuhan PABAM

Matlamat penubuhan PABAM dapat dilihat dalam empat kritiria iaitu mengamal dan melaksanakan ajaran-ajaran Buddha Sakyamuni dan Buddha Amitabha, mendidik dan mengamalkan nilai-nilai murni di kalangan ahli, mengamalkan prinsip-prinsip kehidupan berlandaskan ajaran Buddha Sakyamuni dan Buddha Amitabha, dan mewujudkan perasaan saling bekerjasama, erat, muhibah, dan menjaga kebajikan ahli. (Konstitusi Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia, 2000) Matlamat penubuhan PABAM juga berkaitrapat dengan menyebarluaskan dan mengembangkan mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia terutamanya belajar dan mengkaji kitab-kitab atau sutra-sutra Tanah Suci Amitabha.

Sejak penubuhan PABAM secara rasmi pada tahun 1995 hingga kini, segala urusan dalam proses penyebaran dan perkembangan pendidikan agama Buddha Amitabha di Malaysia adalah berpandukan kepada matlamat penubuhannya di samping menggunakan Empat Misi Suci Chin Kung sebagai panduan asas.

2.4: Perayaan utama Buddha

Setiap tahun, PABAM meraikan pelbagai perayaan utama Buddha yang bertujuan untuk mengembangkan ajaran dan semangat para Bodhisattva dan Buddha. Menerusi meraikan perayaan utama Buddha, para penganut PABAM akan lebih memahami dan menghayati ajaran utama yang disampaikan oleh para Bodhisattva dan Buddha.

2.4.1: Perayaan Wesak

Perayaan Wesak juga dikenali sebagai Hari Buddha. Wesak berasal daripada perkataan India kuno iaitu Vaisakha yang membawa maksud Mei. Kini, ia merujuk kepada maksud bulan purnama Mei. Perayaan hari trisuci Wesak ini adalah untuk mengenangkan tiga perkara utama yang berlaku pada Buddha Shakyamuni iaitu hari kelahiran Buddha, hari Buddha mencapai Pencerahan Sempurna dan hari Buddha memasuki Mahaparinirvana iaitu kepupusan segala penderitaan lalu meninggalkan dunia. Perayaan Wesak di Malaysia ialah hari cuti umum.

2.4.2: Perayaan Buddha Amitabha

Perayaan suci ini disambut pada 17hb November dalam kalendar orang Cina adalah untuk memperingati hari kelahiran Buddha Amitabha. Buddha ini terkenal dengan empat puluh lapan keagungan ikrarnya yang bermatlamat menyelamatkan segala makhluk

daripada penderitaan hidup. Sutra-sutra Amitabha dibahagikan kepada lima sutra dan satu komentari iaitu Sutra Amitabha, Sutra Hayat Infiniti, Sutra Pandangan Hayat Infiniti, Sutra Bodhisattva Samantabhadra Sepuluh Kebesaran Ikrar, Sutra Bodhisattva Mahasthamaprapta, Melafazkan Nama Amitabha dan Komentari Bodhisattva Vasubandhu Pemergian Ke Tanah Suci. Para penganut Buddha mempercayai bahawa dengan berikrar dan mengucapkan nama Buddha Amitabha dapat menghilangkan segala penderitaan hidup dan pada akhir hayat ini dapat melahirkan diri di Dunia Kebahagiaan Tertinggi iaitu Tanah Suci Amitabha.

2.4.3: Perayaan Bodhisattva Avalokitesvara atau Guanyin

Perayaan suci ini disambut pada 19hb Februari dalam kalendar orang Cina adalah untuk memperingati hari kelahiran Bodhisattva Avalokitesvara. Bodhisattva ini ialah Bodhisattva Mahabelas kasihan yang meneliti dan mendengar suara-suara makhluk di dunia yang penuh dengan penderitaan ini dan berikrar sentiasa bersiap sedia menyelamatkan mereka yang mengalami kesusahan dan keberbahayaan.

2.4.4: Perayaan Bodhisattva Ksitigarbha atau Ti Tsang

Perayaan suci ini disambut pada 30hb Julai dalam kalendar orang Cina adalah untuk memperingati hari kelahiran Bodhisattva Ksitigarbha atau Ti Tsang. Bodhisattva ini

terkenal dengan ikrarnya yang besar iatu beliau tidak akan menjadi Buddha Kesedaran Sempurna sekiranya semua makhluk dalam haluan neraka tidak dapat diselamatkan dengan keluar daripada neraka.

2.4.5: Perayaan Bodhisattva Ta Shih Chi atau Bodhisattva Mahasthamaprapta

Perayaan suci ini disambut pada 13hb Julai dalam kalendar orang Cina adalah untuk memperingati hari kelahiran Bodhisattva Ta Shih Chi atau Bodhisattva Mahasthamaprapta. Bodhisattva mengajar umat Buddhis melafazkan nama Buddha Amitabha agar pada akhir hayat dapat melahirkan diri ke Tanah Suci Amitabha yang penuh dengan kebahagiaan mutlak.

2.4.6: Perayaan Bodhisattva Manjusri atau Wen Shu Shi Li

Perayaan suci ini disambut pada 4 April dalam kalendar orang Cina adalah untuk memperingati hari kelahiran Bodhisattva Manjusri atau Wen Shu Shi Li. Bodhisattva ini terkenal dengan kearifan dan kebijaksanaannya dalam menghapuskan sikap haloba, hasad dan kejahilan.

2.4.7: Perayaan Bodhisattva Samantabhadra atau Puxian

Perayaan suci ini disambut pada 21 Februari dalam kalendar orang Cina adalah untuk memperingati hari kelahiran Bodhisattva Samantabhadra atau Puxian. Bodhisattva ini terkenal dengan Sepuluh Kebesaran Ikrar seperti yang telah dinyatakan di atas.

2.4.8: Perayaan Bodhisattva Maitreya atau Mi Lo Fwo

Perayaan suci ini disambut pada 1 Januari dalam kalendar orang Cina adalah untuk memperingati hari kelahiran Bodhisattva Maitreya atau Mi Lo Fwo. Bodhisattva ini ialah pewaris Buddha Shakyamuni yang akan dilahirkan di dunia ini pada masa kelak.

2.4.9: Perayaan Ullambana

Perayaan ini disambut pada bulan Julai adalah untuk menyelamatkan roh nenek moyang yang berada dalam haluan hantu-lapar dan neraka melalu upacara doa selamat. Ia juga dikenali sebagai bulan hantu. Ullambana ialah perkataan Sanskrit yang membawa maksud penderitaan orang kematian seperti badan orang digantung secara terbalik.

2.4.10: Lain-lain Perayaan Agama Buddha

Lain-lain perayaan agama Buddha yang disambut oleh sesetengah penganut agama Buddha Amitabha adalah seperti Perayaan Songkran; Hari Puja Magha dan Hari Puja Asalha. Pada pertengahan April, perayaan Songkran yang membabitkan Buddhis

Thailand ini dirayakan selama beberapa hari. Mereka menjalankan kegiatan membersihkan rumah, membasuh kain dan menyembur air wangi kepada para sami dan orang ramai. Mereka juga berkumpul di tepi pantai atau sungai untuk menjalankan aktiviti kebajikan iaitu melepaskan ikan ke dalam laut atau sungai. Manakala Hari Puja Magha adalah untuk memperingati peristiwa-peristiwa penting yang berlaku dalam kehidupan Buddha Shakyamuni yang diadakan setiap tahun pada bulan Mac. Hari Puja Asalha adalah untuk mengenang ajaran Buddha yang pertama dan lebih dikenali sebagai Pemutaran Roda Dharma. Dalam pemutaran ini, Buddha telah menyebarkan fahaman Empat Kebenaran Mulia yang melibatkan hidup manusia penuh dengan penderitaan dari masa lahir sehingga ke akhir hayat, penderitaan manusia berpunca daripada nafsu untuk memperoleh kejayaan dan keseronokan, manusia dapat melepaskan penderitaan dan mencapai tahap Nirvana, cara mengatasi nafsu adalah dengan mengikuti Jalan Tengah atau Jalan Lapan Lapis. Jalan Lapan Lapis merangkumi pengertian yang sebenar, pemikiran yang benar, percakapan yang benar, perbuatan yang benar, kehidupan yang benar, usaha yang benar, keinginan yang benar dan konsentrasi yang benar.

2.5: Taburan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha di Malaysia

Taburan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha (PABA) 净宗学会 yang tersebar luas di Malaysia pada tahun 2009 yang didaftarkan secara rasmi adalah di Zon Utara terdapat 8 buah PABA; Zon Tengah terdapat 15 buah PABA; Zon Selatan terdapat 10 buah PABA; Zon Pantai Timur Semenanjung Malaysia PABA terdapat 5 buah PABA; dan Zon Malaysia Timur terdapat 4 buah PABA. (Directory of Amitabha Buddhist Societies in Malaysia, 2009) Di sini, pengkaji akan menghuraikan beberapa buah PABA yang dapat mewakili setiap zon tadi.

Persatuan Agama Buddha Amitabha Perak (PABAP) 霹雳净宗学会 mewakili Zon Utara. Bekas PABAP ialah Jelapang Buddhst Association (JBA). Pada tarikh 14 November 1993, para ahli jawatankuasa JBA telah pergi ke Kuala Lumpur mendengar khutbah Dharma yang disampaikan oleh Chin Kung. Pada masa itu, Chin Kung dari Taiwan telah berceramah ajaran agama Dharma di wisma Malaysian Buddhist Association (MBA) yang berada di Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur, Malaysia sebanyak enam hari. Kandungan ajaran agama Dharma yang disampaikan oleh Master Chin Kung ialah Kitab Buddha Shakyamuni berkhutbah Amitabha Sutra ulasan utama daripada Ouyi mazhab Tanah Suci Amitabha《佛说阿弥陀经薄益要解》. Ouyi ialah patriak mazhab Tanah Suci Amitabha yang kesembilan di China. Selepas mendengar khutbah Dharma, para ahli jawatankuasa JBA mempunyai keyakinan yang kukuh terhadap mazhab Tanah Suci Amitabha. Pada tahun 1998, JBA berpindah ke bangunan

baru dan namanya ditukar kepada Persatuan Agama Buddha Amitabha Jelapang. Pada tahun 2000, Persatuan Agama Buddha Amitabha Jelapang ditukar nama kepada Persatuan Agama Buddha Amitabha Perak. Pada tahun 2002, seorang dermawan menderma sebidang tanah kepada PABAP. Pada tahun 2004, bermula kerja pembinaan bangunan baru yang terletak di Taman Mas Falim, Ipoh, Perak dan pada tarikh 18hb April 2006, telah siap pembinaan bangunan baru tadi dan bermula penggunaannya. Bangunan tersebut serba lengkap dengan Dewan Pujaan Nenek Moyang dan Buddha, Dewan Dharma, perpustakaan, asrama, kantin, kelas pembacaan kitab kanak-kanak dan sebagainya. Pada tahun 2009 hingga 2014, presiden PABAP ialah Lee Rui Qi.

Persatuan Agama Buddha Amitabha Tanah Suci Kuala Lumpur (PABATSKL) 阿弥陀佛净宗学会 mewakili Zon Tengah. PABATSKL ditubuhkan secara rasmi pada November 1999 dan presidennya ialah Leong Wei Xiang. Aktiviti utamanya setiap tahun adalah dengan menganjurkan kultivasi mengingati dan berzikir kepada Buddha Amitabha, menyebut nama Buddha Amitabha Selama Tujuh Hari 佛七 dan Upacara Doa Mahaguru Zhong Feng Tiga Tempoh sepanjang masa menyebut nama Buddha Amitabha dan berzikir kepada Buddha Amitabha (UDMZFTT) 中峰国师三时系念佛事.

Pure Land Learning Centre (Johor) Bhd (PLLCJB) 新山净宗学会 mewakili Zon Selatan. Ia terletak di Taman Melodies Off Kebun Teh, Johor Bahru. PLLCJB ditubuhkan secara rasmi pada tarikh 30 Mei 1998 dan prinsip kultivasinya adalah memulihkan

faktor-faktor yang terkandung dalam Sifat Jati-Diri atau Sifat Kebuddhaan melalui keikhlasan, ketenteraman, kesamarataan, kesedaran, dan kemurahan hati 性德：真诚 清净 平等 正觉 慈悲. Ianya berkultivasi untuk memulihkan Sifat Jati-Diri atau Sifat Kebuddhaan adalah memperlihatkan dan mengetahui segala dharma di duniawi adalah tidak kekal, meletakkan niat kawalan dan nafsu, membebaskan diri daripada kongkongan niat kawalan dan nafsu, mengikut perubahan kehidupan, dan mengingati serta berzikir kepada Buddha Amitabha, menyebut nama Buddha Amitabha 修德：看破 放下 自在 随缘 念佛. Dari tahun 2009 hingga 2014, ianya diketuai oleh Cui Shu Mei selaku presidennya.

Persatuan Buddhist Amitabha Kuantan (PBAK) 关丹净宗学会 mewakili Zon Pantai Timur Semenanjung Malaysia. PBAK ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1995. Ianya mempunyai perpustakaan dan pusat pengedaran Dharma Chin Kung seperti buku-buku, VCD, DVD dan sebagainya. PBAK terletak di Taman Tas, Kuantan, Pahang. Pada tahun 2009 hingga 2014 dan presidennya ialah Lee Ah Fu. Matlamatnya ialah Sifat Jati-Diri atau Sifat Kebuddhaan ialah Buddha, Sifat Jati-Diri boleh jadi Buddha, umat makhluk mengingati dan berzikir kepada Buddha Amitabha serta menyebut nama Buddha Amitabha, pasti dapat dilahirkan di Tanah Suci Amitabha, dan akan menjadi Buddha Sempurna 是心是佛，是心作佛，众生念佛，定得往生，究竟成佛.

Persatuan Agama Buddha Amitabha Kuching (PABAK) 古晋净宗学会 mewakili

Zon Malaysia Timur iaitu Sarawak. PABAK ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1992, dan pada tahun 1995, ianya dipindahkan ke Kota Sentosa, Kuching, Sarawak, di atas tanah seluas lebih daripada satu ekar. Bangunan baru tersebut dilengkapi dengan Dewan Pujaan Buddha, perpustakaan, asrama, kantin, kelas pendidikan untuk kanak-kanak, remaja, dan orang dewasa. Matlamatnya adalah melahirkan dan mengembangkan kesedaran hati, searah fokus dalam menyebut nama Buddha Amitabha 发菩提心，一向专念阿弥陀佛. Dari tahun 2009 hingga 2014, presiden PABAK ialah Yang De Qing.

Pertubuhan Agama Buddha Sabah (PABS) 沙巴净宗学会 mewakili Zon Malaysia Timur iaitu Sabah. PABS ditubuhkan secara rasmi pada tahun 8hb December 1997, dan pada March 1998, ianya dipindahkan ke bangunan baru yang terletak di Taman Indah Jaya, Sandakan, Sabah. Bangunan baru tersebut juga dilengkapi dengan Dewan Pujaan Buddha, perpustakaan, pusat pengedaran Dharma Chin Kung seperti buku-buku, VCD, DVD dan sebagainya. Matlamatnya adalah menggunakan kaedah mengingati dan berzikir kepada Buddha Amitabha, menyebut nama Buddha Amitabha untuk memanfaatkan orang ramai, melahirkan dan mengembangkan kesedaran hati, searah fokus dalam menyebut nama Buddha Amitabha agar umat makhluk dapat dilahirkan di Tanah Suci Amitabha. Dari tahun 2009 hingga 2014, presiden PPABS ialah Qiu Wen Tang.

2.6: Mekanisme Garis Panduan Opearsi Persatuan-Persatuan Agama Buddha

Amitabha di Malaysia

Mekanisme garis panduan opearsi Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha (PABA) yang kini tersebar luas di Malaysia mempunyai 10 ciri yang nyata iaitu pertama, setiap PABA adalah berdikari dan di bawah kawalan persatuan tersendiri dan tidak dikawal oleh Pusat PABA, contohnya PABAM atau Organisasi International PABA. Ini adalalah disebabkan Master Chin Kung berpendapat bahawa setiap PABA sewajarnya bekerjasama dan tolong menolong di antara satu sama lain seperti adik beradik dan mengutamakan kultivasi dan pembelajaran dalam Dharma Buddha. Kedua, pucuk pimpinan setiap PABA adalah dilantik daripada ahli-ahlinya yang berada di kawasan daerah setiap PABA menerusi perlantikan secara demokrasi agar bersesuaian dengan kehendak dan pemikiran para penduduk tempatan. Ketiga, setiap PABA semestinya didaftarkan secara rasmi dan menuruti segala kehendak dan syarat-syarat undang-undang negara. Keempat, setiap PABA semestinya merupakan persatuan yang mengutamakan ajaran pendidikan yang berasaskan Dharma Buddha yang diajar oleh Buddha Shayamuni dan menuruti peraaturan-peraturan yang ditetapkan oleh Buddha Shayamuni. Kelima, Chin Kung memainkan peranan sebagai penasihat kepada setiap PABA yang ditubuhkan sama ada di Malaysia ataupun di luar negara. Keenam, PABA adalah dilarang mengambil bahagian dalam aktiviti dan agenda yang melibatkan politik negara untuk mengelakkan segala konflik kuasa yang ditimbulkan daripada tindakan politik. Ketujuh, PABA semestinya

menyokong kaedah-keadah dan polisi-polisi yang merapatkan hubungan berbilang kaum, memberi keharmonian kepada agama dan rakyat, menjaga kebajikan rakyat jelata dan mempertahankan kebahagiaan keluarga, masyarakat dan negara. Kelapan, PABA semestinya mempunyai pendirian yang sederhana menerusi dialog dan perbincangan untuk mengatasi perselisihan yang berlaku sama ada konflik etnik atau konflik masyarakat. Kesembilan, PABA semestinya menjimatkan sumber penggunaan alam semulajadi, menjaga kebersihan alam semula jadi dan menghargai setiap nyawa manusia. Kesepuluh, PABA semestinya mendukung dan mengutamakan konsep pembelajaran dan pengajaran bersama-sama dengan organisasi–organisasi lain demi mewujudkan keamanan dan kemakmuran masyarakat, negara dan dunia. (Directory of Amitabha Buddhist Societies in Malaysia, 2009: 8)

2.7: Kesimpulan

Sehinggan bab ini, pengkaji telah membincangkan sejarah penyebaran awal dan perkembangan mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia. Pengkaji meninjau penyebaran, perkembangan dan peranan PABAM dengan membahagikannya kepada empat peringkat iaitu Peringkat Persediaan Dalam Penubuhan (1993-1995), Peringkat Permulaan Operasi Selepas Penubuhan (1996-1999), Peringkat Perkembangan (2000-2009) dan Peringkat Pengukuhan (2010-2014). PABAM meraikan pelbagai perayaan utama Buddha yang

bertujuan untuk menyampaikan dan mengembangkan ajaran serta semangat para Bodhisattva dan Buddha. Pengkaji juga menggambarkan taburan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha (PPABA) 淨宗學會 yang tersebar luas di Malaysia pada tahun 2009 yang didaftarkan secara rasmi adalah di Zon Utara terdapat 8 buah PABA; Zon Tengah terdapat 15 buah PABA; Zon Selatan terdapat 10 buah PABA; Zon Pantai Timur Semenanjung Malaysia PABA terdapat 5 buah PABA; dan Zon Malaysia Timur terdapat 4 buah PABA. Melalui mekanisme garis panduan opearsi persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha (PPABA) yang kini tersebar luas di Malaysia, para pemimpin dan penganutPPABA dapat mempertingkatkan kualiti pentadbiran dan pengurusan organisasi masing-masing. Kesemua maklumat kajian ini masih akan digunapakai pada untuk dianalisis pada bab-bab yang berikutnya.

Bab 3

Peranan PABAM Dalam Pendidikan Kitab-Kitab Dan Pendidikan Agama Buddha

3.1: Pendahuluan

Peranan PABAM dalam mendorong dan mempromosikan pendidikan kitab-kitab dan pendidikan agama Buddha sangat penting terutamanya dalam aspek penyebaran dan perkembangan ajaran Tanah Suci Amitabha umumnya. Ianya mempengaruhi Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha di Malaysia bersama-sama mementingkan pendidikan kitab-kitab dan pendidikan agama Buddha. PABAM telah gigih berusaha dan melibatkan diri dalam pendidikan kitab-kitab dan pendidikan agama Buddha di Malaysia hampir dua puluh tahun dan telah berkhidmat serta memberi sumbangan yang besar dan positif kepada para penganutnya serta orang ramai di Malaysia. Bab ini akan menganalisis. PABAM dalam pendidikan kitab-kitab dan pendidikan agama Buddha.

3.2: Asal-usul penyebaran dan perkembangan Kelas Pembacaan Kitab Pendidikan Agama Buddha Kanak-Kanak PABAM

Kempen Pembacaan Kitab Kanak-Kanak 儿童读经运动 di Malaysia adalah dimulakan oleh Seminar Akhlak Chong De melalui Seminar Kebudayaan dan Pendidikan Kuala Lumpur 吉隆坡崇德文教研习会 yang dianjurkan oleh Rumah Berhala Akhlak Chong De Kuala Lumpur 吉隆坡崇德道场 pada September 1997. Rumah Berhala Akhlak Chong De Kuala Lumpur menjemput Wang Cai Gui 王财贵 iaitu perintis dan pendorong

Pembacaan Kitab Kanak-Kanak dari Taiwan untuk menyampaikan ceramah tentang kepentingan dan kebaikan Pembacaan Kitab Kanak-Kanak. Pada bulan September 1998, Pusat Penghafalan Kesusateraan Kanak-Kanak Malaysia atau Children Literature Recitation Center Malaysia 马来西亚儿童文学导读推广中心 telah ditubuhkan secara rasmi yang bermatlamat untuk mendorong dan mempromosikan akitiviti-aktiviti Pembacaan Kitab Kanak-Kanak. PABAM mula menganjurkan dan mengadakan Kelas Pembacaan Kitab Kanak-Kanak 儿童读经班. (Soo Khin Wah, 2009: 246-247) serta mengadakan Majlis Konvokesyen untuk Kelas Pembacaan Kitab Kanak-Kanak tadi di Dewan Lee San Choon, Wisma Malaysian Chinese Association (MCA) yang terletak di Kuala Lumpur. Majlis Konvokesyen ini menandakan satu usaha kejayaan PABAM dalam arena pendidikan Pembacaan Kitab Kanak-Kanak. Analisis mendapati bahawa, kebaikan Pembacaan Kitab Kanak-Kanak mengikut kajian Wang Cai Gui dari Taiwan adalah dapat menenangkan hati dan menajamkan pemikiran kanak-kanak, mendapat pengetahuan dan pengalaman yang asas khususnya keintelektualan dan kebijaksanaan daripada kitab-kitab yang dibaca, membentuk personaliti yang positif melalui menggalakkan kanak-kanak setiap hari membaca kitab-kitab, memulihkan keikhlasan dan kesucian yang dimiliki oleh Sifat Jati-Diri kanak-kanak melalui menggunakan ajaran Konfusius iaitu Dizigui sebagai asas panduan kehidupan dan mempraktikkanya dalam kehidupan harian.

Kajian tersebut selaras dengan Laporan Kemajuan dan Pencapaian Kelas

Pembacaan Kitab Kanak-Kanak PABAM 马来西亚净宗学会儿童读经班 pada tahun 2014 yang dinilai dari tahun 2007 hingga 2014 selama tujuh tahun. Kemajuan dan Pencapaian laporan tersebut mendapati bahawa pertama, telah menambahkan daya peringatan kanak-kanak disebabkan melalui pembacaan dan penghafalan kitab-kitab, otak pemikiran mereka lebih terfokus. Kedua, mempertinggikan tahap penguasaan Bahasa Cina Klasik dan Bahasa Cina Moden kerana latihan pembacaan dan penghafalan yang efektif yang disampaikan kepada kanak-kanak . Ketiga, memahami perkataan asal Bahasa Cina Klasik dengan lebih teratur dan sistematik. Ini disebabkan polisi Bahasa Cina Moden di negara China, majoriti generasi muda yang kurang didedahkan kepada Bahasa Cina Klasik yang berfungsi sebagai kekunci untuk membuka khazanah ilmu pengetahuan Tionghua, contohnya *Si Ku Quan Shu* (四库全书) dan khazanah kitab suci ajaran Buddha Sakyamuni, contohnya *Qianlong Dazangjing* (乾隆大藏经). Keempat, menambahbaik fikiran dan tingkah laku akhlak kanak-kanak dengan lebih positif agar masa depan mereka akan lebih cerah dan terjamin kerana mempunyai asas dan landasan akhlak yang kukuh. Kelima, mententeramkan dan menjernihkan fikiran dan sanubari hati kanak-kanak. Ini membolehkan mereka lebih mudah dalam mempelajari dan menimba ilmu pengetahuan sama ada dalam bentuk akademik atau bukan akademik. (Catatan dokumen Kursus Latihan Kelas Agama Buddha Amitabha untuk para guru secara keseluruhan, 2014) Kesemua kursus-kursus yang diajar dalam Kelas Pembacaan Kitab Kanak-Kanak

PABAM adalah seperti Jadual 3.1 di bawah.

Jadual 3.1: Kursus-kursus yang diajar dalam Kelas Pembacaan Kitab Kanak-Kanak PABAM.

Umur	Kursus	Kaedah
6	Dizigui	Penghafalan, Penerangan dan Pelaksanaan
7	Dizigui	Penghafalan, Penerangan dan Pelaksanaan
8	Dizigui	Penghafalan, Penerangan dan Pelaksanaan
9	Tai Shang Gan Ying Pian	Penghafalan, Penerangan dan Pelaksanaan
10	Tai Shang Gan Ying Pian	Penghafalan, Penerangan dan Pelaksanaan
11	Shi Shan Ye Dao Jing	Penghafalan sahaja
12	Wu Liang Shou Jing	Penghafalan sahaja

Sumber: Bahagian Pendidikan PABAM

Secara analisis, kitab Dizigui (弟子规) ialah ajaran asas dan pokok Konfusius yang mengutamakan konsep kekeluargaan, kitab Tai Shang Gan Ying Pian (太上感应篇) ialah ajaran asas Laozi yang selaku pengasas Taoism yang mengutamakan konsep punca dan akibat, kitab Shi Shan Ye Dao Jing (十善业道经) ialah ajaran asas Buddha Shakyamuni yang mengutamkan konsep dan prinsip disiplin dalam kehidupan kita. Ketiga-tiga kitab

yang asas ini ialah inti ajaran tradisional pengajian tionghua yang telah diwarisi sejak turun temurun dan telah terbukti keberkesanannya dari segi membentuk akhlak manusia yang mulia terutamanya menjadi seorang insan yang berakhlak. Di samping itu, Wu Liang Shou Jing ialah Kitab Hayat Infiniti (无量寿经) yang menggambarkan dan menceritakan cara-cara kultivasi berzikir kepada Buddha Amitabha dan keadaan puncak kebahagiaan hidup di Tanah Suci Amitabha.

Analisis turut mendapati bahawa, kerangka teori kelas pembacaan kitab kanak-kanak PABAM adalah melalui tujuh kritiria. Pertama, memupuk sikap dan pandangan yang betul serta tepat terhadap kehidupan harian dan bersama-sama menjaga kebersihan dan kecantikan alam sekitar yang kita tinggal. Kedua, mempraktikkan ajaran yang terkandung dalam kitab-kitab kerana ia merupakan pendidikan kehidupan harian, contohnya kerajinan bekerja, menghormati dan menyayangi ibu bapa, tolong-menolong dan menyayangi adik beradik, abang, kakak, dan sebagainya. Ketiga, memulihkan kebaikan tulen dan semulajadi yang terkandung dalam sifat jati diri kita agar keintelektualan, kebijaksanaan, kearifan, kebolehan yang serba lengkap dapat dikeluarkan dan diperkembangkan daripada sifat jati diri kita. Keempat, menghasilkan generasi akan datang yang unggul dan beriman kukuh agar dapat berkhidmat kepada bangsa dan nusa. Kelima, keintelektualan Asal ialah keintelektualan benar yang berasal daripada Sifat Jati-Diri kita. Ia dipupuk dan dipulihkan melalui keikhlasan dan ketulenan

hati kita. Dari segi perspektif ajaran Konfusius, Keintelektualan Asal diibaratkan sebagai akar pokok, dari akar pokok, maka tumbuhlah batang kayu, daun-daunan, bunga-bungaan, buah-buahan dan sebagainya. (The Association of Confucianism Malaysia, 2004: 89) Keenam, matlamat pemupukan dan pemulihan Keintelektualan Asal kanak-kanak adalah untuk mengelakkan kerunsingan dan kekusutan fikiran mereka. Melalui pembacaan dan penghafalan kitab, kerunsingan dan kekusutan fikiran kanak-kanak dapat dikikiskan dan dihapuskan, fikiran mereka menjadi lebih tenang, fokus dan jernih. Ketujuh, konsep pengajaran dan pembelajaran kitab adalah untuk mengajar kanak-kanak mengutamakan hafal teks kitab kerana pada peringkat kanak-kanak, mereka mempunyai daya peringatan yang paling tinggi. Dengan kata lain, penghafalan teks kitab adalah amat sesuai pada peringkat pertumbuhan kanak-kanak. Kerangka teorinya adalah berdasarkan para mahaguru pada zaman dahulu di China mengajar para pelajar menghafalkan teks kitab dan mendapat keberkesanannya yang amat baik. Sebagai contohnya, pada zaman dahulu, golongan pelajar yang cerdik, satu hari dapat menghafalkan 700 patah perkataan Bahasa Cina Klasik. Golongan pelajar yang sederhana satu hari dapat menghafalkan 300-500 patah perkataan; dan golongan pelajar yang kurang cerdik satu hari dapat menghafalkan 100 patah perkataan atau kurang daripadanya.

Di China, setiap muka surat buku Bahasa Cina Klasik terdapat sepuluh baris, setiap baris mempunyai dua puluh patah perkataan. Maksudnya, setengah muka surat terdapat

lima baris bersamaan dengan seratus patah perkataan. Pada asasnya, formula perkiraannya ialah golongan pelajar yang kurang cerdik satu hari dapat menghafal sekurang-kurangnya 100 patah perkataan atau kurang daripadanya adalah menghafalkan sepuluh kali. Contohnya, selepas menghafalkan sepuluh kali, pelajar cuma dapat menghafalkan 50 patah perkataan, daripada 50 patah perkataan ini, pelajar tadi mesti memantapkan penghafalan 50 patah perkataan ini sebanyak dua ratus kali. Golongan pelajar yang sederhana dalam tempoh satu hari dapat menghafal 300-500 patah perkataan, juga menghafalkan sepuluh kali, selepas itu, memantapkan penghafalan 300-500 patah perkataan ini sebanyak dua ratus kali. Golongan pelajar yang cerdik, satu hari berupaya menghafal 700 patah perkataan Bahasa Cina Klasik juga menghafalkan sepuluh kali, selepas itu, memantapkan penghafalan 700 patah perkataan ini sebanyak seratus kali. Pada hari kedua, pelajar dimestikan menghafalkan jumlah perkataan yang dihafalkan semalam, selepas itu, barulah bermula dengan penghafalan patah perkataan yang baru. Kaedah penghafalan ini ialah kaedah pemupukan Keintelektualan Asal kanak-kanak yang paling efektif kerana dapat menghapuskan kerunsingan dan kekusutan fikiran kanak-kanak dan memanfaatkan mereka di masa kelak dan seumur hidupnya. Chin Kung menyatakan bahawa secara umumnya, para pelajar remaja atau orang dewasa sekiranya dapat menghafalkan lima puluh teks kitab Bahasa Cina Klasik, mereka dapat memahami kandungan teks kitab tadi. Sekiranya dapat menghafalkan seratusa teks kitab Bahasa Cina

Klasik, mereka dapat menulis dengan menggunakan Bahasa Cina Klasik. (Chin Kung, 2012: 707)

Analisis mendapati bahawa terdapat lima hasil keberkesanan kelas pembacaan kitab kanak-kanak PABAM untuk kanak-kanak yang telah tamat pelajaran selama tujuh tahun mengikut laporan tahunan 2014 iaitu pertama, senang berkomunikasi dengan orang ramai melalui mengingatkan kanak-kanak tentang garis panduan dan prinsip yang terkandung dalam kitab-kitab yang pernah mereka belajar. Kedua, berkebolehan mengatasi rintangan dan liku-liku hidup dengan sikap yang lebih positif disebabkan sejak kecil kanak-kanak sudah menerima ajaran kandungan kitab-kitab yang positf. Ketiga, dapat mempertingkatkan tahap kultivasi dan menjadikan tingkah laku lebih bersifat positif serta baik melalui memberi bimbingan yang sesuai. Keempat, berhati baik, memainkan peranan sebagai penyayang, suka menolong orang lain. Kelima, tingkah laku dalam kehidupan lebih bersopan santun dan sesuai dengan amalan budaya di samping memenuhi kehendak adab masyarakat. (Catatan dokumen Kursus Latihan Kelas Agama Buddha Amitabha untuk para guru secara keseluruhan, 2014: 3)

PABAM juga mendukung dan mementingkan aspek kebudayaan tradisi Tionghua terutamanya dari segi ajaran Konfusius iaitu *Dizigui.* Salah satu program tahunan PABAM sejak tahun 2012 ialah Upacara Bersujud 跪拜礼 iaitu para pelajar bersujud kepada ibu bapa mereka di Dewan Buddha Amitabha. Upacara Bersujud ini adalah

bertujuan untuk memberi penghormatan, kasih sayang dan berterima kasih yang ikhlas kepada ibu bapa.[17] Sesungguhnya, institusi kekeluargaan mempunyai matlamat dan tanggungjawab dalam menentukan pedoman dan konsep pembelajaran keluarganya. Setiap ahli keluarga mempunyai misi untuk mempertingkatkan reputasi keluarga dan berbangga terhadap nenek moyangnya. Misi ini dapat diterjemahkan melalui usaha berbakti kepada keluarga, masyarakat, bangsa dan negara. Justeru itu, institusi kelurga umpama satu titik, sekiranya institusi keluarga dipelihara dan digemblengkan maka matlamat, pedoman, pembelajaran dan tanggungjawab institusi keluarga akan berkembang yang merangkumi pelbagai aspek seperti politik, ekonomi, kebudayaan, pendidikan dan sebagainya. Dengan ini, kesejahteraan dan keamanan keluarga, masyarakat serta negara akan dapat direalisasikan. Sekiranya setiap keluarga di Malaysia dapat mempraktikkan konsep Dizigui untuk memperkukuhkan nilai-nilai murni yang terkandung dalam ajaran pendidikan tradisi atau agama-agama masing-masing di samping memberi tumpuan dalam pengajaran dan pembelajaran, maka adalah dipercayai bahawa masyarakat di negara kita akan dapat menikmati kehidupan yang aman, damai, makmur, cemerlang, gemilang dan terbilang.

Dizigui disusun dan ditulis oleh seorang guru pada zaman Dinasti Qing di China

[17] Pada tarikh 5 Januari 2014, pengkaji tesis ini telah bertemu bual dengan Tan Yue Lian selaku Eksekutif Pentadbiran untuk Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia yang terletak di Jalan Pahang, Kuala Lumpur. Dia berkhdimat di PABAM sudah 12 tahun sejak tahun 2002 hingga tahun 2014.

di bawah pemerintahan kerajaan Kang Xi yang bernama Li Yu-Xiu (1661-1722 tahun masihi). Beliau memetik, menyusun dan menggunakan isi-isi karya Konfusius dalam penulisannya. Pada masa tersebut, *Dizugui* dinamakan "Xun Meng Wen" yang bermaksud pendidikan untuk asuhan akhlak kanak-kanak. Selepas itu, ia disunting dan disusun semula oleh seorang guru yang bernama Jia Chun Ren dan ditukar nama menjadi *Dizigui* pada zaman Dinasti Qing, China supaya lebih mudah dan efektif dalam mengajar para pelajar untuk mempertingkatkan kualiti dan pedoman kehidupan mereka.

Dizigui dalam versi bahasa klasik Cina mempunyai 7 bab, sejumlah 1080 patah perkataan dan mengandungi 113 perkara. Isi-isi kerangka *Dizigui* dibahagikan kepada tujuh bab iaitu:

Bab 1 (24 Perkara): Adab Mengasihi Ibu Bapa Dengan Sepenuh Hati Semasa Di Rumah,

Bab 2 (13 Perkara): Adab Mengasihi Dan Menghormati Adik Beradik atau Orang Yang Lebih Tua Semasa Di Luar Rumah ,

Bab 3 (24 Perkara): Adab Berhati-hati, Berdisiplin dan Bersungguh-sungguh Dalam Kehidupan Harian,

Bab 4 (15 Perkara): Adab Amanah dan Kejujuran dalam Kehidupan Seharian,

Bab 5 (21 Perkara): Adab Mengasihi Sesama Manusia dengan Saksama,

Bab 6 (4 Perkara): Adab Mendampingi, Mempelajari Dan Berguru Dengan Orang Yang Suci Dan Bijaksana,

Bab 7 (12 Perkara): Adab Melanjutkan dan Mempelajari Ilmu Pengetahuan , Kesusateraan, Kesenian dan Keagamaan Setelah Dapat Mengamalkan Adab-Adab Pedoman Untuk Menjadi Pelajar Yang Baik. (Poey Tiang Peow, 2009: v)

Konsep yang terkandung dalam kitab *Dizigui* dipercayai dapat melahirkan modal insan yang bersifat menyeluruh, progresif, bermoral dan beretika tinggi selain daripada kemahiran serta pengetahuan, menyedarkan para guru, ibu bapa dan segenap lapisan masyarakat tentang peri pentingnya pelaksanaan nilai-nilai murni budaya tradisi dalam kehidupan kita, menggalakkan warga masyarakat membabitkan diri dalam pembelajaran seumur hidup, menyebarluaskan Dizigui kepada segenap lapisan masyarakat agar negara akan bertambah maju, aman dan sejahtera dalam menuju ke arah kemakmuran, mempraktikkan Dizigui sebagai pendekatan utama dalam mewujudkan modal insan 'Minda Kelas Pertama'demi membantu negara melonjak ke status negara maju, serta emberikan manfaat dan bimbingan kepada generasi muda agar mereka menjadi insan yang berjaya dalam hidup dan disarat dengan nilia-nilai murni yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Secara tuntasnya, *Dizigui* merupakan akar kepada keintelektualan dan moraliti, ia juga ialah kaedah pendidikan keluarga tradisi yang sempurna bagi majoriti keluarga di negara China. (The Association of Confucianism Malaysia, 2004: 82) Dalam pendidikan tradisi Cina, institusi keluarga merupakan satu tempat bergantungan, jaminan dan

sokongan bagi seseorang dalam kehidupannya. Ia juga merupakan suatu daya dorongan dan momentum bagi seseorang dalam mempertingkatkan kualiti hidup dengan semangat juang yang kental di samping sebagai obor yang menerangi liku-liku kehidupan.

3.3: Asal-Usul Penyebaran Dan Perkembangan Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja PABAM

Sejak permulaan tahun 2005, kanak-kanak yang telah tamat pelajaran selama tujuh tahun di Kelas Pembacaan Kitab Kanak-Kanak PABAM secara automatik terus memasuki Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja PABAM 马来西亚净宗学会青少年学佛班. Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja PABAM memokus dan mengutamakan pengajaran dan pembelajaran kitab-kitab yang telah dipelajari oleh kanak-kanak dalam Kelas Pembacaan Kitab Kanak-Kanak PABAM. (Catatan dokumen Kursus Latihan Kelas Agama Buddha Amitabha untuk para guru secara keseluruhan, 2014: 5-6) Kursus-kursus yang diajar dalam Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja PABAM adalah seperti di dalam Jadual 3.2.

Jadual 3.2: Kursus-kursus yang diajar dalam Kelas Pendidikan Agama Buddha

Remaja PABAM

Umur	Kursus	Kaedah
13	Pengenalan Kepada Agama Buddha	Penerangan dan Pelaksanaan
14	Shi Shan Ye Dao Jing	Penerangan dan Pelaksanaan
15	Wu Liang Shou Jing Yi Jie	Penerangan dan Pelaksanaan
16	Wu Liang Shou Jing Yi Jie	Penerangan dan Pelaksanaan

Sumber: Bahagian Pendidikan PABAM

Kitab Pengenalan Kepada Agama Buddha 《认识佛教》 membolehkan penganut memahami asas kandungan agama Buddha secara menyeluruh melalui susunan bab-bab yang teratur dan sistematik. Shi Shan Ye Dao Jing (十善业道经) pula membolehkan penganut memahami ajaran asas Buddha Shakyamuni yang mengutamakan konsep dan prinsip disiplin dalam kehidupan kita secara lebih mendalam. Manakala Wu Liang Shou Jing ialah Kitab Hayat Infiniti (无量寿经) yang membolehkan penganut mengerti cara-cara kultivasi dan keadaan puncak kebahagiaan hidup di Tanah Suci Amitabha secara terperinci.

Kerangka Teori Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja PABAM dapat dibahagikan kepada dua kritiria iaitu pertama, para remaja sehingga umur tiga belas tahun, mula membuka minda, memahami realiti kehidupan, barulah guru menerangkan makna sebenar yang terkandung dalam kitab-kitab kepada mereka. Contohnya, guru

membawa para pelajar menyertai lawatan sambil belajar, sama ada mendaki gunung ataupun berjalan-jalan di tepi pantai, para pelajar tidak perlu membawa buku rujukan kerana otak mereka sudah dipenuhi dengan kandungan kitab-kitab yang belajar sejak masih kecil lagi. Guru menceritakan sejarah dan geografi semasa lawatan sambil belajar, pengetahuan ini terkandung dalam kitab-kitab, sebagai contohnya di muka surat ke berapa, baris ke berapa, semuanya sudah terpahat dalam hati dan otak para pelajar. Oleh itu, pada zaman dulu, membaca dan menghafalkan kitab-kitab adalah sangat bahagia dalam kehidupan di samping mempunyai banyak keseronokan. Kedua, para remaja yang berumur 13 sehingga 16 adalah dikehendaki mengkaji Kitab Pengenalan Kepada Agama Buddha (认识佛教) agar memahami asas kandungan agama Buddha secara menyeluruh melalui susunan bab-bab yang teratur dan sistematik; mengkaji Shi Shan Ye Dao Jing (十善业道经). Ianya bertujuan untuk memahami ajaran asas Buddha Shakyamuni yang mengutamakan konsep dan prinsip disiplin dalam kehidupan kita secara lebih mendalam serta mengkaji Wu Liang Shou Jing iaitu Kitab Hayat Infiniti (无量寿经) agar mengerti cara-cara kultivasi dan keadaan puncak kebahagiaan hidup di Tanah Suci Amitabha secara terperinci. (Catatan dokumen Kursus Latihan Kelas Agama Buddha Amitabha untuk para guru secara keseluruhan, 2014:3)

3.4: Keputusan Peperiksaan Tahunan Integrasi Tahun 2008-2014 Bagi Kelas

Pendidikan Agama Buddha Remaja PABAM

PABAM setiap tahun telah mengadakan Peperiksaan Tahunan Integrasi untuk Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja PABAM sejak tahun 2008 sehingga 2014. Walau bagaimanapun, pada tahun 2012, disebabkan kursus Kitab Hayat Infiniti pada asalnya dari satu tahun, dijadikan dua tahun, maka pada tahun tadi tidak ada Peperiksaan Tahunan Integrasi tersebut. Contoh yang nyata ialah berdasarkan Laporan Tahunan Keputusan Peperiksaan Integrasi 2013 Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja PABAM bagi para pelajar yang telah tamat pelajarannya di PABAM selama sebelas tahun diadakan pada tarikh 10hb November 2013 di Dewan Ajaran Kitab PABAM. Keputusan rasmi peperiksaan tersebut menunjukkan bahawa untuk Kelas C29 dan Kelas C32 masing-masing lapan orang pelajar telah mengambil peperiksaan tersebut. Keputusan peperiksaan untuk lapan orang pelajar dalam Kelas C29 adalah seperti dalam Jadual 3.3.

Jadual 3.3: Keputusan Peperiksaan Untuk Lapan Orang Pelajar Dalam Kelas C29

Keputusan Peperiksaan	Peratusan Markah	Jumlah Pelajar
A	82%-87.8%	4
C	61.6%-65.8%	2
C-	59.9%	1
D	36.1%	1

Sumber: Bahagian Pendidikan PABAM

Analisis keputusan peperiksaan untuk lapan orang pelajar dalam Kelas C29 dipengaruhi oleh beberapa faktor iaitu pertama, empat orang pelajar mendapat keputusan cemerlang adalah kerana mereka belajar bersungguh-sungguh, aktif melibatkan diri dalam sesi soal-jawab dan perbincangan, dan seumpamanya. Kedua, dua orang pelajar mendapat keputusan lulus adalah disebabkan pada bulan Jun hingga November 2013, mereka kurang menghadiri kelas pembelajaran kerana mereka semestinya menyediakan diri untuk menghadapi peperiksaan PMR. Ketiga, seorang pelajar mendapat keputusan hampir lulus adalah disebabkan pada pertengahan tahun dia baru diterima masuk ke kelas pembelajaran sebagai pelajar sambilan atau pemerhatian. Keempat, seorang pelajar mendapat keputusan gagal adalah disebabkan dia mempunyai kecacatan otak atau dikategorikan sebagai pelajar yang memerlukan pendidikan khas. Walau bagaimanapun, beliau telah cuba sedaya upaya mengatasi banyak rintangan untuk menjawab peperiksaan yang diduduki. Keputusannya amat menggalakan dan telah dijadikan sebagai kes pengajian umum kerana terbukti pelajar yang memerlukan pendidikan khas tadi sudah memahami dan mengerti asas ajaran yang terkandung dalam kitab-kitab dan dia boleh dijadikan contoh teladan yang baik dari segi semangat yang kental dalam pembelajaran dan pemahaman kitab-kitab.

Manakala jadual 3.4 pula menunjukkan keputusan peperiksaan untuk lapan orang pelajar dalam Kelas C32.

Jadual 3.4: Keputusan Peperiksaan Untuk Lapan Orang Pelajar Dalam Kelas C32

Keputusan Peperiksaan	Peratusan Markah	Jumlah Pelajar
A	80% da ke atas	3
B	70% dan ke atas	4
Tidak Hadir	-	1

Sumber: Bahagian Pendidikan PABAM

Analisis keputusan peperiksaan secara keseluruhannya adalah baik untuk tujuh orang pelajar dan seorang pelajar tidak hadir mengambil peperiksaan dalam Kelas C32. Analisis mendapati pertama, para guru mengajar para pelajar dengan hati ikhlas, dan proaktif membantu para pelajar mengulangkaji skop peperiksaan. Kedua, para pelajar dapat memahami makna sebenar yang terkandung dalam kitab melalui belajar bersungguh-sungguh dan mengambil perhatian sepenuhnya semasa menghadiri kelas ajaran dan bimbingan guru. Ketiga, umur para pelajar tadi adalah di antara 16-20 tahun. Disebabkan kemasukan mereka ke kelas pembelajaran pada sebelas tahun dulu, sistem kemasukan umur belum ditentukan dan digariskan secara jelas. Secara purata, kumpulan pelajar ini mempunyai fikiran yang matang. Keempat, dua orang pelajar mempunyai kadar kehadiran yang agak rendah, tetapi mereka tetap rela menerima ajaran, bimbingan dan nasihat daripada para guru agar mengulangkaji kitab-kitab demi mendapat keputusan peperiksaan yang baik. Kelima, para guru selalu menyampaikan mesej kepada para

pelajar tentang kepentingan Peperiksaan Integrasi 2013 untuk Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja PABAM. Ini kerana keputusan peperiksaan yang baik bakal lebih menyakinkan para ibu bapa, orang ramai, pucuk pimpinan PABAM mengenai keberkesanan pendidikan agama Buddha yang diajar di PABAM.[18]

Di samping itu, Laporan Tahunan Keputusan Peperiksaan Integrasi 2014 Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja PABAM bagi para pelajar yang telah tamat pelajarannya di PABAM selama dua belas tahun di Kelas G3 adalah seperti dalam jadual 3.5.

Jadual 3.5: Keputusan Laporan Tahunan Keputusan Peperiksaan Integrasi 2014 Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja PABAM Kelas G3

Markah	Jumlah Pelajar
90%-100%	4
80%-89.90%	4
70%-79.90%	3
60%-69.90%	2
50%-59.90%	7

Sumber: Bahagian Pendidikan PABAM

Analisis mendapati bahawa, keputusan peperiksaan secara keseluruhannya adalah

[18] Sejarah lisan daripada Chin Yet Lian pada tarikh 13 April 2014. Dia ialah staf kepada PABAM yang berperanan sebagai penolong pentadbiran untuk Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja PABAM.

baik untuk dua puluh orang pelajar dalam Kelas G3. Kejayaan mereka disebabkan pertama empat orang pelajar mendapat keputusan cemerlang, markah mereka adalah di antara 90%-100% adalah kerana mereka belajar bersungguh-sungguh, mempunyai kualiti pembelajaran yang baik. Kedua, tujuh orang pelajar mendapat keputusan baik dengan markah mereka adalah di antara 70%-89.90% dan mereka majoriti berprestasi baik dalam sesi perbincangan. Ketiga, dua orang pelajar mendapat keputusan 60%-69.90% kerana mereka tidak berprestasi baik dalam sesi perbincangan. Keempat, walaupun tujuh orang pelajar mendapat keputusan 50%-59.90%, tetapi kadar kehadiran mereka dalam kelas untuk belajar adalah tinggi.[19]

Manakala Laporan Tahunan Keputusan Peperiksaan Integrasi 2014 Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja PABAM bagi para pelajar yang telah tamat pelajarannya di PABAM selama dua belas tahun di Kelas C3 adalah seperti dalam Jadual 3.6.

[19] Pengkaji tesis telah bertemu bual dengan Ketua Guru Kitab Hayat Iifiniti, PABAM Fung Hui Chan pada tarikh 27 Disember 2014 di Dewan Ajaran kitab PABAM dan Fung telah memberikan Laporan Tahunan Keputusan Peperiksaan Integrasi 2014 Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja PABAM bagi para pelajar yang telah tamat pelajarannya di PABAM selama dua belas tahun di Kelas G3 secara ringkas.

Jadual 3.6: Keputusan Laporan Tahunan Keputusan Peperiksaan Integrasi 2014 Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja PABAM Kelas C3

Markah	Jumlah Pelajar
87.5%	1
76%-78.5%	3
60%-63.5%	3
53 %-56%	3

Sumber: Bahagian Pendidikan PABAM

Analisis mendapati bahawa, keputusan peperiksaan secara keseluruhannya adalah memuaskan untuk sepuluh orang pelajar dalam Kelas C3 iaitu pertama, markah purata keputusan peperiksaan kelas ini ialah 70%. Kedua, tahap penguasaan menulis dalam Bahasa Cina adalah sederhana. Terdapat tiga orang pelajar adalah berpendidikan Bahasa Inggeris, di mana penguasaan menulis dalam Bahasa Cina adalah lemah. Ketiga, salah seorang pelajar perempuan yang berpendidikan Bahasa Inggeris iaitu Miao Lin menerusi semangat belajar yang bersungguh-sungguh mendapat markah 60% dalam peperiksaan. Keempat, para pelajar dalam kelas ini diharap akan terus sambung belajar di Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja Lanjutan PABAM agar kelak boleh menjadi guru insan yang cemerlang.[20]

[20] Pengkaji tesis telah bertemu bual dengan Guru Kanan Kitab Hayat Iifiniti, PABAM Liao Li Xiang pada tarikh 27 Disember 2014 di Dewan Ajaran kitab PABAM dan Cik Liao telah memberikan Laporan Tahunan Keputusan Peperiksaan Integrasi 2014 Kelas

Manakala Laporan Tahunan Keputusan Peperiksaan Integrasi 2014 Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja PABAM bagi para pelajar yang telah tamat pelajarannya di PABAM selama dua belas tahun di Kelas G6 adalah seperti dalam Jadual 3.7.

Jadual 3.7: Keputusan Laporan Tahunan Keputusan Peperiksaan Integrasi 2014 Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja PABAM Kelas G6

Markah	Jumlah Pelajar
92%	1
80.5%- 89.5%	3
74.2%- 75.3%	2
60.5%- 61.5%	2
53%	1

Sumber: Bahagian Pendidikan PABAM

Analisis mendapati bahawa keputusan peperiksaan secara keseluruhannya adalah memuaskan untuk sembilan orang pelajar dalam Kelas G6 iaitu pertama, keputusan peperiksaan untuk kelas ini adalah sederhana. Kedua, umur para pelajar dalam kelas ini adalah di antara 15 – 22, tetapi tahap penguasaan dalam pembelajaran Dharma Buddha

---

Pendidikan Agama Buddha Remaja PABAM bagi para pelajar yang telah tamat pelajarannya di PABAM selama dua belas tahun di Kelas C3 secara ringkas.

adalah memuaskan. Ketiga, separuh daripada pelajar sudah bekerja sepenuh masa dan separuh lagi masih belajar di sekolah. Namun kadar kehadiran mereka ke kelas adalah masih memuaskan. Keempat, salah seorang pelajar dalam kelas ini mendapat 53% dalam keputusan peperiksaan. Ini adalah kerana terlalu sibuk dalam peperiksaan sekolah dan kurang mengulangkaji Dharma Buddha yang telah dipelajari.[21]

3.5: Asal-Usul Penyebaran Dan Perkembangan Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja Lanjutan PABAM

Kursus yang diajar dalam kelas pendidikan agama buddha remaja lanjutan PABAM adalah mengikuti umur. Kursus yang diajar adalah berdasarkan kursus Liao Fan Si Xun melalui kaedah penerangan dan perlaksanaan. Liao Fan Si Xun ialah kitab gabungan kandungan Konfusius dan agama Buddha yang mengutamakan kaedah-kaedah menukar nasib kurang baik kepada nasib baik, menjadikan kehidupan kita lebih aman dan bahagia dan menambahbaikkan akhlak dan moral. Sejak tahun 2012, kitab Liao Fan Si Xun diajar dalam Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja Lanjutan PABAM selama dua tahun. Pada tahun 2010, jumlah pelajar di kelas pendidikan agama buddha remaja lanjutan

[21] Pengkaji tesis ini telah bertemu bual dengan Guru Kanan Kitab Hayat Iifiniti, PABAM Tan Fei Hwa pada tarikh 27 Disember 2014 di Dewan Ajaran kitab PABAM dan Cik Tan telah memberikan Laporan Tahunan Keputusan Peperiksaan Integrasi 2014 Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja PABAM bagi para pelajar yang telah tamat pelajarannya di PABAM selama dua belas tahun di Kelas G6 secara ringkas.

PABAM adalah seramai 36 pelajar yang merupakan graduan daripada kelas pendidikan agama buddha remaja PABAM pada tahun 2008 dan 2009. Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja Lanjutan PABAM adalah diasaskan dan dimulakan pada tahun 2010 yang menggunakan kitab Tai Shang Gan Ying Pian (太上感应篇) dan kitab Liao Fan Si Xun (了凡四训). (Catatan dokumen Kursus Latihan Kelas Agama Buddha Amitabha untuk para guru secara keseluruhan, 2014:5)

3.6: Asal-Usul Penyebaran Dan Perkembangan Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja Pengkhususan PABAM

Kursus yang diajar dalam Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja Pengkhususan PABAM adalah Foshuo dacheng wuliangshou zhuangyan qingjing pingdeng jue jing jie melalui kaedah penerangan dan perlaksanaan. Foshuo dacheng wuliangshou zhuangyan qingjing pingdeng jue jing jie 《佛说大乘无量寿庄严清净平等觉经解》atau The Explanations of Buddha Speaks of the Infinite Life Sutra of Adornment, Purity, Equality and Enlightenment of the Mahayana adalah ditulis oleh Huang Nian Zu 黄念祖 dan telah digunakan oleh PPABA di peringkat antarabangsa sebagai rujukan utama dalam kultivasi kehidupan mazhab Tanah Suci Amitabha. Remaja yang tamat pelajaran di Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja Lanjutan PABAM 马来西亚净宗学会青少年进修学佛班 akan meneruskan pelajaran ke Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja

Pengkhususan PABAM 马来西亚净宗学会青少年专修学佛班. Terdapat tiga objektif utamanya iaitu pertama, kursus ini ialah kursus agama Buddha pembelajaran seumur hidup dan diajar selama sepuluh tahun untuk matlamat kursus pengkhususan. Remaja digalakkan belajar kursus ini selama sepuluh tahun. Dua tahun yang pertama adalah wajib dan dikehendaki menghadiri kelas ajaran dan bimbingan secara teliti dan fokus, mempelajari kandungan kultivasi yang utama, cara-cara pembelajaran dan pengajaran, kerangka teori dan mempraktikkannya dalam kultivasi kehidupan dan untuk lapan tahun selebihnya pelajar boleh belajarnya sendiri mengikut kaedah pembelajaran yang telah ditunjukkan dan didemonstrasikan oleh guru atau secara sukarela terus sambung belajar melalui menghadiri kelas. Kedua, sebagai garis panduan untuk kultivasi seumur hidup. Para pelajar memahirkan diri, menguasai makna sebenarnya yang terkandung dalam Foshuo dacheng wuliangshou zhuangyan qingjing pingdeng jue jing jie (佛说大乘无量寿庄严清净平等觉经解) dalam tempoh dua tahun, selepas itu mempraktikkanya sejumlah sepuluh tahun yang termasuk dua tahun tadi. Selepas sepuluh tahun, para pelajar tersebut sudah mahir menguasai kitab tersebut dan boleh menjadikannya sebagai garis panduan untuk kultivasi seumur hidup, dan berharapan besar pada akhir hayat ini bakal dapat berjaya melahirkan diri di Tanah Suci Amitabha. Ketiga, mewarisi khazanah pengetahuan dan pengalaman daripada para patriak mazhab Tanah Suci Amitabha, dan menyampaikannya kepada generasi akan dating. Ianya bagi memenuhi matlamat utama

kursus ini iaitu sebagai pusat buaian latihan untuk menghasilkan bakal pemimpin untuk mazhab Tanah Suci Amitabha umumnya, untuk PABAM khususnya. (Catatan dokumen Kursus Latihan Kelas Agama Buddha Amitabha untuk para guru secara keseluruhan, 2014: 5-6)

3.7: Asal-Usul Penyebaran Dan Perkembangan Kelas Pendidikan Agama Buddha Dewasa PABAM

Kelas Pendidikan Agama Buddha Dewasa PABAM diasaskan pada tahun 2001 dan kursus yang diajar pada masa itu ialah Empat Belas Kursus Agama Buddhayang ditulis oleh Li Bing Nan 李炳南. Para pelajar yang mempelajari kursus ini terdiri daripada ahli, kakitangan PABAM dan pengkultivasi yang biasa menghadiri pelbagai akitiviti PABAM. Pada setiap hari Ahad, kursus ini diajar selama dua jam serta melatih para pelajar untuk Berceramah Secara Berulangan tentang kandungan kursus selama lima belas minit. Tujuannya bagi melahirkan para guru yang berpotensi kemudian mengajar di Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja PABAM, mengajar di Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja Lanjutan PABAM dan sebagainya. Kursus-kursus yang diajar dalam Kelas Pendidikan Agama Buddha Dewasa PABAM adalah Dizigui, Tai Shang Gan Ying Pian, Pengenalan Kepada Agama, Buddha dan Liao Fan Si Xun. Kesemua kursus ini

menggunakan kaedah penerangan dan perlaksanaan. (Catatan dokumen Kursus Latihan Kelas Agama Buddha Amitabha untuk para guru secara keseluruhan, 2014: 6)

Sehingga tahun 2012, pendidikan kitab dan agama Buddha di PABAM telah berkembang pesat dan mempunyai 27 Kelas Pembacaan Kitab Kanak-Kanak dengan jumlah bilangan pelajarnya ialah 435 orang, mempunyai 13 Kelas Pendidikan Agama Buddha Remaja dengan jumlah bilangan pelajarnya ialah 257 orang dan mempunyai 4 Kelas Pendidikan Agama Buddha Dewasa dengan jumlah bilangan pelajarnya ialah 275 orang. Jumlah para pelajar untuk ketiga-tiga kategori kelas tadi ialah seramai 967 orang.

(Catatan Minit Mesyuarat Agung PABAM, 2012) Dari segi penyebaran dan perkembangan pendidikan agama Buddha, PABAM telah berjaya memainkan peranan yang penting yang selaras dengan fungsi dan matlamat pendidikan sosial. Ini adalah selaras dengan kerangka teori Durkheim (1858-1917) iaitu mengembangkan pendidikan moral sekular baru dalam masyarakat moden yang berdasarkan fungsi struktur untuk mengatasi interaksi sosial yang mempunyai stail yang komprehensif dan pengalaman yang berlainan. Durkheim tidak percaya bahawa sistem kepercayaan agama dapat membekalkan sistem kepercayaan yang bebas atau kekuatan yang mencukupi untuk mengatasi interaksi sosial dalam masyarakat moden yang mempunyai stail yang komprehensif dan pengalaman yang berlainan. (Pip Jones, Liz Bradbury & Shaun Le Boutillier, 2011: 70)

3.8: Keputusan Peperiksaan Para Guru 2014 Secara Keseluruhan Untuk Kelas Pendidikan Agama Buddha PABAM

Berdasarkan laporan tahunan keputusan peperiksaan para guru 2014 mendapati bahawa seramai 56 orang guru dan pelindung Dharma Buddha 佛法的护法 telah mengambil bahagian dalam peperiksaan tadi. Matlamat utama peperiksaan tersebut adalah untuk, pertama, mempertingkatkan standard dan kualiti pengajaran dan pembelajaran para guru yang mengajar di Kelas Pendidikan Agama Buddha PABAM secara keseluruhannya. Kedua, meluluskan diri dalam peperiksaan sebagai pengiktirafan dan penghormatan kepada para guru yang mengajar di Kelas Pendidikan Agama Buddha PABAM. Ketiga, berdasarkan keputusan peperiksaan, para guru diagihkan kepada kelas-kelas pengajaran dan bimbingan yang bersesuaian dengan keupayaan dan kelayakan mereka. Laporan Tahunan Keputusan Peperiksaan Para Guru 2014 secara keseluruhan adalah seperti dalam jadual 3.8.

Jadual 3.8: Laporan Tahunan Keputusan Peperiksaan Para Guru 2014

Keputusan	Jumlah Guru	Keputusan	Jumlah Guru

Peperiksaan		Peperiksaan	
90%	4	68%	3
88%	2	67%	2
85%	8	66%	1
83%	1	65%	2
82%	1	63%	2
80%	2	62%	1
79%	9	60%	1
75%	6	40%	1
70%	3	30%	3
69%	2	20%	2

Sumber: Bahagian Pendidikan PABAM

Keputusan tersebut menjelaskan bahawa kualiti keseluruhan untuk para guru pendidikan agama Buddha adalah memuaskan, tetapi tahap dan kualiti untuk segelintir pelindung Dharma Buddha perlu dipertingkatkan menerusi menghadiri kelas ajaran dan bimbingan pendidikan agama Buddha. Sejumlah lapan belas orang yang mendapat markah 80% atau ke atas telah dilantik memainkan peranan yang penting sebagai ketua dalam pelbagai kursus agama Buddha yang diadakan di PABAM. (Catatan dokumen

Kursus Latihan Kelas Agama Buddha Amitabha untuk para guru secara keseluruhan, 2014: 4) Pengkaji mendapati bahawa ajaran pendidikan Dharma Buddha yang dikendalikan oleh PABAM adalah dikategorikan sebagai Pendidikan Kepercayaan dan juga mengutamakan Pendidikan Nilai. Pendidikan Kepercayaan mengutamakan kultivasi terhadap para penganut agama dan Pendidikan Nilai pula mengutamakan nilai-nilai universal dan kultivasinya terhadap semua warganegara. (Bai Yuguo, 2008: 247) Pengkaji turut mendapati bahawa Kolej Tanah Suci Amitabha atau Pure Land College adalah perlu didirikan di Malaysia selain penubuhan persatuan-persatuan Tanah Suci Amitabha di Malaysia. Ini adalah disebabkan Kolej Tanah Suci Amitabha dapat memainkan peranan yang lebih penting dalam tahap pembelajaran dan pengajaran terutamanya mementingkan karya-karya akademik mazhab Tanah Suci Amitabha daripada patriak-patriak mazhab Tanah Suci Amitabha dan menggalakkan para sarjana membuat kajian lanjut agar mengembangkan ajaran Dharma Buddha di samping memanfaatkan orang ramai.

3.9: Medium Pendidikan Dharma Buddha

Sejarah pengedaran medium pendidikan dharma buddha dalam bentuk buku, kaset, video

kaset, VCD dan DVD yang berasaskan ajaran dan ceramah Chin Kung dimulakan di Malaysia pada tahun 1994. Pada permulaannya, hasil ajaran dan ceramah Chin Kung direkod dan dihasilkan di rumah Tan Hui Qing dalam bentuk kaset dan diedarkan kepada para pengkultivasi atau kawan-kawan yang mempunyai hubungan yang rapat. Ia diedarkan secara percuma dan pada masa tersebut dan mendapat sambutan baik. Di sepanjang tahun 2012, pengedaran Pendidikan Dharma Buddha untuk buku ialah 47,000 naskah dengan kos percetakannya ialah RM195,310.86, untuk VCD ialah 437,800 keping dengan kos pembuatannya ialah RM928,395.07 dan untuk MP3 Garis Panduan dan Ulasan Utama Kitab Hayat Infiniti (无量寿经科註) ialah10,000 buah. (Catatan Minit Mesyuarat Agung PABAM, 2013)

Keputusan pengedaran pendidikan dharma buddha dalam bentuk buku, kaset, video kaset, VCD dan DVD meninggalkan tiga impak yang signifikan iaitu pertama, sebagai daya dorongan untuk sesetengah para penganut Buddha Amitabha yang sering mendengar pendidikan agama Buddha telah secara sukarela menubuhkan pengedaran pendidikan dharma buddha dalam bentuk buku, kaset, video kaset, VCD dan DVD yang baru. Sesetengah para penganutnya pula menubuhkan Persatuan Amitabha yang baru untuk mempromosikan mazhab Tanah Suci Amitabha sebagai kepercayaan dan agama yang semakin penting terhadap golongan masyarakat Cina yang tinggal di Malaysia. Kedua, kadar pencapaian matlamat PABAM dalam membolehkan setiap orang belajar agama

Buddha dan setiap orang melalui belajar ajaran agama Buddha ini adalah berpeluang menjadi Buddha pada akhir hayat hidup ini atau hayat-hayat hidup yang akan datang adalah semakin meningkat. Pengedaran pendidikan dharma buddha dalam bentuk buku, kaset, video kaset, VCD dan DVD yang berasaskan ajaran dan ceramah Chin Kung telah mendapat sambutan yang tinggi di Malaysia dan juga di luar negara seperti China, Taiwan, Singapore, Amerika Syarikat, Kanada, Australia dan sebagainya. Ketiga, para penganut mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia semakin ramai bilangannya kerana mereka telah memahami makna yang sebenar dalam kehidupan. Sebagai contoh hubungan manusia dengan alam semulajadi, hubungan manusia dengan alam semesta, dan sebagainya melalui ajaran dan ceramah Chin Kung yang disampaikan dalam bentuk buku, kaset, video kaset, VCD dan DVD. Disebabkan manusia hidup pada zaman yang serba moden ini, pengedaran pendidikan dharma buddha dalam bentuk buku, kaset, video kaset, VCD dan DVD telah berkembang dan dimajukan dalam bentuk hasilan Youtube, internet, website dan sebagainya. Sebagai contohnya, pendidikan Dharma Buddha dalam bentuk 华藏卫星电视台 Hwazan Weixing Televisyen Satelit atau Hwazan Satellite TV dan 华藏网路直播卫星电视台 Hwazan Online Satellitte TV yang dimulakan di Taiwan adalah pada tahun 2003 dan sehingga 2014 telah melebihi sepuluh tahun dan mendapat pencapaian yang sangat memuaskan di seluruh dunia termasuk di Malaysia. Ini disebabkan sebahagian besar pengikut yang suka pendidikan Dharma Buddha yang

mengutamakan pendidikan keluarga, pendidikan etika dan moral, pendidikan punca dan akibat, pendidikan agama dan seumpamanya. (Chin Kung, 2004: 54)

3.10: Kesimpulan

Di dalam bab ini, pengkaji menganalisis peranan PABAM dalam pendidikan kitab-kitab dan pendidikan agama Buddha. PABAM telah berusaha gigih dan melibatkan diri dalam pendidikan kitab-kitab dan pendidikan agama Buddha di Malaysia selama hampir 20 tahun. Persatuan ini telah memberi sumbangan yang besar kepada para penganutnya serta orang ramai di Malaysia. Dalam menganalisis bab ini, pengkaji menggunakan teori fungsionalisme, khususnya model Parsons sistem sosial – paradigma *Adaptation, Goal Attainment, Latence, Integration* (AGIL). Seterusnya, disertakan juga analisis dari teori kajian Ackerman dan Lee (1990) terhadap peranan identiti etnik dalam agama Buddhisme di kalangan masyarakat Cina di Malaysia.

Signifikannya, *Adaptation* adalah mengenai proses adaptasi manusia dengan alam serta individu sekeliling, PABAM dapat digelar sabagai satu sistem pembelajaran yang efektif bagi menyesuaikan diri manusia sedari usia kanak-kanak pada zaman ini dengan ajaran agama Buddha. Sebagai contoh, PABAM memberi pendedahan dengan mempertingkatkan tahap penguasaan Bahasa Cina Klasik dan Bahasa Cina Moden melalui latihan pembacaan dan penghafalan kepada kanak-kanak .

Terdapat beberapa kursus yang diajar dalam Kelas Pembacaan Kitab Kanak-Kanak PABAM iaitu dengan menggunakan kitab Dizigui yang mengutamakan konsep kekeluargaan; kitab Tai Shang Gan Ying Pian yang mengutamakan konsep punca dan akibat; dan kitab Shi Shan Ye Dao Jing yang mengutamakan konsep dan prinsip disiplin dalam kehidupan. Kesemua kursus ini menggunakan kaedah yang berbeza seperti penghafalan, penerangan dan pelaksanaan (6 hingga 10 tahun) serta ada juga meggunakan kaedah penghafalan sahaja iaitu bagi pelajar yang berusia 11 dan 12 tahun. Bagi memudahkan proses adaptasi manusia dengan keadaan sekeliling, kitab Dizigui dalam versi bahasa klasik Cina mengajar tentang beberapa perkara penting seperti adab mengasihi ibu bapa, adab mengasihi dan menghormati adik beradik atau orang yang lebih tua, adab berdisiplin dan bersungguh-sungguh dalam kehidupan harian, adab amanah dan kejujuran dalam kehidupan seharian dan sebagainya. Kesemua ini diajar supaya pelajar dapat menjadi insan yang lebih berguna pada masa hadapan.

Analisis mendapati proses adaptasi secara terasnya melibatkan ekonomi PABAM dalam pembahagian sumber yang efektif. Dengan adanya pembahagian kelas-kelas pembelajaran kitab kepada tujuh peringkat umur, sumber yang disediakan dapat dimanfaatkan pada kadar optimum serta memastikan pembelajaran dan pengajaran kitab kepada pelajar juga dapat mencapai objektif PABAM secara holistik. Dengan adanya pembahagian sumber ekonomi yang efektif dan teratur, objektif lahiriah yang hendak

dicapai oleh PABAM dalam mendidik pelajar juga mampu direalisasikan. Ianya mencerminkan beberapa kebaikan pembacaan kitab kanak-kanak dalam segi psikologi emosi, penajaman fikiran, pembentukan personaliti positif dalam jangka masa yang panjang, meluaskan keupayaan pelajar merenung di sebalik intipati pelajaran dari kitab-kitab yang dibaca, serta pemulihan keikhlasan dan kesucian yang dimiliki kanak-kanak. Analisis di atas menjelaskan bahawa lahiriah hanya mampu dicapai jika adanya pembahagian sumber yang sepatutnya. Dalam pada itu, dengan adanya pembahagian sumber yang efektif yang telah dilakukan oleh PABAM, keadaan lahiriah kanak-kanak yang menghadiri kelas pembacaan kitab kanak-kanak menjadi sesuatu yang dapat direalisasikan. Ini adalah kerana, pembahagian sumber yang efektif, membawa kepada sebuah struktur organisasi yang mewujudkan sebuah budaya yang mencerminkan keadaan lahiriah yang ingin dicapai oleh organisasi ini. Apabila sebuah budaya yang dicapai melalui pembahagian sumber ekonomi yang kukuh wujud maka, proses adaptasi akan berlaku, di mana seluruh organisasi tersebut wujud dalam budaya yang telah diaptasikan ini.

Goal Attainment adalah proses mencapai matlamat. PABAM terus komited terhadap kepentingan masyarakat yang dimainkan di dalam pengajaran dan juga penyebaran agama Buddha di Malaysia sejak 20 tahun yang lalu. Ianya memberi tumpuan kepada peninjauan terhadap penyebaran dan perkembangan pendidikan PABAM. PABAM juga

mempunyai matlamat-matlamat utama dalam menyampaikan, menyalurkan, memperkuatkan, dan memperkukuhkan Empat Misi Suci daripada Master Chin Kung. Antaranya memulihkan agama Buddha sebagai pendidikan Buddha tradisi, memperkembangkan penggunaan Bahasa Cina Klasik secara meluas, mendorong dan meluaskan konsep kekeluargaan yang terkandung dalam tradisi orang Cina terutamanya kitab *Dizigui* serta mempromosikan dan memperkembangkan pendidikan multi agama dan budaya.

Dengan aplikasi Teori Fungsiniolisme Struktural yang diasaskan oleh Talcott Parsons, dapat lihat bahawa kaedah-kaedah pengajaran kitab-kitab yang diteraskan PABAM selari dalam mencapai objektifnya (*Goal Attainment*) dalam mendidik dan menyebar agama Buddha di Malaysia. Fakta ini disokong melalui keputusan peperiksaan yang dapat dilihat di dalam ini. Daripada kelas kanak-kanak, hinggalah ke kelas remaja, malahan kelas dewasa sekalipun, semuanya mendapat keputusan yang memuaskan.

Walaupun terdapat segilintir pelajar yang kelihatan ketinggalan di alam keputusan peperiksaan mereka, haruslah diingatkan bahawa nilai yang dibawa oleh seseorang itu tidak dibawa oleh keputusan peperiksaan yang fizikal sahaja. Dalam pengajaran yang disampaikan oleh PABAM, dapat lihat bahawa penerapan nilai merupakan asas yang paling utama. Dalam kajian sosiologi, nilai dan budi seseorang itu amat susah untuk diberi taraf kedudukan atau dianalisa melalui ujian dan peperiksaan. Dalam pada itu,

aspek penerapan nilai ini dapat dilihat melalui ahli-ahli PABAM yang telah lama selesai dengan kaedah pembelajaran yang mereka telah lalui di PABAM. Pengajaran yang disampaikan amatlah efektif kerana ahli-ahli PABAM sendiri amat besemangat dalam menyebar dan mengajar ajaran Agama Buddha. Dalam Teori Funsionalisme Struktural, nilai dan adab disampaikan melalui institusi-institusi sosial yang mengelilingi seseorang individu itu. Dalam hal ini, institusi sosial yang terlibat termasuklah institusi keluarga, insitusi pendidikan (PABAM itu sendiri), dan juga insititusi keagamaan (Agama Buddha).

Integration adalah bagi mengaitkan penubuhan PABAM dengan model ke-3 AGIL iaitu integrasi (*integration*) yang mengutamakan proses organisasi PABAM selari dengan pengutamaan nilai sosial, proses pembelajaran PABAM menggabungkan kaedah pembelajaran di dalam kelas dan juga mempraktikkannya di luar kelas. Sebagai contoh, remaja yang berumur 13 tahun akan mula membuka minda dan memahami realiti kehidupan sepertimana yang terkandung di dalam kitab-kitab apabila guru menerangkan makna sebenar dan membawa para pelajar pergi lawatan sambil belajar, sama ada mendaki gunung ataupun berjalan-jalan di tepi pantai. Dilengkapi dengan kandungan kitab-kitab yang dihafal oleh mereka sejak kecil, penerapan pelajar dari segi nilai moral dapat diperkuatkan lagi apabila mereka mendedahkan diri ke masyarakat atau alam sosial dan merenung semula terhadap ilmu agama dan moral yang dipelajari

mereka. Tidak seperti ilmu pembelajaran dari segi arus perdana, ilmu penerapan ini dapat memberi impak yang lebih mendalam kepada pelajar dalam jangka hayat yang panjang. Melalui kaedah penerapan ilmu, mereka akan lebih menghargai persekitaran mereka dengan lebih bermakna dan secara beransur-ansur membentuk nilai positif dalam kehidupan mereka dan masyarakat disekeliling mereka.

Latency merujuk kepada perinkat ke-4 model AGIL iaitu latensi (*latency*) yang memberi keutamaan dalam pengekalan nilai sosial dalam proses pemeliharaan ajaran Buddha. PABAM cuba memelihara dan melengkapi sistem pembelajaran dengan memberi penekanan terhadap kepentingan, kesejahteraan dan keamanan keluarga, masyarakat serta negara. PABAM percaya bahawa rakyat di Malaysia perlu mempraktikkan konsep Dizigui iaitu memperkukuhkan nilai-nilai murni yang terkandung dalam ajaran agama masing-masing terutamanya agama Buddha. Teknik pengajaran ilmu oleh PABAM yang sangat menerapkan pengkhususan nilai moral dari setiap aspek kehidupan lebih menguatkan lagi kandungan yang didakwah dalam kitab-kitab oleh tenaga pengajar. Penerapan ilmu yang berteraskan pengkhususan yang berbeza mengikut tahap umur pelajar juga dapat mencerminkan kaedah pengajaran ilmu yang beransur-ansur tanpa menggegaskan pelajar dalam proses pembelajaran mereka. Kaedah ini dilihat amat memanfaatkan pelajar kerana mereka dapat memberi fokus utama yang ditetapkan kepada mereka pada setiap peringkat umur yang ditetapkan dalam kurikulum

yang ditetapkan oleh PABAM kepada mereka. Dengan kaedah kurikulum yang berkesan ini, pengekalan ilmu agama serta nilai sosial yang diajari dalam agama Buddha dapat dipelihara dan juga penyebaran nilai moral juga dapat ditingkatkan lagi di masyarakat dan negara ini.

Bagi mengelakkan ajaran Buddha dari hilang ditelan zaman, adalah sangat penting bagi setiap individu yang telah mempelajari tentang hal yang berkaitan mewariskan khazanah pengetahuan mazhab Tanah Suci Amitabha kepada generasi akan datang bagi menghasilkan bakal pemimpin yang berlandaskan mazhab Tanah Suci Amitabha. Antara inisiatif lain yang turut dilakukan ialah mengedarkan Pendidikan Dharma Buddha yang berasaskan ajaran dan ceramah Master Chin Kung dalam bentuk buku, kaset, video kaset, VCD dan DVD secara percuma kepada masyarakat umum secara sukarela. Selaras dengan perkembangan teknologi, penyebaran Pendidikan Dharma Buddha juga telah menggunakan antaranya aplikasi *YouTube*, internet, saluran televisyen dan sebagainya.

Melalui kajian Ackerman dan Lee (1990) pula, peranan PABAM dalam pendidikan kitab-kitab dan pendidikan agama Buddha dapat dilihat berbentuk dari segi persamaan etnik yang berunsur budaya Cina. Pembelajaran dari segi moraliti yang sangat menerapkan pengkhususan nilai moral dari setiap aspek kehidupan di dalam konsep *Dizigui* juga dapat dilihat sebagai nilai-nilai yang amat diterapkan oleh masyarakat Cina sejak zaman dahulu lagi.

Bab 4

Sumbangan Dan Peranan PABAM Dalam Penyelarasan Keagamaan Mazhab Tanah

Suci Amitabha di Malaysia

4.1: Pengenalan

Sumbangan dan peranan penting yang dimainkan oleh PABAM dalam usaha menunjang dan memantau penyelarasan urusan segmen keagamaan mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia dapat dilihat antaranya melalui program dan aktiviti yang dijalankannya sama ada dalam peringkat kebangsaan mahupun peringkat Asia dan antarabangsa. Sumbangan dan peranan penting yang dimainkan oleh PABAM dalam usaha menunjang dan memantau penyelarasan urusan segmen keagamaan mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia melalui program dan aktiviti yang dijalankannya dalam peringkat kebangsaan adalah termasuk Upacara Doa Mahaguru Zhong Feng Tiga Tempoh; dalam peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa adalah termasuk Pendidikan Multi Agama Dan Budaya; dalam peringkat Asia adalah termasuk Rombongan Lawatan Sambil Belajar ke Pusat Pendidikan dan Kebudayaan Lujiang di China; sebagai penasihat dan perancang kepada Pusat Lotus Multi Budaya dan Pendidikan Filipina; dan penyebaran dan perkembangan ritual Mazhab Tanah Suci Amitabha Menyebut Nama Buddha Amitabha Dan Berzikir Kepada Buddha Amitabha peringkat kebangsaan di Malaysia dan seumpamanya.

4.2: Asal Usul Penyebaran Dan Perkembangan Upacara Doa Mahaguru Zhong

Feng Tiga Tempoh

Pada tarikh 4-18hb Julai 2004, Wu Xing 悟行 dari Taiwan telah dijemput oleh PABAM dan PPABA buat pertama kali untuk memimpin dan mempengerusikan Upacara Doa Mahaguru Zhong Feng Tiga Tempoh sepanjang masa menyebut nama Buddha Amitabha dan berzikir kepada Buddha Amitabha (UDMZFTT) atau National Grand Master Zhong Feng Amitabha Buddha Thrice Yearning and Chanting Service 中峰国师三时系念佛事 di Malaysia. Dalam tempoh tersebut, Master Wu Xing telah memimpin dan mempengerusikan sebanyak lapan kali UDMZFTT, dan telah mendapat sambutan yang meriah daripada orang ramai. Objektif utama UDMZFTT adalah pertama, berdoa agar membantu nenek moyang kita yang telah meninggalkan dunia agar hidup dalam suasana alam yang lebih baik. Kedua, mengajar orang ramai kaedah mengingati dan berzikir kepada Buddha Amitabha, menyebut nama Buddha Amitabha. Ketiga, bersama-sama doa agar kehidupan dan keluarga setiap orang akan lebih bahagia; kerjaya bertambah baik dan seumpamanya. Keempat, bersama-sama doa agar malapetaka dan bencana alam dapat dikurangkan, diminimakan, sehingga alam semesta dipulihkan dengan aman dan damai. Kelima, bersama-sama berkultivasi agar pada akhir hayat hidup ini dapat dilahirkan ke Tanah Suci Amitabha atas lindungan kuasa dan bimbingan daripada Buddha Amitabha. Manakala antara upacara utama UDMZFTT adalah pertama, menjalankan Upacara doa penyucian 洒净 terhadap tempat anjuran UDMZFTTdengan menggunakan air doa

sebelum UDMZFTT yang rasmi dimulakan; Bhiksu membuka minda 开示 para penganut agar memahami pandangan tepat yang terkandung dalam ajaran Buddha Shakyamuni dan menunjukkan cara kultivasi agar para penganut boleh mengerti tunjuk ajar yang terkandung dalam ajaran Buddha Shakyamuni dengan jelas. Kedua, menjalankan Upacara mengembalikan diri dari jalan yang tidak betul dan sesat kepada jalan betul dan bersandar kepada Triratna 三归依 iaitu Buddha, Dharma, Sangha 三宝; dan menuruti Lima Sila atau Wu Jie atau Five Precepts 五戒. Makna sebenar Triratna adalah bersandar kepada Keinsafan 觉 iaitu Pencerahan Sempurna; Kebetulan 正 iaitu Pandangan Betul; dan Kejernihan 净 iaitu Kejernihan fikiran yang kesemuanya terkandung dalam Sifat Jati-Diri 自性 kita; Lima Sila pula merangkumi jangan membunuh; jangan mencuri; jangan berzina; jangan bercakap bohong dan jangan beralkohol. Ketiga, menjalankan Upacara Doa Mahaguru Zhong Feng Tiga Tempoh sepanjang masa menyebut nama Buddha Amitabha dan berzikir kepada Buddha Amitabha; dan seumpamanya.

Para penganut agama Buddha mengikut upacara doa ini pada permulaannya dan memaklumkan secara rasmi kepada para penghutang dan pendendam 冤亲债主 pada hayat-hayat yang lalu, meminta maaf dan bertaubat 忏悔 kerana melakukan karma 业力 atau perbuatan, kehendak dan keinginan yang tidak baik terhadap para penghutang dan pendendam. Mereka seterusnya bersama-sama mengingati dan berzikir kepada Buddha Amitabha, menyebut nama Buddha Amitabha 憶佛念佛 supaya pada akhir hayat ini di

atas lindungan kuasa dan bimbingan Buddha Amitabha yang sebagai Maha Penyayang dan Maha Pemurah Hati dapat melindung dan membimbing para penganutnya agar berjaya melahirkan diri ke Tanah Suci Amitabha. Di sini, bertaubat 忏悔 bermaksud kembali taat diri kepada Sifat-Jati Diri kita dan menyesal dengan bersungguh-sungguh terhadap dosa yang telah dilakukan sama ada dosa besar ataupun dosa kecil di samping memohon keampunan dari para Buddha dan Bodhisattva. Makna Taubat sebenarnya adalah menyesal, menginsafi dan berazam tidak akan mengulangi dosa yang telah dilakukannya. Upacara doa pada mukadimahnya mementingkan keinsafan, dan melahirkan keyakinan, berikrar, mengingati dan berzikir kepada Buddha Amitabha, menyebut nama Buddha Amitabha. Ini dapat dilihat dalam isi-isi syairnya iaitu Jue hai xu kong qi 觉海虚空起 mengenai lautan insaf lahirkan dari langit atmosfera yang berasal daripada sifat-jati diri; Suo po ye lang liu 娑婆业浪流 atau Dunia Saha dipenuhi dengan arus Ombak Karma; Ruo ren deng bi an 若人登彼岸 iaitu Sekiranya ada orang berikrar mahu mendarat di Tanah Suci Amitabha; Ji le you gui zhou 极乐有归舟 Tanah Suci Amitabha ada lotus kapal pulangannya. (Wu Xing, 2013: 3)

Dalam Upacara Dharma Tempoh Pertama 第一时法事, kandungan yang utama adalah bertaubat dan melalui keinsafan, berikrar melahirkan diri ke Tanah Suci Amitabha. Dari segi bertaubat, boleh dilihat dari syair seperti Wang xi suo zao zhu e ye 往昔所造诸恶业 iaitu Sejak hayat-hayat lalu, telah melakukan pelbagai dosa dan karma yang tidak

baik melalui Jie you wu shi tan chen chi 皆由无始贪嗔痴 . Disebabkan ketamakan, kedendaman, dan kejahilan sejak daripada hayat-hayat yang lalu; Cong shen yu yi zhi suo sheng 从身语意之所生 iaitu Berasal daripada perbuatan badan, pertuturan, dan niat serta fikiran yang tidak betul; Jin dui fo qian qiu chan hui 今对佛前求忏悔 iaitu menghadap di depan Buddha, bertaubat, meminta ampun dan maaf.

Dalam Upacara Dharma Tempoh Kedua 第二时法事, kandunganya yang utama adalah berikrar dalam mengingati dan berzikir kepada Buddha Amitabha, menyebut nama Buddha Amitabha agar menanamkan benih dalam roh kita serta berharap pada akhir hayat ini dapat berpeluang melahirkan diri ke Tanah Suci Amitabha. Dari segi kandungan ikrar, ia menunjukkan roh setiap umat makhluk adalah berasal daripada Sifat-Jati Diri kita dan ini boleh dilihat dari syair seperti Da yuan jing li jue xian ai 大圆镜里绝纖埃 iaitu Sifat Jati-Diri bagaikan cermin bulat besar yang tiada sebarang debu; Bi ou hua zhong you sheng tai 碧藕华中有圣胎 iaitu Lotus bunga hijau yang terpahat nama si penganut Tanah Suci Amitabha yang berada dalam kolam yang diperbuat daripada batu permata di Tanah Suci Amitabha menandakan tempat kelahiran si penganut Tanah Suci Amitabha; Yao wang jin sha chi zhao wai 遥望金沙池沼外 iaitu Dari dunia Saha yang kita tinggal, melihat alam sekitar di luar kolam yang diperbuat daripada batu permata yang dipenuhi dengan pasir emas dalam lapisan di bawah kolam tadi yang berada di Tanah Suci Amitabha; Bao guang chang zhao yu lou tai 宝光常照玉楼臺 iaitu Cahaya

Budda Amitabha dan cahaya segala dharma tetap menyinari tempat tinggal penganut Tanah Suci Amitabha yang berada di lotus bunga yang terletak dalam kolam yang diperbuat daripada batu permata di Tanah Suci Amitabha.

Dalam Upacara DharmaTempoh Kedua 第三时法事, kandunganya yang utama adalah melalui mengingati dan berzikir kepada Buddha Amitabha, menyebut nama Buddha Amitabha agar dapat menghapuskan segala kekusutan dan kerunsingan fikiran agar dapat mencapai tahap meditasi yang menunjukkan tunggal fokus fikiran kepada Buddha atau Samadhi dan Dhyana dalam mengingati dan berzikir kepada Buddha atau Samadhi of Buddha Recitation 念佛三昧, dan berkelayakan pada akhir hayat ini dapat berpeluang melahirkan diri ke Tanah Suci Amitabha. Dari segi kandungan meditasi yang menunjukkan tunggal fokus fikiran kepada Buddha, ia menunjukkan setiap umat makhluk dapat memulihkan Sifat-Jati Diri dan ini boleh dilihat daripada syair seperti berikut:

Nian fo lin zhong jian bao tai 念佛临终见宝臺 iaitu Mengingati dan berzikir kepada Buddha Amitabha, pada akhir hayat ini sebelum nafas terakhir meninggal dunia akan nampak lotus bunga yang terpahat dengan nama si penganut Tanah Suci Amitabha; Bao fan bao gai man kong pai 宝幡宝盖满空排 iaitu Bendera dan payung yang diperbuat daripada batu permata dipenuh dan dibariskan secara teratur di atas langit; Mi tuo shi zhi guan yin deng 弥陀势至观音等 iaitu Buddha Amitabha, Bodhisattva Avalokitesvara

dan Bodhisattva Mahasthamaprapta iaitu Xi Fang San Sheng 西方三圣 Satu Buddah dan Dua Bodhisattva; He zhang xiang sui gui qu lai 合掌相随归去来 iaitu Menyembah dua belah tangan dengan tanda kehormatan, bersama-sama datang menyambut si penganut mazhab Tanah Suci Amitabha balik dan lahirkan diri ke Tanah Suci Amitabha.

Upacara Doa Mahaguru Zhong Feng Tiga Tempoh sepanjang masa menyebut nama Buddha Amitabha dan berzikir kepada Buddha Amitabha yang bertaraf kebangsaan sejak tahun 2004 sehinnga 2014 sudah mencapai sepuluh tahun. Kesan-kesan mempengaruhi orang ramai mengingati dan berzikir kepada Buddha Amitabha, menyebut nama Buddha Amitabha 憶佛念佛 antaranya pertama adalah semakin ramai orang di Malaysia sudah mengenali dan menganuti mazhab Tanah Suci Amitabha; memahami perkataan makna Amitabha dan mempraktikkan kaedah mengingati dan berzikir kepada Buddha Amitabha, menyebut nama Buddha Amitabha 憶佛念佛. Contoh yang nyata adalah seramai melebihi 10,000 orang melibatkan diri dalam Upacara kultivasi sepuluh ribu orang dalam mengingati dan berzikir kepada Buddha Amitabha, menyebut nama Buddha Amitabha Selama Tujuh Hari untuk berdoa keamanan dunia dan menghapuskan malapetaka serta bencana alam di Malaysia. Begitu juga melalui Upacara Doa Mahaguru Zhong Feng Tiga Tempoh sepanjang masa menyebut nama Buddha Amitabha dan berzikir kepada Buddha Amitabha bagi menyelamatkan roh-roh yang berada dalam haluan yang berdosa 马來西亞护世息災万人佛七暨中峰三時系念超度法会 yang diadakan pada tarikh 29hb Julai

hingga 5hb Ogos 2012. Penganjur terdiri daripada lima belas buah Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha (PPABA) 净宗学会 di Malaysia dan diadakan di tempat Pusat Pameran Country Heights Antarabangsa di Selangor. (Catatan Minit Mesyuarat Agung PABAM, 2013) Kedua, mendirikan Tabung Pinjaman Persatuan Amitabha kepada para pelajar yang miskin 净宗学会贫寒学生貸学金 untuk membantu para pelajar yang miskin agar dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti. Contohnya, pada tarikh 16hb Julai 2006, PABAM bersama dengan 10 Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha atau 净宗学会 di sekitar Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan telah menganjurkan Upacara Doa Mahaguru Zhong Feng Tiga Tempoh sepanjang masa menyebut nama Buddha Amitabha dan berzikir kepada Buddha Amitabha 中峰国师三时系念佛事 yang ketiga di Malaysia yang dibawah pimpinan Wu Xing 悟行. Upacara Doa ini diadakan di tempat Stadium Bukit Jalil, Selangor dan mendapat sambutan yang meriah dan lebih daripada tujuh ribu orang telah mengambil bahagian dalam Upacara Doa ini. Wang dermaan bersih yang diterima daripada Upacara Doa ini ialah RM278,887.15, dan jumlah ini semuanya telah diderma kepada The United Chinese School Committees' Association of Malaysia 马来西亚华校董事联合会总会 untuk tujuan tabung pinjaman kepada para pelajar yang miskin supaya dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti. Tabung ini dinamakan Tabung Pinjaman Persatuan Amitabha kepada para pelajar yang miskin 净宗学会贫寒学生貸学金. (Catatan Minit

Mesyuarat Agung PABAM, 2007) Dari permulaan Upacara Doa pada tahun 2004 sehingga 2014, sudah sepuluh tahun, jumlah wang yang kumpul dan letak di tabung ini telah melebihi RM 1 juta.

Dari perspektif sosiologi agama, UDMZFTT mengandungi fungsi agama iaitu membekalkan dan menawarkan dunia Tanah Suci Amitabha yang kekal iaitu konsep satu dunia yang di luar alami dan hayati kita 超验世界, tetapi amat dipercayai oleh para penganut mazhab Tanah Suci Amitabha. Ahli sosiologi antaranya William Kornblum telah menghujahkan bahawa konsep satu dunia yang di luar alami dan hayati kita ini adalah punca dan landasan sokongan kepada kepercayaan dan keimanan yang baik serta suci untuk para penganut agama di dunia ini biarpun konsep ini tidak dapat dibuktikan dan dijelaskan daripada kaedah kajian saintifik. (Li Xiang Ping & Fu Jing Min, 2006: 383) Di samping itu, UDMZFTT menawarkan harapan bahawa doa dapat mengubati segala penyakit dan kesakitan badan seseorang. Teori ini adalah serupa dengan pendapat yang dikemukakan oleh Larry Dossey. (Larry Dossey, 1998: 38-39) Faedah dan manfaat yang dapat diperolehi daripada UDMZFTT ini telah menyebabkan UDMZFTT disambut meriah oleh para penganut mazhab Tanah Suci Amitabha dan golongan Buddhis sama ada di Malaysia ataupun di luar negara. Master Wu Xing menyatakan bahawa UDMZFTT pada masa kini adalah paling popular dengan sambutan hangat di Vietnam. Ini disebabkan orang Vietnam mempunyai hati yang sangat ikhlas untuk menerima

UDMZFTT agar mendapat pahala dan berkat daripada Buddha Amitabha di samping mempelajari Dharma Buddha dan mazhab Tanah Suci Amitabha.[22] Dari perkembangan sejarah, para penganut agama Buddha di Vietnam selalunya dikaitrapat dengan ajaran Mayahana Buddhisme.

4.3: Asal Usul Penyebaran Dan Perkembangan Pendidikan Multi Agama Dan Budaya Di Peringkat Negeri, Kebangsaan Dan Antarabangsa Oleh PABAM

Asal usul, penyebaran dan perkembangan Pendidikan Multi Agama dan Budaya di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa yang dimainkan oleh PABAM boleh ditinjau kembali pada tahun 2005. Pada tarikh 22hb Oktober 2005, PABAM telah menjemput penasihatnya Chin Kung dan para pemimpin agama di Malaysia antaranya Syed Ali Tawfik al-Attassyed selaku Ketua Pengarah Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM) bersama-sama merasmikan penggunaan bangunan baru PABAM sempena dengan Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-Sepuluh penubuhan secara rasminya. Di sini, bermulanya Pendidikan Multi Agama dan Budaya di peringkat negeri yang dimainkan oleh PABAM secara rasmi. (Bianzhao, 2005) Pada 24 Jun 2006, PABAM telah menghantar Ketua Pendidikan Agama Buddhanya Encik Poey Tiang Peow sebagai penceramah dalam 2006 Bicara Perpaduan Antara Agama. Tajuk Bicara Perpaduan

[22] Pengkaji tesis ini telah bertemu bual dengan Wu Xing selaku Presiden kepada Pure Land College of Australia pada tarikh 24 August 2014 di Biara Puji 普济寺, Manila, Phillipines. Wu Xing mempengerusikan UDMZFTT di Malaysia sejak tahun 2004 hingga masa kini.

Antara Agama tadi ialah “Tokoh Wanita Sebagai Penyelamat Dalam Pelbagai Agama” yang dianjurkan oleh Rukun Tetangga Keramat Wangsa 1A, Kuala Lumpur. Tokoh Wanita Sebagai Penyelamat Dalam Pelbagai Agama dalam agama Buddha ialah Bodisattva Guanyin 观音菩萨. Pada 16 September 2006 pula, PABAM telah menghantar Ketua Pendidikan Agama Buddhanya Encik Poey Tiang Peow sebagai penceramah dalam 2006 Bicara Antara Agama. Tajuk Bicara Antara Agama tadi ialah “Tokoh penyelamat akhir zaman yang dinantikan dalam pelbagai agama” yang dianjurkan oleh Rukun Tetangga Keramat Wangsa 1A, Kuala Lumpur. Tokoh penyelamat akhir zaman yang dinantikan dalam agama Buddha ialah Bodisattva Maitreya 弥勒菩萨. Manakala pada 1 Ogos 2007, PABAM dalam Majlis Pujaan Bodhisattva Guanyin telah mengadakan Forum Multi Agama di peringkat kebangsaan. Ia diadakan sempena dengan kemerdekaan 50 tahun Malaysia di bawah program Majis Doa Pelbagai Agama yang diadakan di Stadium National Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Forum ini bertajuk Keharmonian Agama, Mempertahankan Kemanan Dunia dan Menghentikan Malapetaka 宗教和谐，护世息灾. Para pemimpin agama yang terdiri daripada enam jenis agama utama di Malaysia yang memberi ceramah dalam Forum ini termasuk Murphy Pakiam, Presiden kepada Catholic Bishops’ Conference for Malaysia, Singapore and Brunei; Tan Boon Sin, Presiden kepada Persekutuan Pertubuhan Agama Tao Malaysia; Amir Farid bin Isahak, Pengerusi kepada Interfaith Spiritual Fellowship (INSAF), Malaysia; K.Sri

Dhammaratana Maha Nayaka Thera, Ketua Paderi Besar kepada Buddhist Maha Vihara, Brickfields Kuala Lumpur; V. Harcharan Singh, Timbalan Presiden kepada Khalsa Diwan Malaysia; A. Vaithilingam, Presiden kepada Malaysia Hindu Sangam; Chan Liang, Setiausaha Agung kepada Kounsil Kebangsaan Persatuan Buddhis Malaysia; dan Chin Kung, guru penasihat kepada PABAM. Para pemimpin multi agama tersebut telah menyatakan pandangan dan cadangan terhadap keharmonian agama, kaedah mempertahankan kemanan dunia dan menghentikan kadar malapetaka dunia yang semakin tinggi. Di dalam Forum Multi Agama yang telah diadakan, Chin Kung mencadangkan setiap agama semestinya mementingkan dan menyebarluaskan pendidikan agama kepada para penganut dan setiap agama pula seharusnya mempelajari serta memahami kitab-kitab agama lain untuk menyelesaikan konflik dan krisis masyarakat yang semakin meruncing dan berleluasa. (Guanyin World Peace and Harmony Prayer, 2007: 4) Selain itu, Rombongan Lawatan Sambil Belajar Malaysia di bawah Program Multi budaya dan Agama ke Beijing dan Xinjiang di China adalah anjuran oleh PABAM dengan kerjasama Dana Multi Kebudayaan dan Pendidikan Cheng Ho telah diadakan pada 22-29 Mei 2008 agar memperkukuhkan perhubungan dan pemahaman di antara para pemimpin yang berasal daripada pelbagai agama di Malaysia.

Antara matlamat rombongan tersebut adalah pertama, mendorong keharmonian pelbagai agama, memahami kehidupan pelbagai agama dan membina persefahaman di

antara satu sama lain. Kedua, menghayati dunia yang penuh dengan multi agama dan budaya serta memahami faktor-faktor keamanan dunia yang kekal secara lebih mendalam. Ketiga meninjau dan melawat tempat-tempat bersejarah dan beragama yang penting di China. Keempat, melaksanakan dialog di antara para pemimpin agama Malaysia dengan para pemimpin agama dan pegawai-pegawai agama di Kementerian Hal Ehwal Agama China untuk mendalami pemahaman dalam urusan agama di samping menjalin hubungan yang baik. Kelima, memahami asal usul, perkembangan dan harapan pelbagai agama yang utama. Keenam, memperkuatkan hubungan dan kerjasama di antara para pemimpin pelbagai agama. Melalui tema rombongan "Keharmonian Agama, Keamanan Dunia" ianya selaras dengan matlamat rombongan ini iaitu mendorong keharmonian pelbagai agama, memahami kehidupan pelbagai agama dan membina persefahaman di antara satu sama lain demi mengekalkan keamanan dunia. Contoh teladan yang baik yang dibayangkan dan digambarkan oleh Rombongan Lawatan Sambil Belajar Malaysia di bawah Program Multi Budaya dan Agama ke Beijing dan Xinjiang di China ini dapat mendidik kita semua bahawa kehidupan pelbagai agama yang harmoni adalah salah satu faktor yang paling utama dalam mengekalkan keamanan dunia.

Tragedi gempa bumi yang berskala 8 skala ritcher di wilayah Si Chuan Daerah Wen Chuan pada tarikh 12 Mei 2008, telah memberi impak keburukan yang hebat. Justeru itu, untuk membantu mangsa yang terlibat dalam gempa bumi tersebut, PPABA di seluruh

Malaysia melalui usaha kerjasama yang erat dan gigih dengan membabitkan diri dalam pengumpulan wang derma. Dalam tempoh seminggu, kumpulan ini telah berjaya mengumpul sebanyak RM925,760 dan mendermanya kepada Dana Bantuan Malapetaka Gempa Bumi Wilayah Si Chuan 四川地震賑災基金 pada tarikh 22 Mei 2008 di Beijing. Chin Kung sebagai penasihat kepada Rombongan Lawatan Sambil Belajar Malaysia di bawah Program Multi budaya dan Agama ke Beijing dan Xinjiang di China ini telah mewakili PPABA di Malaysia menyerahkan RM925,760 kepada Jiang Jian Yong 蒋堅勇 yang selaku Timbalan Ketua Jabatan di Kementerian Hal Ehwal Agama China di bawah saksi para pemimpin enam agama utama di Malaysia. Ketua Penasihat Rombongan Lawatan Sambil Belajar Malaysia ini ialah Tan Chai Ho selaku Bekas Timbalan Menteri di Kementerian Dalam Negeri Malaysia. Penasihat rombongan ini ialah guru penasihat Chin Kung PABAM dan ahli-ahli rombongan ini terdiri daripada para pemimpin pelbagai agama yang penting di Malaysia, Australia, China, dan seumpamanya. (Malaysian Study tour To China On Multi Cultures and Religions, 2008: 42-53) Rombongan ini telah mendapat hasil pencapaian yang sangat memuaskan yang selaras dengan matlamatnya. Contoh yang nyata ialah Rombongan Lawatan Sambil Belajar di bawah Program Multi budaya dan Agama ke Beijing dan Xinjiang di China yang dianjurkan oleh PABAM bersama dengan Dana Multi Kebudayaan dan Pendidikan Cheng Ho atau Cheng Ho Multi Culture Education Trust ini telah berjaya memperkukuhkan perhubungan dan

pemahaman di antara para pemimpin yang berasal daripada pelbagai agama di Malaysia di samping memperkukuhkan hubungan di antara para pemimpin agama Malaysia dengan para pemimpin agama dan pegawai-pegawai agama di Kementerian Hal Ehwal Agama China dengan baik dan sebagainya. Selepas tamatnya rombongan ini, pelbagai program pendidikan agama lain telah dilancarkan oleh PABAM, contohnya PABAM menghantar ahli jawatankuasanya mengambil bahagian forum secara aktif dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Asian Conferences of Religions for Peace (ACRP) dan sebagainya.

PABAM telah menghantar Ketua Pendidikan Agama Buddhanya Poey Tiang Peow menghadiri 2008 Forum Keamanan Dunia Kedua atau The Second World Peace Forum di Jakarta, Indonesia. Forum ini dianjurkan oleh Muhammadiyah; Centre for Dialogue and Cooperation among Civilizations; dan Cheng Ho Multi Culture Education Trust di Malaysia pada tarikh 24hb-16hb Jun 2008 di Jakarta, Indonesia bertujuan membekalkan satu platform yang baik kepada para pemimpin dunia untuk menyalurkan, menyampaikan pendapat dan cadangan yang positif serta praktikal agar membentuk keamanan sedunia yang lebih baik dan sempurna, meninjau nilai-nilai kemanusiaan, harapan dan tanggungjawab bersama dalam membanteras masalah keganasan yang semakin meruncing agar keamanan dan ketenteraman sedunia lebih terjamin serta mendalami jaringan dialog di antara tamadun yang berlainan agar bersama-sama mempromosikan

semangat kesabaran dan saling hormat- menghormati di antara satu sama lain. (The Second World Peace Forum , 2008: 8-9)

PABAM turut menghantar Ketua Pendidikan Agama Buddhanya Poey Tiang Peow menghadiri Perhimpunan Umum Besar Religions for Peace Asia atau Asian Conferences of Religions for Peace (ACRP) Yang Ketujuh di University of Santo Thomas, Espana, Manila di Philippines yang diadakan pada tarikh 17hb-21hb Oktober 2008. Perhimpunan umum tersebut untuk membina keamanan di Asia ini bertujuan membina keharmonian dunia menerusi menyatupadukan pelbagai agama dan membina kestabilan masyarakat melalui mempromosikan pendidikan moral di Asia dan sebagainya.

Pada tarikh 17-18 Februari 2009 pula, PABAM telah menghantar Ketua Pendidikan Agama Buddhanya Poey Tiang Peow sebagai penceramah agama Buddha dalam Seminar Pendidikan Agama yang dianjurkan oleh Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM) di Kuala Lumpur. Tajuk ceramah ialah Pemahaman multi budaya terhadap kasih sayang ibu bapa atau A multicultural understanding of filial piety. Ceramah ini diadakan di Dewan Auditorium, IKIM, Kuala Lumpur. Manakala pada tarikh 22-24hb Mei 2009, Ketua Pendidikan Agama Buddha Poey Tiang Peow daripada PABAM telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ACRP atau The Executive Committee meeting of the Asian Conference of Religions for Peace (ACRP) di New Delhi, India. Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ini dianjurkan oleh India Conference of Religions for Peace

(ICRP). Objektif utama Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ini adalah untuk membuat keputusan tentang polisi dan rancangan jangka panjang ACRP dan sebagainya. Selepas itu pada 18 Julai 2009, PABAM telah menghantar Ketua Pendidikan Agama Buddhanya Poey Tiang Peow sebagai penceramah Ajaran Konfusius di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak, Malaysia. Tajuk ceramah adalah Ajaran Konfusius iaitu Di Zi Gui. Pihak penganjur ceramah ini ialah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) or Sultan Idris University of Education dan ceramah ini diadakan di Dewan Auditorium UPSI.

Pada 7-9 Oktober 2009 pula, Ketua Pendidikan Agama Buddha Poey Tiang Peow daripada PABAM sebagai penceramah agama Buddha di Seminar Antarabangsa Keamanan Dunia Menerusi Dialog Antara Agama atau The International Conference on World Peace Through Inter-Religious Dialogue yang diadakan di Dhaka University, Dhaka, Bangladesh. Tajuk ceramah adalah Dari perspektif agama Buddha, kepentingan dialog antara Agama dalam mempromosikan keamanan dunia atau The importance of inter-religious dialogue to promote world peace: A Buddhist perspective. Pihak penganjur ialah University of Dhaka di Bangladesh. University of Dhaka adalah sebuah universiti yang paling lama dan terbesar di Bangladesh yang mempunyai pelajar sejumlah 32,000 dan 1600 pensyarah. Selepas itu PABAM telah menghantar Ketua Pendidikan Agama Buddhanya Poey Tiang Peow sebagai penceramah agama Buddha dalam Seminar Pendidikan Agama yang dianjurkan oleh Institute of Islamic Understanding Malaysia

(IKIM) di Kuala Lumpur pada 30 Oktober 2009. Tajuk ceramah adalah Muzakarah pakar tentang arak dan permasalahannya atau Experts' Forum related to alcohol and its problems. Ceramah ini diadakan di Dewan Auditorium, IKIM, Kuala Lumpur. Selepas tamatnya program di Kuala Lumpur, Ketua Pendidikan Agama Buddha Poey Tiang Peow telah dihantar sebagai penceramah agama Buddha di Seminar Pendidikan Keamanan di Asia dan Peranan Agama atau The Peace Education of Asia and the Role of Religions Seminar yang diadakan di Seoul Olympic Parktel, di Korea pada 9-12 November 2009. Seminar ini dianjurkan oleh Korean Conference of Religions for Peace (KCRP) dan International Peace Corps of Religions (IPCR) bersama dengan Asian Conference of Religions for Peace (ACRP), Korean National Commission for UNESCO (KNCU) dan Global Partnership in the Prevention of Armed Conflict (GPACC). Tajuk ceramah adalah Pendidikan Keamanan di sektor Organisasi Bukan Kerajaan dan peranan agama atau Peace Education in Civil Areas (NGOs) and the roles of religion. Pada 28 Februari 2010 pula, PABAM telah menghantar Ketua Pendidikan Agama Buddhanya Poey Tiang Peow sebagai penceramah agama Buddha di UPSI. Tajuk ceramah adalah: Dari perspektif agama Buddha, kepentingan dialog antara Agama dalam mempromosikan keamanan dunia.

Selain ceramah dan forum, Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ACRP turut diadakan. Pada 10-13 Mei 2010, Ketua Pendidikan Agama Buddha Poey Tiang Peow daripada

PABAM telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ACRP atau The Executive Committee meeting of the Asian Conference of Religions for Peace (ACRP) di Beijing, China. Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ini dianjurkan oleh China Conference of Religions for Peace (CCRP). Objektif utama Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ini adalah untuk merancang dan menetapkan polisi dan rancangan ACRP yang berorientasikan objektif penubuhannya. Pada 3 Ogos 2010 pula, PABAM telah bersama dengan Dana Multi Kebudayaan dan Pendidikan Cheng Ho atau Cheng Ho Multi Culture Education Trust menganjurkan Seminar Pendidikan Pelbagai Agama di peringkat anatabangsa yang diadakan di Dewan Hotel Golden Horses, Selangor. Objektif seminar ini adalah untuk memulihkan ajaran pendidikan pelbagai agama agar membawa keamanan dan ketenteramaan kepada dunia kita. Temanya adalah Saling Hormat-Menghormati, Merealisasikan Keamanan 互敬互重，实现和平. Pihak penganjur berharap ideoloji keamanan menerusi seminar ini dapat disebarluaskan ke seluruh dunia agar rakyat di bumi ini dapat hidup dalam keadaan yang saling tolong-menolong dan penuh dengan kebahagiaan. Penceramah utama dalam seminar ini ialah bekas Perdana Menteri Malaysia iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad. Pada tarikh 30 April 2011 pula, Ketua Pendidikan Agama Buddha Poey Tiang Peow daripada PPABA adalah sebagai penceramah agama Buddha dalam Seminar Antarabangsa Akademik yang dianjurkan oleh Xiao En Cultural Foundation yang diadakan di Dewan Kuliah, Xiao En Cultural

Foundation, Kuala Lumpur. Tajuk ceramah ialah Organisasi agama membawa impak positif terhadap keharmonian global.

Pada tarikh 23-25 Mei 2011, PABAM bersama dengan Dana Multi Kebudayaan dan Pendidikan Cheng Ho atau Cheng Ho Multi Culture Education Trust; Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism, and Taoism (MCCBCHST) dan Malaysian Chinese Cultural Education ini telah berjaya menganjurkan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ACRP atau The Executive Committee meeting of the Asian Conference of Religions for Peace (ACRP) di Hotel Golden Horses, Selangor. Temanya adalah Keamanan Melalui Agama atau Peace Through Religion. Objektif utama Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ini adalah untuk merancang dan menetapkan polisi dan rancangan ACRP agar mempergiatkan dan memantapkan pelbagai aktivitinya di Asia. Organisasi-organisasi Bukan Kerajaan tadi telah bekerjasama erat dalam mempromosikan mesej keamanan yang positif di Asia dan berjaya dalam menganjurkan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ACRP di Malaysia. Ketua Pendidikan Agama Buddha Poey Tiang Peow daripada PABAM adalah sebagai ketua koordinator ACRP di Malaysia.

Forum Pendidikan Pelbagai Agama pada 25 September 2011. PABAM telah bersama dengan Dana Multi Kebudayaan dan Pendidikan Cheng Ho menganjurkan Forum Pendidikan Pelbagai Agama yang diadakan di Pusat Pameran Antarabangsa

Country Heights, Selangor. Objektif seminar ini adalah untuk mengatasi pelbagai krisis dalam segenap kehidupan kita menerusi pendidikan pelbagai agama. Temanya ialah Pendidikan Suci, Menyelamatkan Krisis 神圣教育，拯救危机. Salah satu penceramah yang paling utama dalam forum ini ialah bekas Perdana Menteri Malaysia iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad. Pihak penganjur berharap ideologi pendidikan agama yang berunsur suci dan murni ini dapat disebarluaskan ke seluruh dunia agar rakyat di bumi ini dapat mengatasi pelbagai krisis yang timbul dalam kehidupan harian dan hidup dalam keadaan yang bahagia.

Pada tarikh 15 Oktober 2011, Ketua Pendidikan Agama Buddha Poey Tiang Peow daripada PABAM adalah sebagai penceramah agama Buddha dalam Seminar Pendidikan Agama yang dianjurkan oleh Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM) di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Segamat, Johor Darul Takzim. Tajuk pembentangan pertama ialah Peranan Agama Dalam Menangani Keruntuhan Masyarakat Masakini dan kedua adalah Keharmonian Hidup Beragama Dalam Masyarakat Majmuk Di Malaysia: Pengalaman Agama-agama Utama di Malaysia. Dalam tajuk Peranan Agama Dalam Menangani Keruntuhan Masyarakat Masakini, pihak PABAM menekankan bahawa mempraktikkan ajaran pendidikan Buddha iaitu Prinsip Rahmat Suci melalui mengasihi ibu bapa dengan hati yang ikhlas; menghormati guru dan orang tua; berhati belas kasihan dengan mengelakkan pembunuhan; mempraktikkan Sepuluh Prinsip Karma baik; kita

tentulah akan mempunyai hati keikhlasan, kesucian, keheningan, kesetaraan, kejujuran, berbelas kasihan dan pencerahan. Dalam tajuk Keharmonian Hidup Beragama Dalam Masyarakat Majmuk Di Malaysia: Pengalaman Agama-agama Utama di Malaysia, pihak PABAM berpendapat bahawa keharmonian hidup beragama dalam masyarakat majmuk di Malaysia akan lebih baik dan terjamin sekiranya kita benar-benar mempelajari Enam Prinsip Keharmonian yang terkandung dalam pendidikan Buddha untuk melicinkan perhubungan dan komunikasi manusia.

Pada 11-15 Jun 2012 pula, Ketua Pendidikan Agama Buddha Poey Tiang Peow daripada PABAM telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ACRP atau The Executive Committee meeting of the Asian Conference of Religions for Peace (ACRP) di Seoul, Korea. Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ini dianjurkan oleh Korea Conference of Religions for Peace (KCRP). Objektif utama Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ini adalah untuk merancang dan menetapkan polisi dan rancangan ACRP agar bersesuaian dengan perkembangan politik, sosial dan ekonomi yang terbaru di Asia. Pada tahun 2012, Seminar Antarabangsa Agama dan Process Pembinaan Keamanan di Asean turut diadakan. Pada 17-19 September 2012, Ketua Pendidikan Agama Buddha Poey Tiang Peow daripada PABAM telah menghadiri Seminar Antarabangsa Agama dan Process Pembinaan Keamanan di Asean atau International Seminar on Religion and Peace building Process in Asean yang diadakan di hotel Sukosol, Bangkok, Thailand. Pihak

penganjur seminar ini ialah Muslim World League; Southern Border Provinces Administrative Center; Religions for Peace Inter-religions Council of Thailand; Institute of Human Rights and Peace Studies; Mahidol University; dan Yala Islamic University.

Begitu juga Seminar Dialog Antara Pelabagai Agama di Johor, Malaysia. Pada 27 Januari 2013, Ketua Pendidikan Agama Buddha Poey Tiang Peow daripada PABAM adalah selaku moderator untuk mempengerusikan Seminar Dialog Antara Pelabagai Agama atau Malaysian Inter-Religious Dialogues Seminar di Johor, Malaysia. Tajuk seminar ini adalah Pendidikan Agama mendorong Keharmonian Masyarakat atau Religious Education to Foster Social Harmony. Pihak penganjur seminar ini ialah Pertubuhan Agama Buddha Malaysia atau Malaysian Buddhist Association (MBA) di Johor. Pada 7-10 Jun 2013, Ketua Pendidikan Agama Buddha Poey Tiang Peow daripada PABAM telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ACRP atau The Executive Committee meeting of the Asian Conference of Religions for Peace (ACRP) di Malang, East Java Province, Indonesia. Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ini dianjurkan oleh The Indonesian Asean Conference of Religions for Peace yang diadakan di Muhammadiyah University, Malang, East Java Province, Indonesi. Objektif utama Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ini adalah untuk merancang dan menggubal polisi serta rancangan ACRP di samping membentuk Jawatankuasa Kerja untuk Perhimpunan Umum ACRP yang akan datang.

Kuliah Peringatan Swami Satyananda turut diadakan pada tahun 2013. Pada 13 Julai 2013, Ketua Pendidikan Agama Buddha Poey Tiang Peow daripada PABAM adalah sebagai penceramah agama Buddha dalam 2013 Kuliah Peringatan Swami Satyananda atau 2013 The Swami Satyananda Memorial Lecture yang diadakan di Auditorium, Tun Hussein Onn National Eye Hospital, Petaling Jaya, Malaysia. Tajuk ceramah ini adalah tentang dari segi perspektif agama Buddha, maju atau mundur agama adalah berkaitrapat dengan kuasa dalaman. Pihak penganjur seminar ini ialah The Pure Life Society in Malaysia. Selain itu, perhimpunan sedunia besar religions for peace (RFP) yang kesembilan turut diadakan di Vienna, Austria pada 20-22 November 2013. Ketua Pendidikan Agama Buddha Poey Tiang Peow daripada PABAM telah menghadiri Perhimpunan Sedunia Besar. Tema perhimpunan adalah tentang menyambut lain, aman dalam visi pelbagai agama atau welcoming the other, a multi-religious vision of peace (Workbook Religions for Peace, 2013: 3) dengan matlamat membuat keputusan tentang polisi dan rancangan jangka panjang RfP, memperkuatkan kerjasama yang erat di antara para pemimpin multi agama sedunia serta menyokong kerjasama di antara multi agama di negara-negara yang menghadapi masalah keganasan dan konflik. PABAM telah mencadangkan buku teks pendidikan multi agama dengan versi yang terbaru yang bersesuaian dengan perkembangan sosial perlu diedit dan dicetak agar memanfaaatkan rakyat jelata di seluruh dunia. Melalui RFP ia merupakan organisasi multi agama yang

paling besar di dunia dengan matlamat mewujudkan komuniti multi agama yang hidup dalam keadaan yang aman dan damai di seluruh dunia. Jaringan RfP mempunyai lebih daripada 90 ahli negara-negara yang terdiri daripada enam Majlis Regional iaitu Afrika, Asia, Eropah, Latin Amerika dan Middle East-North Afrika.

Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ACRP dan Perhimpunan Umum Besar di Incheon, Korea Selatan turut diadakan pada tahun 2014. Ketua Pendidikan Agama Buddha Poey Tiang Peow daripada PABAM telah menghadiri Perhimpunan Umum Besar Religions for Peace Asia atau Asian Conferences of Religions for Peace (ACRP) Yang Kelapan di Incheon, Korea Selatan yang diadakan pada tarikh 25hb-29hb August 2014. Pihak penganjur ialah Korean Asian Conference of Religions for Peace yang terletak di Korea Selatan. Tema Perhimpunan Umum besar ini adalah Bersatupadu dan Harmoni di Asia atau Unity and Harmony in Asia. (Workbook, Asian Conference of Religions for Peace, 2014: 4) M. Din Syamsuddin selaku moderator of ACRP dalam perhimpunan besar tadi telah menyatakan agama merupakan kapital sosial yang paling baik dalam mewujudkan keadaan bersatupadu dan harmoni di Asia. Antara objektif utama Perhimpunan Umum Besar ini adalah untuk membina keharmonian dunia menerusi menyatupadukan pelbagai agama; membina kestabilan masyarakat melalui mempromosikan pendidikan moral di Asia dan sebagainya. Perhimpunan ini telah membina satu platform dialog yang berkesan di antara pelbagai agama di Asia khususnya

bersama-sama bekerjasama dalam menguruskan hal ehwal keamanan agama di Asia. Pengkaji telah menemuramah Presiden Kehormat ACRP yang baru iaitu Sunggon Kim tentang peranan Religions for Peace Malaysia (RfPM) dalam ACRP dan beliau telah menyatakan tiga harapan iaitu berharap RfPM dapat mempelajari konsep Korean Peace Education Center agar mendirikan Pusat Pendidikan Keamanan di Malaysia, berharap RfPM dapat menggunakan kaedah kebijakasaan dan kearifan yang terkandung dalam kitab-kitab agama semasa menguruskan hal-hal agama yang besar kemungkinan sensitif di Malaysia memandangkan masyarakat majmuk di Malaysia adalah terdiri daripada pelbagai bangsa, bahasa dan agama serta berharap RfPM dapat didaftarkan sebagai organisasi yang sah di Malaysia untuk menggantikan sejak penubuhannnya pada tahun 2008 sehingga kini dan masih memegang jawatan sebagai Jawatankuasa Persediaan.[23]

Secara tuntasnya, PABAM telah membabitkan diri dalam pelbagai aktiviti pendidikan multi agama dan budaya sama ada di peingkat negeri, kebangsaan, Asia mahupun antarabangsa. Ia mempunyai misi dan visi yang jelas dalam memainkan peranan yang penting sebagai agen perubah dalam mempromosikan dan memperkembangakan pendidikan pendidikan multi agama dan budaya di samping berharapan besar agar dapat membina Contoh Kota Multi Agama dan Budaya di Malaysia yang dipelajari oleh seluruh warga dunia. Sebagai contohnya, Contoh Kota

[23] Pengkaji tesis ini bertemu bual dengan Sunggon Kim pada tarikh 18hb Oktober 2014 di Hotel Mandarin Oriental yang terletak di Kuala Lumpur.

Multi Agama dan Budaya di daerah Brickfields, Kuala Lumpur, Malaysia yang berupa Contoh Kota Multi Agama dan Budaya di Yogyakarta, Indonesia yang menjadi tempat tumpuan dan contoh teladan untuk mempelajari pendidikan Multi Agama dan Budaya.

Tambahan pula, dialog di antara pucuk pimpinan dan para ahli agama dan dialog di antara multi agama adalah sangat penting untuk mewujudkan masyarakat dan negara yang lebih harmoni dan makmur. Signifikannya dialog tersebut adalah mewujudkan persefahaman yang lebih baik dan meluas di antara para penganut yang berasal daripada latar belakang multi agama, menekankan nilai-nilai universal dan moraliti yang tercatat dalam kitab-kitab multi agama serta bekerjasama di antara multi agama untuk merealisasikan impian pendidikan agama iaitu mempertingkatkan tahap moralliti di kalangan para penganut khasnya dan rakyat jelata di samping warga dunia umumnya. (Zhou Qinghua, 1999: 35) Pengkaji berpendapat bahawa kasih sayang, keadilan dan nilai-nilai suci yang terkandung dalam kitab-kitab setiap agama, sekiranya dapat disebarluaskannya dengan saluran yang baik, contohnya intra-dialog dan dialog antara agama dan seumpamanya, maka tentulah akan memanfaatkan umat manusia dan generasi yang akan datang.

4.4: Rombongan Lawatan Sambil Belajar ke Pusat Pendidikan dan Kebudayaan

Lujiang di China

PABAM pada tarikh 8hb-14hb Oktober 2008, bersama dengan Namfat Corporation Berhad, Malaysia telah menganjurkan Rombongan Lawatan Sambil Belajar ke Pusat Pendidikan dan Kebudayaan Lujiang di China yang diketuai oleh Jimmy Ng Keng Joo, Ketua Eksekutif Namfat Corporation Berhad. Manakala ahli-ahli rombongannya terdiri daripada para pemimpin agama, badan-badan komuniti Cina sama ada di Malaysia, China, Singapore, Indonesia mahupun Australia. Rombongan keharmonian dunia bermula daripada diri sendiri ini bermatlamat meninjau keadaan pembelajaran dan pengajaran di Pusat Pendidikan dan Kebudayaan Lujiang di China, mengkaji keadaan Contoh Kota Harmoni di Tangchi, Daerah Lujiang, China serta menyebarluaskan pendidikan tradisi Tionghua yang mengutamakan etika dan moral.

Rombongan Lawatan Sambil Belajar ke Pusat Pendidikan dan Kebudayaan Lujiang di China ini telah mendapat kesan dan implikasi yang baik. Ini dapat dilihat dari segi pertama, selepas meninjau keadaan pembelajaran dan pengajaran di Pusat Pendidikan dan Kebudayaan Lujiang di China, para pemimpin rombongan dapat memikul tanggungjawab dalam menyebarluaskan pendidikan tradisi Tionghua yang berasaskan etika dan moral di bidang masing-masing yang mereka ceburi. Kedua, selepas mengkaji keadaan realiti antaranya Kota Harmoni di Tangchi, Daerah Lujiang, China, para pemimpin rombongan yang terdiri daripada badan-badan agama, komuniti Cina di Malaysia, China, Singapore,

Indonesia dan Australia dapat bersama-sama bekerjasama dan berusaha dalam mempromosikan pendidikan tradisi Tionghua yang berasaskan etika dan moral ke peringkat kebangsaan, Asia dan antarabangsa. Ketiga, selepas mengkaji asal usul dan perkembangan antaranya Kota Harmoni di Tangchi, Daerah Lujiang, China, ia dijadikan sebagai rujukan utama dalam asas pembinaan Contoh Kota Harmoni di Malaysia. Sesungguhnya, Kota Harmoni Konfusius di Tangchi, Daerah Lujiang, China terdapat sebanyak dua belas kampong dengan penduduk tempatan seramai 48,000. Selepas mempelajari dan mempraktikkan ajaran Di Zi Gui yang berlandaskan ajaran Konfusius, para penduduk di kampung dalam setengah tahun telah berjaya mentransformasikan diri mereka menjadi orang yang lebih baik dan suci dari segi etika, nilai, moral, akhlak, adab, tingkah laku, perbualan, fikiran dan seumpamanya. Keempat, Namfat Corporation Berhad, Malaysia telah menjadi contoh teladan yang baik dalam mempromosikan pendidikan tradisi Tionghua yang berasaskan etika dan moral kepada pelbagai organisasi umumnya dan organisasi perindustrain dan perniagaan khususnya di Malaysia.

4.5: Penasihat dan perancang kepada Pusat Lotus Multi Budaya dan Pendidikan Filipina

PABAM pada tahun 2010, telah memainkan peranan sebagai penasihat dan perancang kepada Pusat Lotus Multi Budaya dan Pendidikan Filipina atau Philippines Lotus

Multicultural Education Center Inc. 菲律宾弟子规学会 yang terletak di Philippines.

Pihak Pusat Lotus Multi Budaya dan Pendidikan Filipina telah ditubuhkan pada tahun 2010 di bawah nasihat dan rancangan lima tahun yang diberikan oleh PABAM. Rancangan ini diselia oleh Ketua Pendidikan Agama Buddha Poey Tiang Peow daripada PABAM. Ini adalah disebabkan PABAM telah berjaya membina satu contoh model yang baik dalam pengajaran dan pembelajaran kursus Di Zi Gui. Rancangan lima tahun tadi adalah bermula sejak tahun 2010 hingga 2015. Dengan matlamat penubuhannya iaitu, mempromosikan dan memperkembangkan ajaran Konfusius iaitu Di Zi Gui yang memusatkan dan mengutamakan kepentingan konsep serta semangat kekeluargaan, mendorong konsep pendidikan tanpa mengira status, tahap kepandaian para pelajar 有教无类 dan konsep pemikiran yang betul tanpa menyimpang daripada jalan benar 思无邪 serta mencontohi Mahaguru Konfusius agar mendidikan dan menghasilkan para pelajar yang berakhlak tinggi dan bertingkah laku yang baik.

Terdapat tiga tempoh rancangan iaitu pertama rancangan jangka masa pendek bagi membuka dan menganjurkan kursus Di Zi Gui untuk kelas tadika, kelas kanak-kanak, dan kelas dewasa, mempromosikan kursus dan aktiviti Multi Budaya dan Pendidikan melalui penyiaran di televisyen saluran Tionghua di Filipina dan mendorong konsep keharmonian dunia bermula dengan diri sendiri. Kedua, rancangan jangka masa tengah iaitu menerima dan mengambil masuk para pelajar yang berasal daripada pelbagai bangsa termasuk para

pelajar Filipina, memperkuatkan promosi kursus dan aktiviti Multi Budaya dan Pendidikan melalui penyiaran di televisyen saluran Tionghua di Filipina terutamanya aktiviti menjaga orang tua dan seumpamanya dan menganjurkan pelbagai kursus dan aktiviti Multi Budaya dan Pendidikan melalui gabungan bekerjasama dengan badan-badan pendidikan Filipina, contohnya Kolej Pu Ji 普济学院 yang dibina oleh pertubuhan agama Budddha dan Universiti Santo Tomas 圣托马斯大学 atau The Pontifical and Royal University of Santo Tomas yang dibina oleh pertubuhan agama katolik Filipina dan sebagainya. Ketiga, rancangan jangka masa panjang iaitu membina contoh teladan kota harmoni di Filipina, menjadi Pusat Tumpuan Multi Budaya dan Pendidikan yang bertaraf kebangsaan dan antarabangsa serta melaksanakan program-program pertukaran pelajar dan seumpamanya, berkembang menjadi sebuah sekolah traditional Filipina yang mengutamakan pendidikan traditional Tionghua yang berkualiti dan berprestasi tinggi, melanjutkan pendidikan dan budaya traditional Tionghua di kalangan masyarakat Filipina secara berterusan dan berpanjangan dan membina masyarakat yang penuh dengan aman damai dan makmur; mengutamakan akhlak serta etika tinggi selama-lamanya di kalangan masyarakat Filipina.[24]

Bagi kaedah pelaksanaan rancangan lima tahun pula, Pusat Lotus Multi Budaya dan

[24] Pada tarikh 14 March 2010, Ketua Pendidikan Agama Buddha Poey Tiang Peow daripada PABAM telah pergi ke Biara Ling Jiu Si 灵鹫寺 yang terletak di Manila, Philippines untuk melaporkan rancangan-rancangan perkembangan Pusat Lotus Multi Budaya dan Pendidikan Philippines.

Pendidikan Filipina dalam melaksanakan program pendidikan tadi adalah mengamalkan dasar tidak meminta dermaan daripada orang ramai. Kutipan dermaannya adalah daripada pusat dalaman, contohnya para ahli atau orang-orang yang memahami objektif dan kebaikan aktiviti-aktiviti pusat tadi serta berhati besar untuk membuat dermaan dan seumpamanya. Justeru itu, para pelajar dan orang ramai yang belajar di pusat tadi dapat menikmati pendidikan percuma. Prinsip Pusat Lotus Multi Budaya dan Pendidikan Philippines mengutamakan orang ialah akar tunjang pendidikan 教育以人为本，mengajar orang melalui asas akhlak 教人以德为本. Disebabkan prinsip yang betul dan tepat, pusat tadi telah semakin mendapat sambutan yang baik dan hangat daripada orang ramai. Antara pencapaian rancangan lima tahun sejak tahun 2010 hingga 2014 tersebut adalah pertama, pada hari minggu, kelas tadika ialah 23 orang pelajar. Mereka setiap minggu belajar lima hari, setiap hari tiga jam. Kedua, pada hari minggu, kelas dewasa untuk ibu bapa ialah 15 orang. Mereka setiap minggu belajar lima hari, setiap hari dua jam. Ketiga, setiap hari Ahad, kelas dewasa untuk ibu bapa ialah 25-30 orang; Kelas untuk pelajar bangsa Filipina ialah 20 orang; kelas untuk pelajar bangsa Cina Phillipines ialah 15 orang; kelas kanak-kanak kecil ialah 23 orang pelajar; Kelas ibu bapa dan anak-anak ialah 20 orang pelajar. Keempat, setiap bulan dua kali menjalankan program zakat kasih sayang kepada orang ramai khususnya golongan orang miskin dan pada masa yang sama, menjemput mereka bersama-sama menghadiri kelas Di Zi Gui untuk

mempelajari ajaran Konfusius. Mengikut catatan, setiap kali, lebih kurang 100-120 orang menghadiri program zakat kasih sayang tadi.[25]

Selain itu rancangan sepuluh tahun dari 2016 hingga 2025 turut manjadi sasaran. PABAM telah menggariskan sasaran bagi memperkukuhkan dan memperkembangkan asas rancangan lima tahun sejak 2010 hingga 2015. Kedua, membantu dan membiayai kos pelajaran kepada para pelajar yang tamat dari kelas tadika pusat tadi agar meneruskan pelajarannya ke Sekolah Rendah Cina, Sekolah Menengah dan Universiti di Filipina mengikut kemampuan Pusat Lotus Multi Budaya dan Pendidikan Filipina. Rancangan ini dihuraikan seperti Jadual 4.1 di bawah.

Jadual 4.1: Strategi Pelaksanaan Rancangan Lima Tahun (2010-2015) Dan Sepuluh Tahun (2016-2025) Bagi Meningkatkan Jumlah Pelajar Di Pusat Lotus Multi Budaya Dan Pendidikan Filipina.

Tahun	Jumlah Pelajar Yang Belajar Di Sekolah Rendah Cina
2010-2011	0
2011-2012	4
2012-2013	8
2013-2014	8
2014-2015	12

[25] Pada tarikh 17 Oktober 2012, Ong Hong Yuen 王弘愿 selaku Presiden Pusat Lotus Multi Budaya dan Pendidikan Philippines telah datang ke PABAM, Kuala Lumpur untuk melaporkan kemajuan dan perkembangan Pusat Lotus Multi Budaya dan Pendidikan Philippines.

2015-2016	16
2016-2017	20
2017-2018	20
2018-2019	20
2019-2020	20
2020-2021	20
2021-2022	40
2022-2023	60
2023-2024	80
2024-2025	100

Sumber: Bahagian Pendidikan PABAM

Ketiga, mendirikan pusat pendidikan sehenti atau one stop educational center yang berkualiti dan cemerlang. Contohnya pada setiap hari Sabtu, pada pukul 8.00am – 3.00pm membuka kursus-kursus pendidikan Konfusius yang baru dan seumpamanya agar berharap dalam tempoh lima tahun, para pelajar dapat menguasai Bahasa Cina dengan baik memandangkan mereka sebelum ini tidak pernah mempelajari Bahasa Cina. Keempat, melatih sekurang-kurangnya lima orang guru baru yang profesional dan mendapat kelayakan yang sah dan diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan, Filipina dan mengajar di Pusat Lotus Multi Budaya dan Pendidikan Filipina. Ini akan memastikan

pendidikan ajaran Konfusius yang murni dan suci ini dapat diteruskan dengan baik di Filipina atas bentuk sekolah tradisi di Filipina yang mementingkan dan mengutamakan pendidikan Tionghua. Kelima, menggembleng tenaga dalam mendidik dan melatih guru-guru sukarela yang mengutamakan pendidikan ajaran Konfusius agar pendidikan ini dapat diteruskan dari satu generasi ke generasi yang lain. Keenam, menggemblengkan tenaga dalam menganjurkan pelbagai kursus dan aktiviti Multi Budaya dan Pendidikan melalui gabungan bekerjasama dengan badan-badan pendidikan Filipina, contohnya Kolej Pu Ji 普济学院 yang dibina oleh pertubuhan agama Budddha dan Universiti Santo Tomas 圣托马斯大学 atau The Pontifical and Royal University of Santo Tomas yang dibina oleh pertubuhan agama katolik, dan sebagainya.[26]

4.6: Majlis Pembelajaran Dan Penyelarasan Ritual Peralatan Muzik Agama Buddha Untuk Mazhab Tanah Suci Amitabha

PABAM telah menganjurkan majlis pembelajaran dan penyelarasan ritual peralatan muzik agama Buddha untuk mazhab Tanah Suci Amitabha 全国净宗梵呗大会 yang berada di Kuala Pilah Kampung Amitabha di Negeri Sembilan pada 1 Jun 2002.

[26] Rancangan Sepuluh Tahun Sejak 2016 hingga 2025 untuk Pusat Lotus Multi Budaya dan Pendidikan Filipina tau Philippines Lotus Multicultural Education Center Inc. 菲律宾弟子规学会 yang digariskan oleh PABAM telah dibentangkan oleh Ketua Pendidikan Agama Buddha PABAM Poey Tiang Peow pada tarikh 23hb April 2014, pukul 3.00pm-4.30pm di bawah saksi Presiden Pusat Lotus Multi Budaya dan Pendidikan Filipina Ong Hong Yuen 王弘愿 dan Presiden PABAM Encik Ng Weng Seng 方湧松 dan seramai 40 orang ahli rombongan Lawatan Sambil Belajar Pendidikan Tionghua yang datang dari Philippines. Lawatan Sambil Belajar Pendidikan Tionghua dari Filipina tadi datang melawat ke Malaysia selama dua minggu dan tempat yang mereka lawat termasuk Kuala Lumpur, Selangor, Kelantan dan seumpamanya.

Sebanyak lapan belas Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha (PPABA) 净宗学会 pada masa itu telah menghantar wakil menghadiri majlis pembelajaran dan penyelarasan ritual peralatan muzik agama Buddha untuk mazhab Tanah Suci Amitabha ini. Sejak tahun 2002 hingga 2014, perkembangan dari segi pembelajaran dan penyelarasan ritual peralatan muzik agama Buddha untuk mazhab Tanah Suci Amitabha adalah semakin baik dan mantap. Contohnya, dalam Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha di Malaysia, semua persatuan mempunyai Jawatankuasa Ritual Peralatan Muzik Agama Buddha untuk mazhab Tanah Suci Amitabha yang mahir dalam menguruskan dan mengendalikan ritual menyebut nama Buddha dan berzikir kepada Buddha Amitabha dan sebagainya.

4.7: Penyebaran Dan Perkembangan Ritual Mazhab Tanah Suci Amitabha Menyebut Nama Buddha Amitabha Dan Berzikir Kepada Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan Di Malaysia

Pada tahun 2001, bermula dengan ritual mazhab Tanah Suci Amitabha menyebut nama Buddha Amitabha dan berzikir kepada Buddha Amitabha peringkat kebangsaan di Malaysia sepanjang satu hari 全国净宗同步念佛一日法会 yang jatuh pada empat harijadi Buddha dan Bodhisattva iaitu:

(1) 11Mac hari jadi Bodhisattva Avalokitesvara atau Bodhisattva Guanyin

观音菩萨聖誕.

(2) 7 Mei hari jadi Buddha Shakyamuni 释迦牟尼佛聖誕.

(3) 2 September hari jadi Bodhisattva Mahasthamaprapta 大势至菩萨佛聖誕.

(4) 30 Disember hari jadi Buddha Amitabha 阿弥陀佛聖誕.

Pada tahun 2002, ritual mazhab Tanah Suci Amitabha menyebut nama Buddha Amitabha dan berzikir kepada Buddha Amitabha peringkat kebangsaan di Malaysia sepanjang satu hari 全国净宗同步念佛一日法会 ditambah lagi empat hari menjadi lapan hari iaitu pada hari

(5) Qing Ming Jie 清明节

(6) Zhong Yuen Jie 中元节

(7) Dong Zhi Jie 冬至节

(8) Hari KemerdekaanMalaysia 国庆日. (Catatan Minit Mesyuarat Agung PABAM, 2013)

Matlamat-matlamat utama ritual mazhab Tanah Suci Amitabha menyebut nama Buddha Amitabha dan berzikir kepada Buddha Amitabha peringkat kebangsaan di Malaysia sepanjang satu hari ini adalah pertama mempromosikan dan memperkembangkan ritual, aktiviti menyebut nama Buddha Amitabha dan berzikir kepada Buddha Amitabha dari peringkat kebangsaan ke peringkat antarabangsa. Kedua, berdoa bersama menerusi ikrar besar Buddha Amitabha untuk menghilangkan dan

membanteras malapetaka di dunia, menyelamatkan roh-roh umat makhluk yang berada dalam haluan yang derita di samping memulihkan alam semesta kepada alam semulajadi yang baik dan teratur. Ketiga, mempertingkatkan kuantiti dan kualiti kultivasi bersama dalam menyebut nama Buddha Amitabha dan berzikir kepada Buddha Amitabha di samping memperkukuhkan kepercayaan para penganut mazhab Tanah Suci Amitabha terhadap ikrar besar Buddha Amitabha.

4.8: Kesimpulan

Dalam menganalisis bab ini, pengkaji memberi tumpuan kepada penyertaan PABAM dalam pelbagai perbicaraan dan forum antara agama dan bagaimana ianya merupakan suatu peranan yang penting dalam mengeratkan lagi Semangat ASEAN atau '*ASEAN Spirit'* justeru menyebarkan ajaran mazhab Tanah Suci Amitabha ke serata negara-negara ASEAN dan selanjutnya. Kaedah analisis turut ditumpukan dengan penggunaan teori fungsionalisme, khususnya model Parsons sistem sosial - paradigma AGIL (*Adaptation, Goal Attainment, Latency, Integration*). (Talcott Parsons, 1991: xviii)

Proses adaptasi secara terasnya melibatkan kebolehan PABAM dalam proses menyebar dan memperkembang ajaran mazhab Tanah Suci Amitabha, melangkaui peringkat domestik sehingga ke peringkat antarabangsa dan juga ke peringkat organisasi antarabangsa seperti ASEAN. Perkara ini dapat dilaksanakan dengan adanya organisasi dan pembahagian tugasan yang efektif justeru isu-isu penyelesaian masalah dapat

ditangani. Sumber-sumber untuk menjalankan operasi dalam organisasi juga ditangani dalam bentuk peringkat. Demi menyebar dan memperkembang ajaran Tanah Suci Amitabha, PABAM telah menganjur serta menyertai pelbagai bicara dan forum yang bertema 'antara agama' (*interfaith*) untuk menonjolkan lagi imej ajaran Tanah Suci Amitabha kepada masyarakat. Peringkat awal dilaksanakan dari dalam organisasi PABAM, seterusnya disebarkan ke komuniti masyarakat Cina di sekitar Kuala Lumpur, setelah itu peringkat negeri juga dilangkaui dengan adanya penyertaan PABAM ke Johor, Perak dan sekitar Selangor. Penyebaran ajaran Tanah Suci Amitabha juga dilaksanakan dalam peringkat kebangsaan seperti Forum Keharmonian Agama, Mempertahankan KeamananDunia dan Menghentikan Malapetaka yang dihadiri oleh enam jenis agama utama di Malaysia di Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada 1hb Ogos 2007 sempena kemerdekaan Malaysia yang ke-50. Seterusnya, PABAM melangkah ke peringkat antarabangsa dimana ahli-ahli PABAM dan juga beberapa rombongan Malaysia melawat dan menyertai acara keagamaan di negara-negara lain seperti Indonesia, Thailand, Filipina, China, India, Korea Selatan, Bangladesh, dan Austria. Dengan jalinan yang rapat dengan kebanyakan negara-negara ASEAN maka berikutan itu, PABAM diberi peluang untuk menyebarkan ajaran Tanah Suci Amitabha ke peringkat organisasi antarabangsa seperti ASEAN di seminar antarabangsa yang bertajuk 'Seminar Antarabangsa Agama dan Proses Pembinaan Keamanan' di Thailand.

Pencapaian-pencapaian ini merakam perkembangan yang amat ketara kepada PABAM kerana berjaya menghadapi cabaran sebagai sebuah organisasi keagamaan di Malaysia. Justeru, dengan adanya perlaksanaan organisasi yang efektif dan secara berperingkat, maka setiap batasan itu akan menjadi suatu cabaran demi perkembangan sesebuah organisasi dan dalam situasi ini, adalah organisasi PABAM yang berjaya menerima dan menyelesaikan cabaran mereka serta menandakan identiti ajaran Tanah Suci Amitabha dan organisasi PABAM kepada ahli-ahli keagamaan di peringkat antarabangsa.

Dalam proses mencapai matlamat PABAM untuk menyebar dan memperkembangkan ajaran Tanah Suci Amitabha, PABAM menyasarkan matlamat-matlamat sampingan dalam proses mencapai matlamat utamanya. Matlamat-matlamat sampingan yang dapat diperhatikan dalam bab ini juga dipecahkan dalam peringkat domestik, kebangsaan, antarabangsa, dan organisasi antarabangsa.

Di peringkat domestik, PABAM menyasar untuk mendorong masyarakat Cina dengan pengetahuan agama yang lebih mendalam seperti berzikir dan juga menganjuri forum antara agama yang bertemakan tokoh wanita dalam agama. Aktiviti upacara berzikir UDMZFTT memberi impak luas kepada masyarakat Cina di Malaysia dengan pengetahuan berzikir dan kaedah mengingati zikir serta lebih mengenali dan menganuti mazhab Tanah Suci Amitabha. Di peringkat kebangsaan PABAM menyasar untuk membawa imej ajaran Tanah Suci Amitabha kepada negara di Majlis Pujaan Bodhisattva

Guanyin di Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Ini juga meningkatkan lagi peluang PABAMA menuju ke sasaran utamanya serta memberi kesedaran kepada penganut Buddha di Malaysia. Di peringkat antarabangsa, pelbagai majlis dan lawatan yang telah disertai PABAM untuk lebih mendalami budaya luar dan berusaha ke arah jalinan yang erat bersama negara-negara lain atas dasar keagamaan dan nilai murni yang baik. Di peringkat organisasi antarabangsa, PABAM pula menyasarkan untuk berusaha bersama-sama wakil keagamaan yang lain ke arah usaha-usaha pendamaian negara dan cara-cara mengatasi isu dunia melalui pendidikan agama. Tidak dilupakan juga bahawa pada setiap peringkat ini, PABAM juga berusaha mengutip dana untuk golongan yang kurang bernasib baik demi masa depan mereka yang lebih cerah. Ini dapat dilihat dari peranan PABAM sebagai penasihat dan perancang kepada Pusat Lotus Multi Budaya dan Pendidikan Filipina untuk berusaha menuju ke pendidikan percuma untuk pelajar dan meningkatkan penglibatan organisasi lain dalam pemberian dermaan dan berbakti kepada masyarakat.

Setiap matlamat sampingan ini menyumbang kejayaanya ke arah pencapaian matlamat utama PABAM untuk menyebarkan ajaran mazhab Tanah Suci Amitabha dan mengilhamkan cara penyelesaian masalah melalui keharmonian dan keamanan yang dibina dari diri setiap individu. Oleh itu, pada pendapat pengkaji, usaha PABAM ke arah pencapaian matlamat utamanya adalah amat efektif kerana ia mencerminkan usaha

ahli-ahli PABAM yang memberi impak besar dari sumbangan mereka kepada masyarakat tanpa mengira sempadan negara.

Penubuhan PABAM sebagai organisasi keagamaan juga berjaya membuktikan keselariannya dalam mengutamakan nilai murni yang positif. PABAM menjalankan tugasan organisasi mereka ke arah pencapaian matlamat untuk menyebarkan ajaran mazhab Tanah Suci Amitabha. Oleh hal demikian, tugasan organisasi PABAM berangkakan nilai-nilai yang diajari dalam mazhab Tanah Suci Amitabha dan ajaran utama agama Buddha yang mengutarakan niat keikhlasan dalam setiap perbuatan manusia. Ini dapat dibuktikan dari setiap aktiviti dan program yang dijalankan oleh PABAM seperti upacara berzikir yang dilaksanakan untuk memberi ketenangan pada diri mereka. Program pengutipan sumbangan kepada golongan kurang bernasib baik juga mencerminkan fokus organisasi PABAM yang berlandaskan nilai tolong-menolong dan keikhlasan. Selain itu, dengan menghadiri pelbagai program bicara antara agama peringkat antarabangsa, PABAM juga mencerminkan bahawa ia adalah sebuah organisasi yang mengutamakan kedamaian antara agama dan mempromosikan semangat ASEAN melalui perbicaraan antara agama dan juga mengambil inisiatif untuk memberi bantuan dalam menangani isu-isu sosial seperti kemiskinan dan peluang pendidikan di peringkat domestik dan antarabangsa.

Semua anjuran program yang diadakan oleh PABAM seperti sumbangan kepada

golongan kurang bernasib baik dan memberi bantuan dari segi pendidikan sama ada di peringkat domestik mahupun di peringat antarabangsa adalah penting bagi mendapatkan balasan yang baik pada kehidupan yang akan datang. Perkara ini turut dinyatakan oleh Ackerman dan Lee (1990) dalam buku mereka yang bertajuk *Heaven in Transition* yang mana perbuatan yang baik akan mendapat balasan yang baik iaitu konsep karma.

Peringkat ke-4 model AGIL iaitu pengekalan (*latency*) memberi keutamaan dalam pengekalan nilai murni dalam proses pemeliharan ajaran Buddha dimana usaha PABAM dalam menyertai pelbagai majlis antara agama di pelbagai peringkat mencerminkan pengekalan matlamat PABAM untuk menyebar dan memperkukuhkan ajaran agama Buddha kepada berbilang masyarakat. Di samping itu, PABAM juga berperanan untuk mengekalkan nilai-nilai yang diterapkan mazhab Tanah Suci Amitabha supaya PABAM sebagai sebuah organisasi yang seragam dapat terus beroperasi ke arah pencapaian matlamat yang sama dalam memperkukuhkan ideologi mazhab Tanah Suci Amitabha dan ajaran utama Buddha di Malaysia dan arena antarabangsa. Dengan adanya organisasi yang seragam, pengukuhan ideologi mazhab Tanah Suci Amitabha dan ajaran Buddha, ia dapat memajukan penyebaran agama itu sendiri. Perkara ini sangat penting kerana ia dapat menambah baik kenyataan yang dikeluarkan oleh Ackerman dan Lee (1990) yang pernah menyatakan bahawa penyebaran agama ini pada awalnya mempunyai masalah kekurangan ahli agama dan oraganisasi seragam yang kuat.

Terdapat beberapa program yang dilaksanakan pihak PABAM dalam mengekalkan ajaran mazhab Tanah Suci Amitabha dan nilai-nilai utama ajaran Buddha di mana pada setiap peringkat kemajuan PABAM dalam mencapai matlamat-matlamat sampingannya, tidak sekali program-program yang dianjuri dan dihadiri itu terpesong dari mencapai matlamat utama PABAM untuk menyebar nilai-nilai mazhab Tanah Suci Amitabha dan majoriti tema program-program yang dihadiri atau dianjuri adalah bertemakan perbicaraan antara agama justeru ianya dapat memberi impak yang lebih berkesan terhadap pengekalan dan penyebaran imej PABAM kepada serata masyarakat. Dengan kaedah ini, pengkaji tesis berpendapat bahawa PABAM bukan sahaja dapat melangkaui peranannya ke tahap ASEAN sahaja malah dengan perjalinan hubungan bersama negara-negara yang mempunyai hubungan luar dengan organisasi ASEAN seperti Korea Selatan, China, dan India, PABAM mampu melibatkan diri dalam mengatasi krisis dan isu-isu dunia bersama organisasi antarabangsa yang lain seperti Majlis Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu Hak Asasi Manusia (*United Nations Human Rights Council*) sebagai penasihat sampingan.

Bab 5

Sumbangan Dan Peranan PABAM Dalam Pentadbiran Mazhab Tanah Suci

Amitabha Di Malaysia

5.1: Pendahlulan

Sumbangan dan peranan penting yang dimainkan oleh PABAM dalam usaha memantau penyelarasan pentadbiran mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia dapat ditinjau daripada beberapa aspek iaitu memantau aktiviti Majlis persahabatan persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha peringkat kebangsaan, mengurus dan mentadbir Kuala Pilah Kampung Amitabha di Negeri Sembilan, peranan PABAM dalam aspek pendidikan, kebudayaan, kebajikan dan kultivasi iaitu mempraktikkan ajaran Dharma Buddha di dalam melaksanakan aktiviti untuk masyarakat secara lebih terperinci di Malaysia.

5.2: Menganjur Dan Memantau Aktiviti Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan

PABAM memainkan peranan yang sangat penting dalam menganjur dan memantau aktiviti Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan di Malaysia 马来西亚全国净宗学会联谊会. Sehingga tahun 2014, PABAM telah menganjur sebanyak enam kali Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan di Malaysia. PABAM telah menganjur dan memantau aktiviti Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha

Peringkat Kebangsaan di Malaysia antaranya 25-27 November 2000 di Kampung Amitabha Seremban, Negeri Sembilan, 29-31 Disember 2002 di Kampung Amitabha Seremban, Negeri Sembilan, 2-3 Disember 2006 di Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia, Kuala Lumpur, 19-21 November 2008 di Persatuan Agama Buddha Amitabha Perak, 6-7 November 2010 di Persatuan Agama Buddha Amitabha Perak dan 13-14 Oktober 2012 di Chung Hua Cultural Education Center (M) Berhad, Selangor.

Pada 25-27 November 2000, PABAM telah menganjurkan Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan Yang Pertama di Malaysia yang bertempat di Kampung Amitabha Seremban, Negeri Sembilan. Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan Yang Pertama di Malaysia ini adalah diubah daripada Kem Pembelajaran Mazhab Tanah Suci Amitabha Yang Kedua 第二届净宗研习营. Kem Pembelajaran Mazhab Tanah Suci Amitabha Yang Pertama 第一届净宗研习营 pada tarikh 25hb-29hb December 1997 diadakan di Sanbao Wanfosi 三宝万佛寺 yang terletak di Camelon Highlands, Pahang. Matlamat Kem Pembelajaran ini adalah menyampaikan ajaran garis panduan terhadap para penganut mazhab Tanah Suci Amitabha daripada Master Chin Kung yang selaku guru penasihat kepada Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha di Malaysia, mengumpul para pemimpin daripada Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha untuk berbincang tentang penyebaran dan perkembangan pelbagai aktiviti mazhab Tanah

Suci Amitabha dan melatih para guru atau penceramah mazhab Tanah Suci Amitabha yang baru untuk menyebarluaskan ajaran mazhab Tanah Suci Amitabha.[27]

PABAM menganjurkan Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan Yang Kedua di Malaysia yang bertempat di Seremban Kampung Amitabha, Negeri Sembilan pada tarikh 29-31 Disember 2002. Chin Kung telah datang ke Majlis Persahabatan ini dan memberi motivasi kepada para pemimpin Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha di Malaysia agar bersama-sama mengembangkan ajaran pendidikan mazhab Tanah Suci Amitabha kepada para penganut khasnya dan orang ramai umumnya. Manakala Pada 2-3 Disember 2006, PABAM menganjurkan Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan Yang Ketiga di Malaysia yang bertempat di Kuala Lumpur, di Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia. Salah satu matlamat utamanya adalah untuk menggembleng tenaga daripada Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha di Malaysia agar bersama-sama mengembangkan ideologi mazhab Tanah Suci Amitabha.

PABAM bersama dengan Persatuan Agama Buddha Amitabha Perak menganjurkan Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan Yang Keempat di Malaysia yang bertempat di Ipoh, di Persatuan Agama

[27] Catatan dokumen Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan di Malaysia 马来西亚全国净宗学会联谊会 pada tahun 2000. Ia berperanan penting dalam mempereratkan hubungan kerjasama di antara PABAM dengan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha di Malaysia.

Buddha Amitabha Perak pada 19-21 November 2008. Matlamat utamanya adalah untuk membina pandangan yang betul terhadap mazhab Tanah Suci Amitabha dan bersama-sama mengembangkan ideologi mazhab Tanah Suci Amitabha. Pada 6-7 November 2010 pula, PABAM bersama dengan Persatuan Agama Buddha Amitabha Perak menganjurkan Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan Yang Kelima di Malaysia yang bertempat di Ipoh, di Persatuan Agama Buddha Amitabha Perak. Temanya adalah "Rajin Mengamalkan Enam Prinsip Keharmonian, Menyelesaikan Masalah Bencana". Memandangkan fenemena dan masalah bencana yang semakin teruk berlaku di dunia, maka para pemimpin Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha dalam Majlis Persahabatan ini adalah diingatkan supaya rajin mengamalkan Enam Prinsip Keharmonian yang utamanya membina pendapat yang betul dalam mempelajari kitab-kitab agama Buddha dan mempraktikkannya dalam kehidupan seharian di samping berzikir terhadap Buddha Amitabha agar segala fenemena dan masalah bencana yang mengancam nyawa manusia akan dikurangkan,

Secara purata, PABAM menganjur dan memantau aktiviti Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan di Malaysia setiap tiga tahun. Sebagai contoh yang nyata, pada tarikh 13-14 Oktober 2012, PABAM telah menganjurkan Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha

Peringkat Kebangsaan Yang Keenam di Malaysia 马来西亚全国净宗学会联谊会 yang diadakan di Chung Hua Cultural Education Center (M) Berhad yang terletak di Seri Kembangan, Selangor. Matlamat utama Majlis Persahabatan ini adalah mengumpul para pemimpin daripada Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha di Malaysia untuk berbincang tentang penyebaran dan perkembangan pelbagai aktiviti mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia. Selain itu, ia juga bermatlamat mendorong ajaran Buddha, memperkembangkan ikrar besar Buddha Amitabha agar ajaran Dharma Buddha boleh kekal diteruskan, membantu dalam membetulkan kesalahan diri sendiri, membawa perubahan yang positif kepada masyarakat dan negara.

Empat Misi Suci daripada Chin Kung adalah memulihkan agama Buddha sebagai pendidikan Buddha tradisi; memperkembangkan penggunaan Bahasa Cina Klasik secara meluas; mendorong dan menyebarluas konsep kekeluargaan yang terkandung dalam tradisi orang Cina terutamanya kitab *Dizigui;* dan mempromosikan pendidikan multi agama dan budaya. Mengikut Model AGIL iaitu pencapian matlamat (G: Goal Attainment) Empat Misi Suci Chin Kung adalah secara langsung atau tidak langsung disampaikan kepada para pemimpin dalam Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan di Malaysia agar terus menerus mengembangkan mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia. Norma sosial tentang Empat Misi Suci (I: Integration) ini telah wujud lama sebagai persefahaman yang kukuh di

kalangan para pemimpin dalam Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan Pertama di Malaysia sejak tarikh 25-27 November 2000 sehingga kini. Pandangan nilai sosial (L: Latency) adalah terus menerus diadaptasikan (A: Adaptation) dan disesuaikan dengan kehendak para pemimpin dalam Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan mengikut perubahan arus perkembangan semasa agar memberi mutu perkhidmatan pendidikan agama Buddha yang tinggi kepada para penganutnya.

Sebagai contoh, dalam Majlis Persahabatan yang dihujahkan oleh pengkaji sebelumnya, Persatuan Agama Buddha Amitabha Kuching telah mempelajari daripada Persatuan Agama Buddha Amitabha Pulau Pinang dari segi kaedah pembelajaran dan pengajaran pendidikan Dharma Buddha. Selain itu juga, mempelajari daripada Persatuan Agama Buddha Amitabha Petaling Jaya, Shah Alam dari segi kaedah perhiasan tempat beribadat dalam Upacara Doa Mahaguru Zhong Feng Tiga Tempoh sepanjang masa menyebut nama Buddha Amitabha dan berzikir kepada Buddha Amitabha dan seumpamanya.[28]

Mazhab teori fungsionalisme struktural ialah teori yang paling besar peranannya dalam ilmu sosiologi agama di abad sekarang. Tokoh yang pertama kali mencetuskan teori fungsionalisme struktural ialah Talcott Parsons (1902-1979) yang terkenal dengan

[28] Pada tarikh 11 Januari 2015, pengkaji tesis ini telah berwawancara melalui telefon dengan Ketua Pendidikan Dharma Buddha Jong Oi Jen 杨爱燕 daripada Persatuan Agama Buddha Amitabha Kuching.

teori pergerakannya. Pada tahun 1956, Talcott Parsons membangun dan membaharui Teori Fungsionalisme Strukturalnya dan teori yang baru ini juga digelar sebagai Model Pertukaran atau Model AGIL. Model AGIL mempunyai empat faktor utama iaitu A: Adaptation, G: Goal Attainment, I: Integration, dan L: Latency. Pada asasnya, bidang faktor "A" merujuk kepada sumber ekonomi; bidang "G" merujuk kepada politik dan kerajaan; bidang "I" merujuk kepada mengutamakan nilai sosial; dan bidang "L" merujuk kepada mengekalkan nilai sosial.

Teori fungsionalisme struktural mengutamakan kajian terhadap hubungan akitiviti agama dalam organisasi agama dengan kehidupan masyarakat terutamanaya dari segi memuaskan keperluan asas manusia dalam masyarakat kita serta keharmonian dalam spiritual. Pengkaji menggunakan konsep-konsep utama yang terkandung dalam Teori Fungsionalisme Struktural ini dan menafsirkannya dengan ciri-ciri penerangan baru dalam mengkaji sistem organisasi Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia (PABAM) yang mempunyai sifat perubahan, pergerakan, penyesuaian dan perkembangan yang nyata dalam organisasinya.

5.3: Perkembangan Program Pendidikan Pengenalan Agama Buddha Peringkat Kebangsaan Melalui Program Latihan Khidmat Negara Di Bawah Kementerian Pertahanan Negara Malaysia

PABAM telah dijemput oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara di bawah Kementerian Pertahanan Negara Malaysia agar menghantar kursus kerohanian agama universal untuk Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) di bawah Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), Kementerian Pertahanan Negara Malaysia pada April, 2005. Selepas kursus Pengenalan Kepada Agama Buddha 《认识佛教》 diluluskan oleh JLKN, para guru PABAM di seluruh Malaysia telah mula mengajar di kem-kem di bawah Program Latihan Khidmat Negara yang terletak di seluruh pelusuk Malaysia pada Jun, 2005.

Pada bulan Januari hingga September 2006, para guru PABAM telah mengajar di kem-kem di bawah Program Latihan Khidmat Negara di seluruh pelusuk Malaysia dan mendapat sambutan yang menggalakkan. Atas permintaan Persatuan Belia Agama Buddha Malaysia atau Youth Buddhist Association of Malaysia (YBAM), PABAM telah bersetujui mengagihkan dan membahagikan tugas pengajaran kepada YBAM iaitu PABAM mengajar di hari Khamis dan YBAM mengajar di kem-kem yang terletak di seluruh pelusuk Malaysia. Sejak tahun 2005 hingga 2014, JLKN mengadakan tiga kumpulan latihan untuk para pelatih di bawah Program Latihan Khidmat Negara.

Bertarikh 25-26hb November 2006, PABAM telah menganjurkan Bengkel Kerja Program Latihan Khidmat Negara Yang Pertama peringkat Kebangsaan dengan tema Khidmat Negara, Tanggungjawap Setiap Insan. Sejumlah 110 orang para wakil negeri dan para guru telah menghadiri bengkel kerja tersebut. Majlis pembukaan bengkel kerja

telah dirasmikan oleh Lee Soon Hoe selaku pegawai kanan JLKN yang mewakili Lee Lam Thai selaku Presiden Ahli-Ahli Jawatankuasa JLKN pada masa tersebut. Lee Soon Hoe telah memotivasikan para wakil negeri dan para guru tersebut agar terus memikul misi dan visi yang berat agar menerusi penyampaian ajaran Pendidikan Dharma Buddha yang sempurna kepada para pelatih agar mereka dapat memberi perkhidmatan yang cemerlang dan berbakti kepada Negara pada masa hadapan. (Buku Bengkel wakil negeri dan guru peringkat kebangsaan keempat untuk Program Latihan Khidmat Negara, 2011: 2) Pada Januari 2007, PABAM telah mengadakan program latihan dalaman yang intensif untuk kursus Pengenalan Kepada Agama Buddha kepada paru guru. Sehingga September 2007, para guru PABAM mengajar di kem-kem di bawah Program Latihan Khidmat Negara di seluruh pelusuk Malaysia dan mendapat sambutan yang semakin baik. di Kuala Lumpur. Matlamat kursus ini adalah untuk memperkukuh kursus Pengenalan Kepada Agama Buddha secara lebih mendalam.

PABAM telah mengadakan program latihan intensif kepada guru untuk kursus Pengenalan Kepada Agama Buddha kepada paru guru di Kuala Pilah Kampung Amitabha di Negeri Sembilan, Malaysia pada 9-11 March 2007. Objektif kursus ini adalah melatih para guru baru agar membina pandangan yang tepat dan mempunyai visi yang betul terhadap pendidikan agama Buddha. Manakala PABAM telah mengadakan program latihan guru benih yang intensif untuk kursus Pengenalan Kepada Agama Buddha kepada

paru guru di Biara PersatuanAmitabha Perak yang terletak di Ipoh, Perak pada 8-10 Jun 2007. Objektif kursus ini adalah untuk menyebarluaskan pendidikan agama Buddha secara menyeluruh kepada para guru baru. Selepas itu, PABAM telah mengadakan program latihan guru benih yang intensif untuk kursus Pengenalan Kepada Agama Buddha kepada para guru di Biara PersatuanAmitabha Johor Bahru yang terletak di Johor Bahru, pada 24-26 Ogos 2007. Objektif kursus ini adalah untuk menyebarluaskan pendidikan agama Buddha dan memberi peluang kepada setiap orang yang mempelajari pendidikan agama Buddha dan mempunyai peluang yang sama menjadi Buddha melalui kultivasi yang tepat, padat dan praktikal. Manakala pada 23-25 November 2007, PABAM telah mengadakan program latihan guru benih yang intensif untuk kursus Pengenalan Kepada Agama Buddha kepada paru guru di Biara PersatuanAmitabha Kuching yang terletak di Kuching, Sarawak. Objektif kursus ini adalah untuk menyebarluaskan pendidikan agama Buddha dan pendidkan Tanah Suci Amitabha kepada para guru baru.

Selepas program latihan intensif untuk kursus Pengenalan Kepada Agama Buddha dilakukan, para guru PABAM mula mengajar di kem-kem di bawah Program Latihan Khidmat Negara di seluruh pelusuk Malaysia pada Januari hingga September, 2008. Pada November 2008 pula PABAM telah menganjurkan Bengkel Kerja Program Latihan Khidmat Negara Tahun 2008 Yang Kedua Peringkat Kebangsaan 第二届全国国民服務工作坊 dengan tema adalah Belajar Menjadi Guru Insan, Tingkah Laku Menjadi Contoh

Teladan Orang Ramai 学为人师，行为世范. Sejumlah 120 orang para wakil negeri dan para guru telah menghadiri bengkel kerja tersebut. Majlis perasmian bengkel tersebut oleh Daniel Yap En Juan selaku pegawai kanan JLKN yang mewakili Ketua Pengarah JLKN pada masa tersebut. Dalam majlis pembukaan tadi, Daniel Yap En Juan telah memotivasikan para wakil negeri dan para guru tersebut agar terus berusaha secara gigih dalam memberi ajaran Buddha yang sempurna. Ini disebabkan ajaran Buddha yang sempurna memainkan peranan penting sebagai garis panduan hidup yang positif dan sempurna kepada para pelatih agar mereka dapat memberi perkhidmatan dan sumbangan yang cemerlang kepada negara pada masa hadapan.

Manakala pada 10-12 Disember 2011 pula PABAM telah menganjurkan Bengkel Kerja Program Latihan Khidmat Negara Tahun 2011 Yang Ketiga Peringkat Kebangsaan 第三届全国国民服務工作坊. Dengan tema Khidmat Negara, Kebajikan Rakyat, sejumlah 130 orang para wakil negeri dan para guru telah menghadiri bengkel kerja tersebut dan telah dirasmikan oleh Daniel Yap En Juan selaku pegawai kanan JLKN yang mewakili Ketua Pengarah JLKN pada masa itu. Daniel Yap En Juan sekali lagi telah memotivasikan para wakil negeri dan para guru tersebut agar terus berusaha secara gigih dalam memberi ajaran Buddha yang sempurna. (Buku Bengkel wakil negeri dan guru peringkat kebangsaan keempat untuk Program Latihan Khidmat Negara, 2011: 2-3) Sejak tahun 2005 hingga 2014, dapat dilihat PABAM berbakti kepada negara menerusi

tanggunjawab sosialnya dengan menghantar para penceramah agama Buddha Amitabha untuk mengajar di kem-kem di bawah Program Latihan Khidmat Negara yang terletak di seluruh pelusuk negara. Pada tarikh 6-7hb Disember 2014, PABAM telah menganjurkan Bengkel Wakil Negeri dan Guru Peringkat Kebangsaan Keempat Untuk Program Latihan Khidmat Negara 第四屆马來西亞国民服務州代表及老师工作坊 dengan tema Khidmat Negara, Persefahaman Rakyat. Antara matlamat adalah untuk mempertingkatkan kekuatan dalaman dan spiritual dalam konteks khidmat negara agar dapat mempertahankan kebahagiaan keluarga dan kemakmuran negara di samping memberi kebajikan kepada rakyat jelata, menyampaikan ideologi pengajaran dan pembelajaran agama Buddha secara tulen dan tepat, memperkongsikan pengalaman dalam konteks pengajaran dan pembelajaran agama Buddha, mengkhususkan rancangan dan menentukan sasaran secara konkrit ke atas pengajaran dan pembelajaran agama Buddha untuk perkembangan kelak, mendidik dan membentuk generasi muda yang berbudi, berakhlak dan beriman agar mereka bakal memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara pada masa kelak.

Justeru itu, dengan semangat teguh dan usaha gigih oleh para wakil negeri dan guru di bawah bimbingan dan pimpinan PABAM telah menunjukkan prestasi yang baik secara berterusan dalam pengajaran agama Buddha di kira-kira 80 buah kem yang terletak di seluruh pelusuk Malaysia. Antara daya penggerak asal wakil negeri dan guru adalah

berkultivasi, bertujuan untuk memulihkan sifat kebuddhaan melalui penyampaian pendidikan agama Buddha kepada umat manusia agar lebih beriman dan berakhlak. Sehubungan dengan itu, di atas kerjasama dan usaha daripada pelbagai pihak, Program Kursus Kerohanian Agama Universal telah diluluskan oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) dan dijadikan sebagai salah satu kursus teras yang penting dalam Program Latihan Khidmat Negara, selain Modul Kenegaraan, Modul Fizikal, Modul Khidmat Komuniti dan Modul Pembinaan Karakter.

Sepanjang 10 tahun perlaksanaan Program Kursus Kerohanian Agama Buddha, terdapat lima aspek-aspek yang menunjukkan hasil pencapaian program tersebut iaitu para pelatih telah mengenali pendidikan agama Buddha dan ajaran pendeta, misi dan visi dapat diterapkan dalam kehidupan; para pelatih lebih memahami konsep kebaikan dan kejahatan, mengetahui prinsip sebab dan akibat; para pelatih mengenali Buddha Amitabha dan Tanah Suci Barat Buddha Amitabha; bilangan guru semakin bertambah disebabkan kualiti hidup mereka bertambah baik dan menikmati manfaat selepas mengaplikasi ajaran Buddha; serta saling membantu dan berkerjasama serta mengeratkan hubungan antara satu sama lain di samping menumpukan seluruh perhatian dalam mengajar pendidikan agama Buddha dan ajaran pendeta supaya matlamat yang sama dapat direalisasikan.

Bengkel Wakil Negeri Dan Guru Peringkat Kebangsaan Keempat Untuk PLKN

kali ini adalah bertemakan Khidmat Negera, Persefahaman Rakyat. Matlamatnya untuk mempertingkatkan kekuatan dalaman dan spiritual dalam konteks khidmat negara agar dapat mempertahankan kebahagiaan keluarga dan kemakmuran negara di samping memberi kebajikan kepada rakyat jelata. Kejayaan pelaksanaan Program Kursus Kerohanian Agama Universal adalah bergantung kepada beberapa faktor penting iaitu kekuatan dalaman dan spiritual daripada pihak peminpin kerajaan, pihak pentadbir yang berkenaan, pemimpin persatuan dan agama, guru agama, imam, pelindung agama dan penganut. Jika faktor-faktor penting tadi mempunyai kekuatan dalaman dan spiritual yang tinggi, maka akan dapat memberi impak positif yang besar terhadap pengajaran kursus kerohanian agama universal secara amnya, pendidikan agama Buddha khususnya di samping kelancaran perkembangan dan pertumbuhan organisasi-organisai agama yang baik dan lancar.

Antara persoalan yang dibincangkan dalam Bengkel Wakil Negeri Dan Guru Peringkat Kebangsaan Keempat Untuk PLKN adalah merangkumi prinsip utama yang perlu dipatuhi oleh wakil negeri dan guru berdasarkan buku panduan pengajaran yang digariskan oleh PABAM; mengikhtiar saluran terbaik untuk penghebahan buku dan media elektronik ajaran Buddha; memperkenalkan ajaran Buddha dengan cara yang efektif dan menitikberat keperluan pelatih yang datang daripada latar belakang yang berlainan; melatih dan memberi bantuan kepada para guru; sasaran 10 tahun ke depan

untuk Program Kursus Kerohanian Agama Buddha yang dijalankan oleh PABAM; serta mencari bakal pengganti guru di kalangan pelatih lepasan. Di sini memperlihatkan pentingnya penerapan kekuatan dalaman dan spiritual yang terkandung dalam ajaran Buddha di dalam hidup supaya dapat menjadi pemangkin kejayaan PLKN disamping dapat memulih kekuatan dalaman dan spiritual pelatih supaya tabah menerima segala cabaran dan dugaan hidup.

Sebagaimana yang diketahui, pendidikan agama mempunyai sifat universal iaitu berupaya memperkukuhkan tahap moral dan kemanusiaan masyarakat serta memberi impak positif kepada generasi yang akan datang. Oleh yang sedemikian, penganut sanggup memikul beban untuk meneruskan usaha ini, bagi memperluaskan pengajaran pendidikan agama Buddha. Pendidikan Buddha merangkumi unsur agama, falsafah, kemanusiaan, moralisasi, etika, keimanan di samping pendidikan berprinsip. Melalui pendidikan ini, ianya boleh mengubah hidup yang penuh derita kepada bahagia, yang jahat kepada baik dengan kebenaran hidup dan universal. (Buku Bengkel wakil negeri dan guru peringkat kebangsaan keempat untuk Program Latihan Khidmat Negara, 2014: 16-18)

5.4: Menguruskan Dan Mentadbir Kampung Amitabha Seremban Di Negeri Sembilan, Malaysia

PABAM menguruskan dan mentadbir Kampung Amitabha Seremban di Negeri Sembilan, Malaysia 马来西亚森美兰芙蓉弥陀村. Asal usul Kampung Amitabha di Negeri Sembilan adalah pada tahun 1996, apabila penderma utama PABAM iaitu Yang Jeng 杨镇 telah menderma sebidang tanah sebesar sepuluh ekar yang terletak di Lot. 2236, Kebun Durian, Jalan Kuala Pilah, Bt, 6 1/2, Seremban, Negeri Sembilan kepada PABAM untuk membina Kampung Amitabha. Objektif utama Kampung Amitabha Seremban adalah sebagai tempat sembahyang utama mazhab Tanah Suci Amitabha dan pusat pendidikan utama yang menganjurkan pelbagai aktiviti untuk PABAM dan PPABA.

Pada 29-31 Disember 2002, PABAM menganjurkan Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan Yang Kedua di Malaysia yang bertempat di Kampung Amitabha Seremban, Negeri Sembilan. Pada masa itu, Chin Kung telah datang ke Majlis Persahabatan ini untuk memberi ajaran pendidikan Dharma Buddha kepada para pemimpin Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha di Malaysia agar bersama-sama mempelajari ajaran pendidikan mazhab Tanah Suci Amitabha demi kebaikan dan keharmonian kepada para penganut khasnya dan orang ramai umumnya.[29]

Sejak tahun 2013 hingga 2014, penggunaan Bangunan Baru Kampung Amitabha

[29] Mengikut catatan Minit Mesyuarat Agung PABAM pada tahun 2014, Chin Kung adalah sangat jarang hadir Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan di Malaysia, pada 29-31 Disember 2002, adalah kali pertama kehadirannya.

Seremban adalah sebagai tempat sembahyang utama mazhab Tanah Suci Amitabha dan pusat pendidikan utama yang menganjurkan pelbagai aktiviti untuk PABAM dan PPABA. Perbelanjaan untuk membina dan memperbaharui Bangunan Baru Kampung Amitabha Seremban adalah sebanyak RM 4.5 juta.[30]

Mengikut kajian dan pemerhatian pengkaji, matlamat utama Bangunan Baru Kampung Amitabha Seremban yang digunakan sebagai pusat pendidikan utama PABAM adalah untuk merealisasikan Empat Misi Suci daripada Chin Kung terutamanya memulihkan agama Buddha sebagai pendidikan Buddha tradisi; memperkembangkan penggunaan Bahasa Cina Klasik secara meluas; mendorong dan menyebarluaskan konsep kekeluargaan yang terkandung dalam tradisi orang Cina terutamanya kitab *Dizigui;* serta mempromosi dan memperkembangkan pendidikan multi agama dan budaya.

5.5: Struktur Organisasi Dan Mekanisme Pengoperasian PABAM

Analisis mengenai struktur organisasi dan mekanisme pengoperasian PABAM adalah di PABAM, Majlis Ahli-Ahli Exco menguruskan segala hal-hal pentadbiran, pengurusan, pengawalan dan membuat polisi yang bermanfaat dan muktamad kepada persatuan ini. Majlis Ahli-Ahli Exco PABAM juga berkuasa dalam memilih Bhiksu dan Bhikkhuni yang sesuai daripada golongan Bhiksu dan Bhikkhuni 出家僧团 yang mempunyai

[30] Ucapan daripada Ng Weng Seng, Presiden PABAM dalam Mesyuarat Agung PABAM di Kuala Lumpur pada tarikh 11hb Mei 2014.

ideologi mazhab Tanah Suci Amitabha yang selaras dengan matlamat penubuhannya untuk memberi ajaran Dharma Buddha yang berteraskan kepada ajaran mazhab Tanah Suci Amitabha. Manakala dari struktur organisasi, jawatan-jawatan Majlis Ahli-Ahli dapat dijelaskan pula melalui kedudukan Presiden; Timbalan Presiden; Setiausaha Agung; Penolong Setiausaha Agung; Bendahari, Ketua Dharma; Penolong Ketua Dharma dan ahli-ahli exco tanpa portfolio. Manakala Majlis Ahli-Ahli Exco PABAM memikul tanggungjawab bersama dalam menguruskan segala hal-hal pentadbiran, pengurusan dan pengawalan. Terhadap bahagian-bahagian seperti Bahagian Pendidikan 教育组 yang membekalkan dan menganjurkan kursus-kursus pendidikan agama Buddha yang sesuai dengan keperluan kanak-kanak, remaja dan orang dewasa, Program Latihan Khidmat Negara yang melantik para penceramah agama Buddha yang sesuai dan berkelayakan untuk mengajar Kursus Kerohanian Agama Universal di kem-kem di bawah Program Latihan Khidmat Negara, Intrepretasi kapada bacaan dialek Kantonis 粤语配音 yang menterjemah Bahasa Mandarin kepada dialek Kantonis untuk DVD dan seumpamanya agar sesuai dengan pemahaman golongan para penganut yang biasa dengan dialek Kantonis, terutamanya di tempat Kuala Lumpur dan Ipoh, Perak yang Bahasa Komunikasi biasanya menggunakan dialek Kantonis, laman web yang membekalkan maklumat perkembangan mazhab Tanah Suci Amitabha, pelbagai aktiviti dan kursus-kursus yang dikendalikan oleh PABAM, perkeranian yang menulis surat-menyurat,

menyimpan butir-butir, fail-fail dan catatan PABAM dan seumpamanya, perpustakaan yang mencatat, menyusun, menyimpan dan mengemaskinikan buku-buku pendidikan agama Buddha dan seumpamanya dengan kemas, pengedaran barangan dharma Buddha yang mengedarkan barangan Dharma Buddha kepada Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha yang berada di Malaysia atau di luar negara seperti China dan sebagainya, alat muzik agama Buddha dan Kultivasi bersama yang melatih para penganut yang berbakat dalam alat muzik agama Buddha dan juga bertanggungjawab dalam Kultivasi bersama iaitu upacara menyebut nama Buddha Amitabha dan berzikir kepada Buddha Amitabha, makanan yang menyediakan minuman dan makanan kepada para staf dan para penganut yang datang makan di kanteen PABAM, kebersihan yang bertanggungjawab dalam kebersihan bangunan PABAM sama ada dalaman atau luaran, penjagaan dan penyelenggaraan biara yang bertanggungjawab untuk menjaga dan menyelenggara PABAM, perhubungan awam yang bertanggungjawab untuk melayan dan membimbing para penganut PABAM yang datang ke PABAM, bendahari yang menguruskan dermaan kewangan yang datang daripada sumbangan para pelindung Dharma Buddha, ahli-ahli atau para penganut PABAM dan orang ramai serta sumber foto yang bertanggungjawab mengambil foto dalam pelbagai akitiviti yang dianjurkan dan dikendalikan oleh PABAM serta menyimpankannya dengan baik.

Carta Organisasi Pentadbiran PABAM



Carta Organisasi Pentadbiran PABAM

Sumber: 7hb Ogos 2014

Program aktiviti tahunan PABAM dapat dianalisis seperti jadual 5.1 di bawah:

Jadual 5.1: Aktiviti Sepanjang Tahun Dari Januari Sehingga Jun2014

Sunday (Aktiviti kultivasi) Masa: 8:00am-5:00pm Tempat: Tingkat 5, Dewan Buddha Amitabha						
Bulan	**Tarikh Pujaan Kepada Buddha**	**Tarikh Kultivasi (Aktiviti Kumpulan)**	**Nama Program**		**Tarikh**	**Nama Program**
Januari	*4hb*	*18hb*	Sehari Berkultivasi dan Berzikir Buddha		*11, 25hb*	Sehari Pembacaan Kitab
Februari	*1hb*	-	Sehari Berkultivasi dan Berzikir Buddha		*8hb*	Sehari Pembacaan Kitab
Mac	*1hb*	-	Sehari Berkultivasi dan Berzikir Buddha		*8, 29hb*	Sehari Pembacaan Kitab
April	*5hb*	*19hb*	Sehari Berkultivasi dan Berzikir Buddha		*12, 26hb*	Sehari Pembacaan Kitab

Mei	*3hb*	*17hb*	Sehari Berkultivasi dan Berzikir Buddha		*10, 24, 31hb*	Sehari Pembacaan Kitab
Jun	*7hb*	*21hb*	Sehari Berkultivasi dan Berzikir Buddha		*14, 28hb*	Sehari Pembacaan Kitab

Cuti (Aktiviti kultivasi) Masa: 8:00am-5:00pm Tempat: Tingkat 5, Dewan Buddha Amitabha			
Nama Program	**Bulan**	**Tarikh**	
Selangkah Berzikir Kepada Tuhan (Berkumpul)	Januari	*4hb* (Hari Jadi Buddha Amitabha)	Ahad
	April	*5hb* (Hari Jadi Bothisattva Guanyin) (Perayaan ‘Qing Ming’)	Ahad
	Mei	*3hb* (Hari Wesak)	Ahad

Cuti (Aktiviti kultivasi) Masa: 8:00am-4:00pm Tempat: Tingkat 5, Dewan Buddha Amitabha			
Nama Program	**Bulan**	**Tarikh**	
Satu Hari Berkultivasi Kepada Buddha	Januari	*1hb* (Tahun Baru)	Khamis
	Januari	*3hb* (Maulidur Rasul)	Sabtu
	Februari	*1hb* (Cuti Wilayah)	Ahad

	Februari	*3hb* (Thaipusam)	Selasa
	Mei	*1hb* (Hari Buruh)	Jumaat
	Jun	*6hb* (Yang Dipertuan Agong)	Sabtu
Lain-Lain Aktiviti			
Nama Program	**Bulan**	**Tarikh**	
108 Buah Kitab Hayat infiniti	Mac	*12hb-29hb*	
Majlis Perhimpunan Besar Ahli-Ahli	Mei	*10hb*	
8 Precepts (Upacara Kultivasi)	Mei	*16hb*	
Nama Program	Bulan	*Tarikh*	
Kg. Amitabha Seremban (Dua Hari Berkultivasi)	Setiap satu bulan pada minggu ke-empat (sabtu dan ahad) (untuk ambil bahagian, sila daftar dengan persatuan)		
Tujuh Hari Berkultivasi Kepada Buddha	April	*11hb-18hb*	

(Kitab Tanah Suci Amitabha)	Penceramah: Setiap minggu ke-dua dan minggu ke-empat, hari sabtu (Masa: 3:30pm-5.30pm)	
(Kelas Ibubapa) Setiap Ahad Masa:	Kitab Biaofan (Empat ajaran) 9:00am-10:30am	Kitab Dizigui 11:00am-12.30pm
	Kitab Tai Shang Kanying Bian 1.00pm-2.30pm	Kitab Dizigui 1.00pm-2.30pm
	Kitab Dizigui 3.00pm-4.30pm	Kitab Pengenalan Kepada Agama Buddha 3.00pm-4.30pm

- **(Waktu Pejabat)**

(Isnin hingga Sabtu – 10:00am-6.00pm), (Ahad – 9.00am-6.00pm)

- **(Cuti Tahun Baru Cina)**

16/2/2015 (Isnin) – 23/2/2015 (Isnin)

2014 Aktiviti Sepanjang Tahun Dari Julai Sehingga Disember

Sunday (Aktiviti kultivasi) Masa: 8:00am-5:00pm Tempat: Tingkat 5, Dewan Buddha Amitabha						
Bulan	**Tarikh Pujaan Kepada Buddha**	**Tarikh Kultivasi (Aktiviti Kumpulan)**	**Nama Program**		**Tarikh**	**Nama Program**
Julai	*5hb*	-	Sehari Berkultivasi dan Berzikir Buddha		*12, 19, 26hb*	Satu Hari Pembacaan Kitab
Ogos	*2hb*	*16hb*	Sehari Berkultivasi dan Berzikir Buddha		*9, 23hb*	Satu Hari Pembacaan Kitab

September	*6hb*	*20hb*	Sehari Berkultivasi dan Berzikir Buddha		*13, 27hb*	Satu Hari Pembacaan Kitab
Oktober	*4hb*	*18hb*	Sehari Berkultivasi dan Berzikir Buddha		*11, 25hb*	Satu Hari Pembacaan Kitab
November	*1hb*	-	Sehari Berkultivasi dan Berzikir Buddha		*8, 15, 22, 29hb*	Satu Hari Pembacaan Kitab
Disember	*6hb*	*20hb*	Sehari Berkultivasi dan Berzikir Buddha		*13, 27hb*	Satu Hari Pembacaan Kitab

Cuti (Aktiviti kultivasi) Masa: 8:00am-5:00pm Tempat: Tingkat 5, Dewan Buddha Amitabha			
Nama Program	**Bulan**	**Tarikh**	
Sehari Berkultivasi dan Berzikir Buddha	Ogos	*30hb* (Hari Jadi Bothisattva Tashichi) (Hari Pujaaan Chong Yuan)	Ahad
	Ogos	*31hb* (Hari Merdeka)	Isnin
	Disember	*20hb* (Pujaan Tongzhi)	Ahad
	Disember	*27hb* (Hari Jadi Buddha Amitabha)	Ahad
Cuti (Aktiviti kultivasi) Masa: 8:00am-4:00pm Tempat: Tingkat 5, Dewan Buddha Amitabha			

Nama Program	**Bulan**	**Tarikh**	
Sehari Berkultivasi dan Berzikir Buddha	Julai	*17hb* (Hari Raya Puasa)	Jumaat
	September	*16hb* (Hari Malaysia)	Rabu
	September	*24hb* (Hari Raya Haji)	Khamis
	Oktober	*14hb* (Awal Muharram)	Rabu
	November	*10hb* (Deepavali)	Rabu
	Disember	*24hb* (Maulidur Rasul)	Khamis
	Disember	*25hb* (Christmas)	Jumaat
Lain-Lain Aktiviti			
Nama Program	**Bulan**	**Tarikh**	
108 Buah Kitab Hayat infiniti	Julai	*9hb-26hb*	
8 Precepts (Upacara Kultivasi)	Oktober	*17hb*	

108 Buah Kitab Hayat infiniti	November	*12hh-29hb*
Nama Program	**Bulan**	**Tarikh**
Kg. Amitabha Seremban (Dua Hari Berkultivasi)	Setiap satu bulan pada minggu ke-empat (sabtu dan ahad) (untuk ambil bahagian, sila daftar dengan persatuan)	
Tujuh Hari Berkultivasi Kepada Buddha	September	*19hb-26hb*
	Disember	*19hb-26hb*
(Kitab Tanah Suci Amitabha)	Penceramah: Setiap minggu ke-dua dan minggu ke-empat, hari sabtu (Masa: 3:30pm-5.30pm)	
(Kelas Ibubapa) Setiap Ahad Masa:	Kitab Biaofan (Empat ajaran) 9:00am-10:30am	Kitab Dizigui 11:00am-12.30pm
	Kitab Tai Shang Kanying Bian	Kitab Dizigui

	1.00pm-2.30pm	1.00pm-2.30pm
	Kitab Dizigui 3.00pm-4.30pm	Kitab Pengenalan Kepada Agama Buddha 3.00pm-4.30pm

- **(Pagi Dan Petang Pembacaan Kitab)**

(Selasa hingga Sabtu Pagi – 8:00am-9.50am)

(Selasa hingga Jumaat Petang –2:30pm-4.15pm)

- **(Masa Berkultivasi dan Berzikir Buddha)**

(Selasa hingga Jumaat Pagi – 10:30am-2.00pm)

(Selasa hingga Sabtu Petang – 10:30am-3.15pm)

Sumber: 14hb Disember 2014 daripada PABAM

Para penganut PABAM dapat memilih aktiviti yang sesuai dengan kultivasinya melalui Jangkaan Jadual Aktiviti Sepanjang Tahun 2015 Dari Januari Sehingga Disember seperti yang dinyatakan di atas.. Sumber maklumat ini adalah daripada PABAM pada tarikh 14hb Disember 2014.

5.6: Anggota-Anggota Majlis Ahli-Ahli Exco Dan Konstitusi PABAM

Anggota-anggota Majlis Ahli-Ahli Exco 理事会 PABAM Kali Kelapan (2014-2016) adalah seramai sembilan orang [31] iaitu Ng Weng Seng, Presiden Hong Fu Sheng dan Leong Ren Cheng, Timbalan Presiden, Song Poh Lan, Setiausaha Agung, Poey Tiang

[31] Catatan Minit Mesyuarat Agung PABAM pada tahun 2014, membekalkan maklumat yang lebih lengkap tentang anggota-anggota Exco PABAM.

Peow, Penolong Setiausaha Agung, Tan Chui Fen, Bendahari, Goh Yue Li, Penolong Bendahari, Gan Yeap Xin, Ketua Dharma dan Siew Kam Chuen, Penolong Ketua Dharma.

Ng Weng Seng ialah bekas seorang jurujual Singer (M) Sdn Bhd, sekarang sudah bersara. Hong Fu Sheng ialah seorang pengarah eksekutif di Mah Sing Plastik Berhad, Port Klang, Leong Ren Cheng ialah bekas seorang ahli teknikal di bidang kejuruteraan dan sudah bersara, Song Poh Lan ialah seorang ketua di Bahagian Inggeris di Chung Hua Cultural Education Center (M) Berhad, Selangor, Poey Tiang Peow ialah seorang pensyarah Mandarin di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Selangor, Tan Chui Fen ialah seorang bekas pengurus di Popular Bookshop (M) Sdn Bhd dan sudah bersara, Goh Yue Li ialah seorang ahli akaun, Gan Yeap Xin ialah seorang ahli teknikal paip plastik dan Encik Siew Kam Chuen ialah seorang jurulukis untuk sektor pembinaan. Anggota-anggota Majlis Ahli-Ahli Exco ini menggunakan kepakaran masing-masing menerusi semangat bekerjasama sepasukan dan mengamalkan prinsip keharmonian untuk memberi perkhidmatan kepada PABAM khasnya dan masyarakat umumnya.

Bagi konstitusi PABAM beberapa dihuraikan terutamanya berkaitan dengan objektif, pendapatan dan perbelanjaan tahunan. Matlamat penubuhan PABAM yang tercatat dalam konstitusi PABAM adalah menggunakan Empat Misi Suci Chin Kung sebagai panduan asas iaitu mengamal dan melaksanakan ajaran-ajaran Buddha

Sakyamuni dan Buddha Amitabha, mendidik dan mengamalkan nilai-nilai murni di kalangan ahli, mengamalkan prinsip-prinsip kehidupan berlandaskan ajaran Buddha Sakyamuni dan Buddha Amitabha serta mewujudkan perasaan saling bekerjasama, erat, muhibah, dan menjaga kebajikan ahli. (Konstitusi Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia, 2000) Pengkaji berpendapat bahawa penyebaran dan perkembangan PABAM adalah berkaitrapat dengan matlamat penubuhan PABAM terutamanya adalah untuk merealisasikan Empat Misi Suci Chin Kung yang sudah dibincangkan secara terperinci dalam bab pertama sebelum ini. Bagi aspek pendapatan dan perbelanjaan tahunan PABAM pula adalah seperti Jadual 5.2 di bawah:

Jadual 5.2: Pendapatan dan Perbelanjaan Tahunan PABAM

Tahun	Jumlah Pendapatan (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Keuntungan / Kerugian(RM)
2014	2,062,488.83	1,270,346.71	792,142.12
2013	2,104,602.24	1,190,272.87	914,329.37
2012	4,282,806.25	1,705,396.13	2,577,410.12
2011	2,283,329.13	2,331,765.79	(48,436.66)

Sumber: Laporan Tahunan Kewangan PABAM (2011-2014)

Pada tahun 2011, pendapatan tahunan PABAM ialah sebanyak RM 2,283,329.13,

perbelanjaan tahunan PABAM ialah RM 2, 331,765.79, iaitu berlaku pengurangan sebanyak RM 48,436.66. Sumber Pendapatan Tahunan RM 2,283,329.13 adalah terdiri daripada wang derma untuk kegunaan umum iaitu RM 563,982.80, wang derma untuk kegunaan pembuatan atau percetakan barangan Dharma seperti kitab-kitab, buku-buku, DVD dan seumpamanya ialah RM 1,628,585,59, wang derma daripada Chin Kung ialah RM 57,561.80 dan Faedah Bunga daripada Wang Deposit Tetap iaitu RM 33,198.94.

Pada tahun 2012, pendapatan tahunan PABAM ialah sebanyak RM 4,282,806.25. Perbelanjaan tahunan PABAM ialah RM 1,705,396.13, iaitu lebihan pendapatan sebanyak RM 2,577,410.12. Sumber pendapatan tahunan RM 4,282,806.25 adalah terdiri daripada wang derma untuk kegunaan umum iaitu RM 2,831,046.54, wang derma untuk kegunaan pembuatan atau percetakan barangan Dharma seperti kitab-kitab, buku-buku, DVD dan seumpamanya ialah RM 1,164,783.50, wang derma untuk kegunaan pembuatan patung Buddha ialah RM 252,375.50 dan faedah bunga daripada wang deposit tetap iaitu RM 34,600.71. Pendapatan tahunan untuk PABAM selalunya adalah lebih kurang RM 2 juta pada tahun 2012 meningkat hingga RM 4,282,806.25. Sebab utama ialah pembuatan patung Buddha yang baru di PABAM dan Kampung Amiatabha Seremban. [32] Mengikut prinsip pengurusan kewangan PABAM, salah satu wang derma untuk kegunaan

[32] Pada tarikh 19 March 2014, pengkaji tesis ini telah bertemual bual dengan Tan Yue Lian 陈月莲 yang selaku Eksekutif Pentadbiran Bahagian Perhubungan Awam di PABAM.

umum adalah boleh digunakan untuk pembuatan Patung atau Statue Buddha.

Pada tahun 2013, Pendapatan Tahunan PABAM ialah RM 2,104,602.24. Perbelanjaan tahunan PABAM ialah RM 1,190,272.87, dan lebihan pendapatan ialah RM 914,329.37. Sumber pendapatan tahunan RM 2,104,602.24 terdiri daripada wang derma untuk kegunaan umum iaitu RM 867,185.13, wang derma untuk kegunaan pembuatan atau percetakan barangan Dharma seperti kitab-kitab, buku-buku, DVD dan seumpamanya ialah RM 1,210,251.67 dan faedah bunga daripada wang deposit tetap iaitu RM 27,165.44.

Pada tahun 2014, Pendapatan Tahunan PABAM ialah RM 2,062,488.83. Perbelanjaan Tahunan PABAM ialah RM 1,270,346.71, dan lebihan pendapatan ialah RM 792,142.12. Sumber pendapatan tahunan RM 2,062,488.83 adalah terdiri daripada wang derma untuk kegunaan umum iaitu RM 1,294,769.88 dan wang derma untuk kegunaan pembuatan atau percetakan barangan Dharma seperti kitab-kitab, buku-buku, DVD dan seumpamanya ialah RM 767,718.95.

Wang derma untuk kegunaan umum digunakan sebagai memperbaiki rumah berhala PABAM, memberi makanan kepada orang ramai secara percuma di kantin, gaji untuk para staf PABAM, pembuatan Patung Buddha dan seumpamanya. Wang derma untuk kegunaan pembuatan statue Buddha adalah paling disukai oleh para penganut PABAM kerana mengikut kepercayaan para penganut agama Buddha, mereka boleh

mendapat pahala besar daripada dermaannya.[33] Dalam pendidikan agama Buddha, statue Buddha adalah sebagai alat dan seni pendidikan yang berkesan, contohnya apabila kita melihat berhala Bodhisattva Guan Yin, akan memperingatkan kasih sayang dan murah hati daripada Bodhisattva Guan Yin yang sentiasa mahu menyelamatkan umat manusia yang menghadapi pelbagai penderitaan.

5.7: Kesimpulan

Dalam menganalisa bab ini, pengkaji telah merumuskannya dengan memberi tumpuan kepada kaedah pentadbiran PABAM dalam menguruskan aktiviti-aktiviti tahunan organisasi mereka dan bagaimana kecekapan proses desentralisasi yang dijalankan PABAM selama lebih kurang 20 tahun beroperasi di Malaysia. Kaedah analisis dalam bab ini akan ditumpukan dengan penggunaan Teori Fungsionalisme, khususnya model Parsons sistem sosial – paradigma AGIL (*Adaptation, Goal Attainment, Latency, Integration*). Berikut adalah analisa ringkas berkaitan sumbangan dan peranan PABAM menurut model AGIL.

Proses adaptasi secara terasnya melibatkan kebolehan PABAM dalam proses menyebar dan memperkembang ajaran mazhab Tanah Suci Amitabha, melangkaui

[33] Pada tarikh 19 March 2014, pengkaji tesis ini telah bertemual bual dengan Tan Yue Lian 陈月莲 yang selaku Eksekutif Pentadbiran Bahagian Perhubungan Awam di PABAM.

peringkat organisasi sehingga ke peringkat antara organisasi (*interorganizational phase*) di Malaysia semenjak 20 tahun PABAM beroperasi di negara ini. Perkara ini dilaksanakan secara sistematik melalui pembahagian tugasan yang terperinci berdasarkan skop-skop tugasan di jabatan kecil yang tertentu. Proses desentralisasi melibatkan pembahagian rangka kerja kepada pelbagai peringkat dan bersifat berterusan, proses sinergi sesebuah organisasi dalam aspek interaksi dan pelelaran kitaran sebagai askpek penting untuk mencapai kesempurnaan dalam sistem tidak berpusat atau desentralisasi, serta mengekalkan pembangunan sesebuah organisasi.[34]

PABAM menyelaraskan pembahagian tugasan secara terperinci dengan setiap bahagian mempunyai fokusnya tersendiri secara kolektif yang membentuk ke arah pencapaian matlamat PABAM. Ini dapat dilihat dari carta organisasinya yang terdiri daripada 15 ahli-ahli Exco yang membentuk sebuah Majlis Ahli-ahli Exco. Cartanya menunjukkan berperincikan fokus-fokus yang berbeza namun masih berteras ke arah matlamat PABAM. Melalui sistem desentralisasi sebegini, PABAM dapat menentukan sesetengah kelemahan atau kekurangan yang diatasi dengan lebih efektif dan terperinci kepada bahagian yang terlibat maka proses penyelesaian masalah dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan pantas. Hal ini dapat diperhatikan dengan lebih jelas lagi dari aktiviti Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat

[34] UNDP, *Decentralization: A Sampling of Definitions*. (Joint UNDP-Government of Germany, 1999), hlm. 13. Maklumat diambil dari: http://web.undp.org/evaluation/documents/decentralization_working_report.PDF.

Kebangsaan di Malaysia di mana PABAM menganjurkan majlis berbentuk kem pembelajaran mazhab Tanah Suci Amitabha khususnya dalam mengumpul para pemimpin untuk berbincangkan atau memperbaikkan kaedah penyebaran dan perkembangan mazhab Tanah Suci Amitabha serta memperbaiki kaedah pengajaran para guru dan penceramah di PABAM. Dari penelitian situasi ini, pengkaji berpendapat bahawa melalui proses desentralisasi atau sistem tidak berpusat, aktiviti seperti Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan di Malaysia dapat memperincikan isu-isu terbabit yang mempunyai kelemahan ke arah pembaikan kaedah penyebaran mazhab Tanah Suci Amitabha dan juga kaedah pengajaran para pendidik yang lebih cekap. Melalui proses penyelesaian masalah yang cekap dari peringkat organisasi maka terlihatlah kebolehan PABAM dalam berinteraksi dalam peringkat antara organisasi seperti yang dilihat dalam pembahagian tugasan antara PABAM dan Pertubuhan Pemuda Agama Buddha atau *Youth Buddhist Association Malaysia* (YBAM) demi merealisasikan aktiviti pendidikan agama di kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

Dalam proses pencapaian matlamat PABAM untuk menyebar dan memperkembangkan ajaran Tanah Suci Amitabha, PABAM menyasarkan matlamat sampingan dalam proses mencapai matlamat utamanya**.** Matlamat sampingan yang dapat diperhatikan dalam bab ini adalah matlamat ke arah organisasi yang tidak berpusat atau

desentralisasi demi membimbing setiap ahli organisasi PABAM untuk berusaha ke arah perlaksanaan matlamat utama PABAM iaitu menggunakan Empat Misi Suci Master Chin Kung sebagai panduan asas iaitu, mengamal dan melaksanakan ajaran-ajaran Buddha Sakyamuni dan Buddha Amitabha, mendidik dan mengamalkan nilai-nilai murni di kalangan ahli, mengamalkan prinsip-prinsip kehidupan berlandaskan ajaran Buddha Sakyamuni dan Buddha Amitabha dan mewujudkan perasaan saling bekerjasama, erat, muhibah, dan menjaga kebajikan ahli (Konstitusi PABAM, 2000). Dalam erti kata lainnya, PABAM cuba menjadi dan mengamalkan sebuah sistem yang fleksibel iaitu tidak berpusat untuk menyebarkan ajaran dan aktiviti agama Buddha dan masih seiring dengan budaya masyarakat Cina itu sendiri. Disentralisasi atau fleksibiliti dalam penyebaran agama yang cuba dilakukan oleh PABAM telah disokong oleh pengkaji terdahulu iaitu Ackermaan dan Lee (1990) dalam buku mereka yang bertajuk *Heaven in Transition.*

Dalam tujuan pencapaian ke arah organisasi yang tidak berpusat atau desentralisasi, PABAM mengamalkan fokus yang berbeza terhadap setiap aktiviti yang dianjurikan. Aktiviti-aktiviti yang ditekankan pada bab ini adalah Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan yang dianjurkan di Kampung Amitabha Seremban, Negeri Sembilan serta aktiviti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Anjuran Majlis Persahabatan yang dianjurkan di Kampung Amitabha

Seremban, sebagai contoh memberi kepentingan yang khusus untuk menerapkan lokasi itu perlu dijadikan sebagai tempat sembahyang utama mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia. Oleh hal yang demikian, aktiviti-aktiviti sampingan yang dilaksanakan di Kampung Amitabha berteraskan keagamaan mazhab Tanah Suci Amitabha dan juga sebagai pusat pendidikan utama mazhab tersebut di negara ini. Maka matlamat utama PABAM dalam penggunaan Empat Misi Suci Chin Kung dapat direalisasikan sebagai panduan asas kepada pentadbiran Kampung Amitabha Seremban. Dalam hal aktiviti yang ditumpukan di PLKN pula, pengkaji mendapati bahawa pengkhususan sampingan oleh sektor ini adalah menyebarkan kepentingan kekuatan spiritual dalam konteks Dharma Buddha dalam program latihan kekuatan ketenteraan yang diajari tenaga pendidik PABAM dan YBAM. Melalui pengkhususan dalam pendidikan kekuatan spiritual ini, PABAM dapat merealisasikan matlamat utamanya iaitu mengamalkan penggunaan Empat Misi Suci Chin Kung sebagai panduan asas kepada proses pendidikan tersebut. Dalam usaha menguatkan lagi penyebaran ilmu, PABAM juga mengadakan kursus latihan kepada tenaga pengajar PABAM baru yang akan mengajar di kem-kem PLKN di seluruh Malaysia khususnya terhadap kursus Pengenalan kepada Agama Buddha supaya ilmu yang disebari mereka adalah berlandaskan ajaran mazhab Tanah Suci Amitabha yang tepat dan menyeluruh.

Penubuhan PABAM sebagai organisasi keagamaan juga berjaya membuktikan

keselariannya dalam mengutamakan nilai murni yang positif. Setiap tugasan yang dijalankan ke arah pencapaian matlamat utama iaitu penggunaan Empat Misi Suci Chin Kung sebagai panduan asas. Aktiviti-aktiviti yang dianjur bukan sahaja bermatlamatkan kebaikan organisasi sahaja malah mementingkan juga kerohanian bermasyarakat. Oleh yang demikian, aktiviti-aktiviti berbentuk kultivasi dan berzikir beramai-ramai amat dititikberatkan agar dapat membentuk dalam masyarakat penganut Buddha semangat berusrah yang kuat demi melahirkan masyarakat yang sesama erat. Proses desentralisasi yang diamalkan juga mengajar ahli-ahli PABAM untuk bertanggungjawab ke atas tugasan yang diberi maka membentuk sikap akauntabiliti sesebuah bahagian organisasi terhadap PABAM secara menyeluruh.

Penganjuran aktiviti-aktiviti yang berlandaskan ajaran agama Buddha juga mencerminkan pengkhususan penerapan nilai-nilai murni yang tinggi oleh PABAM. Ini dapat dibuktikan dari setiap aktiviti yang dianjuri sesetengah bahagian-bahagian sampingan PABAM yang bertemakan nilai-nilai yang memanfaatkan masyarakat seperti pendidikan agama untuk kanak-kanak, remaja serta dewasa tanpa had umur dapat mencerminkan keikhlasan PABAM dalam mementingkan penyebaran ilmu yang bermanfaat kepada masyarakat. Aktiviti-aktiviti kultivasi dan berzikir juga mencerminkan kepentingan PABAM terhadap masyarakat penganut Buddha agar meningkatkan kesedaran mereka terhadap ritual agama sendiri dan mempelajarinya

dengan tepat melalui PABAM agar dapat melahirkan masyarakat yang mempunyai ketenangan diri.

Peringkat ke-empat, model AGIL iaitu pengekalan (*latency*) memberi keutamaan dalam pengekalan nilai murni dalam proses pengendalian organisasi PABAM dimana pengendalian pentadbirannya berlandaskan kekerapan menganjur aktiviti-aktiviti keagamaan yang bertujuan menerapkan nilai murni secara mendalam terhadap individu. Ini dapat dibuktikan dari Program Latihan Kekuatan Ketenteraan sewaktu PABAM bertugas di kem-kem PLKN dan program itu dihadiri pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pertahanan Malaysia. Melalui program tersebut, pegawai-pegawai ini dapat menerap dalam diri mereka kepentingan kekuatan jati diri dan spiritual dalam bidang ketenteraan juga dan mereka dapat mengambil iktibar dari program itu dan menyebarkan kepada ahli-ahli mereka untuk dipraktikkan. Dengan penerapan yang tinggi terhadap pembentukan kekuatan spiritual, pengkaji berpendapat bahawa ia dapat menguatkan semangat juang tentera-tentera kepada negara dan dapat meningkatkan prestasi dengan lebih baik. Sifat program ini yang bertujuan memberi impak yang panjang kepada peserta membuktikan bahawa PABAM juga mementingkan norma masyarakat terhadap nilai-nilai murni perlu dikekalkan demi masa depan yang aman kepada setiap manusia.

Bab 6

Penyebaran Dan Perkembangan PABAM Dalam Empat Aspek Iaitu Pendidikan, Kebudayaan, Kebajikan Dan Kultivasi Dalam Mempraktikkan Ajaran Dharma Buddha Secara Lebih Terperinci Di Malaysia

6.1: Pengenalan

Bahagian ini meninjau penyebaran dan peranan yang telah dialami oleh PABAM, terutamanya mengkaji peranan penting PABAM dalam empat aspek iaitu pendidikan, kebudayaan, kebajikan dan kultivasi iaitu mempraktikkan ajaran Dharma Buddha di dalam melaksanakan aktiviti untuk masyarakat secara lebih terperinci di Malaysia. Peranan penting PABAM dari aspek pendidikan adalah termasuk penyebaran dan perkembangan Kelas Pembacaan Kitab Kanak-Kanak dan Kelas Pembacaan Pendidikan Agama Buddha Kanak-Kanak PABAM dan seumpamanya; peranan dari aspek kebudayaan adalah termasuk mendukung dan mementingkan aspek kebudayaan tradisi Tionghua terutamanya dari segi ajaran Konfusius iaitu *Dizigui* dan seumpamanya; peranan dari aspek kebajikan termasuk wang derma kecemasan untuk kegunaan bencana alam, wang derma untuk kegunaan pinjaman pendidikan, memberi minuman dan makanan secara percuma kepada orang ramai, Kempen Menderma Darah dan seumpamanya. Sebagai contoh, sejak 2 Disember 2007, PABAM telah mengikuti seruan

Malaysian Buddhist Association (MBA) cawangan Kuala Lumpur dan Selangor dalam menganjurkan Kempen Menderma Darah sebagai aktiviti tahunan di tempat PABAM. Salah satu objektif utama Kempen Menderma Darah ini adalah untuk membantu para pesakit yang memerlukan darah di Hospital Besar Kuala Lumpur. peranan penting PABAM dari aspek kultivasi adalah termasuk Upacara Doa Mahaguru Zhong Feng Tiga Tempoh sepanjang masa menyebut nama Buddha Amitabha dan berzikir kepada Buddha Amitabha; Upacara sehari atau tujuh hari mengingati dan berzikir kepada Buddha Amitabha, menyebut nama Buddha Amitabha 憶佛念佛 dan seumpamanya.

6.2: Persepsi Para Penganut PABAM Terhadap Peranan, Aktiviti Dan Sumbangan PABAM Di Malaysia

Persepsi dan penilaian para penganut PABAM terhadap peranan, aktiviti dan sumbangan PABAM di Malaysia adalah penting. Ini dapat dianalisa menerusi Kajian Soal Selidik yang diserahkan kepada tiga puluh orang ahli PABAM yang aktif. Biasanya, pada Majlis Perhimpunan Agung Tahunan PABAM, kehadiran ahli-ahlinya adalah lebih kurang empat puluh orang. Rajah 6.1 menujukkan butir-butir analisis seperti berikut:



Jantina

Jumlah responden merangkumi lelaki 43% manakala perempuan 57%. Hal ini menunjukkan responden tertinggi ialah di kalangan perempuan.



Umur

Terdapat lima kategori iaitu umur di bawah 19, umur 20 hingga 29, umur 30 hingga 39, umur 40 hingga 49, umur 50 hingga 59 dan umur di atas 60. Kategori tertinggi ialah umur 50 hingga 59 iaitu 40%, kategori terendah ialah 3%, umur 20 hingga 29. Selebihnya ialah umur 40 hingga 49; 24%, umur 30 hingga 39; 20%, dan umur di atas 60; 13%.



Status Perkahwinan

Status perkahwinan terbahagi kepada empat bahagian iaitu belum berkahwin, sudah berkahwin, duda atau janda dan

bercerai. Status bahagian tertinggi ialah 77% sudah berkahwin manakala yang terendah ialah sebanyak 3% duda atau janda dan status bercerai. Selebihnya status belum berkahwin atau bujang iaitu sebanyak 17%.



Latar Belakang Pendidikan

Latar belakang pendidikan terdiri daripada lima peringkat iaitu sekolah rendah, sekolah menengah, kolej atau universiti, sarjana dan phd. Peringkat peratusan tertinggi ialah kolej atau universiti iaitu 57%, manakala yang terendah terdiri daripada peringkat sarjana, 7%. Selebihnya ialah peringkat sekolah menengah, 36%.

Pekerjaan

Butiran pekerjaan terdiri daripada kewangan, pendidikan, informasi, penerbitan, kerja bebas, pelajar, suri rumahtangga, perdagangan, pembuatan, komunikasi massa, kakitangan awam, pesara, tiada dan lain-lain. Kategori pekerjaan tertinggi iaitu sebanyak 16.67%, kewangan dan kerja bebas. Manakala, peratusan terendah ialah 3.33%; penerbitan, pelajar, pembuatan. Hal ini juga boleh dilihat di kategori lain-lain iaitu 13.33% dengan pecahan peratusan 3.33% setiap satu di bahagian pekerjaan; jurutera, jurulatih sektor perkilangan, IT system support dan bekerja sendiri. Selain itu, kadar peratusan pekerjaan; pendidikan dan pesara-13.33%, suri rumah-10%, dan perdagangan-6.67%.

Gaji Bulanan



Butiran gaji terdiri daripada bawah 1000 sehingga 10 000 ke atas. Jika dilihat, peratusan gaji yang tertinggi ialah 3000-4000; 20%. Diikuti dengan 23.33% iaitu lain-lain; ini menunjukkan kebarangkalian responden merupakan suri rumah atau tidak bekerja, 1000-2000; 13.33%, 2000-3000 dan 9000-10 000; 10%, dan 4000-5000 dan 6000-7000; 6.67%. Kadar responden dengan peratusan gaji terendah ialah 3.33% iaitu bawah 1000, 5000-6000 dan 7000-8000.

Sumber: Kajian Soal Selidik Umum terhadap 30 respoden

Seperti hasil analisis Rajah 6 di atas, didapati bahawa peratusan kadar responden yang tertinggi adalah terdiri daripada kalangan perempuan (57%), yang berumur 50 hingga 59 tahun (40%), sudah berkahwin (77%), kolej atau universiti (57%), pekerjaan; kewangan dan kerja bebas (16.67%) dan gaji; 3,000-4,000 (20%). Di sini boleh disimpulkan bahawa peranan PABAM sangat penting dalam menarik penganut-penganut agama Buddha Amitabha supaya lebih bergiat aktif dalam persatuan ini. Walau bagaimanapun ini dapat dilihat sebagai sesuatu perkara yang positif apabila penganut yang berumur 50 hingga 59 lebih ramai berbanding kategori umur yang lain. Hal ini menunjukkan kategori umur 50 hingga 59 ini telah bergiat secara aktif lebih lama berbanding kategori umur yang lain dalam persatuan tersebut. Perkara-perkara di atas juga menunjukkan responden kajian soal selidik umum ini berada di tahap yang baik dan boleh dikatakan kehidupan responden kajian adalah stabil dengan kadar pendidikan minima iaitu peringkat sekolah menengah malah rata-ratanya terlibat dengan bidang pendidikan sebagai pekerjaan atau sudah bersara.

Manakala peratusan kadar responden yang terendah adalah daripada kalangan lelaki (43%), umur 20 hingga 29 (3%), bercerai (3%), peringkat sarjana (7%), pekerjaan; penerbitan, pelajar, pembuatan (3.33%) dan gaji; bawah 1,000, 5,000-6,000 dan 7,000-8,000 (3.33%). Hal ini menunjukkan kebarangkalian kategori umur 20 hingga 29 tahun kurang terlibat dalam PABAM mungkin disebabkan faktor kesibukkan bekerja

kerana perlu mengutamakan keluarga mereka. Kategori pelajar dengan kadar peratusan yang rendah juga menunjukkan bahawa untuk terlibat secara aktif secara sukarelawan mungkin berkurangan disebabkan faktor pengambilan masa mereka untuk belajar dan sebagainya. Perkara-perkara di atas boleh diatasi dengan mengetahui aktiviti-aktiviti yang boleh menarik penganut-penganut agama Buddha Amitabha. Selain itu, penganut-penganut agama Buddha Amitabha juga harus mengetahui jenis saluran yang betul supaya para penganut Buddha boleh memperuntukkan masa mereka untuk terlibat dengan aktiviti-aktiviti secara langsung dengan aktiviti-aktiti yang dianjurkan oleh PABAM supaya selaras dengan masa mereka.

Persepsi para penganut PABAM terhadap empat aspek iaitu pendidikan, kebudayaan, kebajikan dan kultivasi di dalam PABAM juga dapat dinilai di dalam carta 6.2 di mana responden-responden dapat mengetahui empat aspek aktiviti-aktiviti PABAM melalui beberapa jenis saluran yang diinformasikan oleh PABAM. Tahap pengambilan bahagian (tahun) dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh PABAM dan faktor-faktor penganut-penganut agama Buddha Amitabha mengambilan bahagian dalam PABAM adalah seperti Rajah 6.2 di bawah.



Tahap Pengambilan Bahagian Dalam PABAM

Penganut PABAM meng ambil bahagian di dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan PABAM mengikut tahap (tahun) iaitu tahap 1 tahun hingga 5 tahun, 6 tahun hingga 10 tahun, 11 tahun hingga 15 tahun,16 tahun hingga 20 tahun dan 20 tahun dan ke atas.Tahap pengambilan bahagi an yang tertinggi ialah 65% iaitu 1 tahun hingga 5 tahun, yang terendah adalah 7%, 11 tahun hingga 15 tahun. Seterusnya, 6 tahun hingga 10 tahun iaitu seanyak 28%.



Faktor-faktor pengambilan bahagian dalam PABAM iaitu sejak kecil belajar ajaran agama buddha, aktiviti manarik, kultivasi, berdekatan dengan geografi tempat tinggal, ahli keluarga belajar agama buddha dan lain-lain. Kadar peratusan faktor yang tertinggi ialah 29.17%, kawan kenalkan dan yang terendah adalah 4.17% faktor disebabkan sejak kecil belajar ajaran agama Buddha. Seterusnya, faktor-faktor pengambilan bahagian; bersama-sama kultivasi 25%, aktiviti menarik 16.67%, ahli keluarga belajar agama Buddha 12.50%, berdekatan dengan geografi tempat tinggal 6.25% dan lain-lain 6.25%; menghadiri ceramah Chin Kung dan mendapat kitab 'Hayat Infiniti' membuka hati, cikgu mencadangkan dalam pengambilan bahagian PABAM dan suka persekitaran persatuan ini dan datang untuk berkultivasi.



Jenis saluran mengenai aktiviti-aktiviti dalam PABAM iaitu informasi dari kawan, informasi dari staf, papan notis di Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia, website Persatuan Agama Buddha Amitabha, suratkhabar, majalah, buku, CD dan DVD. Kadar peratusan jenis saluran yang tertinggi ialah 36.36%, informasi dari kawan dan yang terendah adalah 1.82% saluran melalui surat khabar. Seterusnya, jenis-jenis saluran mengenai aktiviti-aktiviti yang lain dalam PABAM adalah CD, DVD 21.82%, informasi dari staf 16.36%, papan notis di PABAM 10.91%, buku 7.27% dan lain-lain 1.82%.

Sumber: Kajian Soal Selidik Umum terhadap 30 respoden

Seperti analisis Rajah 6.2, didapati bahawa peratusan kadar responden yang mengambil bahagian dalam PPBAM dan tertinggi adalah 1 tahun hingga 5 tahun (65%).

Tahap pengambilan bahagian ini ada juga yang berlanjutan sehingga 10 tahun walaupun ia berada di tahap yang minima tetapi ini membuktikan bahawa selagi mempunyai masa dan mampu dari segi tenaga, para penganut agama Buddha akan meluangkan masa dalam mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh PABAM. Selain itu, boleh juga dikatakan penganut-penganut PABAM rajin mengambil bahagian dalam PPBAM adalah disebakan faktor kenalan dengan kadar peratusan sebanyak 29.17%. Para penganut PABAM kebanyakkannya mendapat informasi tentang aktivit-aktiviti yang dianjurkan oleh PABAM melalui saluran elektronik; kawan beritahu dengan kadar peratusan sebanyak 36.36%. Hal ini menunjukkan bahawa tahap penganut-penganut agama Buddha untuk terlibat dalam pengambilan bahagian dalam aktivit-aktiviti yang dianjurkan oleh PABAM mungkin berlanjutan hingga tahun yang ke-10 dengan adanya kenalan yang beragama Buddha serta aktif penglibatannya dengan PABAM. Rata-rata responden dalam kajian soal selidik ini memberikan sebab-sebab mereka rela memperkenalkan PABAM terhadap kawan-kawan mereka adalah kerana mereka juga mahu kawan seagama untuk mendapat ajaran agama Buddha Amitabha yang tulen serta berbuat kebaikkan dan meninggalkan perbuatan yang tidak baik. Jadi pentingnya di sini dapat dilihat peranan PABAM untuk menganjurkan aktiviti yang lebih ke arah komuniti atau kemasyarakatan supaya lebih ramai penganut-penganut agama Buddha dapat terlibat dengan persatuan ini sama ada masih baru ataupun sudah lama di dalam PABAM.

Manakala faktor pembelajaran sejak kecil belajar ajaran agama Buddha (4.17%) menunjukkan kadar peratusan yang terendah juga berkemungkinan kurangnya pendedahan daripada saluran-saluran PABAM seperti melalui saluran jenis suratkhabar (1.82%) mungkin tidak berkesan, serta kurangnya tindakan daripada para ibubapa dan keluarga dalam menitikberatkan hal keagamaan. Hal ini dapat diatasi dengan melibatkan satu keluarga dalam aktiviti-aktiviti PABAM sebagai contoh kanak-kanak dan para ibubapa dapat terlibat secara langsung dalam aktiviti kekeluargaan dan bukan diasingkan supaya mereka dapat meluangkan masa bersama dan belajar ajaran agama Buddha Amitabha bersama-sama. Dengan ini, jika ada perkara yang anak mereka tidak faham, para ibubapa dapat menjelaskan kepada mereka dan dibantu dengan tenaga pengajar PABAM. Hal ini secara tidak langsung membantu para ibubapa dalam pengajaran agama Buddha yang betul dan baik serta meningkatkan lagi kadar peratusan penganut-penganut dalam pengambilan bahagian dalam PABAM dan mengukuhkan hubungan kekeluargaan di kalangan para penganut agama Buddha Amitabha malah mewujudkan imej keluarga yang harmoni.

Tahap penglibatan responden juga direkodkan di dalam carta 6.3 mengenai butiran jenis aktiviti yang telah dianjurkan oleh PABAM untuk mengetahui sejauh mana tahap penglibatan penganut PABAM dalam aktiviti seperti ceramah kitab, menyebut nama buddha amitabha dan berkultivasi, ceramah ajaran buddha, derma malapetaka dan

kecemasan, derma mencetak kitab, derma berbuat pahala, menerima pelarian, kursus latihan persatuan. Tahap penglibatan responden di dalam carta yang ditunjukkan berikut juga menunjukkan persepsi para penganut PABAM terhadap empat aspek iaitu pendidikan, kebudayaan, kebajikan dan kultivasi di dalam PABAM iaitu dalam aktiviti pendidikan, aktiviti kebudayaan, aktiviti menyebut nama buddha amitabha dan kultivasi bersama, aktiviti kebajikan mengutip derma untuk malapetaka dan kecemasan

Rajah 6.3a: Tahap Penglibatan Aktiviti (Skala 1-5)

Tahap penglibatan aktiviti dinilai dengan skala 1 hingga 5 iaitu, 1 = tidak pernah, 2 = jarang-jarang, 3 = kadang-kadang, 4 = kerap dan 5 = selalu



	Ceramah Kitab	Menyebut Nama Buddha Amitabha dan Berkultivasi	Ceramah Ajaran Buddha	Derma Malapetaka dan Kecemasan	Derma Mencetak Kitab	Derma Berbuat Pahala	Menerima Tiga Refugee dan Lima Precepts	Kursus Latihan Persatuan	Lain-lain	Peratusan (%)
1=Tidak Pernah	5	5	6	5	4	3	10	3	0	17.08
2=Jarang-jarang	8	10	7	6	5	7	4	6	0	22.08
3=Kadang-kadang	6	10	7	16	16	10	10	11	0	35.83
4=Kerap	6	4	5	2	2	6	5	6	0	15.00
5=Sangat Selalu	5	1	5	1	3	4	1	4	0	10.00

Rajah 6.3 di atas menunjukkan tahap penglibatan penganut-penganut agama Buddha

Amitabha di dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh PABAM seperti ceramah kitab, menyebut nama buddha amitabha dan berkultivasi, ceramah ajaran buddha, derma malapetaka dan kecemasan, derma mencetak kitab, derma berbuat pahala, menerima pelarian, dan kursus latihan persatuan. Kadar peratusan tertinggi ialah 35.83% untuk tahap penglibatan aktiviti di dalam aktiviti derma malapetaka dan kecemasan (16 orang) dan derma mencetak kitab (16 orang) dengan skala 3 iaitu kadang-kadang. Manakala yang terendah dengan kadar peratusan 10% dengan tahap penglibatan aktiviti skala 5 iaitu sangat selalu di dalam aktiviti menyebut nama buddha amitabha dan berkultivasi (1 orang), derma malapetaka dan kecemasan (1 orang), dan menerima refugee (1 orang). Seterusnya, dengan skala 2 = jarang-jarang dalam tahap penglibatan aktiviti ialah 22.08%, skala 1 = tidak pernah iaitu 17.08%, dan skala 4 = kerap dalam tahap penglibatan aktiviti adalah 15%.

Tahap Menarik Minat (skala 1-5)

Tahap menarik minat dinilai dengan penglibatan penganut-penganut PABAM di dalam empat aspek iaitu pendidikan, kebudayaan, kebajikan dan kultivasi dengan skala 1 = tidak menarik minat langsung, 2 = sedikit menarik minat, 3= sederhana menarik minat, 4 = menarik minat dan 5= amat menarik minat



	Aktiviti Pendidikan	Aktiviti Kebudayaan	Aktiviti Menyebut nama Buddha Amitabbha dan Kultivasi bersama	Aktiviti Kebajikan Mengutip Derma untuk Malapetaka dan Kecemasan	Lain-lain	Peratusan (%)
1=Tidak menarik minat langsung	2	4	2	5	0	10.83
2=Sedikit menarik minat	1	4	2	1	0	6.67
3=Sederhana menarik minat	4	11	12	12	0	32.50
4=Kuat menarik minat	13	7	9	9	0	31.67
5=Amat kuat menarik minat	10	4	5	3	0	18.33

Rajah di atas menunjukkan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh PABAM sama ada aktiviti ini boleh menarik minat penganut-penganut agama Buddha Amitabha melalui aktiviti pendidikan, aktiviti kebudayaan, aktiviti menyebut nama buddha amitabha dan kultivasi bersama, aktiviti kebajikan mengutip derma untuk malapetaka dan kecemasan. Kadar peratusan yang tertinggi menunjukkan tahap menarik minat para penganut adalah di skala 3 = sederhana menarik minat iaitu sebanyak 32.5%. Diikuti dengan skala 4 = kuat menarik minat iaitu 31.67%, 5 = amat kuat menarik minat adalah 18.33% dan 1 = tidak menarik minat langsung dengan kadar peratusan sebanyak 10.83%. Manakala, tahap menarik minat para penganut yang terendah ialah 6.67% dengan skala 2 = sedikit menarik minat. Carta di atas juga menunjukkan antara aktiviti yang sederhana menarik

minat ialah aktiviti menyebut nama buddha amitabha dan kultivasi bersama (12 orang) dan aktiviti kebajikan mengutip derma untuk malapetaka dan kecemasan (12 orang).

Sumber: Kajian Soal Selidik Umum terhadap 30 respoden

Seperti analisis Rajah 6.3 didapati bahawa bahawa tahap penglibatan penganut daripada skala 1 (tidak pernah) hingga 5 (selalu) menunjukkan bahawa setiap penganut mempunyai tahap penglibatan yang berbeza untuk setiap jenis aktiviti. Di dalam carta tersebut menunjukkan bahawa kadar penglibatan yang tertinggi ialah 3 (kadang-kadang), 35.83% iaitu bagi jenis aktiviti derma malapetaka dan kecemasan, derma mencetak kitab, derma berbuat pahala dan kursus latihan persatuan. Sementara yang lain menunjukkan kadar sederhana iaitu 2 (jarang-jarang) bagi kebanyakkan aktiviti. Manakala, tahap penglibatan 5 (selalu) menunjukkan penglibatan tertinggi di dalam aktiviti jenis ceramah kitab dan ceramah ajaran Buddha. Kadar peratusan tertinggi bagi tahap menarik minat para penganut adalah di skala 3 = sederhana menarik minat iaitu sebanyak 32.5%. Hal ini menunjukkan bahawa penganut-penganut agama Buddha Amitabha terlibat dengan kebanyakkan aktiviti yang tidak memerlukan tenaga kerja secara langsung kerana mereka lebih banyak menderma. Walau bagaimanapun, boleh dinyatakan bahawa penganut-penganut yang aktif dengan PABAM yang terlibat dengan kursus latihan persatuan merupakan tenaga pengajar PABAM. Selain itu, boleh juga dinyatakan

kebanyakan penganut yang mengambil bahagian dengan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh PABAM ini menunjukkan minat yang lebih dalam aktiviti menyebut nama buddha amitabha dan berkultivasi dan aktiviti kebajikan.

Manakala, tahap menarik minat para penganut yang dirumuskan sebagai yang terendah ialah 6.67% manakala bagi tahap penglibatan aktiviti skala 5 iaitu sangat selalu dengan kadar peratusan 10%. Situasi tersebut menunjukkan responden mempunyai minat dan pemikiran yang berbeza dalam setiap empat aspek. Hal ini dapat diatasi dengan mempelbagaikan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh PABAM dalam satu hari kursus latihan supaya para penganut dapat merasai pengalaman mengikuti kesemua aktiviti-aktiviti yang dianjurkan. Kebarangkalian untuk para penganut untuk meminati aktiviti lain akan lebih tinggi seterusnya meningkatkan lagi kadar peratusan tahap penglibatan aktiviti untuk PABAM. Selain itu, dengan mewujudkan lebih banyak aktiviti berkumpulan yang merangkumi semua peringkat umur di dalam PABAM adalah ideal supaya penganut-penganut agama Buddha Amitabha dapat bergaul mesra walaupun berbeza peringkat umur dapat meningkatkan tahap minat penganut yang lebih muda apabila mereka berada di dalam kumpulan yang sama dengan penganut yang lebih lama dan berpengalaman.

Seperti yang dirumuskan di carta 6.3 a-b, untuk menarik minat dan meningkatkan lagi tahap penglibatan dalam aktiviti-aktiviti yang berunsurkan keagamaan Buddha, salah

satu aktiviti yang telah diusahakan oleh PABAM supaya sesuai dengan semua peringkat umur adalah dengan mementingkan aspek kebudayaan tradisi Tionghua terutamanya dari segi ajaran Konfusius iaitu Dizigui. Salah satu program tahunan PABAM sejak tahun 2012 ialah Upacara Bersujud. Upacara ini dilakukan dengan para pelajar bersujud kepada ibu bapa mereka di Dewan Buddha Amitabha yang terletak di bangunan PABAM, Kuala Lumpur. Upacara Bersujud ini adalah bertujuan untuk memberi penghormatan, kasih sayang dan berterima kasih yang ikhlas daripada sanubari kepada ibu bapa yang kita amat hormati dan kasihi.

Pandangan atau persepsi individu terhadap aktiviti yang dianjurkan PABAM direkodkan di dalam Rajah 6.4 di mana manfaat diperoleh daripada aktiviti PABAM.

Rajah 6.4: Manfaat Diperoleh Daripada Aktiviti PABAM

Antara manfaat-manfaat yang boleh diperoleh daripada aktiviti PABAM ialah memahirkan diri dalam menguruskan masa, membuat baik dan pahala dengan gembira, memperbaiki nilai diri, keluarga harmoni, ketenangan dan ketenteraman jiwa, menambah baik perhubungan manusia, memahami ajaran buddha dan lebih fokus dan giat dalam menyebut nama buddha amitabha



Manfaat yang diperoleh adalah daripada aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh PABAM dan berdasarkan pada empat aspek aktiviti. Rajah 6.4 menunjukkan kadar peratusan tertinggi bagi manfaat yang diperoleh daripada aktiviti PABAM adalah 15.29% iaitu memperbaiki nilai diri. Diikuti dengan manfaat-manfaat yang lain diperoleh adalah membuat baik dan pahala dengan gembira 14.12%, mendapat ketenangan dan ketenteraman jiwa dan keluarga harmoni 12.94%, lebih fokus dan giat dalam menyebut nama Buddha dan memahami ajaran Buddha 12.35%, menambah baik perhubungan manusia 11.18%, memahirkan diri dalam menguruskan masa 8.24%. Manakala, kadar peratusan yang terendah ialah 0.59% iaitu lebih mengenali tingkah laku yang betul dan salah supaya boleh bertaubat dan meningkatkan kultivasi kepada yang lebih baik.

Terdapat banyak sebab-sebab untuk para penganut PABAM memperkenalkan kawan dalam pengambilan aktiviti PABAM antaranya adalah supaya lebih ramai kawan-kawan mereka dapat mempelajari ajaran agama Buddha yang betul dan tepat serta supaya kawan-kawan mereka dapat meninggalkan kejahatan dan membuat lebih banyak kebaikkan. Kebanyakkan penganut lebih rela memperkenalkan kawan mereka kerana mereka berpendapat lebih ramai penganut di dalam PABAM, mereka boleh mendapat kebahagiaan dan meninggalkan kesengsaraan. Walau bagaimanapun terdapat banyak lagi sebab-sebab yang lain, namun kesemuanya telah diselaraskan mengikut kadar persamaan tindak balas responden-responden di dalam kajiian soal selidik ini.



Rajah di atas pula menunjukkan sebab-sebab memperkenalkan kawan dalam pengambilan aktiviti PABAM dengan kadar peratusan yang tertinggi adalah 20% iaitu

menolong kawan supaya mereka dapat meninggalkan kesengsaraan dan mendapt kebahagiaan. Diikuti dengan berharap supaya semua orang mendapat manfaat 13.33%, hendak mempertingkatkan diri dan mempertingkatkan diri orang lain supaya penganut dapat memperbetulkan diri mereka sendiri dan orang lain dan lebih ramai orang belajar agama Buddha, dapat memanjangkan hayat pengajaran dharma Buddha 10%, dan berharap lebih ramai orang mengenali pendididkan agama yang tepat, melalui pengambilan bahagian dalam persatuan ini ialah 6.67%. Manakala, kadar peratusan yang terendah ialah 3.33% dengan sebab; kekurangan guru dalam pengajaran agama Buddha, dapat membantu lebih ramai orang, boleh membantu umat memenuhi kebenaran alam semesta, lebih banyak keluarga bahagia, dan berharap supaya dunia aman dan setiap orang akan menjadi Buddha.

Sumber: Kajian Soal Selidik Umum terhadap 30 respoden

Seperti analisis tertera di dalam rajah 6.4 didapati bahawa kadar peratusan tertinggi bagi manfaat yang diperoleh daripada aktiviti PABAM adalah 15.29% iaitu memperbaiki nilai diri serta kadar peratusan yang tertinggi dalam sebab penganut yang beragama Buddha rela memperkenalkan kawan mereka dalam pengambilan aktiviti PABAM adalah 20% iaitu menolong kawan supaya mereka dapat meninggalkan kesengsaraan dan mendapat kebahagiaan. Di sini dapat kita dilihat bahawa penganut-penganut yang

beragama Buddha Amitabha berpendapat dengan melibatkan diri dalam pengambilan aktiviti yang dianjurkan oleh PABAM, mereka dapat membuat kebaikkan dan menambah pahala secra tidak langsung serta memperbetulkan diri mereka dengan menyelami ajaran Buddha yang tulen dengan lebih tepat di bawah penyeliaan tenaga pengajar di bawah PABAM. Justeru itu, penganut yang aktif di bawah PABAM ini mahu berkongsi pengalaman mereka dengan kawan-kawan yang seagama dengan supaya kawan-kawan yang beragama Buddha akan mendapat kebahagiaan atau kesejahteraan hidup yang mereka rasakan dengan melibatkan diri dalam pengambilan aktiviti di PABAM.

Kadar peratusan yang terendah ialah 0.59% iaitu manfaat yang diperoleh daripada PABAM, lebih mengenali tingkah laku yang betul dan salah supaya boleh bertaubat dan meningkatkan kultivasi kepada yang lebih baik. Kadar peratusan yang terendah bagi sebab memperkenalkan kawan dalam pengambilan aktiviti PABAM ialah kekurangan guru dalam pengajaran agama Buddha, dapat membantu lebih ramai orang, boleh membantu umat memenuhi kebenaran alam semesta, lebih banyak keluarga bahagia dan berharap supaya dunia aman dan setiap orang akan menjadi Buddha (3.33%) menunjukkan bahawa penganut PABAM mempunyai pandangan individual atau persepsi yang berbeza terhadap PABAM. Walau bagaimanapun kesemua persepsi tersebut adalah pandangan yang positif terhadap PABAM walaupun bukan secara majoriti. Hal ini kerana setiap individu yang beragama Buddha Amitabha melibatkan diri mereka dalam PABAM

dengan tujuan dan minat yang berbeza. Sebagai contoh, terdapat responden di dalam kajian soal selidik ini menyatakan mereka mahu membuat pahala dengan membuat kebaikkan dengan terlibat dalam pengambilan aktiviti PABAM dengan menyumbangkan sumber tenaga kerja, menderma dan sukarelawan. Disebabkan itu, kadar peratusan di dalam setiap carta menunjukkan peratusan yang berbeza bagi setiap kategori.

Rajah 6.1 - 6.5 menunjukkan tinjauan mengenai empat aspek aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh PABAM. Persatuan ini berperanan penting dalam menganjurkan aktiviti tersebut serta menarik minat penganutnya supaya tahap penglibatan penganut lebih aktif di dalam persatuan serta mewujudkan lebih ramai sukarelawan di dalam empat aspek berikut, pendidikan, kebudayaan, kebajikan dan kultivasi. Secara keseluruhan, rajah di atas menunjukkan persepsi individual terhadap PABAM dan peranan, aktiviti dan sumbangan PABAM terhadap para penganutnya dan masyarakat secara keseluruhannya berjaya menarik penganut-penganut PABAM supaya mengikuti empat aspek aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan. Dengan sasaran lebih ramai penganut-penganut yang beragama Buddha dapat mempelajari ajaran agama Buddha Amitabha yang tulen dan mendapat kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

6.3: Peranan PABAM Terhadap PPABA Utama Yang Didaftarkan Secara Rasmi Di Seluruh Malaysia

Peranan-peranan PABAM terhadap PPABA utama yang didaftarkan secara rasmi di seluruh Malaysia adalah termasuk PABAM sebagai pembimbing utama kepada PPABA dari segi pelbagai aspek antaranya ideologi Mazhab Tanah Suci Amitabha. Sungguhpun, PPABA di Malaysia tidak mempunyai pusat pejabat yang tersendiri tetapi PABAM dianggap oleh PPABA sebagai pusat pejabat tanpa kuasa kawalan dan sebagai pembimbing yang utama dalam mengembangkan ideologi Mazhab Tanah Suci Amitabha. PABAM juga adalah sebagai sumber asal dalam pengedaran pelbagai barangan Dharma Buddha secara percuma kepada PPABA dan ini telah banyak membantu kepada perkembangan PPABA di seluruh Malaysia.[35]

Pengkaji berpendapat bahawa sesetengah PPABA, contohnya Persatuan Agama Buddha Amitabha Tanah Suci Kuala Lumpur, Persatuan Agama Buddha Amitabha Kepong, Persatuan Agama Buddha Amitabha Petaling Jaya dan Shah Alam dan seumpamanya sudah mempunyai kemampuan kewangan dalam mencetak dan mengedarkan pelbagai barangan Dharma Buddha secara percuma kepada para penganut agama Buddha. Sesetengah PPABA juga dapat berkemampuan memilih barangan Dharma Buddha yang sesuai dengan tempat lokasinya dan keperluan para penganutnya menerusi percetakan barangan Dharma Buddha yang tersendiri. Walau bagaimanapun, hingga kini, masih terdapat banyak PPABA yang bergantung kepada bekalan pelbagai

[35] Pada tarikh 11 Januari 2015, pengkaji tesis ini telah berwawancara melalui telefon dengan Ketua Pendidikan Dharma Buddha Jong Oi Jen 杨爱燕 daripada Persatuan Agama Buddha Amitabha Kuching.

barangan Dharma Buddha secara percuma daripada PABAM kerana status kewangan yang kurang kukuh dan seumpamanya.[36] Di samping itu, PABAM memainkan peranan yang penting dalam memimpin PPABA ke arah perkembangan mazhab Tanah Suci Amitabha yang selaras dengan empat misi suci Chin Kung dan menganjurkan pelbagai program latihan guru untuk PPABA agar mementingkan pembelajaran dan pengajaran Dharma Buddha.[37]

6.4: Peranan PABAM Di Malaysia Masyarakat Buddhisme Tempatan Dan Sosial Masyarakat Malaysia

Peranan-peranan PABAM di Malaysia terhadap masyarakat Buddhisme tempatan dan sosial masyarakat Malaysia adalah termasuk mempertingkatkan trend dan tahap perkembangan dalam kultivasi mengingati dan berzikir kepada Buddha Amitabha, menyebut nama Buddha Amitabha, memartabatkan pendidikan Dharma Buddha dan kebudayaan Pengajian Tionghua secara tradisi. [38] Di samping itu, peranan-peranan PABAM di Malaysia terhadap sosial masyarakat Malaysia juga termasuk mendorong pendidikan keluarga yang mengutamakan perhubungan moral dan etika serta

[36] Pada tarikh 7 Disember 2014, pengkaji tesis ini telah bertemu bual dengan Presiden Persatuan Agama Buddha Amitabha Tampin Tan Bee Suan 陈美璇 di Kampung Amitabha Seremban.

[37] Pada tarikh 7 Disember 2014, pengkaji tesis ini telah bertemu bual dengan Guru Kanan Persatuan Agama Buddha Amitabha Kelantan Lim Lian Kat 林连吉 di Kampung Amitabha Seremban.

[38] Pada tarikh 7 Disember 2014, pengkaji tesis ini telah bertemu bual dengan Presiden Persatuan Agama Buddha Amitabha Tampin Tan Bee Suan 陈美璇 di Kampung Amitabha Seremban.

menyebarluas pendidikan Dharma Buddha agar menjadikan perkembangan masyarakat ke arah yang lebih baik.[39] Peranan-peranan PABAM di Malaysia terhadap sosial masyarakat Malaysia juga merangkumi menyalurkan dan menyampaikan pendidikan Dharma Buddha di bawah Program Pendidikan Pengenalan Agama Buddha Peringkat Kebangsaan contohnya untuk kursus kerohanian agama universal dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) di bawah Kementerian Pertahanan Negara Malaysia kepada para pelatih di kem-kem PLKN yang terletak di seluruh pelusuk Malaysia.[40] Pengkaji berpendapat bahawa dari jangka masa panjang, pendidikan Dharma Buddha yang terkandung dalam kursus kerohanian agama universal dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) ini akan memberi impak yang besar kepada golongan remaja dalam mempelajari pendidikan Dharma Buddha terutamanya ajaran mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia.

PABAM turut melatih remaja yang berbakat untuk mengembangkan pendidikan Dharma Buddha dan mazhab Tanah Suci Amitabha adalah menerusi kursus-kursus Pendidikan Agama Buddha Remaja, program latihan alatan muzik agama Buddha untuk belia dan seumpamanya. Contoh yang nyata ialah kursus yang diajar dalam Kelas

---

[39] Pada tarikh 19 March 2014, pengkaji tesis ini telah bertemual bual dengan Tan Yue Lian 陈月莲 yang selaku Eksekutif Pentadbiran Bahagian Perhubungan Awam di PABAM.

[40] Pada tarikh 11 Januari 2015, pengkaji tesis ini telah berwawancara melalui telefon dengan Ketua Pendidikan Dharma Buddha Jong Oi Jen 杨爱燕 daripada Persatuan Agama Buddha Amitabha Kuching.

Pendidikan Agama Buddha Remaja Pengkhususan PABAM iaitu Foshuo dacheng wuliangshou zhuangyan qingjing pingdeng jue jing jie (佛说大乘无量寿庄严清净平等觉经解), para remaja di kelas ini telah belajar pendidikan Dharma Buddha secara purata selama dua belas tahun. Para remaja diberi peluang untuk menguruskan pelbagai urusan, aktivti PABAM, contohnya menganjurkan kem kehidupan ibu bapa dengan anak dan sebagainya.

Manakala peranan para penganut dan sukarelawan yang semakin penting di PABAM dalam melaksanakan pelbagai aktiviti untuk manfaat masyarakat di Malaysia adalah termasuk melibatkan diri antaranya dalam penyebaran dan perkembangan aktiviti Upacara Doa Mahaguru Zhong Feng Tiga Tempoh sepanjang masa menyebut nama Buddha Amitabha dan berzikir kepada Buddha Amitabha, penyebaran dan perkembangan Program Pendidikan Pengenalan Agama Buddha Peringkat Kebangsaan untuk kursus kerohanian agama universal dalam Program Latihan Khidmat Negara serta penyebaran dan perkembangan Pendidikan Multi Agama dan Budaya di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangs. Contohnya pada 3-4 September 2011, PABAM bersama dengan 14 buah PPABA di zon tengah Semenanjung Malaysia telah menganjurkan Upacara Doa Mahaguru Zhong Feng Tiga Tempoh sepanjang masa menyebut nama Buddha Amitabha dan berzikir kepada Buddha Amitabha di Stadium Dalaman Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Kira-kira 10,000 orang penganut Buddha Amitabha dan kira-kira 500 orang sukarelawan telah menghadiri

dan melibatkan diri dalam Upacara Doa tersebut. Pengkaji berpendapat bahawa langkah-langkah untuk mendorong dan mempertingkatkan taraf profesionalisme para penganut dan sukarelawan yang memainkan peranan yang semakin penting di PABAM dalam melaksanakan pelbagai aktiviti untuk manfaat masyarakat di Malaysia adalah termasuk melatih dan memilih contoh sukarelawan yang sesuai dengan penyebaran dan perkembangan ideologi PABAM. Selain itu, menerbitkan berita atau laporan tentang kesukarelaan yang berlandaskan ajaran Dharma Buddha secara meluas, mengadakan penyelidikan dan pembangunan untuk mengukur tahap sumbangan kesukarelaan kepada PABAM secara saintifik serta menjadikan aspek kesukarelaan sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan dan latihan di PABAM.

Selain itu, perana para penganut dan sukarelawan yang semakin penting di PABAM dalam melaksanakan pelbagai aktiviti untuk manfaat masyarakat di Malaysia dapat dilihat di dalam Rajah 6.5 di mana tahap perkhidmatan responden sebagai sukarelawan direkodkan di dalam tahap perkhidmatan sukarelawan dalam PABAM (tahun), selain jenis unit perkhidmatan, sebab berkhidmat secara sukarelawan dan jumlah masa yang diperuntukkan oleh sukarelawan sepanjang melibatkan diri dalam PABAM (jam).

Tahap Perkhidmatan Sukarelawan Dalam PABAM (Tahun)



Tahap perkhidmatan sukarelawan mengikut tahun dapat dikategorikan kepada beberapa tahap iaitu; 1 tahun hingga 5 tahun, 6 tahun hingga 10 tahun, 11 tahun hingga 15 tahun, 16 tahun hingga 20 tahun dan 20 tahun dan ke atas. Kadar peratusan tertinggi adalah 70% iaitu 1 tahun hingga 5 tahun. Diikuti dengan 22%, 6 tahun hingga 10 tahun. Manakala kadar peratusan yang terendah ialah 8% iaitu 11 hingga 15 tahun.



Jenis Unit Per- khidmatan

Terdapat empat unit perkhidmatan yang disediakan di PABAM. Antara jenis-jenis unit perkhidmatan adalah unit pendidikan, unit kebudayaan, unit kebajikan dan unit menyebut nama buddha amitabha dan berkultivasi. Rajah tersebut menunjukkan kadar peratusan yang tertinggi adalah unit pendidikan iaitu sebanyak 44%. Diikuti dengan unit kultivasi sebanyak 35%,

seterusnya unit kebajikan sebanyak 18%. Manakala, jenis unit perkhidmatan yang terendah adalah 3% iaitu unit kebudayaan. Bagi unit kultivasi dan unit kebajikan, kedua-dua unit ini berkait-rapat dengan unit pendidikan. Hal ini kerana berdasarkan penilaian yang dibuat ke atas survey responden, rata-rata responden menyatakan pendapat bahawa dengan mengikuti pendidikan ajaran Buddha, secara tidak langsung membuatkan mereka ingin mempraktikkan semula pembelajaran dengan berkhidmat kepada orang ramai, tidak kurang juga yang melahirkan pendapat untuk belajar berkultivasi dengan cara yang betul.

Sebab Berkhidmat Sebagai Sukarelawan

Terdapat banyak sebab-sebab bagi para penganut untuk menjadi sukarelawan di dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh PABAM. Walaupun rata-rata responden memberi tindak balas yang berbeza, namun sebab-sebab yang dinyatakan telah diselaraskan dengan mencari persamaan tindak balas majoriti responden di dalam kajian soal selidik umum ini.



Rajah di atas menunjukkan sebab berkhidmat sebagai sukarelawan dengan kadar peratusan tertinggi ialah 16.67% iaitu berkhidmat untuk orang ramai. Manakala, kadar peratusan yang terendah ialah 3.33% iaitu menyumbangkan tenaga untuk melaksanakan aktiviti untuk keperluan masyarakat seperti berterima kasih dan membalas jasa dengan berkhidmat, melalui ceramah Ching Kung untuk menjadi sukarelawan. Seterusnya, kadar peratusan 10% adalah mendapat pahala dan meningkatkan intelektual dan mempertingkatkan kebolehan diri, manakala 6.67%, adalah berterima kasih dan membalas jasa dengan berkhidmat dan belajar sambil mempraktikkan.

Jumlah Masa Perkhidmatan Sukarelawan Dalam PABAM (Jam)



Berikut merupakan kategori jumlah masa perkhidmatan sukarela-wan dalam PABAM iaitu jumlah jam atau masa yang diagihkan oleh para sukarelawan sepanjang berkhidmat dengan PABAM. Antaranya ialah 5 jam ke bawah, 5 –10 jam, 10 -20 jam, 20-30 jam, 30-40 jam, 40-50 jam dan 50 jam ke atas. Rajah tersebut turut menunjukkan kadar peratusan yang tertinggi adalah 77% iaitu kurang daripada 5 jam. Manakala, kadar peratusan yang terendah adalah 23%, 5 hingga 10 jam.

Sumber: Kajian Soal Selidik Umum terhadap 30 respoden

Seperti analisis dalam Rajah 6.5, didapati bahawa dengan kadar peratusan tertinggi bagi tahap perkhidmatan sukarelawan mengikut tahun adalah 1 tahun hingga 5 tahun (70%), jenis unit perkhidmatan; unit pendidikan (93%), sebab berkhidmat sebagai sukarelawan iaitu berkhidmat untuk orang ramai (16.67%) dan jumlah masa perkhidmatan sukarelawan iaitu kurang daripada 5 jam (77%). Di sini dapat kita simpulkan bahawa penganut-penganut yang melibatkan diri sebagai sukarelawan di

dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh PABAM mempunyai sebab-sebab yang berbeza mengikut individual. Kebanyakan sukarelawan di dalam PABAM mempunyai tahap perkhidmatan dan pengagihan jumlah masa perkhidmatan yang berbeza, kerana faktor jadual masa yang berlainan mengikut individu. Jika dilihat di dalam Rajah 6.5, kebanyakkan sukarelawan lebih ke arah unit pendidikan yang mungkin disebabkan rata-rata responden bekerja di dalam bidang pendidikan. Walau bagaimanapun, kebanyakkan sukarelawan lebih ke arah unit pendidikan mungkin juga disebabkan PABAM berperanan dalam memberikan lebih sumbangan dalam unit pendidikan supaya lebih ramai penganut yang beragama Buddha dapat memahami ajaran agama Buddha sejak dari peringkat umur yang kecil lagi hingga ke peringkat dewasa. Justeru itu, PABAM memerlukan lebih banyak sumber tenaga kerja dalam menjayakan unit pendidikan yang mengutamakan pengajaran Buddha Amitabha.

Manakala, kadar peratusan yang terendah bagi tahap perkhidmatan sukarelawan dalam PABAM ialah 11 hingga 15 tahun (8%), jenis unit perkhidmatan yang terendah adalah unit kebudayaan (7%). Bagi sebab berkhidmat sebagai sukarelawan, menyumbangkan tenaga untuk melaksanakan aktiviti, kerana keperluan masyarakat, berterima kasih dan membalas jasa dengan berkhidmat, pasukan sukarelawan semakin besar dan kukuh juga supaya lebih ramai orang tahu mengenai ajaran Amitabha, menolong diri sendiri dan menolong orang ramai, suka dan mahu belajar ajaran Buddha

adalah (3.33%). Manakala jumlah pengagihan masa sukarelawan yang terendah adalah 5 hingga 10 jam (23%). Hal ini boleh diatasi dengan mewujudkan lebih ramai penganut di peringkat belia meminati dengan kerja-kerja sukarelawan dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh PABAM dengan memberikan pendedahan dari awal.

Rajah 6.5 turut menunjukkan mengenai pentingnya peranan para penganut dan sukarelawan dalam menjayakan pelbagai aktiviti yang dianjurkan di PABAM untuk manfaat masyarakat di Malaysia. Sumbangan PABAM dapat dinilai menerusi keberkesanan ajaran Dharma Buddha yang disampaikan kepada penganutnya sama ada mereka mempraktikkannya ataupun tidak. Selain itu, sumbangan PABAM juga dapat dilihat menerusi empat aspek aktiviti yang diadakan oleh PABAM untuk mendidik para penganut yang beragama Buddha supaya lebih mendapat kebahagiaan serta mewujudkan dunia yang lebih aman.

6.5: Tinjauan Masa Depan Terhadap Mazhab Tanah Suci Amitabha Dan PABAM

Analisis mendapati bahawa masa depan terhadap mazhab Tanah Suci Amitabha dan penyebaran dan perkembangan PABAM di Malaysia adalah cerah walaupun berhadapan dengan pelbagai rintangan dan cabaran. Menurut Lee Kim Yew selaku penasihat kepada Malaysian Buddhist Association (MBA), pernah menyatakan bahawa PABAM seharusnya bersama dengan organisasi-organisai agama Buddha tempatan menganjurkan

lebih banyak program Dharma Buddha untuk memudahkan dan mencepatkan penyebaran mazhab Tanah Suci Amitabha dan perkembangannya. Ini akan mengelakkan dan mengurangkan pelbagai rintangan dan cabaran dalam menyebarluaskan ideologi mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia. Manakala menurut Ang Choo Hong selaku Pengerusi Persatuan Penyelidikan Buddhisme Malaysia, beliau menyatakan kepimpinan bercorak keintelektualan adalah lebih penting daripada kepimpinan bercorak akitiviti dan pengetahuan. (Third International Conference on Malaysian Buddhism: Developing the road on Malaysian Buddhism, 2013: 3) Kepimpinan bercorak keintelektualan dalam Dharma Buddha adalah menerusi belajar kitab-kitab Buddha, menghayati dan mempraktikkannya yang secara automatik akan menghasilkan keintelektualan dan kebijaksaan yang sempurna berasal daripada Sifat Jati-Diri. Pengkaji berpendapat bahawa sekiranya pucuk pimpinan PABAM mempraktikkan kepimpinan bercorak keintelektualan dengan baik, tahap pencapaian penyebaran dan perkembangan Mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia akan lebih baik.

6.6: Kesimpulan

Persatuan Agama Buddha Amitabha (PPABA) melalui proses globalisasi telah menyebarluas mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia. Malaysia turut merupakan negara yang mempunyai paling banyak Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha di

dunia. Penyebaran dan perkembangan yang telah dialami oleh PABAM sejak tahun 1993-2014 adalah selaras dengan Mazhab Teori Evolusi Baru yang digunakan sebagai penerangan untuk asal usul agama, proses pembangunan dari segi perspektif masa dan sejarah PABAM. Contohnya, PABAM mengalami Peringkat Persediaan Dalam Penubuhan (1993-1995), Peringkat Permulaan Operasi Selepas Penubuhan (1996-1999), Peringkat Perkembangan (2000-2009), Peringkat Pengukuhan (2010-2014) yang akhirnya telah bakar umbi di Malaysia. Mazhab Teori Struktur atau Theory of Structuration digunakan untuk mengkaji dan meninjau peranan PABAM dalam pendidikan kitab-kitab dan pendidikan agama Buddha yang berkaitrapat dengan konsep struktur dan tingkah laku. Teori Fungsionalisme Struktural 结构功能理论 merangkumi unsur-unsur Sumber Ekonomi, Matlamat Politik, Pandangan Nilai Sosial dan Norma Sosial adalah digunakan untuk mengkaji sistem organisasi Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia (PABAM) 马来西亚净宗学会 yang mempunyai sifat perubahan, pergerakan, penyesuaian dan perkembangan yang nyata dalam organisasinya. Mazhab Teori Konflik 冲突论学派 adalah digunakan untuk mengkaji peranan penting PABAM dalam empat aspek iaitu pendidikan, kebudayaan, kebajikan dan kultivasi iaitu mempraktikkan ajaran Dharma Buddha di dalam melaksanakan aktiviti untuk masyarakat secara lebih terperinci di Malaysia. Mazhab Teori Pertukaran atau Teory of Exchange 交换论学派 adalah digunakan untuk mengkaji harapan dan kehendak para penganut agama Buddha terhadap

Upacara Doa Mahaguru Zhong Feng Tiga Tempoh sepanjang masa menyebut nama Buddha Amitabha dan berzikir kepada Buddha Amitabha.

Pengkaji berpendapat bahawa penyebaran dan perkembangan Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia, 1993 – 2014 adalah sebuah hikayat hidup Master Chin Kung kerana Empat Misi Sucinya telah mempengaruhi arah dan haluan PABAM dalam proses penyebaran dan perkembangan mazhab Tanah Suci Amitabha. Penyebaran dan perkembangan PABAM, 1993 – 2014 juga adalah menggunakan Empat Misi Suci tersebut sebagai garis panduan yang paling asas. Justeru itu, sejarah dan proses penyebaran dan perkembangan mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia adalah bersangkut-paut dengan Empat Misi Suci Chin Kung dan ianya telah dipraktikkan oleh PABAM dan PPABA yang lain di Malaysia menerusi aspek pendidikan, kebudayaan, kebajikan dan kultivasi dalam mengembangkan ajaran Dharma Buddha.

Sifat keistimewaan penyebaran dan perkembangan PABAM di Malaysia adalah melalui kelas ajaran pendidikan mazhab Tanah Suci Amitabha, menyebarluas pendidikan Dharma Buddha dalam bentuk Hwazan Weixing Televisyen Satelit atau Hwazan Satellite TV dan Hwazan Online Satellitte TV, pengedaran Barangan Dharma Buddha dan seumpamanya. Ini amat berbeza daripada organisasi-organisasi agama Buddha lain di Malaysia yang pada umumnya mementingkan aktiviti kebajikan dan kebudayaan. Pengkaji berpendapat bahawa peranan PABAM terhadap organisasi-organisasi agama

Buddha tempatan harus dijadikan sebagai aktiviti atau pendidikan paling utama agar para penganut lebih memahaminya dan perpaduan di antara berbilang kaum di Malaysia akan lebih erat dan rapat.

Bagi mempertingkatkan tahap penyebaran dan perkembangan mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia, pengkaji berpendapat bahawa sebuah Kolej Pembelajaran Tanah Suci Malaysia atau Malaysia Pure Land Learning College (MPLLC) perlu diwujudkan di Malaysia agar kajian terhadap mazhab Tanah Suci Amitabha boleh dijalankan dengan lebih mendalam dan terperinci. Untuk kajian yang akan datang tentang penyebaran dan perkembangan PABAM dan mazhab Tanah Suci Amitabha, pengkaji berpendapat bahawa topik berkenaan dengan gaya kepemimpinan PABAM dan PPABA, sifat keistimewaan penyebaran dan perkembangan PPABA di seluruh pelusuk Malaysia dan seumpamanya harus dikaji secara tersusun, terperinci dan menyeluruh.

Bab 7

Kesimpulan

Hasil analisis mendapati bahawa peranan PABAM dalam penyebaran ajaran Buddha terhadap masyarakat Cina di Malaysia semakin meningkat. Secara keseluruhannya ia dapat dilihat melalui lima aspek iaitu pertama, status pencapaian matlamat PABAM. Kedua, peranan keagamaan PPBAM terhadap masyarakat Cina. Ketiga, kecekapan pentadbiran kursus Buddha di bawah program PLKN. Keempat, peranan pentadbiran PABAM di 41 cawangan PPABA. Kelima, penyebaran dan peranan pendidikan, keagamaan dan pentadbiran PABAM melalui teori AGIL.

Dari segi status status pencapaian matlamat PABAM, ternyata dalam aspek pentadbiran menganjur dan memantau pelbagai aktiviti, contohnya, Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan di Malaysia 马来西亚全国净宗学会联谊会; Pengedaran Pendidikan Dharma Buddha Dalam Bentuk Buku, Kaset, Video Kaset, VCD dan DVD, Program Latihan Khidmat Negara dan sebagainya. Pengkaji menggunakan Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan di Malaysia sebagai contoh untuk menganalisis pentadbirannya dengan berpandukan Teori Fungsionalisme Struktural Baru. PABAM memainkan peranan yang sangat penting sebagai penggerak utama dalam menganjur dan

memantau aktiviti Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan di Malaysia. Berdasarkan statistik, sehingga tahun 2014, PABAM telah menganjurkan sebanyak enam kali Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan di Malaysia iaitu di Kampung Amitabha Seremban, Negeri Sembilan, Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia, Kuala Lumpur, Persatuan Agama Buddha Amitabha Perak dan Chung Hua Cultural Education Center (M) Berhad, Selangor.

Pada 25-27 November 2000, PABAM telah menganjurkan Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan Yang Pertama di Malaysia yang bertempat di Kampung Amitabha, Seremban, Negeri Sembilan. Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan Yang Pertama di Malaysia, telah ditukar nama daripada Kem Pembelajaran Mazhab Tanah Suci Amitabha Yang Kedua. Walau bagaimanapun, Kem Pembelajaran Mazhab Tanah Suci Amitabha Yang Pertama pada 25-29 December 1997 telah diadakan di Sanbao Wanfosi yang terletak di Camelon Highlands, Pahang. Matlamat Kem Pembelajaran ini adalah untuk menyampaikan ajaran garis panduan terhadap para penganut mazhab Tanah Suci Amitabha daripada Chin Kung yang selaku guru penasihat kepada Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha di Malaysia, menghimpun para pemimpin daripada Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha, untuk berbincang tentang penyebaran dan

perkembangan pelbagai aktiviti mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia serta melatih para guru atau penceramah mazhab Tanah Suci Amitabha yang baru untuk menyebarkan ajaran mazhab Tanah Suci Amitabha. PABAM telah menganjurkan Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan Yang Kedua di Malaysia yang bertempat di Kampung Amitabha, Seremban, Negeri Sembilan pada 29-31 Disember 2002. Chin Kung telah hadir ke Majlis Persahabatan ini dan memberi motivasi kepada para pemimpin Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha agar bersama-sama mengembangkan ajaran pendidikan Dharma Buddha dan ajaran mazhab Tanah Suci Amitabha kepada para penganut khasnya dan orang ramai umumnya.

Secara puratanya, setiap tiga tahun, PABAM menganjur dan memantau aktiviti Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan di Malaysia. Sebagai contoh, pada 13-14 Oktober 2012, PABAM telah menganjurkan Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat KebangsaanYang Keenam di Malaysia yang diadakan di Chung Hua Cultural Education Center (M) Berhad yang terletak di Seri Kembangan, Selangor. Matlamat utama Majlis Persahabatan ini adalah untuk menghimpunkan para pemimpin daripada Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha di Malaysia untuk membincangkan penyebaran dan perkembangan pelbagai aktiviti mazhab Tanah Suci Amitabha dan memperkembangkan ikrar besar Buddha Amitabha.

Secara keseluruhan, kajian ini menggunakan Teori Fungsionalisme Struktural baru iaitu Model AGIL yang telah diasaskan oleh ahli sosiologi Talcott Parsons untuk menganalisa data-data kajian yang terkumpul. Mazhab Teori Fungsionalisme Struktural adalah teori yang paling besar peranannya dalam ilmu sosiologi agama di abad sekarang. Tokoh yang pertama kali mencetuskan Teori Fungsionalisme Struktural ialah Talcott Parsons (1937) yang terkenal dengan teori pergerakannya. Talcott Parsons (1956) pada tahun 1956, membangun dan membaharui Teori Fungsionalisme Strukturalnya dan teori yang baru ini juga digelar sebagai Model Pertukaran atau Model AGIL. Model AGIL mempunyai empat faktor utama iaitu A: Adaptation, G: Goal Attainment, I: Integration, dan L: Latency. Pada asasnya, bidang faktor A merujuk kepada sumber ekonomi; bidang G merujuk kepada politik dan kerajaan; bidang I merujuk kepada mengutamakan nilai sosial; dan bidang L merujuk kepada mengekalkan nilai sosial.

Teori Fungsionalisme Struktural dilihat relevan dalam analisis ini kerana mengutamakan kajian terhadap hubungan aktiviti agama dalam organisasi agama dengan kehidupan masyarakat terutamanaya dari segi memuaskan keperluan asas manusia dalam masyarakat kita serta keharmonian spiritual. Pengkaji menggunakan konsep-konsep utama yang terkandung dalam Teori Fungsionalisme Struktural dan menafsirkannya dengan ciri-ciri penerangan baru dalam mengkaji aktiviti-aktiviti PABAM yang mempunyai sifat perubahan, pergerakan, penyesuaian dan perkembangan yang nyata

dalam organisasinya yang telah diterangkan ciri-cirinya sebelum ini.

Pengkaji menggunakan Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan di Malaysia sebagai kajian contoh untuk meninjau pentadbirannya dengan berpandukan Teori Fungsionalisme Struktural Baru. Hasil analisis mendapati, berdasarkan matlamat utama (G: Goal Attainment), Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan di Malaysia adalah untuk menyampaikan, menyalurkan, memperkuatkan dan memperkukuhkan Empat Misi Suci daripada Chin Kung. Ianya bertujuan memulihkan agama Buddha sebagai pendidikan Buddha tradisi, memperkembangkan penggunaan Bahasa Cina Klasik secara meluas, mendorong dan meluaskan konsep kekeluargaan yang terkandung dalam tradisi orang Cina terutamanya kitab *Dizigui* dan mempromosikan dan memperkembangkan pendidikan multi agama dan budaya. Ini bermaksud Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha yang terletak di seluruh pelusuk Malaysia dapat membina satu persefahaman yang sama dan mempraktikkan Empat Misi Suci daripada Chin Kung. Maka penyebaran dan perkembangan pendidikan Dharma Buddha dan ajaran mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia akan menjadi semakin kukuh. Matlamat utama lain adalah menggalakkan para pemimpin Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha bersama-sama berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka, contohnya mekanisme dalam mengembangkan mazhab Tanah Suci Amitabha di masyarakat tempatan masing-masing, menonjolkan

ciri-ciri keunikan, kelebihan dan pengkhususan persatuan-persatuan masing-masing dan seumpamanya. Ini akan memotivasikan dan mempertingkatkan daya serta kualiti kepimpinan para pemimpin Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha agar terus menerus dalam menyebarluaskan mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia. Sebagai contoh dalam Majlis Persahabatan yang dinyatakan, Persatuan Agama Buddha Amitabha Kuching telah mempelajari daripada Persatuan Agama Buddha Amitabha Pulau Pinang dari segi kaedah pembelajaran dan pengajaran pendidikan Dharma Buddha, mempelajari daripada Persatuan Agama Buddha Amitabha Petaling Jaya, Shah Alam dari segi kaedah perhiasan tempat beribadat dalam Upacara Doa Mahaguru Zhong Feng dan seumpamanya. Selain itu, matlamat utama lain adalah mengenai pengagihan tangungjawab persatuan-persatuan untuk memberikan kebajikan yang maksimum kepada masyarakat tempatan. Contohnya, meninjau bagaimana kaedah oleh Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha mengembangkan ideologi mazhab Tanah Suci Amitabha dan seumpamanya.

Dari aspek adaptasi (A: Adaptation), analisis mendapati Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan di Malaysia amat berperanan dalam mengadapatsi dan memperkuatkan faktor-faktor pergerakan dalam persatuan-persatuan bagi melaksanakan Empat Misi Suci daripada Chin Kung. Contohnya, PABAM telah menjalankan tugas Pengedaran Pendidikan Dharma Buddha

Dalam Bentuk Buku, Kaset, Video Kaset, VCD dan DVD yang berasaskan ajaran dan ceramah Chin Kung sejak tahun 1994 kepada Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha di Malaysia dan masih aktif sehingga kini. Melalui Pengedaran Pendidikan Dharma Buddha, orang ramai dan masyarakat tempatan mempunyai peluang yang luas dalam belajar dan memahami ajaran agama Buddha, serta informasi terhadap Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha. Analisis mendapati ini akan memudahkan perkembangan pendidikan Dharma Buddha dan ideologi mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia. Tambahan pula, para pemimpin dalam Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan disarankan agar mengikut perubahan arus perkembangan semasa dengan memberi mutu perkhidmatan pendidikan Dharma Buddha dan ajaran mazhab Tanah Suci Amitabha yang tinggi kepada para penganutnya.

Dari aspek persepaduan (I: Integration) pula, analisis mendapati Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan di Malaysia mengutamakan peraturan dan sistem yang ditetapkan oleh guru penasihatnya iaitu Chin Kung. Peraturan dan sistem adalah digariskan dalam Mekanisme Garis Panduan Operasi Para Penganut Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha (PPABA) yang kini tersebar luas di Malaysia di mana mempunyai beberapa ciri yang nyata, termasuk setiap PPABA di bawah kawalan persatuan tersendiri dan tidak dikawal oleh Pusat PPABA.

Contohnya adalah PABAM atau Organisasi International PPABA. Ini disebabkan Chin Kung berpendapat bahawa setiap PPABA sewajarnya bekerjasama antara satu sama lain dan mempunyai hubungan persaudaraan yang rapat seperti adik beradik dengan mengutamakan kultivasi dan pembelajaran dalam pendidikan Dharma Buddha, pucuk pimpinan setiap PPABA dilantik daripada ahli-ahlinya yang berada di kawasan daerah setiap PPABA menerusi perlantikan secara demokrasi agar bersesuaian dengan kehendak dan pemikiran para penduduk tempatan, setiap PPABA semestinya didaftarkan secara rasmi dan menuruti segala kehendak dan syarat-syarat undang-undang negara dan setiap PPABA semestinya merupakan persatuan yang mengutamakan pendidikan Dharma Buddha yang berasaskan ajaran Buddha.

Dari aspek pengekalan (L: Latence) pula, analisis mendapati Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan di Malaysia berperanan untuk memastikan persatuan-persatuan secara keseluruhannya menonjolkan ciri-ciri mazhab Tanah Suci Amitabha yang sama agar dapat terus menerus memikul tanggungjawab dalam mengembangkan ideologi mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia. Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha dilihat menuruti peraturan dan sistem yang tercatat dalam Mekanisme Garis Panduan Operasi Para Penganut Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha dan mengamalkan Enam Prinsip Keharmonian untuk memelihara hubungan persaudaraan yang baik di antara

persatuan-persatuan. Enam Prinsip Keharmonian yang dimaksudkan adalah membina persefahaman yang sama, mengikuti peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Buddha Shayamuni, sifat harmoni dalam aspek pembelajaran dan berkultivasi, mengelakkan pertingkahan, berkultivasi dengan penuh berhemah dan mengagihkan keuntungan yang dipeolehi daripada Dharma Buddha dengan sama rata. Hubungan persaudaraan yang baik ini telah lama wujud sebagai persefahaman yang kukuh di kalangan para pemimpin dalam Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan Pertama di Malaysia.

Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan di Malaysia telah menghasilkan peranan yang nyata kepada masyarakat tempatan, dan ini adalah dihuraikan seperti berikut:

Analisis turut mendapati bahawa majoriti Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha di Malaysia adalah mengendalikan Kelas Bimbingan Kitab Dizigui. Ini adalah selaras dengan misi suci Chin Kung iaitu mendorong dan menyebarluaskan konsep dan semangat kekeluargaan yang terkandung dalam tradisi kebudayaan orang Cina. Kini, Dizigui di Malaysia merupakan kursus elektif atau pilihan atau wajib yang diajar dalam Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah-Sekolah Menengah Persendirian Bahasa Cina daripada masyarakat Cina. Walaupun faktor-faktor pendorong trend perkembangan pembelajaran dan pengajaran Kitab Dizigui di sekolah-sekolah adalah

banyak, tetapi yang signifikan adalah seruan daripada Chin Kung dan Kelas Bimbingan Kitab Dizigui yang dijalankan oleh Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha di seluruh pelusuk Malaysia. Contohnya, model pembelajaran dan pengajaran Kelas Bimbingan Kitab Dizigui yang berjaya antaranya oleh Persatuan Agama Buddha Amitabha Pulau Pinang dan Persatuan Agama Buddha Amitabha Kelantan.

Pengkaji turut mendapati, majoriti Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha di Malaysia melibatkan diri dalam menghantar guru atau penceramah agama dan mula mengajar di kem-kem di bawah PLKN yang terletak di seluruh Malaysia. Kalau diimbas kembali pada April, 2005, PABAM telah dijemput oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara di bawah Kementerian Pertahanan Negara Malaysia agar menghantar kursus kerohanian agama universal untuk PLKN di bawah JLKN, Kementerian Pertahanan Negara Malaysia. Selepas Kursus Pengenalan Kepada Agama Buddha diluluskan oleh JLKN, para guru atau penceramah agama yang mewakili PABAM di seluruh Malaysia telah mula mengajar di kem-kem di bawah PLKN sehingga 2014. Kursus Pengenalan Kepada Agama Buddha adalah selaras dengan misi suci Chin Kung iaitu memulihkan agama Buddha sebagai pendidikan Buddha tradisi. Pendidikan Buddha tradisi adalah berpusatkan pendidikan duniawi, alam semesta dan akhirat yang disampaikan melalui ajaran Dharma Buddha oleh pengasas agama Buddha iaitu Buddha Shakyamuni. Ini bermakna selama lebih kurang sepuluh tahun, Persatuan-Persatuan Agama Buddha

Amitabha telah mengajar kursus Pengenalan Kepada Agama Buddha kepada para pelatih di bawah Kursus kerohanian agama universal untuk PLKN. Analisis mendapati lebih kurang 40,000 orang pelatih bangsa Cina dalam sepuluh tahun tersebut telah menghadiri Kursus Pengenalan Kepada Agama Buddha dan ianya telah meningkatkan bilangan para penganut agama Buddha di Malaysia.

Selain itu, persatuan ini turut berjaya mendirikan tabung pinjaman persatuan Amitabha kepada para pelajar yang miskin untuk membantu para pelajar yang miskin agar dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti. Contohnya, pada 16 Julai 2006, PABAM bersama dengan 10 Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha atau di sekitar Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan telah menganjurkan UDMZFTT yang ketiga di Malaysia di bawah pimpinan Wu Xing. Upacara Doa ini diadakan di Stadium Bukit Jalil, Selangor dan mendapat sambutan yang meriah dan lebih daripada tujuh ribu orang telah mengambil bahagian dalam upacara ini. Kutipan bersih hasil derma yang diterima daripada Upacara Doa ini ialah RM278,887.15. Kesemuanya telah didermakan kepada The United Chinese School Committees' Association of Malaysia (Dong Zong) untuk tujuan tabung pinjaman kepada para pelajar yang miskin.

Selain itu, PABAM dari segi pentadbiran untuk Pengedaran Pendidikan Dharma Buddha Dalam Bentuk Buku, Kaset, Video Kaset, VCD dan DVD turut memperoleh impak signifikan. Hasil ajaran dan ceramah Chin Kung dirakam dan dihasilkan di rumah

Gaha-Pati Tan Hui Qing dalam bentuk kaset dan diedarkan kepada para pengkultivasi yang mempunyai hubungan yang rapat.Ia diedarkan secara percuma dan mendapat sambutan yang meriah, kemudian diedarkan pula ke seluruh pelusuk Malaysia. Contohnya, di sepanjang tahun 2012, pengedaran Pendidikan Dharma Buddha PABAM untuk buku ialah 47,000 naskah, kos percetakannya ialah RM195,310.86 untuk VCD ialah 437,800 keping, kos pembuatannya ialah RM928,395.07 dan untuk MP3 iaitu Garis Panduan dan Ulasan Utama Kitab Hayat Infiniti ialah10,000 buah. Antara impak positif adalah sebagai dorongan untuk sesetengah para penganut Buddha Amitabha yang sering mendengar pendidikan agama Buddha telah secara sukarela menubuhkan Pengedaran Pendidikan Dharma Buddha Dalam Bentuk Buku, Kaset, Video Kaset, VCD dan DVD yang baru. Manakala esetengah para penganutnya pula menubuhkan Persatuan Amitabha yang baru untuk mempromosikan mazhab Tanah Suci Amitabha sebagai kepercayaan dan agama yang semakin penting terhadap golongan masyarakat Cina di Malaysia. Kadar pencapaian matlamat PABAM dalam membolehkan setiap orang memahami pendidikan agama Buddha melalui ajaran agama Buddha berpeluang menjadi Buddha pada akhir hayat hidup atau hayat-hayat hidup yang akan datang adalah semakin meningkat. Sejak tahun 1994 hingga 2014, Pengedaran Pendidikan Dharma Buddha Dalam Bentuk Buku, Kaset, Video Kaset, VCD dan DVD yang berasaskan ajaran dan ceramah Chin Kung telah mendapat sambutan yang tinggi di Malaysia dan juga di luar negara seperti China,

Taiwan, Singapore, Amerika Syarikat, Canada, Australia dan sebagainya.

Selain itu, analisis turut mendapati bahawa para penganut belajar mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia semakin ramai bilangannya kerana peranan yang disampaikan dalam bentuk Buku, Kaset, Video Kaset, VCD dan DVD. Pada zaman yang serba moden ini, Pengedaran Pendidikan Dharma Buddha Dalam Bentuk Buku, Kaset, Video Kaset, VCD dan DVD ini, kini telah berkembang dan dimajukan dalam bentuk hasilan Youtube, Internet, Website dan sebagainya. Sebagai contohnya, pendidikan Dharma Buddha dalam bentuk Hwazan Weixing Televisyen Satelit dan Hwazan Online Satellitte TV yang dimulakan di Taiwan adalah pada tahun 2003 mendapat pencapaian yang sangat memuaskan di seluruh dunia termasuk di Malaysia. Televisyen Satelit tersebut menyiarkan ajaran dan ceramah Chin Kung dengan menyebut nama Buddha Amitabha selama dua puluh empat jam selaku doa yang bermatlamt untuk mengharmonikan dunia.

Selain itu, PABAM turut menganjur dan memantau pelbagai aktiviti, contohnya Upacara Doa Mahaguru Zhong Feng Tiga Tempoh sepanjang masa menyebut nama Buddha Amitabha dan berzikir kepada Buddha Amitabha (UDMZFTT), pendidikan multi agama dan budaya dan seumpamanya. Di sini, pengkaji menghuraikan UDMZFTT bagfi memperoleh hujahan yang nyata. Sejak tahun 2004 sehingga 2014, Wu Xing dari Taiwan telah dijemput oleh PABAM dan PPABA untuk memimpin dan mempengerusikan UDMZFTT di Malaysia. Ianya dilihat mempengaruhi masyarakat tempatan di Malaysia

dalam mengingati dan berzikir kepada Buddha Amitabha, menyebut nama Buddha Amitabha adalah sangat ketara.

Semakin ramai orang di Malaysia sudah mengenali dan menganuti mazhab Tanah Suci Amitabha.Mereka turut memahami perkataan makna Amitabha dan mempraktikkan kaedah mengingati dan berzikir kepada Buddha Amitabha dan menyebut nama Buddha Amitabha. Contoh yang nyata adalah seramai 10,000 orang melibatkan diri dalam Upacara Kultivasi Sepuluh Ribu Orang dalam Mengingati dan Berzikir kepada Buddha Amitabha, menyebut nama Buddha Amitabha Selama Tujuh Hari untuk berdoa keamanan dunia dan menghapuskan malapetaka serta bencana alam. Manakala Upacara Doa Mahaguru Zhong Feng Tiga Tempoh sepanjang masa menyebut nama Buddha Amitabha dan berzikir kepada Buddha Amitabha bagi menyelamatkan roh-roh yang berada dalam haluan yang derita yang telah diadakan pada 29 Julai hingga 5 Ogos 2012.

Dari perspektif sosiologi agama, UDMZFTT mengandungi fungsi agama iaitu membekalkan dan menawarkan dunia Tanah Suci Amitabha yang kekal iaitu konsep satu dunia yang di luar alami dan hayati kita dan amat dipercayai oleh para penganut mazhab Tanah Suci Amitabha. Ahli sosiologi William Kornblum telah menunjukkan bahawa konsep dunia di luar alami lain adalah punca dan landasan sokongan kepada kepercayaan dan keimanan yang baik serta suci untuk para penganut agama di dunia ini biarpun konsep ini tidak dapat dibuktikan dan dijelaskan daripada kaedah kajian saintifik. Di

samping itu, UDMZFTT menawarkan satu gambaran dan harapan bahawa doa dapat mengubati segala penyakit dan kesakitan badan seseorang, teori ini adalah serupa dengan pendapat yang dikemukakan oleh Larry Dossey. Faedah dan manfaat yang dapat diperolehi daripada UDMZFTT ini telah menyebabkan UDMZFTT disambut meriah oleh para penganut mazhab Tanah Suci Amitabha dan golongan Buddhis sama ada di Malaysia atau pun di luar negara.

Selain itu, status pencapaian PABAM juga dapat dilihat melalui matlamat untuk menyebar dan mengembangkan ajaran agama Buddha secara berperingkat melalui Empat Misi Suci. Dalam mencapai matlamat utama ini, PABAM mengatur fokus ke arah empat aspek utama iaitu pendidikan, kebudayaan, kebajikan, dan kultivasi dimana beberapa aktiviti-aktiviti telah dianjuri dan diurusi PABAM. Seperti hasil analisis terdahulu, pengkaji telah menyenaraikan beberapa aktiviti-aktiviti yang dianjuri atau diurusi PABAM yang merangkumi empat aspek iaitu Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan di Malaysia, Pengedaran Pendidikan Dharma Buddha Dalam Bentuk Buku, Kaset, Video Kaset, VCD dan DVD, Pengurusan dan pentadbiran Kampung Amitabha Seremban di Negeri Sembilan, Malaysia dan mengurusi program sampingan di bawah Program Latihan Khidmat Negara iaitu Kursus Pengenalan kepada Agama Buddha.

Berdasarkan statistik, PABAM telah menganjuri Majlis Persahabatan

Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan di Malaysia sebanyak enam kali sejak tahun 2000 sehingga tahun 2014. PABAM menganjuri Majlis-majlis Persahabatan dengan niat untuk mencapai matlamatnya iaitu menyenaraikan garis panduan yang diasaskan Chin Kung kepada para penganut mazhab Tanah Suci Amitabha, menghimpun para pemimpin Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha di Malaysia untuk mengemas kini mengenai kemajuan dan penyebaran mazhab, serta melatih tenaga pengajar mazhab Tanah Suci Amitabha yang baru untuk menyebarluaskan mazhab Tanah Suci Amitabha. Matlamat-matlamat ini dilihat telah dicapai secara tidak langsung dalam faktor melatih tenaga pengajar mazhab Tanah Suci Amitabha yang baru. Faktor ini mencerminkan peranan penting generasi muda dalam menyebarluaskan peranan mazhab Tanah Suci Amitabha di negara ini dan peratusan sebanyak 29.17% seperti hasil analisis dalam bab keenam jelas mencerminkan bahawa dengan lebih banyak usaha oleh PABAM untuk mempromosikan organisasinya kepada generasi muda melalui rangkaian sosial media. Selain itu, Kelas Bimbingan Kitab Dizigui yang dikendalikan oleh organisasi-organisasi PPABA di Malaysia juga jelas menunjukkan peranan Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha yang efektif dalam aspek kebudayaan yang berteraskan tradisi Tionghua. Ini adalah kerana melalui ajaran kitab Dizigui yang selaras dengan misi Chin Kung, dorongan ke arah semangat kekeluargaan dapat diperkukuhkan. Melalui pengukuhan kerohanian

kekeluargaan, maka masyarakat yang didedahkan ilmu ini juga akan terpengaruh dengan amalan positif. Bukti praktikal yang dapat ditunjukkan adalah pembelajaran Dizigui di Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah-Sekolah Menengah Persendirian Bahasa Cina sebagai kursus elektif atau wajib.

Selain itu, pengurusan dan pentadbiran di Kampung Amitabha Seremban, Negeri Sembilan juga jelas menampakkan pencapaian matlamatnya iaitu merealisasikan Empat Misi Suci Chin Kung iaitu memulihkan semula agama Buddha sebagai pendidikan Buddha tradisi, meluaskan penggunaan bahasa Cina klasik, mendorong konsep kekeluargaan yang terkandung dalam tradisi orang Cina terutamanya kitab Dizigui dan mempromosikan pendidikan multi agama dan budaya. Pengkaji berpendapat bahawa misi keempat jelas menampakkan pencapaian besar PABAM pada masa depan. Dengan menjadikan Kampung Amitabha Seremban sebagai lokasi bersembahyang utama mazhab Tanah Suci Amitabha dan pusat pendidikan utama untuk PABAM dan PPABA, penganut-penganut ini telah didedahkan dengan sifat rohani dari kekuatan spiritual dan ini bermaksud bertolak ansur dalam masyarakat berbilang agama dan bangsa demi mencapai keamanan yang tulen. Maka, PABAM dan PPABA telahpun menganjur serta menyertai pelbagai aktiviti yang berunsur diskusi antara agama (*Interfaith discussions)*. Pengkaji turut berpendapat bahawa strategi ini dapat membuka saluran yang lebih luas untuk PABAM dan PPABA terus berkembang serta meningkatkan prestasinya sebagai

organisasi keagamaan dan keamanan. Melalui diskusi antara agama juga, PABAM dapat mengenal sedikit sebanyak tentang agama lain dan mencari dasar persefahaman antara agama-agama supaya ianya dicapai sebagai keutamaan ke arah keamanan dunia. Langkah ini sedang diaplikasikan oleh PABAM berserta organisasi-organisasi keagamaan dari negara-negara ASEAN yang lain seperti 'Seminar Antarabangsa Agama dan Proses Pembinaan Keamanan' di Thailand. Inisiatif ini merupakan satu dasar yang amat ketara terhadap kemajuan PABAM dalam mencapai matlamat ke arah kedamaian dunia.

Kedua, peranan keagamaan PABAM terhadap masyarakat cina tempatan dan masyarakat umum di Malaysia. Sememangnya, selama 20 tahun PABAM beroperasi di Malaysia ia telah mempengaruhi kefahaman masyarakat umum di Malaysia dan khususnya masyarakat Cina dalam aspek keagamaan. Berdasarkan statistik dari bancian taburan penduduk dan ciri-ciri asas demografi yang diterbit oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, dari tahun 2000 sehingga tahun 2010, dinyatakan bahawa terdapat penurunan pada kadar penganut Konfusianisme, Taoisme dan lain-lain agama tradisional kaum Cina iaitu sebanyak 1.3%, malah pada kadar penganut agama Buddha pula meningkat sebanyak 0.6% dalam tempoh yang dinyatakan. Pengkaji berpendapat bahawa ini merupakan refleksi yang sangat positif untuk kajian tesis. Hal adalah kerana dengan peningkatan 0.6% ini, ia dapat menunjukkan bahawa kebarangkalian penurunan pada kadar penganut Konfusianisme, Taoisme dan lain-lain agama tradisional kaum Cina

mendapat kefahaman yang lebih mendalam terhadap agama Buddha yang tepat hasil daripada kegigihan PABAM dalam menyebarkan ajaran Dharma Buddha kepada masyarakat Malaysia serta menunjukkan peranan PABAM dalam mencapai matlamatnya. Impak peranan PABAM terhadap masyarakat Cina di Malaysia dapat dilihat melalui penerangan dalam empat aspek asas iaitu dari segi pentadbiran, pendidikan, keagamaan dan kultivasi. Dalam segi pentadbiran, selain daripada penubuhan Kelas Bimbingan Kitab Dizigui yang diajar di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah-sekolah Persendirian Bahasa Cina, pengkaji mendapati pentadbiran Kampung Amitabha Seremban pada peringkat permulaan operasi selepas penubuhannya tahun 1996, juga membawa impak yang besar dalam mempengaruhi dan menarik minat masyarakat Cina. PABAM menjadikan Kampung Amitabha Seremban sebagai tempat sembahyang utama mazhab Tanah Suci Amitabha dan pusat pendidikan utama yang menganjurkan pelbagai aktiviti untuk PABAM dan PPABA. Ini adalah kerana dengan mewujudkan suatu titik rujukan atau pusat utama dimana penganut-penganut agama Buddha di Malaysia dapat dijadikan tempat sembahyang yang utama akan menarik perhatian dari masyarakat Cina tempatan yang lain dan ini akan mendorong mereka untuk lebih mengenali dan memahami ajaran tersebut.

Dari segi pendidikan pula, peranan PABAM ke atas golongan remaja secara khususnya melalui program Kursus Pengenalan Kepada Agama Buddha di bawah

PLKN selama 9 tahun dari Jun 2005 sehingga 2014. Pendedahan sesetengah masyarakat Cina di Malaysia terhadap agama Buddha kebanyakannya diajarkan oleh ahli keluarga mereka yang lebih tua seperti datuk atau nenek. Oleh kerana pendedahan yang mereka alami mungkin merangkumi ajaran yang telah lapuk atau sekadar tradisi lama. Oleh itu, dengan mengambil kursus yang mengikuti kurikulum yang ditetapkan oleh PABAM dan diluluskan oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), golongan remaja Cina yang dilatih di kem-kem PLKN mempunyai peluang untuk menghayati ilmu keagamaan Buddhisme yang praktikal dan tepat. Sehubungan dengan itu, mereka juga dapat menyampaikan ajaran Buddha yang sebenar kepada keluarga mereka dan kenalan terdekat maka dapat menjana suatu kesan limpahan (*spillover effect*) yang positif apabila dipraktikkan oleh setiap peserta dimana mesej-mesej yang disampaikan mereka akan disampaikan selanjutnya ke setiap lapisan masyarakat Cina di Malaysia.

PABAM juga berjaya mempengaruhi masyarakat Cina di Malaysia dari segi keagamaan di mana ilmu keagamaan pada majoriti masyarakatnya telahpun memahami dan mendalami ilmu keagamaan secara praktikal. Aktiviti-aktiviti kultivasi seperti berzikir dan mengingati Buddha Amitabha yang dianjurkan oleh PABAM membuahkan hasil kerana saluran dan peranan PABAM khususnya daripada pengikut mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia semakin meningkatkan kesedaran masyarakat Cina di Malaysia terhadap isu keagamaan.

Melalui semua aspek-aspek dan langkah yang diambil oleh PABAM dalam mencapai matlamat untuk menyebarkan ajaran Buddhisme, secara tidak langsung aspek kultivasi juga berjaya dicapai. Seperti yang dibuktikkan dari bancian taburan penduduk pada tahun 2000 sehingga 2010, jelas menunjukkan bahawa semakin ramai masyarakat Cina di Malaysia yang telah kembali kepada ajaran Buddhisme dari menganuti Konfusianisme, Taoisme atau lain-lain agama tradisional kaum Cina dengan peningkatan sebanyak 0.6% dalam jangka masa 10 tahun.

Ketiga, kecekapan pentadbiran program kursus pengenalan kepada agama Buddha di bawah PLKN. PABAM telah menjalankan Program Kursus Kerohanian Agama Buddha di bawah program amnya, Kursus Kerohanian Agama Universal yang diluluskan oleh JLKN atas pemantauan Kementerian Pertahanan Negara Malaysia kepada para pelatih di kem-kem di seluruh Malaysia. Untuk mengekalkan kecekapan dalam pentadbiran dari segi teknik pengajaran, PABAM telah menganjurkan bengkel-bengkel setiap tahun di negeri-negeri serata Malaysia seperti Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Johor dan Sarawak untuk mempertingkatkan prestasi tenaga pengajar dalam mengendali kelas-kelas mereka. Analisis mendapati, tujuan bengkel ini adalah untuk menyelaraskan kurikulum pelajaran kursus tersebut agar tenaga pengajar yang asal dan baru dapat beroperasi dengan lebih praktikal dan teratur di serata negara. Tindakan PABAM menjalani bengkel-bengkel ini jelas mencerminkan kepentingan yang disalurkan pihak pentadbiran

PABAM terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh ahli-ahlinya. Dengan mengekalkan hubungan antara pentadbiran utama PABAM dan badan sampingan seperti PPABA dalam menjalankan sesuatu tugas, PABAM dapat mengawasi pentadbiran yang dijalankan oleh cawangan-cawangan sampingannya maka dapat memastikan kecekapan proses pentadbiran dengan lebih terperinci. Pentadbiran kursusnya yang berpandukan kurikulum yang disahkan juga membuktikan etika pentadbiran PABAM yang teratur dan cekap dalam memastikan ilmu yang disebar adalah selari dengan ajaran Buddhisme yang praktikal dan relevan di setiap kem-kem PLKN di Malaysia. Selain daripada itu, pengkaji turut berpendapat bahawa pentadbiran PABAM bukan sahaja bermatlamatkan kepentingan organisasi sahaja, malah kepentingan masyarakat dari segi tanggungjawab sosial kepada masyarakat Malaysia di mana program-program yang dianjurkan di bawah PLKN diteliti oleh pentadbiran PABAM sebelum dilancarkan supaya memastikan aktiviti yang dirancang berlandaskan agenda PABAM memanfaatkan masyarakat. PABAM juga mengambil tanggungjawab sosial dalam menjalankan pentadbirannya di bawah PLKN dengan menghantar tenaga pengajar dari PABAM untuk mengajar kursus itu di kem-kem PLKN di Malaysia. Melalui strategi ini, jelas dilihat dengan peningkatan pemahaman agama dalam kalangan remaja Cina di kem-kem PLKN di Malaysia dan juga kecekapan pentadbiran PABAM dalam menjalani program ini dengan lancarnya selama 9 tahun.

Keempat, peranan pentadbiran PABAM terhadap 41 cawangan PPABA sepanjang

tempoh operasi. Sepanjang 20 tahun beroperasi di Malaysia, PABAM juga telah memberi kesan yang besar terhadap organisasi keagamaan Buddha di Malaysia. Kini, terdapat 41 cawangan PPABA yang ditubuhkan di Malaysia melalui peranan ajaran mazhab Tanah Suci Amitabha yang disebarkan oleh PABAM. Organisasi-organisasi PPABA ini ditubuhkan di sekitar negeri-negeri di Malaysia di bawah kawalan organisasi mereka tersendiri. Walau bagaimanapun, organisasi-organisasi ini merujuk kepada cara pentadbiran PABAM untuk beroperasi dan berkembang. PABAM juga bergiat untuk menggalakkan perkembangan badan-badan organisasi ini dengan menganjuri aktiviti-aktiviti keagamaan dengan kerjasama organisasi PPABA yang lain untuk lebih mengeratkan hubungan sesama ahli-ahli PABAM dan PPABA yang lain supaya dapat pelajari dari satu sama lain. Salah satu aktiviti yang utama dijalankan secara bekerjasama antara PABAM dan PPABA adalah lawatan Chin Kung ke Kampung Amitabha Seremban pada tahun 2002. Sepanjang aktiviti ini, Chin Kung memberi motivasi kepada ahli-ahli PABAM dan PPABA tentang proses penyebaran agama dan ajaran mazhab Tanah Suci Amitabha. Kesannya, organisasi-organisasi PPABA yang hadir mendapat panduan untuk lebih mempromosikan organisasi mereka melalui penganjuran aktiviti-aktiviti keagamaan yang boleh memanfaatkan penganut-penganut Buddha dan juga organisasi tersebut secara tidak langsung. Sebagai contoh, pada 6-7 November 2010, PABAM bersama dengan Persatuan Agama Buddha Amitabha Perak menganjurkan Majlis Persahabatan

Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan Yang Kelima di Malaysia yang bertempat di Ipoh. Pengkaji berpendapat bahawa melalui majlis-majlis sebegini, PABAM telah memberi kesan terhadap pentadbiran PPABA secara tidak langsung melalui strategi penyebaran. Majlis Persahabatan ini dianjurkan secara berterusan setiap tiga tahun antara PABAM dan PPABA telahpun dianjurkan sebanyak enam kali berturut-turut di sekitar Malaysia. Melalui kerjasama ini juga, PPABA dapat pelajari sedikit sebanyak tentang Empat Misi Suci yang diasaskan Chin Kung sebagai garis panduan matlamat organisasi mereka. Dilengkapi dengan garis panduan yang lebih jelas, pengkaji berpendapat bahawa PPABA mampu mengembangkan peranan mereka dengan tunjuk ajar PABAM ke serata Malaysia.

Kelima, penyebaran dan peranan pendidikan, keagamaan, dan pentadbiran PABAM melalui teori AGIL. Teori Fungsionalisme Struktural Baru iaitu model AGIL digunakan untuk menganalisa penyebaran dan peranan PABAM. Teori yang merujuk kepada sumber ekonomi, politik dan kerajaan serta nilai sosial ini dilihat relevan dalam menganalisa penyebaran dan peranan PABAM dalam aspek pendidikan, keagamaan, dan pentadbiran secara menyeluruh. Dalam aspek pendidikan ianya mempengaruhi masyarakat ke arah pembaharuan atau perubahan pendidikan. Syeikh Muhammad Abduh, seorang pakar undang-undang dan ilmuan agama berbangsa Mesir juga berpendapat bahawa sesuatu perubahan atau pembaharuan dalam sistem dan masyarakat adalah lebih wajar bermula

dari pendidikan. Melalui sistem pendidikan yang efektif, pemikiran generasi muda di sekolah dapat dibentuk secara lebih komprehensif. PABAM berusaha membentuk sistem pendidikan agama Buddha dengan kurikulum yang selari dengan keupayaan pelajar mengikut lingkungan-lingkungan umur yang tertentu. Seperti yang disentuh pada awal kajian ini, pada setiap tahap lingkungan umur yang tertentu, kaedah pembelajran yang digunakan juga adalah berbeza antaranya kaedah penghafalan, penerangan dan pelaksanaan untuk pelajar dalam lingkungan 6 hingga 10 tahun. Begitu juga kaedah penghafalan digunakan untuk pelajar dalam lingkungan 11 dan 12 tahun. Jenis-jenis bahan bacaan yang dipilih PABAM juga memberi kesan yang efektif. Dalam kurikulum pendidikan yang ditawar, PABAM menggunakan kitab Dizigui yang mengutamakan konsep kekeluargaan, kitab Tai Shang Gan Ying Pian yang mengutamakan konsep punca dan akibat dan kitab Shi Shan Ye Dao Jing yang mengutamakan konsep dan prinsip disiplin dalam kehidupan. Melalui pembahagian kurikulum mengikut lingkungan umur, proses adaptasi ini secara tidak langsung turut mempengaruhi PABAM dalam pembahagian sumber yang efektif, dimana sumber yang disediakan dapat dimanfaatkan pada kadar optimum serta memastikan pembelajaran dan pengajaran kitab kepada pelajar juga dapat mencapai objektif PABAM secara holistik. Dalam penghuraian bab ketiga, pengkaji mendapati beberapa kebaikan pembacaan kitab kanak-kanak antaranya dalam segi psikologi emosi, penajaman fikiran, pembentukan personaliti positif dalam jangka

masa yang panjang, meluaskan keupayaan pelajar merenung di sebalik intipati pelajaran dari kitab-kitab yang dibaca, serta pemulihan keikhlasan dan kesucian yang dimiliki kanak-kanak. Dapat lihat bahawa dari impak di atas maka lahiriah mampu dicapai dengan adanya pembahagian sumber yang sepatutnya. Dalam pada itu, dengan adanya pembahagian sumber yang efektif yang telah dilakukan oleh PABAM, keadaan lahiriah kanak-kanak yang menghadiri kelas pembacaan kitab kanak-kanak dapat direalisasikan. Ini adalah kerana, pembahagian sumber yang efektif, membawa kepada sebuah struktur organisasi yang mewujudkan sebuah budaya yang mencerminkan keadaan lahiriah yang ingin dicapai oleh organisasi ini. Apabila sebuah budaya yang dicapai melalui pembahagian sumber ekonomi yang kukuh wujud, maka proses adaptasi akan berlaku di mana seluruh organisasi tersebut wujud dalam budaya yang telah diadaptasikan ini. Selain itu, melalui kurikulum yang efektif juga dapat dilihat PABAM berjaya mempengaruhi masyarakat Cina tempatan dan menyebarkan ajaran mazhab Tanah Suci Amitabha dengan Program Kursus Kerohanian Agama Buddha yang diluluskan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) untuk diajarkan kepada golongan remaja Cina yang menyertai PLKN.

Dalam aspek g*oal attainment,* PABAM bermatlamat untuk menyampai dan memperkukuhkan Empat Misi Suci daripada Chin Kung iaitu memulihkan agama Buddha sebagai pendidikan Buddha tradisi, memperkembangkan penggunaan Bahasa

Cina Klasik secara meluas, mendorong dan meluaskan konsep kekeluargaan yang terkandung dalam tradisi orang Cina terutamanya kitab *Dizigui* serta mempromosi dan memperkembangkan pendidikan multi agama dan budaya. Melalui Teori Fungsiniolisme Struktural, kaedah-kaedah pengajaran kitab-kitab yang diteraskan PABAM selari dalam mencapai objektifnya (*goal attainment*) dalam mendidik dan menyebar agama Buddha di Malaysia. Dalam pelajaran yang ditawar oleh PABAM, dapat dilihat bahawa penerapan nilai merupakan asas yang paling utama. Dalam kajian sosiologi, nilai dan budi seseorang amat susah untuk diberi taraf kedudukan atau dianalisa melalui ujian dan peperiksaan. Dalam pada itu, perlulah dilihat aspek penerapan nilai ini melalui ahli-ahli PABAM dengan kaedah pembelajaran yang mereka telah lalui di PABAM. Pengkaji tesis berpendapat bahawa kaedah dan bahan-bahan kurikulum yang dibentuk PABAM berjaya mencapai matlamat utamanya iaitu mempraktikkan Empat Misi Suci yang diasaskan Chin Kung di mana setiap misi-misi ini dipraktikkan dalam kurikulum pendidikan yang ditawarkan oleh PABAM.

Dalam aspek i*ntegration,* proses pembelajaran PABAM menggabungkan kaedah pembelajaran di dalam kelas dan juga mempraktikkannya di luar kelas. Sebagai contoh, remaja yang berumur tiga belas tahun akan mula membuka minda dan memahami realiti kehidupan sepertimana yang terkandung di dalam kitab-kitab apabila guru menerangkan makna sebenar dan membawa para pelajar pergi lawatan sambil belajar,

mendaki gunung ataupun berjalan-jalan di tepi pantai. Dilengkapi dengan kandungan kitab-kitab yang dihafal oleh mereka sejak kecil, penerapan pelajar dari segi nilai moral dapat diperkuatkan lagi apabila mereka mendedahkan diri ke masyarakat atau alam sosial dan merenung semula terhadap ilmu agama dan moral yang dipelajari mereka. Tidak seperti ilmu pembelajaran dari segi arus perdana, ilmu penerapan ini dapat memberi impak yang lebih mendalam kepada pelajar dalam jangka hayat yang panjang. Melalui kaedah penerapan ilmu, mereka akan lebih menghargai persekitaran mereka dengan lebih bermakna dan secara beransur-ansur membentuk nilai positif dalam kehidupan mereka dan masyarakat disekeliling mereka. Kaedah pendidikan yang ditawar PABAM jelas dilihat amat berasaskan keutamaan mempelajari dan menghayati prinsip keamanan dan moral. Oleh itu, jelas dilihat pelajar dari PABAM kerap menghadiri program-program amal yang dianjuri PABAM dan melalui status keahlian mereka, penglibatan mereka dalam program PABAM juga mencerminkan identiti kedamaian PABAM.

Dalam aspek *latency,* PABAM telah cuba memelihara dan melengkapi sistem pembelajaran dengan memberi penekanan terhadap kepentingan, kesejahteraan dan keamanan keluarga, masyarakat serta negara. PABAM percaya bahawa rakyat di Malaysia perlu mempraktikkan konsep Dizigui iaitu mengekalkan dan memperkukuhkan nilai-nilai murni yang terkandung dalam ajaran agama masing-masing terutamanya agama Buddha. Teknik pengajaran ilmu oleh PABAM sangat menerapkan nilai moral dari

setiap aspek kehidupan. Melalui dakwah dalam kitab-kitab oleh tenaga pengajar. Dengan kaedah kurikulum ini, pengekalan ilmu agama serta nilai sosial yang diajari dalam agama Buddha dapat dipelihara dan juga penyebaran nilai moral juga dapat ditingkatkan. Namun demikian, pengkaji berpendapat prestasi proses pemeliharaan nilai murni dalam aspek pendidikan yang ditawarkan PABAM bolehan ditingkatkan lagi dalam arus pendidikan moden.

Berdasarkan analisis ke atas aspek keagamaan pula PABAM juga terbukti berkebolehan menyebar dan memperkembang ajaran mazhab Tanah Suci Amitabha, di peringkat domestik dan antarabangsa seperti ASEAN. Melalui penyertaan dan penganjuran PABAM dalam pelbagai bicara dan forum yang bertema 'antara agama' (*interfaith*), PABAM sebagai organisasi keagamaan diktiraf. Proses penyebaran ilmu keagamaan Buddhisme dilaksanakan oleh PABAM di peringkat domestik dan antarabangsa juga memanfaatkan PABAM pada masa hadapan. Proses ini juga membolehkan PABAM menyebarkan objektif dan ajaran mazhab Tanah Suci Amitabha kepada wakil keagamaan di negara-negara yang terlibat. Justeru, dengan adanya perlaksanaan rancangan organisasi yang efektif dan secara berperingkat, maka setiap batasan yang ditemui akan menjadi suatu cabaran demi perkembangan sesebuah organisasi dan dalam situasi ini, organisasi PABAM merupakan sebuah organisasi yang berjaya menerima dan menyelesaikan cabaran serta menandakan identiti ajaran Tanah

Suci Amitabha dan imej organisasi PABAM kepada ahli-ahli keagamaan di peringkat antarabangsa.

Penyebaran dan peranan PABAM dalam aspek keagamaan turut dapat dianalisa melalui proses mencapai matlamat penyebaran ajaran Tanah Suci Amitabha. Dalam hal ini, PABAM telah mencapai matlamat di peringkat domestik dan antarabangsa. Di peringkat domestik, PABAM sentiasa menyasar untuk mendorong masyarakat Cina dengan pengetahuan agama yang lebih mendalam seperti berzikir dan juga menganjuri forum antara agama yang bertemakan tokoh wanita dalam agama. Aktiviti upacara berzikir UDMZFTT memberi impak luas kepada masyarakat Cina di Malaysia. Dengan pengetahuan berzikir dan kaedah mengingati zikir serta lebih mengenali dan menganuti mazhab Tanah Suci Amitabha. Di peringkat antarabangsa, pelbagai majlis dan lawatan yang telah disertai PABAM untuk lebih mendalami budaya luar dan berusaha ke arah bekerjasama dengan negara-negara lain atas dasar keagamaan. Tidak dilupakan, PABAM juga berusaha mengutip dana untuk golongan yang kurang bernasib baik demi masa depan mereka yang lebih cerah. Ini dapat dilihat dari peranan PABAM sebagai penasihat dan perancang kepada Pusat Lotus Multi Budaya dan Pendidikan Filipina untuk berusaha menuju ke pendidikan percuma untuk pelajar dan meningkatkan penglibatan organisasi lain dalam pemberian dermaan dan berbakti kepada masyarakat. Melalui pencapaian matlamat tersebut, pengkaji berpendapat bahawa pencapaian ini menyumbang ke arah

pencapaian matlamat utama PABAM dalam aspek keagamaan iaitu untuk menyebarkan agama Dharma Buddha dan ajaran mazhab Tanah Suci Amitabha. Begitu juga dengan usaha PABAM ke arah pencapaian matlamat utamanya amat efektif kerana ia mencerminkan usaha ahli-ahli PABAM yang memberi impak besar dari sumbangan mereka kepada masyarakat tanpa mengira sempadan negara. Penyebaran dan peranan PABAM dalam aspek keagamaan turut dapat dianalisa dengan selanjutnya melalui keselariannya dalam mengutamakan nilai murni yang positif dalam ajaran mereka. Tugasan PABAM dalam mazhab Tanah Suci Amitabha dan ajaran utama agama Buddha yang mengutarakan niat keikhlasan dalam setiap perbuatan manusia. Ini dapat dibuktikan dari setiap aktiviti dan program yang dijalankan oleh PABAM seperti upacara berzikir yang dilaksanakan untuk memberi ketenangan pada diri mereka. Program pengutipan sumbangan kepada golongan kurang bernasib baik juga mencerminkan fokus organisasi PABAM yang berlandaskan nilai tolong-menolong. Selain itu, dengan menghadiri pelbagai program bicara antara agama peringkat antarabangsa mencerminkan bahawa PABAM adalah sebuah organisasi yang mengutamakan kedamaian antara agama dan membantu mengambil inisiatif untuk memberi bantuan dalam menangani isu-isu sosial seperti kemiskinan dan peluang pendidikan di peringkat domestik dan antarabangsa.

Penubuhan PABAM sebagai organisasi keagamaan juga dilihat berjaya membuktikan fokus mereka terhadap pemeliharan ajaran Buddha. Usaha PABAM dalam

menyertai pelbagai majlis antara agama di pelbagai peringkat mencerminkan pengekalan matlamat PABAM untuk menyebar dan memperkukuhkan ajaran agama Buddha kepada berbilang masyarakat. Di samping itu, PABAM juga berperanan untuk mengekalkan nilai-nilai yang diterapkan mazhab Tanah Suci Amitabha supaya PABAM sebagai sebuah organisasi yang seragam dapat terus beroperasi ke arah pencapaian matlamat yang sama dalam memperkukuhkan ideologi mazhab Tanah Suci Amitabha dan ajaran utama Buddha di Malaysia dan arena antarabangsa. Terdapat beberapa program yang dilaksanakan pihak PABAM dalam mengekalkan ajaran mazhab Tanah Suci Amitabha dan nilai-nilai utama ajaran Buddha di setiap peringkat dalam mencapai matlamatnya. Pengkaji berpendapat bahawa PABAM bukan sahaja dapat melangkaui peranannya ke tahap ASEAN malah dengan perjalinan hubungan bersama negara-negara yang mempunyai hubungan luar dengan organisasi ASEAN seperti Korea Selatan, China dan India, PABAM mampu melibatkan diri dalam mengatasi krisis dan isu-isu dunia bersama organisasi antarabangsa yang lain seperti Majlis Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu Hak Asasi Manusia (*United Nations Human Rights Council*) sebagai penasihat sampingan.

Berdasarkan analisis ke atas aspek pentadbiran pula, proses adaptasi secara terasnya melibatkan kebolehan PABAM dalam proses menyebar dan memperkembang ajaran mazhab Tanah Suci Amitabha. Selama 20 tahun di negara ini. Perkara ini dilaksanakan secara sistematik melalui pembahagian tugasan yang terperinci berdasarkan skop-skop

tugasan di jabatan kecil yang tertentu. PABAM menyelaraskan pembahagian tugasan secara terperinci dengan setiap bahagian mempunyai fokusnya tersendiri secara kolektifnya, membentuk ke arah pencapaian matlamat PABAM. Ini dapat dilihat melalui carta organisasinya yang terdiri daripada 9 ahli-ahli Exco yang membentuk sebuah Majlis Ahli-ahli Exco. Cartanya mempunyai fokus-fokus yang berbeza namun masih berteras ke arah matlamat PABAM. Melalui sistem desentralisasi sebegini, PABAM dapat menentukan sesetengah kelemahan atau kekurangan yang diatasi dengan lebih efektif dan terperinci kepada bahagian yang terlibat maka proses penyelesaian masalah dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan pantas. Hal ini dapat diperhatikan dari aktiviti Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan di Malaysia – dimana PABAM menganjuri majlis berbentuk kem pembelajaran mazhab Tanah Suci Amitabha, khususnya mengumpul para pemimpin untuk berbincangkan atau memperbaikkan kaedah penyebaran dan perkembangan mazhab Tanah Suci Amitabha. Melalui proses penyelesaian masalah yang cekap dari peringkat organisasi maka terlihatlah kebolehan PABAM dalam berinteraksi dalam peringkat antara organisasi seperti yang dilihat dalam pembahagian tugasan antara PABAM dan Pertubuhan Pemuda Agama Buddha atau *Youth Buddhist Association Malaysia* (YBAM) demi merealisasikan aktiviti pendidikan agama di kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

Dalam proses pencapaian matlamat pula, PABAM menyasarkan matlamat sampingan dalam proses mencapai matlamat utamanya. Matlamat sampingan yang dapat diperhatikan adalah matlamat ke arah organisasi yang tidak berpusat, atau desentralisasi demi membimbing setiap ahli organisasi PABAM untuk berusaha ke arah perlaksanaan matlamat utama PABAM iaitu menggunakan Empat Misi Suci Chin Kung sebagai panduan asas iaitu pertama, mengamal dan melaksanakan ajaran-ajaran Buddha Sakyamuni dan Buddha Amitabha. Kedua, mendidik dan mengamalkan nilai-nilai murni di kalangan ahli. Ketiga, mengamalkan prinsip-prinsip kehidupan berlandaskan ajaran Buddha Sakyamuni dan Buddha Amitabha. Keempat, mewujudkan perasaan saling bekerjasama, erat, muhibah, dan menjaga kebajikan ahli. Dalam tujuan ke arah organisasi yang tidak berpusat atau desentralisasi, PABAM mengamalkan fokus yang berbeza terhadap setiap aktiviti yang dianjurinya. Antara aktiviti tersebut adalah Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan yang dianjurkan di Kampung Amitabha Seremban, Negeri Sembilan serta aktiviti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Anjuran Majlis Persahabatan yang dianjurkan di Kampung Amitabha Seremban memberi kepentingan yang khusus untuk menerapkan lokasi itu perlu dijadikan sebagai tempat sembahyang utama mazhab Tanah Suci Amitabha di Malaysia. Oleh hal yang demikian, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di Kampung Amitabha berteraskan keagamaan mazhab Tanah Suci Amitabha dan juga

sebagai pusat pendidikan utama mazhab tersebut di negara ini. Maka matlamat utama PABAM dalam penggunaan Empat Misi Suci Chin Kung dapat direalisasikan sebagai panduan asas kepada pentadbiran Kampung Amitabha Seremban. Dalam aktiviti yang ditumpukan di PLKN pula, pengkaji mendapati bahawa pengkhususannya dalam aspek menyebar kepentingan kekuatan spiritual dalam konteks Buddhisme dalam program latihan kekuatan ketenteraan yang diajari tenaga pendidik PABAM dan YBAM. Melalui pengkhususan dalam pendidikan kekuatan spiritual ini, dapatlah PABAM merealisasikan matlamat utamanya iaitu mengamalkan penggunaan Empat Misi Suci Chin Kung sebagai panduan asas kepada proses pendidikan tersebut. PABAM turut mengadakan kursus latihan kepada tenaga pengajar PABAM baru yang akan mengajar di kem-kem PLKN di seluruh Malaysia khususnya terhadap kursus Pengenalan kepada Agama Buddha supaya ilmu yang disebari mereka adalah berlandaskan ajaran mazhab Tanah Suci Amitabha yang tepat dan menyeluruh.

Selain itu, penubuhan PABAM sebagai organisasi keagamaan juga berjaya membuktikan keselariannya dalam mengutamakan nilai murni yang positif. Setiap tugasan berteras ke arah pencapaian matlamat utama, Empat Misi Suci Chin Kung sebagai panduan asas. Aktiviti-aktiviti yang dianjur bukan sahaja bermatlamatkan kebaikan organisasi sahaja malah mementingkan juga kerohanian bermasyarakat. Oleh yang demikian, aktiviti-aktiviti berbentuk kultivasi dan berzikir beramai-ramai amat

dititikberatkan agar dapat membentuk dalam masyarakat penganut Buddha semangat berusrah yang kuat demi melahirkan masyarakat yang sesama erat. Proses desentralisasi yang diamalkan juga mengajar ahli-ahli PABAM untuk bertanggungjawab ke atas tugasan yang diberi maka membentuk sikap akauntabiliti sesebuah bahagian organisasi terhadap PABAM secara menyeluruh. Penganjuran aktiviti-aktiviti yang berlandaskan ajaran agama Buddha juga mencerminkan pengkhususan penerapan nilai-nilai murni yang tinggi oleh PABAM. Ini dapat dibuktikan dari setiap aktiviti yang dianjuri sesetengah bahagian-bahagian sampingan PABAM yang bertemakan nilai-nilai yang memanfaatkan masyarakat seperti pendidikan agama untuk kanak-kanak, remaja serta dewasa tanpa had umur dapat mencerminkan keikhlasan PABAM dalam mementingkan penyebaran ilmu yang bermanfaat kepada masyarakat. Aktiviti-aktiviti kultivasi dan berzikir juga mencerminkan kepentingan PABAM terhadap masyarakat penganut Buddha agar meningkatkan kesedaran mereka terhadap ritual agama sendiri dan mempelajarinya dengan tepat melalui PABAM agar dapat melahirkan masyarakat yang mempunyai ketenangan diri. Melalui aspek penerapan nilai murni dalam pentadbiran, pengkaji berpendapat bahawa PABAM bukan sahaja berjaya mempengaruhi pengendaliannya yang bersifat moral kepada ahli-ahli PABAM sahaja malah juga tersebar kepada organisasi-organisasi PPABA yang lain.

Peringkat ini turut memberi keutamaan dalam pengekalan nilai murni dalam

proses pengendalian organisasi PABAM dimana pengendalian pentadbirannya berlandaskan kekerapan menganjur aktiviti-aktiviti keagamaan yang bertujuan menerapkan nilai murni secara mendalam terhadap individu. Ini dapat dibuktikan dari Program Latihan Kekuatan Ketenteraan sewaktu PABAM bertugas di kem-kem PLKN yang telah dihujahkan sebelum ini. Dengan penerapan yang tinggi terhadap pembentukan kekuatan spiritual, pengkaji berpendapat bahawa ia dapat menguatkan semangat juang dan meningkatkan pretasi mereka dengan lebih baik lagi. Sifat program ini yang bertujuan memberi impak yang panjang kepada peserta lebih membuktikan lagi bahawa PABAM juga mementingkan daya hidup masyarakat terhadap nilai-nilai murni dapat dikekalkan demi masa depan yang aman kepada setiap manusia.

Di samping itu, pengkaji juga berpendapat bahawa hasil analisa terhadap perkembangan dan peranan PABAM menggunakan kajian teori Ackerman dan Lee (1990) yang memberi tumpuan pada segi identiti etnik tidak memberi impak yang ketara apabila dibandingkan dengan peranan organisasi-organisasi Amitabha di Taiwan yang lebih ketara terhadap perkembangan PABAM disebabkan aktiviti-aktiviti yang dianjuri seperti upacara berzikir dan sumber-sumber keagamaan yang diberi secara percuma oleh mereka kepada penganut-penganutnya di PABAM. Disebabkan kekurangan aspek-aspek teori di dalam kajian Ackerman dan Lee (1990), pengkaji meliputi juga kajian lanjutan mereka yang bertajuk, *Sacred Tensions: Modernity and Religious Transformation in Malaysia*

(1997). Kajian ini memaparkan pendekatan teori yang lebih jelas iaitu pendekatan kerangka teori Weber. Kajian Ackerman dan Lee (1997) menekankan peranan rasionalisasi sebagai ciri utama untuk masyarakat kelas pertengahan di Malaysia memulih dan membaharui identiti agama-agama yang dianuti mereka yang selari dengan akar budaya tersendiri. Hasil kajian ini memberi penekanan terhadap perana sekularisme yang dianggap sebagai penyebab kemerosotan budaya dan keagamaan sesebuah masyarakat, sebaliknya dalam konteks sejarah perkembangan masyarakat plural di Malaysia sebagai pembangun untuk penyebaran agama-agama umum di Malaysia serta penyebab kekuatan akar budaya dalam masyarakat plural di negara ini. Hasil kajian Ackerman dan Lee (1997) dapat memberi penjelasan terhadap perkembangan dan peranan PABAM yang meluas disebabkan pendekatan organisasi ini ke aras antarabangsa yang turut menyumbangkan ide rasionalisasi dalam PABAM seperti membawa masuk pengaruh ajaran Master Chin Kung dari Taiwan.

Berdasarkan semua analisis dan hujahan di atas, pengkaji mempunyai tiga cadangan demi masa hadapan PABAM iaitu pertama, mendirikan Kolej Penganut Agama Buddha Amitabha untuk menyelami kitab-kitab mazhab Tanah Suci Amitabha agar melaltih lebih banyak guru atau tenaga pelajar yang mahir dalam kitab-kitab mazhab Tanah Suci Amitabha untuk kegunaan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha yang terletak di seluruh pelusuk Malaysia. Kedua, mengadakan lebih banyak kursus

kesukarelawan untuk melatih lebih banyak para sukarelawan agar menjayakan pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh PABAM untuk manfaat masyarakat di Malaysia. Ketiga, membantu para ahli PABAM agar hidup sekeluarga adalah bersifat kebuddhaan yang dicontohi daripada keluarga ahli-ahli PABAM yang lain.

Cadangan yang diutarakan pengkaji tesis adalah untuk menambah visi dalam organisasi PABAM dengan melibatkan PABAM dalam proses mencapai kedamaian antarabangsa pada masa hadapan melalui saluran ASEAN sebagai dasar yang efektif untuk PABAM mengutarakan pendapatnya ke aliran global. Melalui kajian ini juga, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa terdapat hasil yang positif terhadap penyebaran dan peranan Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia dari tahun 1993 sehingga 2014, di mana jelas dilihat perkembangan pesat PABAM dalam memperkembangkan mazhab Tanah Suci Amitabha di kalangan masyarakat Cina di Malaysia dan juga di negara-negara luar. Melalui hasil perkembangan PABAM, organisasi ini berpotensi untuk beroperasi secara kolaborasi dengan organisasi-organisasi keagamaan yang bertaraf antarabangsa dan dapat bekerjasama dalam menangani isu-isu global yang meliputi insentif pendamaian melalui keagamaan.

Bibliografi

(A) Buku

Anthony, Giddens. (1972). *Capitalism and modern social theory*. London: Cambridge University Press.

Armstrong, M. Jocelyn, Armstrong, R, Warwick, Mulliner, Kent. (2012). *Chinese Populations in Contemporary Southeast Asian Societies: Identities, Interdependence and International Influence.* Routledge.

Bai, Huawen 白化文. (2003). *Hanhua fojiao yu fosi* 汉化佛教与佛寺 *(Buddhisme China Dan Kuil Buddha)*. Beijing: Beijing chubanshe.

Bai, Yuguo 白玉国. (2008). *Malaixiya huaren fojiao xinyang yanjiu* 马来西亚华人佛教信仰研究. Malaysian Chinese Buddhist faith research. Chengdu: Bashu shushe.

Dai, Kangsheng & Peng, Yao 戴康生和彭耀. (2000). *Zongjiao Shehuixue* 宗教社会学. Sociology of Religion. Beijing: Percetakan Literatur Sains Sosial.

Ding, Fu Bao 丁福保编. (1956). *Foxue Da Cidian Shangce* 佛学大辞典上册. The Big ictionary of Buddhism. Taipei: Buddhism Press.

George, Caspar Homans. (1961). *Social behavior: Its elementary forms*. New York: Harcourt, Brace, and World.

Huang, Nianzu 黄念祖. (2011). *Foshuo dacheng wuliangshou zhuangyan qingjing pingdeng jue jing jie* 佛说大乘无量寿庄严清净平等觉经解. *The Explanations of Buddha Speaks of the Infinite Life Sutra of Adornment, Purity, Equality and Enlightenment of the Mahayana School*. Taipei：Corporate Body of Hwa Dzan Pureland Teachings Propagation Foundation.

Jeffrey, C. Alexander. (1987). *Twenty Lectures: Sociological theory since World War II*. USA: Columbia University Press. Translated by Jia Chunzeng & Dong Tianmin, etc

贾春增 董天民等译. 社会学二十讲：二战以来的理论发展. Beijing: Huaxia Publishing House.

Ji, Meng 继梦. (1994). *Zhongguo Fojiao Zhuan Ru Shi Gang* 中国佛教传入史纲. The history of Buddhism was introduced into China. Taipei: Yuan Ming Press.

Jiang, Can Teng 江灿腾主编. (2011*). Taiwan's post-war history of Buddhism in Chinese Buddhism: from dual-source to the center to carry out the course of the inverse of interactive communicatio*n. Taipei: Wunan Press.

John, Rex. (1961). *Key problems in sociological theory*. London: Routledge and Kegan Paul.

Larry, Dossey. (1998). *Prayer is good medicine*.祈祷真是一帖良药. Translated by He Xiuyi 何修宜. Taipei: New Road Publishing Pte Ltd.

Johnstone, Ronald L. (1991). *Shehui zhong de zongjiao : yizhong zongjiao shehuixue* 社会中的宗教：一种宗教杜会学 *(Religion in society : A sociology of religion)*. Terj. Yi Jinli 尹今黎 & Zhang Lei 张蕾. Chengdu: Sichuan renmin chubanshe.

Lee, Hock Guan, Leo, Suryadinata. (2007). *Language, Nation and Development in Southeast Asia.* Institute of Southeast Asian Studies.

Lee, Raymond. & Ackerman, Susan Ellen. (1988). *Heaven in Transition: Non-Muslim Religious Innovation and Ethnic identity in Malaysia.* Honolulu: University of Hawaii Press.

Lee, Raymond. & Ackerman, Susan Ellen. (1997). *Sacred Tensions: Modernity and Religious Transformation in Malaysia*. Columbia: University of South Carolina Press.

Leo, Suryadinata (Ed.). (2002). *Ethnic Chinese in Singapore and Malaysia: A dialogue between tradition and modernity.* Times Academic Press.

Lewis, A. Coser. (1956). *The functions of social conflict*. New York: Free Press.

Li, Bingnan 李炳南. (1996). *Foxue Shisijiang* 佛学十四讲. Buddhism fourteen talk. Taipei: Fufong Book and DVD Pte Ltd.

Li, Shang Quan 李尚全. (2008). *Hanzhuan Fojiao Gailun* 汉传佛教概论. *The introduction to Chinese Buddhism*. Shanghai: Eastern Publishing Center.

Li, Xiang Ping & Fu Jing Min 李向平 傅敬民译. (2006). *Zongjiao Shehuixue Jingdian Kuaidu* 宗教社会学经典快读. *The fast reading of the religions sociology scriptures*. Beijing: Religious Culture Press.

Mary, Pat Fisher. (1999). Translated by Yu Shy Ya 尤淑雅. *Religion in the twenty-first century.* Taipei: Owl Publisher.

Ming, Yang 明旸. (1990). *Fofa Gaiyao* 佛法概要. Shanghai : Yuan Ming Lecture Hall.

Ong, Seng Huat 王琛发. (2006). *Malaixiya kejiaren de xinyang yu shijian* 马来西亚客家人的宗教信仰与实践. Kuala Lumpur: The Federation of Hakka Association of Malaysia.

Ouyi 蕅益. (1996). *Kitab Buddha Shakyamuni menyampaikan ajaran Amitabha Sutra ulasan utama daripada Patriak Ouyi mazhab Tanah Suci Amitabha* 佛说阿弥陀經蕅益要解. Taiwan: Persatuan Agama Buddha Amitabha Tainan.

P. McNeil, C. Townley. (1981). *Fundamentals of Sociology*. Hutchinson Educational.

Parsons, Talcott. (1967). *The Structure of Social Action, Vol. 1: Marshall, Pareto, Durkheim 2nd Edition.* Free Press.

Piyasilo. (1989). *Kosa kata Buddhis: English-Bahasa Malaysia, Bahasa Malaysia-English with Pali and Sanskrit etyma and neologisms*. Petaling Jaya: Persatuan Sahabat Sedharma Malaysia.

Poey, Tiang Peow. (2009). *Pedoman untuk menjadi seorang pelajar yang baik atau Dizigui*. Kuala Lumpur: Uniprints marketing Sdn Bhd.

Poey, Tiang Peow. (2009). *The Importance of Inter-Religious Dialogue to Promote World*

Peace: A Buddhist Perspective, Kuala Lumpur: Uniprints Marketing Sdn Bhd.

Ralf, Dahrendorf. (1959*). Class and class conflict in industrial society*. Stanford: Stanford University Press.

Sharon, A. Carstens. (2005). *Histories, Cultures, Identities: Studies in Malaysian Chinese Worlds*. Singapore: NUS Press.

Shu, Guoxun. 苏国勋. (1988). *Lixing hua ji qi xianzhi : wei bo sixiang yinlun* 理性化及其限制：韦伯思想引论. Shanghai: Shanghai renmin chubanshe.

Soo, Khin Wah 苏庆华& Pu, Wen Qi 濮文起. (2002). *Practising universal values: Soka Gakkai Malaysia's Peace, Culture and Education movement* 普世价值的实践 馬來西亞创价学会的和平、 文化与教育运动. Tianjin: Social Science Press. 天津社会科学院出版社.

Song, Linfei 宋林飞. (1997). *Xifang Shehuixue Lilun* 西方社会学理论. *Western Sociology Theory*. Nanjing: Nanjing University Press.

Talcott, Parsons. (1937). *The structure of social action*. New York: Free Press.

Talcott, Parsons & Neil J. Smelser. (1956). *Economy and society*. New York: Free Press.

Tan, Chee Beng. (2002). *Chinese Minority in a Malay State: The Case of Terengganu in Malaysia*. Eastern Universities Press.

Tan, Chee Beng, Kam Hing Lee. (2000) *The Chinese in Malaysia*. Oxford University Press.

Tan, Chee Beng 陈志明. (1991). *The Development and Distribution of Dejiciao Associations in Malaysia and Singapore* 马新德教会之发展及其分佈研究. *A study on A Chinese Religious Organization*. Translated by Soo Khin Wah 苏庆华. Kuala Lumpur: Agents' Digest (M) Sdn Bhd.

Tan, Pin Wooi 陈秉玮. (2014). *A Study of the Founding and Development of the Federation of True Buddha School Malaysia, 1996-2013*. Klang: Daden Culture (M)

Sdn. Bhd.

Tang, Chew Peng 陈秋平. (2004). *Yimin yu fojiao: ying zhimin shidai de bincheng fojiao* 移民与佛教：英殖民时代的槟城佛教. Skudai: Kolej Selatan.

Ung-Ho Chin, Minority Rights Group. (2000). *The Chinese of South-East Asia: Minority Rights Group International Report.* Minority Rights Group International.

Wang, Xiao Zhao & Li Lei 王晓朝 李磊编. (2006). *Zongjiaoxue Daolun* 宗教学导论. The introduction to religious study. Beijing: Capital Economic and Trade University Press.

Weber, Max. (1997). *Jingji yu shehui (xia juan)* 经济与社会（下卷） *[Economic and Society]*. Terj.. Lin Rongyuan 林荣远. Beijing: Shangwu yinshuguan.

Workbook (2013). *Religions for Peace, 9th World Assembly*. Austria, Vienna.

Workbook (2014). *Asian Conference of Religions for Peace, The 8th General Assembly of ACRP, 25th – 29th August 2014 at Incheon, Songdol*, Republic of Korea.

Xiao, zhenshi 萧振士. (2014). *Zhongguo Fojiao Wenhua Jianming Cidian* 中国佛教文化简明辞典 Concise dictionary of Chinese Buddhist culture. Beijing: Shijie Tushu Press Beijing Company.

Yang, Zeng Wen Edited 杨曾文编. (1993). *Dangdai Fojiao* 当代佛教. Contemporary Buddhism. Beijing: Eastern Press.

Yi, Ling Bo 于凌波. (1997). *Xiang zhishi fenzi jieshao fojiao* 向智识份子介绍佛教. *Introduction Buddhism to Elites.* Taiwan: Buddha Education Foundation.

Yin, Guang 印光. (2002).*Yin Guang dashi wenchao jinhualu* 印光大师文钞菁华录. Master Yin Guang's essence articles and records. Taiwan: Jia Fang Printer.

Yin, Shun 印顺. (1987). *Yindu zhi fojiao* 印度之佛教. Taipei: Zhenwen Publishing Pte Ltd.

Zhou, Qinghua 周庆华. (1999). *Xinshidai de zongjiao* 新时代的宗教. Taipei: Yangzhi Culture Publishing Pte Ltd.

Zhou, Weimin & Tang Lingling 周伟民和唐玲玲. (2002). *Zhongguo He Malaixiya Wenhua Jiaoliushi* 中国和马来西亚文化交流史 History of cultural exchange between China and Malaysia. Haikou: Hainan Press.

Zurcher, E. (1972). *The Buddhist Conquest of China: The spread and adaptation of Buddhism in early medieval China.* Leiden: E.J. Brill.

(B) Artikel Dalam Jurnal

Ahmed, H. Al-Rahim. (2006). Islam and Liberty. *Journal of Democracy*, 17 (1), 166-169.

Bell, R. (1968). *The Journal of Politics, 30*(2), 584-585.

Bellah, R. (1979). Talcott Parsons (1902-1979). *Journal for the Scientific Study of Religion, 18*(4), 454-456.

Blumstock, R. (1978). *The Canadian Journal of Sociology / Cahiers Canadiens De Sociologie, 3*(2), 285-286.

Boskoff, A. (1950). The Systematic Sociology of Talcott Parsons. *Social Forces, 28*(4), 393-400

Bourdieu, Pierre. (1989). Social Space and Symbolic Power, *Sociological Theory,* (7) 1, 14-25.

Camic, C. (2005). From Amherst to Heidelberg: On the Origins of Parsons's Conception of Culture. In Fox R., Lidz V., & Bershady H. (Eds.), *After Parsons: A Theory of Social Action for the Twenty-First Century* (pp. 240-264). Russell Sage Foundation.

Dirlik, A. (2002). Postmodernism and Chinese History. In Wang Q. & Iggers G. (Eds.), *Turning Points in Historiography: A Cross-Cultural Perspective* (pp. 287-324). Boydell and Brewer.

Fox, R., Lidz, V., & Bershady, H. (Eds.). (2005). *After Parsons: A Theory of Social Action for the Twenty-First Century*. Russell Sage Foundation.

Goossaert, V., & Ownby, D. (2008). Mapping Charisma in Chinese Religion: Introduction and Glossary. *Nova Religio: The Journal of Alternative and Emergent Religions, 12*(2), 3-11.

Gould, M. (1983). *American Journal of Sociology, 88*(5), 1037-1040.

Green, C. (1967). *Midwest Journal of Political Science, 11*(4), 525-526.

Huaco, G. A. (1986). Ideology and General Theory: The Case of Sociological Functionalism. *Comparative Studies in Society and History,* 28 (1), 34-54.

Miller, C. (1962). Ethics, 72(2), 143-144.

Martin, D. (1979). Talcott Parsons: 1902-1979. The British Journal of Sociology, 30(3), 265-266.

McFALLS, L. (Ed.). (2007). Max Weber's 'Objectivity' Reconsidered. University of Toronto Press.

Munch, Richard. (1982). Talcott Parsons and the Theory of Action. II. The Continuity of the Development. *American Journal of Sociology,* 87 (4), 771-826.

Parsons, Arthur S. (1983). International Social Science Review, 58(2), 109-110.

Pisarev, A. (2014). Soviet Sinology and Two Approaches to an Understanding of Chinese History. China Review, 14(2), 113-130.

Poey, Tiang Peow (2013). Religions in progress or regress: Inner Strength matters, from the Buddhist perspective. *International Journal of Management & Information*, 7 (1), 912-923.

Procter, I. (1980). Voluntarism and Structural-Functionalism in Parsons' Early Work. *Human Studies, 3*(4), 331-346.

Robertson, R. (1982). Talcott Parsons on Religion: A Preface. *Sociological Analysis,*

43(4), 283-285.

Sciulli, D., & Gerstein, D. (1985). Social Theory and Talcott Parsons in the 1980s. *Annual Review of Sociology, 11*, 369-387.

Talcott Parsons, 1902-1979. (1979). *Theory and Society, 8*(2), 299-301.

Tam, Wai Lun. (2001). Integration of the Magical and Cultivational Discourses : A Study on a New Religions Movement called the True Buddha School. *Monumenta Serica : Journal of Qriental Studies*, 49, 141-169.

Tan, Chee Beng (1983). Chinese Religion in Malaysia: A General View. *Asian Folklore Studies*, 42 (2), 217-252.

Tenney, C. (1908). Chinese History. *The Washington Historical Quarterly, 2*(2), 99-104.

Varma, V. (1981). TALCOTT PARSONS AND BEHAVIOURAL SCIENCES. *The Indian Journal of Political Science,* 42(2), 1-13.

Westby, D. (1981). Parsons Interpreted Again. *Contemporary Sociology, 10*(5), 627-628.

Yoshihara, K., & 吉原和男. (1988). Dejiao: A Chinese Religion in Southeast Asia. *Japanese Journal of Religious Studies, 15*(2/3), 199-221.

(C) Jurnal

Tan, Chee Beng ed. (1990). *The Preservation & Adaptation of Tradition: Studies of Chinese Religious Expression in Southeast Asia. Contributions to Southeast Asian Ethnography, No. 9 December, 1990.*

(D) Bab dalam buku

Ching, Thing Ho 郑庭河 (2003) Minjian xinyang simiao zhuanxing zhong de fojiao yinsu: Jilongpo tian hou gong gean yanjiu 民间信仰寺庙转型中的佛教因素：吉隆坡天后宫个案研究 (Folk beliefs temple in transition with Buddhism elements: A

case study of Thean Hou Temple in Kuala Lumpur). Dlm. Xu Yun Fa, Century-old shop ne born again: The past, present and future of the association. 许运发, 百年老店要重生：社团的过去、现在和未来. (hlm. 55-66). Kuala Lumpur: Selangor & Kuala Lumpur Hainan Association.

Ding, Ren-jie 丁仁杰. (2004). *Duiyu Lu Sheng-yan zhen fo zong jiaotuan de yi ge chubu jieshao* 对于卢胜彦真佛宗教团的一个初步介绍. Dlm. Shehui fenhua yu zongjiao zhidu bianqian: dangdai Taiwan xinxingzongjiao xianxiang de shehui kaocha (Taiwan yanjiu congkan) 社会分化与宗教制度变迁：当代台湾新兴宗教现象的社会考察 (台湾研究丛刊). (hlm. 541-607). Taibeishi: Lianjing chuban shiye youxiangongsi.

KING, A., & LIZHU FAN. (2007). A Sociological Paradigm in the Study of Chinese Religion: C. K. Yang's Religion in Chinese Society. In WENFANG TANG & HOLZNER B. (Eds.), *Social Change in Contemporary China: C.K. Yang and the Concept of Institutional Diffusion* (pp. 57-62). University of Pittsburgh Press.

Leong, Chew Moi 梁秋梅. (2010). *Qianxi Foguangshan zai malaixiya de fazhan* 浅析佛光山在马来西亚的发展. Dlm. Kek Lian Wah, & Leong Chew Moi (Eds.), Malaixiya fojiao huigu yu qianzhan 马来西亚佛教回顾与前瞻 (Retrospective and Perspective of Malaysian Buddhism), hlm. 101-118, Petaling Jaya: Buddhist Research Society of Malaysia.

Lian, Zai 莲栽. (2005). *Jingangcheng: zhengwu de tianti* 金刚乘：证悟的天梯. Dlm Zhongguo zhen fo zong mijiaozonghui (Ed.), *2004 nian Taiwan mizong yantaohui lunwenji* 2004 年台湾密宗研讨会论文集 (hlm. 1-39). Nantouxian caotunzhen: zhen fo zong.

Luh, Cheng Sun 骆静山. (1984). Dama bandao huaren zongjiao de jinxi 大马半岛华人宗教的今昔 Dlm. Lim Chooi Kwa, & Luo Jingshan (Eds.), *Malaixiya huaren shi* 马来西亚华人史 *[The History of Chinese in Malaysia]* (hlm. 409-449), Kuala Lumpur:

The Federation of Alumni Associations of Taiwan Universities, Malaysia.

Liu, Yu Guang 刘宇光. (2013). Modern Chinese Buddhism religious education: Observations and reflections 现代汉传佛教宗教教育：观察与反思. Dlm. Third International Conference on Malaysian Buddhism: Developing the road on Malaysian Buddhism 第三届马来西亚佛教国际研讨会：开拓大马佛教教育之路. Shah Alam: The Buddhist Research Society of Malaysia (BRSM) 马来西亚佛教研究学会 on 27th October 2013.

Luo, Cheng Sun 骆静山. (1984). *Dama bandao huaren zongjiao de jinxi* 大马半岛华人宗教的今昔 Dlm. Lim Chooi Kwa, & Luo Jingshan (Eds.) , *Malaxiya huaren shi* 马来西亚华人史 (*The History of Chinese in Malaysia*), (hlm. 409-449). Kuala Lumpur: The Federation of Alumni Associations of Taiwan Universities, Malaysia.

Pip Jones, Liz Bradbury & Shaun Le Boutillier (2011). *Introducing Social Theory*, Second Edition, UK: Polity Press.

Shi, Zhao Hui 释昭慧. (2012). *Dangdai fojiao shehui guanhuai de sanda fanxing* 当代佛教社会关怀的三大范型 Dlm. Zhao Wenzong & Liu Yuguang 赵文宗和刘宇光 (Eds.), *Xiandai fojiao yu huaren shehui* 现代佛教与华人社会 (*Contemporary Buddhism and Chinese Society*) , (hlm.141-160). Hong Kong: Red Publisher Round Table Culture.

Soo, Khin Wah 苏庆华. (1998). *Malaixiya huaren zongjiao shi gaishu* 马来西亚华人宗教史概述. Dlm. Lim Chooi Kwa. (Ed.), *Malaixiya huaren zongjiao shi xin bian (di san ce)* 马来西亚华人史新编（第三册）. (hlm. 419-468). Kuala Lumpur: Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia.

Soo, Khin Wah 苏庆华. (2004) Cong mazu chongsi dao mazu wenhua yanjiu: yi ma xin liang guo weili. 从妈祖崇祀到妈祖文化研究：以马、新两国为例 (From the idolization of Mazu to cultural study of Mazu: The examples of Malaysia and

Singapore). Dlm. Soo, Khin Wah, Chinese in Malaysia and Singapore: Selected Essays (Volume I). 马新华人研究：苏庆华论文选集（第一卷）. (hlm. 81-96). Kuala Lumpur: Soka Gakkai Malaysia.

Soo, Khin Wah 苏庆华. (2009) Malaixiya yiguandao de lishi ji qi fazhan jinkuang. 马来西亚一贯道的历史及其发展近况 (The history and current development of the Yiguan Dao (Unity Sect) in Malaysia). Dlm. Soo, Khin Wah, Chinese in Malaysia and Singapore: Selected Essays (Volume II). 马新华人研究：苏庆华论文选集（第二卷）. (hlm. 129-149). Selangor: United Publishing House (M) Sdn. Bhd.

Soo, Khin Wah 苏庆华. (2009) Ertong dujiang yundong zai Malaixiya. 儿童读经运动在马来西亚 (Children scripture reading campaign in Malaysia). Dlm. Soo, Khin Wah, Chinese in Malaysia and Singapore: Selected Essays (Volume II). 马新华人研究：苏庆华论文选集（第二卷）. (hlm. 246-247). Selangor: United Publishing House (M) Sdn. Bhd.

Soo, Khin Wah 苏庆华. (2010) *Hongdao haiwai: Yiguan Dao Fayi Chongde zai xinjiapo malaixiya he taiguo de zhuanyang yu fazhan*. 弘道海外：一贯道发一崇德在新加坡、马来西亚和泰国的传扬与发展 (Promoting teaching to overseas: The promoting and development of the Yiguan Dao (Unity Sect) in Singapore, Malaysia and Thailand). Dlm. Soo, Khin Wah, Chinese in Malaysia and Singapore: Selected Essays (Volume III). 马新华人研究：苏庆华论文选集（第三卷）. (hlm. 35-63). Selangor: United Publishing House (M) Sdn. Bhd.

Tam, Wai Lun 谭伟伦. (2005). Xin 'zongjiao' yu xin 'jiaopai' zhi bian : dui zhen fo zong yanjiu yi ge kuaxueke de changshi 新"宗教"与新"教派"之辩：对真佛宗研究一个跨学科的尝试 (Re-examining the True Buddha School: A 'New Religion' or a New 'Buddhist Movement'?). Dlm. Zhongguo zhen fo zong mijiaozonghui (Ed.), *2004 nian Taiwan mizong yantaohui lunwenji* 2004 年台湾密宗研讨会论文集. (hlm.

180-203). Nantouxian caotunzhen: zhen fo zong.

Yao, Yu-shuang 姚玉霜 (1996) *Liangge Taiwan fojiao tuanti yu lundun fazhan de yanjiu: London foguang si yu zhen fo zong zhenwei tang* 两个台湾佛教团体于伦敦发展的研究：伦敦佛光寺与真佛宗真伟堂 (A Study on the Development of Two Chapter of Two Chinese Buddhist Communities in London: The Foguang Temple and the Zhenwei Chapter of the True Buddha School in London). Dlm. Caituan faren fo guang shan wenjiao jijinhui (Ed.), *1996 nian foxue lunwen ji (yi): dangdai Taiwan de shehui yu zongjiao* 1996 年佛学论文集（一）：当代台湾的社会与宗教 (The Collection of Essays on Buddhist Studies I: Religion and Contemporary Taiwanese Society). (hlm. 325-358). Taipei: Fo guang chubanshe.

Zheng, Zhi-ming 郑志明. (2000) Lu Sheng-yen yu lingxian zhen fo zong 卢胜彦与灵仙真佛宗 (Sheng-yen Lu dengan Agama Buddha Tantrayana). Dlm. *Dang dai xinxingzongjiao : xiuxing tuanti pian* 当代新兴宗教：修行团体篇. (hlm. 197-255). Jiayi: Centre for the Studies of Religious Culture, University of Nanhua.

(E) Tesis dan Kertas Kerja Persidangan

Chen, Shu-chen. (2007). *Cultural Change of Indian Pure Land Buddhist Teaching in Chinese and Tibetan Buddhism*. Unpublished Ph.D Thesis, University of Virginia.

Chin, Kung. (2011). *The mission of religions to save the world*. The ACRP Executive Committee Meeting Kuala Lumpur on 23-25 May 2011.

Chin, Kung. (2014). *Multicultural harmony: Gateway to Peace*. Speech in Jakarta, Indonesia May 13-15 2014. Hong Kong: Hong Kong Buddhist Education Foundation Ltd.

Soo, Khin Wah. (1997). *A Study of the Yiguan Dao (Unity Sect) and its Development in Peninsular Malaysia*. Unpublished Ph.D. Thesis, University of British Columbia.

_____. (2007) True Buddha School in Malaysia: Its Spread and Present Development. Unpublished paper presented at the World Vajrayana Esoteric Buddhism Conference, Edmonton, Canada, 1-15.

(F) Artikel dalam majalah

Hong, Gu 洪古. (2006) *Zhongguo Tuxian Fojiao Daguo Xingxiang* 中国凸显佛教大国形象 (China highlighting the Buddhist image of a big country). Dlm. Ci Bei Majalah Buddha,Vol.55, hlm, 8 & 14. Petaling Jaya: Kwan Inn Teng Foundation, Ci Bei Majalah.

Lai, Hong Jian 赖鸿建. (2010) Woguo zuiyoujiu de huaren miaoyu Maliujia Qing Yun Ting 我国最悠久的华人庙宇马六甲青云亭 (Rumah Berhala Orang Cina Yang Paling Lama Di Tanah Air Kita). Dlm. Ci Bei,Vol.71, hlm, 12. Petaling Jaya: Dana Kwan Inn Teng, Majalah Buddha.

Lian, Mu 莲沐. (1996). Wu ti 无题. Dlm. Benjue tang (Ed.). *Shaba benjue tang chengli shizhounian jinian tekan* 沙巴本觉堂成立十周年纪念特刊 (*Majalah Souvenir Ulang Tahun Ke-10 Benjue Tang*). (hlm. 14). Kota Kinabalu: Benjue Tang.

Lianhu, Leizang Si. (1997). *Malaixiya shaba zhou douhu zhen fo zong lianhu leizang si chengli shizhounian (1987-1997) jinian tekan* 马来西亚沙巴州斗湖真佛宗莲湖雷藏寺成立十周年（1987-1997）纪念特刊 (*Majalah Souvenir Ulang Tahun Ke-10 [1987-1997] Lianhu Leizang Si*), Tawau: Lianhu Leizang Si.

Lianhua, Zhengren. (2004). Yuanqi yiwai 缘起以外 (Beyond Casual Beginning). Dlm. Miaoli Leizang Si. (Ed). *Zhen fo zong shiwu miaoli leizang si luocheng kaimu dadian jinian teji* 真佛宗诗巫妙理雷藏寺落成开幕大典纪念特辑 (*Commemorative Souvenir on Occasion of Grand Opening of the Sibu True Buddha School Miaoli Monastry*). Sibu: Miaoli Leizang Si.

Lian Yu 莲育. (2008). *Zhen fo faliu bian shifang : Seattle leizang si huigu te kan* 真佛法流遍十方：西雅图雷藏寺回顾特刊 (*Turning the True Buddha Dharma Wheel : Special Review Edition for Ling Shen Ching Tze Temple of Seattle*). Taibeixian sanchongshi: Baojiali.

Ong, Seng Huat 王深发.(2014) Nanyang fojiao shiyegongsi de cheng yu bai 南洋佛教实业公司的成与败 (Kejayaan dan Kegagalan Syarikat Agama Buddha Lautan Selatan). Dlm. Ci Bei Majalah Buddha,Vol.85, hlm. 30. Petaling Jaya: Dana Kwan Inn Teng, Majalah Buddha.

Tan, Yunn Sheng 陈云绅. (2009). *Malaixiya zhen fo zong mijiao zonghui guanghui shizai huigu tekan: maben shifang guang hongfa . mi yan jingtu fang hongguang* 马来西亚真佛宗密教总会光辉十载回顾特刊：马奔十方广弘法 · 密严净土放虹光 (*Special Review Edition for Persekutuan Agama Buddha Tantrayana Chen Foh Chong*). Klang: MMZ.

Tan, Yunn Sheng 陈云绅. (2009). *Malaixiya zhen fo zong mijiao zonghui guanghui shizai huigu tekan: maben shifang guang hongfa . mi yan jingtu fang hongguang* 马来西亚真佛宗密教总会光辉十载回顾特刊：马奔十方广弘法 · 密严净土放虹光 (*Special Review Edition for Persekutuan Agama Buddha Tantrayana Chen Foh Chong*). Klang: MMZ.

True, Buddha School's Weekly Newspaper Versi Antarabangsa (*TBSWN* [A]). 21 Jun 2001; 28 Februari 2008.

(G) Buku-buku Spiritual

Chin, Kung. (2004). *Reports of Professor Chin Kung's global endeavour to promote peace and education*. Selangor: Majujaya Indah Sdn. Bhd.

Chin, Kung. (2006). *Buddhism: The wisdom of compassion and awakening*. Taipei:

Fufong Book and DVD Pte Ltd.

Chin, Kung. (2008). *One humanity, many faiths. Selected excerpts from venerable Master Chin Kung' s learning from religious texts*. Australia: Pure Land Learning College, Australia.

Chin, Kung. (2008). The fundamental cause of political and religious violence, and the way to resolve it. Plenary speech prepared for the Second World Peace Forum on 24-26th June 2008 in Jakata, Indonesia. Australia: Pure Land Learning College, Australia.

Chin, Kung. (2010). *Xiuxue liuhejing* 修学六和敬 Kultivasi dan pembelajaran dalam Enam Prinsip Keharmonian. Perak: Yixin Percetakan.

Chin, Kung. (2012). *Jintu dajingjie yanyi* 净土大经解演义 (Pure land Infinite Sutra explanation and meaning description) . Vol. 8. Taipei: Fufong Book and DVD Pte Ltd.

Chin, Kung. (2012). *Jintu dajingjie yanyi* 净土大经解演义 (Pure land Infinite Sutra explanation and meaning description) . Vol. 9. Taipei: Fufong Book and DVD Pte Ltd.

Chin, Kung. (2014). *Multicultural harmony: gateway to peace*. Prof. Chin Kung's speeches in Jakarta, Indonesia on 13-15th May 2014. Hong Kong: Hong Kong Buddhist Education Foundation Ltd.

Guanyin World Peace and Harmony Puja. (2007) In conjuction with the celebration of the Malaysia 50th Anniversary of Independence on 30th July 1th August 2007 at Stadium National Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Lu, Sheng-yen. (1983). *Heijiao Heifa* 黑教黑法 (*Bon and Its Magic*). Hong Kong: Qingshan chubanshe.

Lu, Sheng-yen. (1984). *Xiao xiao chanwei* 小小禅味 (*A Little Taste of Zen*). Hong Kong:

Qingshan chubanshe.

Malaysian Study tour To China On Multi Cultures and Religions (2008). Religious harmony, world peace. Selangor: Cheng Ho Multi Culture Education Trust.

Peace and harmony. (2007). Buddhist contributions to humanity and sustainable development of world peace. Toowoomba: Pure Land Learning College.

Shamsuddin, Din. M. (2008). Addressing facets of violence: What can be done? The forum held on 24-26 June 2008, Jakarta, Indonesia. The Second World Peace Forum. Co-organized by Muhammadiyah, Centre for Dialogue and Cooperation among Civilizations (CDCC), Indonesia and Cheng Ho Multi Culture Education Trust, Malaysia.

The Association of Confucianism Malaysia. (2004). *Ertong jingdian jiaoshi Jiangxi shouce* 儿童经典教师讲习手册 (Teachers' teaching book manual of children scripture). Printed in September 2004 at Kuala Lumpur.

(H) Penerbitan Dalaman Mazhab Tanah Suci Amitabha

Bianzhao 遍照. (2005) Malaixiya jingzong xuehui xinhuisuo luocheng kaimu dianli ji chengli shi zhounian jinian tekan 马来西亚净宗学会新会所落成开幕典礼暨成立十周年纪念特刊 (The commemorative publication of the tenth anniversary of the opening ceremony and new building launching of Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia), 22 Oktober 2005. Kuala Lumpur: Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia.

Buku Bengkel wakil negeri dan guru peringkat kebangsaan keempat untuk Program Latihan Khidmat Negara (2011). Bengkel ini diadakan pada tarikh 10hb –12hb Disember 2011 di Hotel Crystal Crown yang terletak di Kepong, Kuala Lumpur. Kuala Lumpur: Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia.

Buku Bengkel wakil negeri dan guru peringkat kebangsaan keempat untuk Program Latihan Khidmat Negara (2014). Bengkel ini diadakan pada tarikh 6hb – 7hb Disember 2014 di Pusat Pendidikan Kampung Amitabha yang terletak di Seremban, Negeri Sembilan. Kuala Lumpur: Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia.

Catatan dokumen Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan di Malaysia 马来西亚全国净宗学会联谊会 pada tahun 2000.

Directory of Amitabha Buddhist Societies in Malaysia (2009). *The Third and Fourth national level of directory of Amitabha Buddhist Societies in Malaysia* 第三届与第四届马来西亚全国净宗学会联谊会通讯录. Kuala Lumpur: Amitabha Buddhist Society Malaysia.

Directory of Amitabha Buddhist Societies in Malaysia (2009). *Jingzong tongxue xiuxing shouze* 净宗同学修行守则 Peraturan kultivasi untuk para penganut mazhab Tanah Suci Amitabha. Kuala Lumpur: Amitabha Buddhist Society Malaysia.

Risalah kursus latihan untuk para guru Kelas Belajar Buddha yang diadakan pada tarikh 4-5hb Januari 2014 di Dewan Pengajaran Kitab, Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia.

Guanyin World Peace and Harmony Prayer (2007). *Restore world peace, promote interfaith unity and establish a harmonious society*. Kuala Lumpur: Amitabha Buddhist Society Malaysia.

Risalah kursus latihan untuk para guru Kelas Belajar Buddha yang diadakan pada tarikh 4-5hb Januari 2014 di Dewan Pengajaran Kitab, Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia. .

Wu, Xing (2013). Buku Risalah Zhong feng san shi xi nian quan ji 中峰三时系念全集 (Upacara Doa Mahaguru Zhong Feng Tiga Tempoh sepanjang masa menyebut nama Buddha Amitabha dan berzikir kepada Buddha Amitabha). Petaling Jaya: Gloverin.

(I) Minit Mesyuarat

Minit Catatan Mesyuarat Agung Ketiga PABAM pada tarikh 13hb Mei 1997.

Minit Catatan Mesyuarat Agung Ketigabelas PABAM pada tarikh 13hb Mei 2007.

Minit Catatan Mesyuarat Agung Kesembilanbelas PABAM pada tarikh 13hb Mei 2012.

Minit Catatan Mesyuarat Agung Kesembilanbelas PABAM pada tarikh 12hb Mei 2013.

Minit Catatan Mesyuarat Agung Khas PABAM pada tarikh 12hb Oktober 2013.

Minit Catatan Mesyuarat Agung Keduapuluhsatu PABAM pada tarikh 11hb Mei 2014.

Minit Catatan Mesyuarat Ahli Exco PABAM pada tarikh 19hb Oktober 2014.

Minit Catatan Mesyuarat Agung Keduapuluhsatu PABAM pada tarikh 10hb Mei 2015.

(J) Laman Web

http://id.wikipedia.org/wiki/Amitabha (tarikh diakses 15 December 2013).

http://www.amtb.org.tw/e-bud/releases/society.htm (tarikh diakses 3 Jun 2010).

(K) Dokumen Latihan Dalaman PABAM

Catatan dokumen Kursus Latihan Kelas Agama Buddha Amitabha untuk para guru secara keseluruhan (2014) yang dianjurkan oleh PABAM pada tarikh 4hb-5hb Januari 2014 yang bertempat di Dewan Ajaran Kitab, PABAM , Kuala Lumpur.

Konstitusi Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia (2000). Dari Bahasa Inggeris yang disiapkan pada 31 Januari, 2000.

(L) Suratkhabar

Ta, Kung Pao (大公报) of Hong Kong, tarikh 10hb September 2013, kolum A31.

(M) Penerbitan Pengkaji Tesis Yang Berkaitan Dengan Tesis Ini

Poey, Tiang Peow (2015). The study on the influence of the Master Chin Kung Model

towards the spread and the growth of the Amitabha Buddhist Society Malaysia. The Fourth International Conference on Malaysian Buddhism. Shah Alam: Buddhist Research Society of Malaysia.

Poey, Tiang Peow (2014). *Tantao xinjing yu nianfo wangsheng xifang jile shijie de guanxi* 探讨《心經》與念佛往生西方极乐世界的關係 (Exploring the relationship between Heart Sutra and reciting the name of Amitabha Buddha to reborn into the Western Pure Land of Amitabha Buddha). Dlm. Ci Bei Majalah Buddha,Vol.87, hlm. 14-17. Petaling Jaya: Dana Kwan Inn Teng, Majalah Buddha.

Poey, Tiang Peow (2014). Cong hanzhuan fojiao de jiaodu kan neizai liliang yu zongjiao xingshuai de guanxi 从汉传佛教的角度，看内在力量与宗教兴衰的关系 (Religions in progress or regress: Inner strength matters, from the Chinese Buddhist perspective). Dlm. Ci Bei Majalah Buddha,Vol.86, hlm. 104-107. Petaling Jaya: Dana Kwan Inn Teng, Majalah Buddha.

Poey, Tiang Peow (2013). *Religions in progress or regress: Inner strength matters, from the Buddhist perspective*. International Journal of Management & Information Technology. ISSN 2278-5612 Vol.7, No.1 November 2013, Page 912-923. http://cirworld.com/index.php/ijmit/article/view/712681/1856.

persatuanagama buddha

Lampiran 1.1: Antara Gambar Aktiviti-Aktiviti PABAM di Malaysia dan di Peringkat Antarabangsa

Gambar 1: Penggunaan bangunan baru PABAM pada tarikh 22 Oktober 2005
Sumber: Gambar dibekalkan oleh Bahagian Gambar, PABAM

Gambar 2: Majlis perasmian bangunan baru PABAM
sempena dengan Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-Sepuluh
Sumber: Gambar dibekalkan oleh Bahagian Gambar, PABAM

Gambar 3: Sebahagian para guru pendidikan agama Buddha PABAM pada tarikh 19 November 2014. Poey Tiang Peow adalah selaku Ketua Pendidikan Agama Buddha PABAM (Kanan Keenam)

Sumber: Gambar daripada Poey Tiang Peow

Gambar 4: Poey Tiang Peow sebagai penceramah dalam Bicara Perpaduan Antara Agama

Sumber: Gambar daripada Poey Tiang Peow

Gambar 5: Poey Tiang Peow sebagai penceramah dalam Bicara Antara Agama

Sumber: Gambar daripada Poey Tiang Peow

Gambar 6: PABAM dalam Majlis Pujaan Bodhisattva Guanyin yang diadakan di Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada tahun 2007

Sumber: Gambar daripada PABAM

Gambar 7: Rombongan Lawatan Sambil Belajar Malaysia di bawah Program Multi budaya dan Agama ke Beijing dan Xinjiang di China yang dianjurkan oleh PABAM bersama dengan Dana Multi Kebudayaan dan Pendidikan Cheng Ho pada tahun 2008

Sumber: Gambar daripada PABAM

Gambar 8: Ketua Pendidikan Agama Buddha Poey Tiang Peow daripada PABAM menghadiri Perhimpunan Umum Besar Religions for Peace Asia atau Asian Conferences of Religions for Peace (ACRP) Yang Ketujuh di University of Santo Thomas, Espana, Manila di pada tahun 2008

Sumber: Gambar daripada PABAM

Gambar 9: Pada 18 Julai 2009, PABAM telah menghantar Ketua Pendidikan Agama Buddhanya Poey Tiang Peow sebagai penceramah Ajaran Konfusius di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak, Malaysia. Sumber: Gambar daripada Poey Tiang Peow

Gambar 10: Poey Tiang Peow Seminar Antarabangsa Agama dan Process Pembinaan Keamanan di Asean atau International Seminar on Religion and Peacebuilding Process in Asean yang diadakan di hotel Sukosol, Bangkok, Thailand.
Sumber: Gambar daripada Poey Tiang Peow

Gambar 11: Pusat Pendidikan dan Kebudayaan Lujiang di China.
Sumber: Gambar daripada Pusat Pendidikan dan Kebudayaan Lujiang di China

Gambar 12: Ahli-ahli sukarelawan rombongan lawatan sambil belajar ke Lujiang, China; Jimmy Ng Keng Joo selaku ketua eksekutif Namfat Corporation Berhad dan ahli-ahli rombongannya terdiri daripada para pemimpin agama, badan-badan komuniti Cina sama ada di Malaysia, China, Singapore, Indonesia mahupun Australia.
Sumber: Gambar daripada Poey Tiang Peow

Gambar 13: Pendidikan tradisi Tionghua yang mengutamakan etika dan moral.
Sumber: Gambar daripada Pusat Pendidikan dan Kebudayaan Lujiang di China

Gambar 14: Pada tarikh 29-31 Disember 2002, PABAM menganjurkan Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan Yang Kedua di Malaysia yang bertempat di Seremban Kampung Amitabha, Negeri Sembilan.
Sumber: Gambar daripada PABAM

Gambar 15: Pada tarikh 2-3 Disember 2006, PABAM menganjurkan Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan Yang Ketiga di Malaysia yang bertempat di Kuala Lumpur, di Persatuan Agama Buddha Amitabha Malaysia.
Sumber: Gambar daripada PABAM

Gambar 16: Pada 6-7 November 2010, PABAM bersama dengan Persatuan Agama Buddha Amitabha Perak menganjurkan Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan Yang Kelima di Malaysia
Sumber: Gambar daripada PABAM

Gambar 17: Pada 13-14 Oktober 2012, PABAM telah menganjurkan Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan di Malaysia yang Keenam yang diadakan di Chung Hua Cultural Education Center (M) Berhad yang terletak di Seri Kembangan, Selangor.

Sumber: Gambar daripada PABAM

Gambar 18: Pada 13-14 Oktober 2012, PABAM telah menganjurkan Majlis Persahabatan Persatuan-Persatuan Agama Buddha Amitabha Peringkat Kebangsaan di Malaysia yang Keenam

yang diadakan di Chung Hua Cultural Education Center (M) Berhad yang terletak di Seri Kembangan, Selangor. Ketua Pendidikan Agama Buddha PABAM Poey Tiang Peow (Kanan Pertama) telah melaporkan hasil pembelajaran dan pengajaran Pendidikan Agama Buddha di PABAM.

Sumber: Gambar daripada PABAM

Gambar 19: Bengkel Kerja Program Latihan Khidmat Negara Tahun 2006 Yang Pertama Berperingkat Kebangsaan pada 25-26 November 2006, yang dianjurkan oleh PABAM.

Sumber: Gambar daripada PABAM

Gambar 20: PABAM telah mengadakan program latihan guru untuk kursus Pengenalan Kepada Agama Buddha kepada para guru di Kampung Amitabha, Kuala Pilah pada 9-11 Mac 2007
Sumber: Gambar daripada PABAM

Gambar 21: Program latihan guru untuk kursus Pengenalan Kepada Agama Buddha kepada paru guru baru oleh PABAM di Rumah Berhala PersatuanAmitabha Perak yang terletak di Ipoh, Perak pada tarikh 8-10 Jun 2007

Sumber: Gambar daripada PABAM



Gambar 22: Upacara Bersujud Tahunan dilakukan oleh para pelajar penganut Buddha tanpa mengira factor umur dan jantina.
Sumber: Gambar daripada Poey Tiang Peow

Gambar 23: Pada tarikh 3-4 September 2011, PABAM bersama dengan 14 buah PPABA di zon tengah Semenanjung Malaysia telah menganjurkan Upacara Doa Mahaguru Zhong Feng Tiga Tempoh sepanjang masa menyebut nama Buddha Amitabha dan berzikir kepada Buddha Amitabha di Stadium Dalaman Bukit Jalil, Kuala Lumpur.
Sumber: Gambar daripada Poey Tiang Peow